

ANALISIS BERITA KONFLIK LAHAD DATU TAHUN 2013
BERDASARKAN TEORI SISTEMIK-FUNGSIONAL

NORHAFIZAH MOHAMED HUSIN

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2022

**ANALISIS BERITA KONFLIK LAHAD DATU TAHUN 2013
BERDASARKAN TEORI SISTEMIK-FUNGSIONAL**

NORHAFIZAH MOHAMED HUSIN

**TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI IJAZAH KEDOKTORAN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2022

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: NORHAFIZAH MOHAMED HUSIN	
No. Pendaftaran/Matrik:	THA13008/17012423/1
Nama Ijazah:	IJAZAH KEDOKTORAN LINGUISTIK
Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/ Disertasi/ Tesis ("Hasil Kerja Ini"):	ANALISIS BERITA KONFLIK LAHAD DATU TAHUN 2013 BERDASARKAN TEORI SISTEMIK- FUNGSIONAL
Bidang Penyelidikan:	ANALISIS WACANA

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja Ini.
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini.
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja Ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain.
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja Ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja Ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM.
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja Ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:	Tarikh: 30 NOVEMBER 2022
--------------------	--------------------------

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:	Tarikh: 30 NOVEMBER 2022
Jawatan: PENYELIA	

ANALISIS BERITA KONFLIK LAHAD DATU TAHUN 2013 BERDASARKAN TEORI SISTEMIK-FUNGSIONAL

ABSTRAK

Kajian ini merupakan analisis linguistik mengenai konflik yang berlaku di Lahad Datu, Sabah pada tahun 2013, seperti yang dilaporkan dalam *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *Utusan Borneo* dan *The New Sabah Times*. Dengan menggunakan arkib berita dalam talian, kajian kuantitatif dan kualitatif ini bertujuan mengenal pasti unsur-unsur bahasa yang menggambarkan konflik, memetakan tipologinya, dan melihat perbezaan pelaporan konflik oleh setiap akhbar bagi menggambarkan peristiwa tersebut. Daripada unsur-unsur bahasa yang ditemui dalam korpus kajian, konflik Lahad Datu boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu peristiwa konflik, dan pengurusan dan penyelesaian konflik. Peristiwa konflik melibatkan konflik jenis verbal dan jenis fizikal bersenjata. Dengan menggunakan analisis transitiviti Teori Sistemik-Fungsional oleh Halliday (1981, 1985), konsep-konsep konflik verbal diungkapkan oleh hipernim *hina*, *lekeh*, *nafi*, *bohong*, *tuduh*, *bantah*, *amaran* dan *andaian*. Konflik fizikal bersenjata digambarkan dengan merujuk *Manusia* sebagai *Pelaku Nyata*, *Pelaku Tersembunyi* dan *Penderita*, *Peristiwa konflik*, *Suasana dan kesan* yang terbit daripada konflik, *Kaedah konflik* dan *Akibat konflik*. Pengurusan konflik diungkapkan oleh hipernim *Taktik* termasuklah yang dinyatakan secara verbal, *Sikap* dan *Tindakan*, manakala penyelesaian konflik timbul daripada inisiatif sehalu dan dua hala, berserta gencatan senjata yang berlangsung dalam tempoh tertentu sehinggalah akhirnya perdamaian dapat dicapai antara dua pihak dalam konflik. Hipernim dalam kategori-kategori konflik yang dinyatakan di atas mempunyai makna asas dan makna terbitan. Bagi menentukan persamaan dan perbezaannya, pendekatan Asmah (2013), berdasarkan teori Lehrer (1974) diterapkan. Hubungan hipernim-hiponim ini menjadi asas kepada pemetaan tipologi konflik Lahad Datu. Kepelbagaian tafsiran oleh akhbar yang berbeza dalam pelaporan berita konflik jelas dilihat daripada pilihan kata dan struktur tematik klausa. Kesimpulannya, penerapan Teori Sistemik-Fungsional dan kerangka metodologi yang dipilih, sesuai digunakan untuk mengkaji konflik seperti yang berlaku di Lahad Datu ini.

Kata kunci: *konflik, konsep konflik, tipologi, tafsiran*

NEWS ANALYSIS OF LAHAD DATU CONFLICT IN 2013 BASED ON SYSTEMIC-FUNCTIONAL THEORY

ABSTRACT

This study offers a linguistic analysis of the conflict which occurred in Lahad Datu, Sabah in 2013, as reported in *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *Utusan Borneo* and *The New Sabah Times*. Using an online news archive, this quantitative and qualitative study aims to identify language elements which portray the conflict, and to map its typology, as well as to see the differences in conflict reporting in each newspaper in their portrayal of the event. From language elements found in the research corpus, the Lahad Datu conflict may be divided into two main categories, namely conflict events on the one hand, and conflict management and resolution on the other. The events entail verbal and armed physical types of conflict. Using Halliday's Systemic-Functional transitivity analysis (1981, 1985), the concepts in verbal conflict are expressed in hypernyms such as *hina*, *lekeh*, *nafi*, *bohong*, *tuduh*, *bantah*, *amaran* and *andaian*. Armed physical conflict is portrayed by reference to Manusia as *Pelaku Nyata*, *Pelaku Tersembunyi* and *Penderita*, *Peristiwa Konflik*, *Suasana dan kesan* arising from the fighting, *Kaedah konflik* and *Akibat konflik*. Conflict management is expressed in hypernyms of *Taktik* including those expressed verbally, *Sikap* and *Tindakan*, while conflict resolution appears unidirectionally as well as bidirectionally, with ceasefires for specified lengths of time until finally peace is achieved between the two sides in conflict. Hypernyms in the categories mentioned above have their basic meanings as well derived ones. In determining these two types of meaning in similarity and contrast, Asmah's (2013) approach, based on Lehrer's theory of 1974, is applied. The hypernym-hyponym relationship provides a mapping of the typology of the Lahad Datu conflict. The variations in the interpretations of the different newspapers in their reporting are apparent in their choices of words and structures of thematic clauses. In conclusion, the application of the systemic-functional theory and methodological framework is relevant for research on conflict such as the one in Lahad Datu.

Kata kunci: *conflict*, *concept of conflict*, *typology*, *interpretation*

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

Guruku suluh budiman, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Hajah Asmah binti Haji Omar, yang dengan tulus membimbing dan menyelia kajian ini, semua pensyarah yang telah memberikan ilmu, Dewan Bahasa dan Pustaka yang membiayai tempoh tiga tahun pengajian, Dekan dan Timbalan Dekan Pejabat Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa dan Linguistik, rakan-rakan yang memberikan pandangan dan cadangan secara langsung mahupun tidak langsung, barisan pengurusan dan kakitangan pejabat ijazah tinggi, Fakulti Bahasa dan Linguistik, kakitangan Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Perpustakaan Universiti Malaya dan Pusat Dokumentasi Melayu, DBP dan keluarga yang sentiasa memahami dan memberikan sokongan.

SENARAI KANDUNGAN

BAB 1: LATAR BELAKANG SEJARAH KONFLIK LAHAD DATU

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar peristiwa yang dikaji	1
1.2.1	Latar peristiwa pencerobohan Lahad Datu, Sabah 2013	2
1.2.2	Latar belakang sejarah tuntutan Filipina ke atas Sabah	3
1.2.2.1	Hubungan Kesultanan Sulu dengan kerajaan lain	4
1.2.2.2	Tuntutan terhadap Borneo Utara/Sabah	11
1.2.2.3	Implikasi penubuhan Malaysia terhadap tuntutan	19
1.3	Rumusan	29

BAB 2: PERNYATAAN MASALAH, OBJEKTIF, SOALAN KAJIAN DAN KEPENTINGAN TESIS

2.1	Pendahuluan	30
2.2	Penyataan Masalah	30
2.2.1	Laporan berita dan kepelbagaian tafsiran	31
2.2.2	Penggunaan bahasa dalam mengungkapkan konflik	38
2.2.2.1	Pemilihan kata dalam mentafsir konflik	38
2.2.2.2	Pemilihan kata dalam menjaga kepentingan diri pihak-pihak yang terlibat dalam konflik seperti negara, institusi dan sebagainya yang merupakan balasan kepada (2.2.2.1)	43
2.2.2.3	Pemilihan kata sebagai maklum balas kepada (2.2.2.2)	45
2.3	Objektif kajian	46
2.4	Soalan kajian	47
2.5	Penjelasan konsep	47
2.5.1	Fungsi bahasa	47
2.5.2	Konflik	50
2.5.3	Tafsiran	53
2.5.4	Konteks	54
2.6	Batasan kajian	57
2.7	Kepentingan kajian	57
2.8	Rumusan	58

BAB 3: TINJAUAN KAJIAN

3.1	Pendahuluan	59
3.2	Tinjauan kajian semantik leksikal	60
3.3	Tinjauan kajian semantik wacana	70
3.3.1	Pengungkapan konflik	70
3.3.2	Pengungkapan pengurusan dan penyelesaian konflik	79

3.4	Perbincangan	80
3.5	Rumusan	87

BAB 4: METODOLOGI DAN TEORI

4.1	Pendahuluan	88
	4.2.1 Kaedah linguistik korpus	88
	4.2.2 Data korpus	88
	4.2.3 Korpus kajian	89
	4.2.3.1 Akhbar nasional	90
	4.2.3.2 Akhbar tempatan Sabah	91
	4.2.4 Korpus umum	91
4.3	Pengumpulan dan penyediaan korpus kajian	93
4.4	Penyediaan senarai kata leksikal utama konflik	94
	4.4.1 Analisis kata leksikal konflik	95
4.5	Analisis data	95
	4.5.1 Analisis makna leksikal dan Teori Medan Makna	96
	4.5.2 Analisis makna wacana dan Teori Linguistik Sistemik-Fungsional	100
	4.5.2.1 Jenis-jenis Proses	103
4.6	Kerangka analisis	108
4.7	Contoh analisis	109
	4.7.1 Analisis makna leksikal	100
	4.7.1.1 Analisis medan makna kata leksikal konflik	100
	4.7.1.2 Analisis medan makna kata leksikal pengurusan dan penyelesaian konflik	111
	4.7.2 Analisis makna wacana	111
	4.7.3 Rumusan contoh analisis	113
4.8	Rumusan	114

BAB 5: UNSUR BAHASA DALAM KONFLIK

5.1	Pendahuluan	115
5.2	Bentuk-bentuk kata konflik	115
	5.2.1 Kata nama	117
	5.2.1.1 Kata nama Hasil Perbuatan	119
	5.2.1.2 Kata nama menunjukkan Pelaku	121
	5.2.1.3 Kata nama menerangkan Perbuatan	122
	5.2.1.4 Kata nama menunjukkan Sifat	122
	5.2.2 Kata kerja	123
	5.2.2.1 Perbuatan sengaja	124
	5.2.2.2 Perbuatan menyebabkan	126
	5.2.2.3 Perbuatan luar sendiri	127
	5.2.3 Kata sifat	128
5.3	Rumusan	130

BAB 6: KONSEP KONFLIK VERBAL DAN TIPOLOGINYA

6.1	Pendahuluan	131
6.2	Pengungkapan konsep konflik verbal	131
6.3	Konsep-konsep konflik verbal dalam konflik Lahad Datu	134
6.3.1	Konsep hina	134
6.3.2	Konsep lekeh	139
6.3.3	Konsep nafi	143
6.3.4	Konsep bohong	145
6.3.5	Konsep tuduh	146
6.3.6	Konsep bantah	148
6.3.7	Konsep amaran	150
6.3.8	Konsep andaian	151
6.4	Senjata verbal	151
6.5	Perbincangan	152
6.6	Tipologi konflik verbal Lahad Datu	154
6.7	Rumusan	155

BAB 7: KONSEP KONFLIK FIZIKAL DAN TIPOLOGINYA: LATAR DAN PEWUJUDAN

7.1	Pendahuluan	156
7.2	Pengungkapan konsep konflik fizikal	156
7.2.1	Manusia sebagai pemegang peranan dalam konflik	157
7.2.1.1	Pelaku Nyata	157
7.2.1.2	Pelaku Tersembunyi	163
7.2.1.3	Penderita	165
7.2.2	Peristiwa konflik	166
7.2.3	Suasana dan kesan konflik	169
7.2.4	Kaedah konflik	172
7.2.5	Akibat konflik	177
7.3	Perbincangan	180
7.4	Tipologi konflik fizikal bersenjata Lahad Datu	182
7.5	Rumusan	182

BAB 8: PENGURUSAN DAN PENYELESAIAN KONFLIK BERSERTA TIPOLOGINYA

8.1	Pendahuluan	184
8.2	Asas pembahagian kategori pengurusan dan penyelesaian konflik	184
8.3	Pengurusan konflik	185
8.3.1	Konsep-konsep pengurusan konflik	186
8.3.1.1	Taktik	187
8.3.1.2	Taktik verbal	190
8.3.1.3	Sikap	192

	8.3.1.4 Tindakan	194
8.4	Penyelesaian konflik	202
	8.4.1 Konsep-konsep penyelesaian konflik	202
	8.4.1.1 Sehalu	203
	8.4.1.2 Dua hala	207
	8.4.1.3 Damai sementara/kekal	210
	8.4.1.4 Tindakan	211
8.5	Perbincangan	213
8.6	Tipologi pengurusan dan penyelesaian konflik Lahad Datu	216
8.7	Rumusan	216

BAB 9: PENGGAMBARAN KONFLIK DALAM WACANA

9.1	Pendahuluan	217
9.2	Jenis-jenis Proses	218
9.3	Proses-Proses dalam konflik Lahad Datu	219
	9.3.1 Pengungkapan Proses Material	220
	9.3.1.1 Proses Material <i>ceroboh</i>	221
	9.3.2 Pengungkapan Proses Mental	227
	9.3.2.1 Proses Mental <i>sedih</i>	228
	9.3.3 Pengungkapan Proses <i>Relational</i>	231
	9.3.3.1 Proses Relational <i>adalah</i>	232
	9.3.4 Pengungkapan Proses <i>Behaviourial</i>	236
	9.3.4.1 Proses <i>Behaviourial bertenang</i>	239
	9.3.5 Pengungkapan Proses Verbal	241
	9.3.5.1 Proses Verbal <i>kutuk</i>	241
	9.3.5.2 Proses Verbal <i>mengutuk</i>	245
	9.3.6 Pengungkapan Proses Eksistensial	245
	9.3.6.1 Proses Eksistensial <i>ada</i>	251
9.4	Perbincangan	254
9.5	Rumusan	259

BAB 10: KESIMPULAN

10.1	Pendahuluan	261
10.2	Dapatan kajian	261
	10.2.1 Unsur-unsur bahasa yang menggambarkan konflik	261
	10.2.2 Penggambaran konflik Lahad Datu	262
	10.2.2.1 Penggambaran peristiwa konflik	263
	10.2.2.2 Penggambaran pengurusan dan penyelesaian konflik	265
	10.2.3 Tipologi Konflik Lahad Datu	266
10.3	Kecenderungan membuat tafsiran konflik Lahad Datu yang berbeza-beza antara akhbar	269
	10.3.1 Perbezaan penggunaan unsur-unsur bahasa	270

10.3.1.1	Perbezaan tafsiran konflik antara akhbar Nasional dengan akhbar tempatan Sabah	272
10.3.2	Perbezaan susunan dan rangkaian unsur-unsur bahasa dalam struktur tematik klausa	273
10.4	Kesesuaian metodologi yang digunakan	274
10.5	Memenuhi kepentingan kajian	275
10.6	Dapatan lain	277
10.7	Sumbangan kajian	279
10.8	Cadangan kajian lanjutan	281
10.9	Kesimpulan	282

Universiti Malaya

Senarai Rajah

BIL.	RAJAH		HLM.
1.	Rajah 1.1	Peta wilayah pajakan British	9
2.	Rajah 1.2	Peta wilayah kebangsaan Filipina dalam Perlembagaan 1935 dan 1946	18
3.	Rajah 4.1	Proses transitiviti	94
4.	Rajah 4.2	Jenis-jenis Proses	95
5.	Rajah 4.3	Kerangka analisis kajian	100
6.	Rajah 6.1	Tipologi konflik verbal Lahad Datu	146
7.	Rajah 7.1	Tipologi konflik fizikal bersenjata Lahad Datu	172
8.	Rajah 8.1	Tipologi pengurusan dan penyelesaian konflik Lahad Datu	204
9.	Rajah 10.1	Unsur bahasa yang menjadi isi penting bagi menggambarkan konflik	246
10.	Rajah 10.2	Tipologi konflik Lahad Datu	251

Senarai Jadual

BIL.	JADUAL	JUDUL	HLM.
1.	Jadual 4.1	Korpus kajian	93
2.	Jadual 4.2	Korpus umum	93
3.	Jadual 4.3	Penggunaan kata leksikal <i>tembak</i> dalam akhbar <i>UM</i>	111
4.	Jadual 5.1	Senarai kata leksikal utama dalam laporan berita konflik	116-117
5.	Jadual 5.2	Senarai kata nama dalam konflik	118-119
6.	Jadual 5.3	Senarai kata kerja perbuatan dalam konflik	123-124
7.	Jadual 6.1	Senarai hipernim-hiponim kata leksikal konflik verbal berserta tindakan dan Pelaku/Penderitanya	132-133
8.	Jadual 6.2	Komponen makna bagi konsep <i>hina</i>	138
9.	Jadual 6.3	Komponen makna bagi konsep <i>lekeh</i>	142
10.	Jadual 6.4	Komponen makna bagi konsep <i>nafi</i>	144
11.	Jadual 6.5	Komponen makna bagi konsep <i>bohong</i>	146
12.	Jadual 6.6	Komponen makna bagi konsep <i>tuduh</i>	148
13.	Jadual 6.7	Komponen makna bagi konsep <i>bantah</i>	149
14.	Jadual 6.8	Komponen makna bagi konsep <i>amaran</i>	150
15.	Jadual 6.9	Komponen makna bagi konsep <i>andaian</i>	151
16.	Jadual 7.1	Komponen makna Pelaku Nyata	162
17.	Jadual 7.2	Komponen makna Pelaku Tersembunyi	164
18.	Jadual 7.3	Komponen makna Penderita	165
19.	Jadual 7.4	Komponen makna Peristiwa Konflik	169
20.	Jadual 7.5	Komponen makna Suasana dan kesan konflik	171
21.	Jadual 7.6	Komponen makna Tindakan konflik	177

22.	Jadual 7.7	Komponen makna Akibat konflik	180
23.	Jadual 8.1	Senarai kata leksikal pengurusan konflik	185-186
24.	Jadual 8.2	Komponen makna hipernim Taktik	189-190
25.	Jadual 8.3	Komponen makna hipernim Taktik verbal	192
26.	Jadual 8.4	Komponen makna hipernim Sikap	193
27.	Jadual 8.5	Komponen makna hipernim Tindakan	201
28.	Jadual 8.6	Senarai kata leksikal penyelesaian konflik	202
29.	Jadual 8.7	Komponen makna penyelesaian Sehalu	206
30.	Jadual 8.8	Komponen makna penyelesaian Dua hala	210
31.	Jadual 8.9	Komponen makna penyelesaian melalui Tindakan	213
32.	Jadual 9.1	Proses yang kerap berlaku dalam laporan berita konflik	219-220
33.	Jadual 9.2	Perbandingan elemen klausa Proses Material <i>ceroboh</i> antara akhbar	254
34.	Jadual 9.3	Perbandingan elemen klausa Proses Mental <i>sedih</i> antara akhbar	255
35.	Jadual 9.4	Perbandingan elemen klausa Proses Relational <i>adalah</i> antara akhbar	256
36.	Jadual 9.5	Perbandingan elemen klausa Proses Behaviourial <i>bertenang</i> antara akhbar	256
37.	Jadual 9.6	Perbandingan elemen klausa Proses Verbal <i>kutuk</i> antara akhbar	257
38.	Jadual 9.7	Perbandingan elemen klausa Proses Eksistensial <i>ada</i> antara akhbar	258

Senarai Simbol dan Singkatan

BIL.	SIMBOL/SINGKATAN	KETERANGAN
1.	UM	Akhbar <i>Utusan Malaysia</i>
2.	BH	Akhbar <i>Berita Harian</i>
3.	UB	Akhbar <i>Utusan Borneo</i>
4.	NST	Akhbar <i>The New Sabah Times</i>

Universiti Malaysia

Senarai Lampiran

BIL.	LAMPIRAN	HLM
1.	Senarai lengkap janaan kata korpus kajian berserta bilangan kekerapannya	i-ixxii

Universiti Malaya

BAB 1: LATAR BELAKANG SEJARAH KONFLIK LAHAD DATU

1.1 Pengenalan

Setiap konflik yang berlaku mempunyai fakta dan peristiwa yang menjadi pencetusnya. Kedua-dua perkara ini merupakan unsur utama yang membantu dalam memahami sesuatu konflik. Pihak-pihak yang berkonflik terutamanya bagi konflik yang berlaku dalam tempoh yang lama, tentunya mempunyai interpretasi terhadap fakta konflik mengikut prinsip dan pemahaman masing-masing. Interpretasi tersebut diulang-ulang dan disebarkan dalam pelbagai wacana. Semakin lama sesuatu konflik berpanjangan, semakin sukar untuk mengetahui sejarahnya yang sebenar akibat pengulangan interpretasi yang berat sebelah dan propaganda yang berterusan, dan menyukarkan pengendalian dan penyelesaian sesuatu konflik (Schultz, 2003). Konflik pencerobohan sekumpulan warga Filipina di daerah Lahad Datu, Sabah pada tahun 2013 yang melibatkan hubungan tiga pihak, iaitu Malaysia, Filipina dan waris Sultan Sulu juga tidak terkecuali daripada melalui keadaan konflik yang seperti ini.

1.2 Latar peristiwa yang dikaji

Bagi memahami konflik yang dikaji, latar belakang yang berkaitan dengannya dijelaskan dalam dua bahagian yang berikut:

1.2.1 latar peristiwa Pencerobohan Lahad Datu, Sabah 2013

1.2.2 latar belakang sejarah tuntutan Filipina ke atas Sabah

1.2.1 Latar peristiwa Pencerobohan Lahad Datu 2013

Peristiwa pencerobohan sekumpulan individu yang mendakwa diri mereka sebagai Tentera Diraja Kesultanan Sulu berlaku pada 9 Februari 2013, di Felda Sahabat 17, Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah. Peristiwa tersebut berlaku secara tiba-tiba dan menggemparkan negara. Semenjak peringkat awal pencerobohan, kerajaan Malaysia sentiasa mengambil pendekatan diplomatik dalam menangani pencerobohan berkenaan (“Keadaan di Lahad Datu terkawal, kerajaan pilih berunding – PM,” 2013; “Rundingan dengan kumpulan penceroboh di Lahad Datu dijangka ditamatkan segera – KPN,” 2013).

Oleh kerana Kesultanan Sulu adalah sebahagian daripada wilayah Republik Filipina, pada 25 Februari 2013, Presidennya, Benigno S. Aquino III memberi kenyataan dari Istana Malacanang, yang disiarkan teksnya secara rasmi di laman www.gov.ph.¹ Dalam kenyataan tersebut, beliau menggesa kumpulan yang berkenaan supaya keluar dari Sabah secara aman dan menyelesaikan kekusutan yang berlaku mengikut lunas undang-undang negara itu. Kapal bantuan kemanusiaan milik negara itu juga diletakkan dalam keadaan siap sedia berhampiran perairan Lahad Datu untuk memberi bantuan perubatan dan membawa mereka pulang ke Filipina dengan selamat.

Bagaimanapun, usaha diplomasi Malaysia dan gesaan Presiden Aquino itu tidak membuahkan hasil. Keadaan menjadi semakin tegang apabila pada 1 Mac 2013, kejadian tembak menembak berlaku buat pertama kalinya, antara kumpulan tersebut dengan pasukan keselamatan negara, yang menyebabkan seorang tentera Malaysia terbunuh dan tiga orang

¹ <http://www.gov.ph/2013/02/26/statement-of-president-aquino-on-the-sabah-incident-february-26-2013/>

lagi cedera. Ketegangan ini berlanjutan sehingga membawa kepada pelaksanaan Ops Daulat oleh kerajaan Malaysia (Mohd Faizal Musa, 2013). Operasi tersebut dilancarkan pada jam 7 pagi waktu Malaysia, 5 Mac 2013 (“Kronologi pencerobohan pantai timur Sabah,” 2013; Op Daulat: Bunyi letupan bom kedengaran,” 2013), diikuti dengan tindakan penggeledahan dan pembersihan yang membawa kepada 68 orang penceroboh ditembak mati, 121 orang ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau *Security Offences (Special Measures) Act* (SOSMA), dan 443 yang lain ditahan atas pelbagai kesalahan. Lapan orang anggota polis dan dua orang anggota tentera Malaysia terkorban sepanjang tempoh konflik tersebut (*Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), 2013). Lanjutan daripada peristiwa pencerobohan ini, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah atau *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) dibentuk pada 7 Mac 2013 untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan kawasan sepanjang 1400 kilometer di pantai timur negeri Sabah. Kawasan tersebut bermula dari daerah Kudat di bahagian utara Sabah sehinggalah ke Tawau yang terletak di bahagian timur negeri itu. ESSZONE, iaitu *Eastern Sabah Security Zone* atau dalam bahasa Melayunya, Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah pula dibentuk pada 25 Mac 2013 sebagai tambahan kepada kekuatan ESSCOM.

1.2.2 Latar belakang sejarah tuntutan Filipina ke atas Sabah

Untuk memahami konflik yang berlaku, latar belakang yang membawa kepada teretusnya konflik tuntutan Filipina ke atas Sabah, diterangkan dalam tiga bahagian seperti di bawah:

- 1.2.2.1 hubungan Kesultanan Sulu dengan kerajaan lain
- 1.2.2.2 tuntutan terhadap Borneo Utara/Sabah
- 1.2.2.3 implikasi penubuhan Malaysia terhadap tuntutan

1.2.2.1 Hubungan Kesultanan Sulu dengan kerajaan lain

Daripada segi sejarah, Kesultanan Sulu mempunyai kaitan dengan kerajaan Brunei, Filipina, Sepanyol dan Britain.

(a) Hubungan Sulu-Brunei

Borneo Utara yang kini dikenali sebagai Sabah, pada awalnya merupakan sebahagian dari wilayah pemerintahan Kesultanan Brunei. Nama Sabah digunakan lebih awal, manakala nama *North Borneo* (Borneo Utara) digunakan setahun selepas itu. Nama 'Sabah' digunakan buat pertama kalinya dalam dokumen rasmi pada tahun 1877, iaitu dokumen pelantikan Gustavus Baron von Overbeck sebagai Maharaja Sabah oleh Sultan Brunei, Sultan Abdul Mumin yang bertarikh 29 Disember 1877 (Ranjit, 2003:3). Wilayah tersebut diberikan oleh Brunei kepada Sulu sebagai balasan pertolongan Sultan Shahbuddin (Sultan Sulu) kepada Sultan Muhyiddin (Sultan Brunei). Bantuan tersebut diberikan kepada Sultan Brunei dalam perang saudara perebutan takhta menentang sepupunya yang bernama Sultan Abdul Mubin (Noble, 1977:12). Perang saudara Brunei itu berlaku antara tahun 1661 sehingga tahun 1673 dan penyerahan wilayah Borneo Utara kepada Sulu berlaku pada tahun 1672 (Barrows, 1905:119-136). Ada sarjana yang menyatakan bahawa penyerahan ini berlaku pada tahun 1704 (Mohd Ariff, 1988: 64; Tregonning, 1970:22; Abdul Gani, 2013:13).

(b) Hubungan Sulu-Sepanyol-Britain

Pedagang British datang ke Kepulauan Sulu ketika kerajaan itu sedang berusaha mengusir keluar Sepanyol yang datang ke Filipina pada tahun 1565 dan menduduki Manila pada tahun 1571 (Barrows, 1905:136). Cubaan Sepanyol untuk menjajah kepulauan Sulu digagalkan dengan bantuan Belanda, menyebabkan Sepanyol kembali ke Manila pada tahun 1646

(Willis, 1922:40). Untuk mengimbangi pengaruh dan ancaman Sepanyol yang pada ketika itu berpangkalan di pusat pentadbirannya di Manila, Sulu menerima British dengan baik dan hubungan itu dimeterai dengan perjanjian perdagangan dan persahabatan pada 28 Januari 1761 (Willis, 1922:38). Melalui perjanjian berkenaan, Sultan Sulu menyerahkan tanah miliknya di Borneo Utara yang diperoleh dari Brunei sebagai balasannya dalam perang saudara 1661-1673 kepada Kompeni Hindia Timur Inggeris, bermula dari Sungai Kimanis hingga ke Sungai Kinabatangan (Nik Anuar, 2009:16; Mohd Ariff, 1988:10). Penyerahan tersebut termaktub dalam dua perjanjian, iaitu perjanjian Inggeris dengan Sultan Bantilan, iaitu Sultan Muizzuddin pada 12 September 1762 untuk memperoleh Balambangan, dan setahun kemudian, melalui perjanjian dengan Sultan Alimuddin II yang disahkan oleh Sultan Alimuddin I (Azimuddin), yang memberikan kawasan dan kepulauan di bahagian utara Borneo sehingga ke bahagian selatan Palawan kepada British.

Selepas kedua-dua perjanjian tersebut, pada 22 Januari 1763, Alexander Darymple, Timbalan Setiausaha Kompeni Inggeris membuka penempatan di Balambangan, sebuah pulau yang tidak berpenghuni, yang terletak di tengah-tengah laluan perdagangan China, Jawa, Manila dan Bugis (Sulawesi) (Warren,1981:10). Bagaimanapun, disebabkan pertikaian mengenai gaji, khidmat Darymple yang cemerlang digantikan oleh John Herbert yang kemudiannya memperkenalkan urus niaga opium secara besar-besaran di Asia Tenggara. Herbert yang tidak mempunyai kepakaran seperti Darymple menyebabkan Balambangan semakin merosot dan akhirnya ditinggalkan pada tahun 1805 (Noble, 1966: 12). Walaupun sudah meninggalkan Balambangan, Britain masih mengekalkan hak milik yang diperoleh daripada perjanjian tersebut. Pengekalan hak milik itu dapat dilihat apabila Britain mengemukakan

bantahan rasmi ketika Sepanyol cuba menduduki Pulau Balabak, pulau paling hampir dengan Borneo Utara selepas Balambangan ditinggalkan (Nik Anuar, 2009:16).


Pada tahun 1839, kekacauan berlaku di Sarawak akibat tentangan orang tempatan terhadap pentadbiran Pengiran Makota, Gabenor Brunei di Sarawak, yang diketuai oleh Datu Patinggi Ali. Bagi memperbaiki keadaan, Sultan Brunei, iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin menghantar bapa saudaranya, Raja Muda Hasim untuk menyelesaikan pertikaian (Sabihah et al, 1995:8; Mullen, 1960:40). Pada waktu itu James Brooke, bekas askar British tiba di Sarawak untuk menyampaikan hadiah dan ucapan terima kasih Gabenor British di Singapura, kepada Raja Muda Hasim yang telah menyelamatkan beberapa orang warga British yang karam di pesisir pantai Sarawak tidak lama sebelum itu. Brooke pulang ke Singapura dan singgah semula di Sarawak setahun kemudiannya dalam perjalanan beliau ke Manila dan China untuk pulang ke England (Runciman, 1960: 62). Disebabkan kekacauan yang masih berterusan, Raja Muda Hasim kemudiannya menawarkan Brooke untuk menjadi raja dan mentadbir Sarawak jika beliau dapat membantu menewaskan Datu Patinggi Ali dan pemberontak lainnya (Mullen, 1960:43). Tawaran tersebut dipersetujui. Setelah pemberontak tewas, Brooke mula mentadbir Sarawak dengan membebaskan hamba dan banduan, mendirikan mahkamah, mengasaskan sistem timbangan, sukatan dan matawang, dan membina kubu untuk melindungi bandar Kuching daripada musuh dan lanun. Memandangkan Sarawak merupakan jajahan takluk Brunei, Brooke kemudiannya menemui Sultan Brunei pada tahun 1842 dan membuat perjanjian yang membenarkan beliau mentadbir Sarawak dengan bayaran 2,500 dolar setahun kepada Brunei. Di bawah pentadbiran Raja Brooke, Kuching menjadi bandar perdagangan terbesar di Sarawak dan menjadi saingan Brunei.

Pada 27 Mei 1847, Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan antara Brunei dengan British yang diwakili oleh James Brooke telah ditandatangani, bagi memudahkan urusan perdagangan Inggeris di pesisir pantai Brunei (Sabihah et al, 1995:10). Perjanjian ini memberikan Labuan kepada Britain (Tregonning, 1960:22) dan melarang Sultan Brunei memindahkan hak milik Labuan atau mana-mana wilayah miliknya di Pulau Borneo tanpa persetujuan kerajaan British terlebih dahulu (Mohd Ariff,1988:10).

Pada tahun 1865, Sultan Brunei, Sultan Omar Ali bertindak membuat perjanjian yang serupa yang melibatkan sebahagian besar kawasan Borneo Utara dengan Claude Lee Moses, Konsul Besar Amerika dengan bayaran 9,000 setahun bagi tempoh 10 tahun dengan hak dan kuasa yang sama yang diperoleh British (Tregonning, 1958:5, Noble, 1977:21; Awang Mohd Jamil, 1997:49). Perjanjian tersebut dikatakan didorong oleh sikap James Brooke yang menggunakan perjanjian 1847 untuk menghapuskan penasihat-penasihat sultan. Selain untuk mengimbangi pengaruh James dan Charles Brooke di Sarawak, perjanjian dengan Amerika Syarikat itu juga bertujuan untuk mengatasi krisis hutang dan kewangan sultan pada waktu itu. Bagaimanapun, di pihak Brooke, Sultan Brunei dianggap telah melanggar perjanjian persahabatan antara mereka dengan memeterai perjanjian dengan kuasa lain tanpa keizinan British. Suasana tegang dan kebimbangan pihak British yang menganggap perjanjian antara Brunei dengan Amerika Syarikat tersebut sebagai ancaman kepada kepentingan British di Labuan dan Sarawak, mendorong Moses menyelamatkan konsesi tersebut dengan menjualnya kepada dua orang pedagang Amerika di Hong Kong, iaitu Joseph W. Torrey dan Thomas B. Harris, dan rakan kongsi mereka yang berbangsa Cina bernama Wo Hang (Tregonning, 1958:6). Pada bulan Oktober tahun yang sama, ketiga-tiganya menubuhkan

Syarikat *The American Trading Company of Borneo* untuk menguruskan konsesi berkenaan (Tregonning, 1958:6; Mohd Ariff, 1988:10).

Kesukaran kewangan, dan hasil usaha yang lambat dan tidak menguntungkan menyebabkan Torrey menjual konsesi tersebut kepada Baron von Overbeck, konsul Austria/Hungary di Hong Kong yang berbangsa Jerman, dan warga British, Alfred Dent pada bulan Januari 1877. Bagaimanapun, keengganan Sultan Brunei menandatangani pengesahan perjanjian jual beli antara Overbeck dan Dent dengan Torrey, menyebabkan Overbeck dan Dent menemui Sultan Brunei sendiri untuk membincangkan perkara tersebut. Hasil pertemuan itu, mereka memperoleh konsesi yang sama sekali baru, iaitu tanah dari Tanjung Gaya ke Tanjung Lutut, Pulau Gaya, Pulau Sepanggar dan pulau-pulau kecil dalam lingkungan 9 batu dari pantai hingga ke Papar dan Benoni dengan bayaran \$4000 setahun. Selain daripada wilayah tersebut, Sultan Brunei juga telah memajakkan tanah kepada Overbeck dan Dent dari Sungai Sulaman hingga ke Sungai Paitan dan Pulau Bangi dengan bayaran sebanyak \$6000 setahun, dan wilayah-wilayah Paitan, Sugut, Bangkaya, Labuk, Sandakan, Kinabatangan, Muming sehingga Sungai Sibuku (Mohd Ariff, 1988:11-12). Perjanjian 1878 berkenaan mengisytiharkan wilayah-wilayah tersebut sebagai milik Baron de Overbeck dan Alfred Dent, pengganti atau pewaris mereka selama yang mereka sukai dan ingin memegangnya, dan menetapkan bahawa kesemua pajakan yang diberikan akan mansuh jika wang pajakan tersebut tidak dibayar selama tiga tahun berturut-turut (Awang Mohd Jamil, 1997:50). Keseluruhan kawasan yang diperoleh British melalui perjanjian itu ditunjukkan dalam peta yang berikut:



Rajah 1.1: Peta wilayah pajakan British (Tregonning, 1958:19)

Pada masa yang sama, Brooke mendapati perjanjian pajakan antara Overbeck dan Dent dengan Sultan Brunei itu merupakan pelanggaran kepada perjanjian persahabatan yang ditandatangani pada tahun 1847. Beliau bertindak membuat aduan kepada William Hood Treacher, pentadbir British di Labuan. Akibat daripada aduan tersebut, pihak British campur tangan. Dengan jumlah modal yang semakin berkurangan dan campur tangan British, Overbeck telah menjual semua kepentingannya dalam Syarikat *The American Trading Company of Borneo* yang dimilikinya kepada Dent. Dengan penjualan tersebut, Alfred Dent menjadi pemilik tunggal konsesi. Beliau kemudiannya memindahkan semua kepentingan beliau dengan bayaran 120,000 pound untuk memperoleh Piagam Diraja bagi menubuhkan Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris (*North Borneo Chartered Company*) (Mohd Ariff, 1988: 16). Berikutan dengan kelulusan Piagam Diraja syarikat pada 1 November 1881,

semua hak pajakan Dent dipegang oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris dan ditadbir oleh William Hood Treacher dari Jabatan Perkhidmatan Awam Inggeris (Awang Mohd Jamil, 1997:51). Dengan tertubuhnya syarikat tersebut, sebarang tindakan berkaitan pindah milik, pemberian atau tauliah dan pertikaian antara syarikat dengan Sultan Brunei dan Sultan Sulu, mestilah dirujuk dan diserahkan kepada Setiausaha Negara British yang berkuasa membuat keputusan tentangnya (Mohd Ariff, 1988:17).

(c) Hubungan Sulu - Filipina

Kesultanan Sulu tidak pernah menjadi bahagian daripada wilayah Filipina (Mohd Ariff, 1988:63). Sebaliknya Filipina ialah 'pengganti kedaulatan sultan' sebagaimana yang dinyatakan dalam penghakiman Hakim Mahkamah Borneo, C.P.C. Macaskie di Mahkamah Jesselton pada 18 Disember 1939 (Mohd Ariff, 1988:87, Nik Anuar 2009:47-48). Hubungan antara Sulu dengan Filipina berlaku secara tidak langsung, melalui hubungan Sulu dengan Sepanyol, dan Sulu dengan Amerika Syarikat. Walaupun hubungan Sulu-Sepanyol telah terjalin melalui perjanjian persahabatan pada tahun 1747 dan 1805, Sepanyol tidak menunjukkan minat untuk mentadbir Sulu setelah percubaan untuk menjajah wilayah itu untuk menyebarkan agama Kristian dan mengurangkan pengaruh Brunei gagal pada tahun 1638.

Hanya selepas penyerahan konsesi oleh Sultan Brunei kepada Overbeck dan Dent pada tahun 1878, Sepanyol menunjukkan minat kepada Sulu termasuklah wilayah yang menjadi jajahan Sultan Sulu di Borneo Utara. Minat Sepanyol ini menerbitkan pertikaian antara Sepanyol dengan Kerajaan British dan berlanjutan sehingga termeterainya Protokol Madrid antara Britain, Jerman dan Sepanyol pada tahun 1885. Melalui protokol tersebut, Great Britain dan

Jerman mengiktiraf kedaulatan Sepanyol ke atas wilayah Sulu sehingga ke Palawan, manakala Sepanyol menarik balik tuntutan terhadap wilayah Sulu di Borneo Utara. Protokol tersebut meletakkan Borneo Utara di bawah pentadbiran *North Borneo Chartered Company* manakala Kepulauan Sulu dan keseluruhan kepulauan Filipina ditadbir oleh Sepanyol.

Semua hak kedaulatan ke atas wilayah Kepulauan Filipina dan Sulu yang dikuasai Sepanyol itu kemudiannya diserahkan kepada Amerika Syarikat dalam Triti 10 Disember 1898 dan 1900 (Abdul Gani, 2013:19-20; Mohd Ariff, 1988:59). Pada 22 Mac 1915 pula, Sultan Sulu, Sultan Jamalul Kiram II telah melepaskan segala kuasanya terhadap wilayah Sulu kepada Amerika Syarikat dalam Perjanjian Carpenter.² Semua perjanjian penyerahan kepada Amerika yang dimeterai ini tidak menyentuh sebarang hak kedaulatan Sultan Sulu di Borneo Utara (Mohd Ariff, 1988:66). Dengan demikian, apabila konvensyen persempadanan antara Amerika Syarikat dengan Great Britain ditandatangani pada tahun 1930, wilayah yang berkait dengan Sulu di Borneo Utara suatu masa dahulu, tidak termasuk di dalam pentadbiran Amerika Syarikat.³

1.2.2.2 Tuntutan terhadap Borneo Utara/Sabah

Perjanjian Carpenter telah memberi kesan buruk kepada pendapatan Sultan Badaruddin (Sulu). Baginda kemudiannya mengemukakan tuntutan kepada British supaya menambah jumlah bayaran wang penyerahan (*cession money*) tahunan mengikut pendapatan Syarikat

² <http://www.gov.ph/1915/03/22/philippine-claim-to-north-borneo-vol-i-memorandum-agreement-between-the-governor-general-of-the-philippine-islands-and-the-sultan-of-sulu/>

³ <http://www.gov.ph/1932/12/15/convention-between-the-united-states-of-america-and-great-britain-delimiting-the-boundary-between-the-philippine-archipelago-and-the-state-of-north-borneo-1930/>

Berpiagam Borneo Utara (*North Borneo Chartered Company*), mengubah bayaran wang penyerahan dari matawang *straits dollar* kepada *sterling pound*, meminta sebidang tanah pertanian di Sandakan, dan membina sebuah istana kediamannya di bandar tersebut. Bagaimanapun, kesemua tuntutan itu tidak berhasil dan menyebabkan sultan berhasrat mengambil semula wilayah Borneo Utara yang diserahkan oleh ayahandanya, Sultan Jamalul Alam (Azam) dalam Perjanjian 1878 dan 1903 (Nik Anuar, 2009:43). Perjanjian tahun 1903 itu dibuat khusus untuk menetapkan nama pulau-pulau yang tidak dinyatakan dalam Perjanjian 1878 yang ditandatangani sebelum itu (Abdul Gani, 2013:25).

Kemangkatan Sultan Sulu, Sultan Jamalul Kiram II pada 7 Jun 1936 telah meredakan isu tuntutan tersebut tetapi perbalahan keluarga pula tercetus bagi mencari pengganti dan pewaris bayaran tahunan daripada syarikat, memandangkan baginda tidak mempunyai zuriat lelaki. Perbalahan berlaku antara pihak-pihak yang mendakwa sebagai waris Sultan Sulu, iaitu Sultan Amilbansa (suami kepada Dayang-Dayang Haji Piandao), Sultan Abirrin, Sultan Esmail Kiram, Asaad Othman, Abraham Rasul, dan Datu Julaspi yang mendakwa sebagai satu-satunya anak Sultan Jamalul Kiram II (Nisperos, 2003:8). Akibat perebutan takhta antara waris-waris sultan, pada tahun 1936, kerajaan Filipina di bawah Presiden Manuel Luis Quezon mengambil keputusan untuk tidak lagi mengiktiraf kewujudan kesultanan tersebut. Keputusan tersebut dinyatakan dalam surat Konsul Besar *Britannic Majesty* kepada Gabenor Borneo Utara yang bertarikh 28 Julai 1936 (Abdul Gani, 2013:22) sebagaimana yang dipetik sebagai berikut:

... the Philipines Government had decided not to recognize the continued existence of the Sultanate...if the Mohammedan inhabitants of Sulu desired to choose a person as their own affair and the Government would not interfere in a religious matter, but the person chosen would be merely a private citizen so far as Philipines law was concerned... The pension which

had been paid to Sultan Kiram by the Philipines Government was personal to him and would certainly not be continued to anyone else...

(Nik Anuar, 2009:46).

Perbalahan pewaris *cession money* pula diselesaikan di Mahkamah Jesselton pada 18 Disember 1939 oleh Hakim Mahkamah Borneo, C.P.C. Macaskie dengan penetapan bahawa wang penyerahan akan dibayar kepada sembilan orang waris yang dipersetujui (Nik Anuar, 2009:48).⁴ Keputusan penghakiman tersebut menyatakan bahawa waris-waris yang tersebut merupakan waris peribadi sultan, bukan sebagai waris kedaulatan dan Kesultanan Sulu. Waris yang sah kepada Kesultanan Sulu ialah kerajaan Filipina seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Carpenter dan ditegaskan lagi dalam penghakiman di mahkamah yang sama, seperti di bawah:

It is abundantly plain that successors in sovereignty of the Sultan are the Government of the Philipines island, but Mr. de Leon contends that the decision of the Philipines Courts precludes that Government from asserting any claim to the cession monies. In my view this is correct. The Philipines Government allowed Sultan Jamalul Kiram to enjoy the cession monies as a private person since 1915, they have made no claim on his death and have by a judgement of a Philipines court recognized the right of the private heirs of the Sultan to receive the cession monies...

(Abdul Gani, 2013:100-101)

Pada tahun 1945, tuntutan terhadap Sabah timbul semula dengan sokongan beberapa orang senator termasuklah Diosdado Macapagal. Tuntutan bersifat rasmi kali ini melibatkan anggota pentadbiran kerajaan Filipina. Kempen tuntutan dimulakan dengan Resolusi Macapagal yang disepakati dalam sidang Kongres Republik Filipina pada 28 April 1950, diikuti oleh kelulusan *statut ex abundante cautela* pada tahun 1951 (Mohd Ariff, 1988:141;

⁴ Dayang-Dayang Hadji Piando Kiram, Putli Tarhata Kiram, Putli Sakinur In Kiram, Mora Napsa, Esmail Kiram, Datu Punjungan Kiram, Sitti Mariam Kiram, Sitti Rada Kiram, Sitti Putli Jahatu Kiram (Nik Anuar, 2009:48)

Fernandez, 2007:54).⁵ Bagaimanapun, resolusi berkenaan hanya diluluskan oleh Dewan Perwakilan, manakala Dewan Senat tidak memberikan sokongan (Nik Anuar, 2009:50).⁶ Tuntutan tersebut juga merupakan sebahagian daripada kempen Macapagal untuk menjadi presiden. Setelah berjaya memenangi kerusi presiden, tuntutan diteruskan bagi memenuhi janji-janji politiknya semasa kempen. Selain untuk tujuan politik, tuntutan tersebut juga digunakan untuk mengalihkan perhatian masyarakat daripada masalah-masalah dalaman yang sedang melanda Filipina pada waktu itu seperti masalah moral, sosial, jenayah keganasan dan masalah pergeseran antara rakyat tempatan dengan rakyat Amerika Syarikat, khususnya dalam sektor perniagaan tempatan (Corpuz, 1972:152).

Usaha Macapagal tidak berhasil dan diteruskan dengan lebih aktif oleh penggantinya, Presiden Ferdinand Marcos. Kempen Marcos bermula pada tahun 1961 melalui akhbar dan terbitan berkala, antaranya *Philippines Free Press*, *Daily Mirror*, *Manila Times* dan *Manila Chronicle* (Nisperos, 2003: 9-10), lobi oleh ahli perniagaan, keterlibatan ahli politik dan presiden, yang membawa kepada berlangsungnya pertemuan dengan pihak Britain dan Malaysia pada tahun 1963 (Tregonning, 1970:161). Setahun sebelumnya, pada tahun 1962, Resolusi Ramos telah disepakati oleh Kongres dan memberi kuasa kepada presiden republik itu untuk mengambil segala langkah dalam memperoleh kembali Borneo Utara (Mohd Ariff, 1988:142).⁷

⁵ *By way of extreme caution; as an added precaution*. Ditulis juga sebagai *ex audenti cautela* (Oxford Dictionary Online). Dokumen di <http://www.gov.ph/1963/01/28/philippine-claim-to-north-borneo-vol-i-ii-statement-at-the-opening-meeting-of-the-british-philippine-talks/>

⁶ Tuntutan rasmi Filipina terhadap Sabah buat pertama kali melalui keputusan House Resolution No. 42 yang menyatakan secara nyata bahawa waris Sultan Sulu mempunyai hak ke atas Borneo Utara dan memberi kuasa kepada Presiden Filipina untuk mengadakan rundingan untuk mengembalikan semula kedaulatan wilayah berkenaan (Paridah & Darusalam, 1992:556). Dokumen di <http://www.gov.ph/1950/04/28/philippine-claim-to-north-borneo-vol-i-concurrent-resolution-expressing-the-sense-of-the-philippines-that-north-borneo-belongs-to-the-heirs-of-the-sultan-of-sulu-and-to-the-ultimate-sovereignty-of/>

⁷ Dewan Perwakilan Filipina pada 24 April 1962 meluluskan sebulat suara supaya Presiden mengambil 'langkah perlu' selaras dengan undang-undang antarabangsa bagi memperoleh sebahagian wilayah di Pulau Borneo Utara dan wilayah yang berhampiran yang mempunyai

Asas tuntutan yang dibuat oleh Manila ini adalah berdasarkan perbezaan istilah '*padjak*' dalam perjanjian 1878 yang asal dalam tulisan Jawi berbahasa Melayu yang diterjemahkan menjadi '*cession*' dalam terjemahan versi Maxwell dan Gibson, dan diterjemah kepada "*lease...forever and until the end of time*" oleh Profesor Harold Conklin (Abdul Gani, 2013:27). Tuntutan Filipina ke atas Sabah/Borneo Utara juga melibatkan fakta-fakta yang berikut:

- (a) Berdasarkan dokumen-dokuman sejarah, Kesultanan dan Kerajaan Sulu tidak lagi wujud dan tidak diiktiraf di peringkat antarabangsa semenjak Perjanjian Carpenter 1915 (Abdul Gani, 2003:22). Keadaan ini dikukuhkan lagi dengan perisytiharan yang dibuat oleh Presiden Quezon selepas kemangkatan Sultan Jamal Al-Alam pada tahun 1936, yang menyatakan bahawa kerajaan Filipina secara rasminya tidak lagi mengiktiraf kewujudan Kesultanan Sulu dan bayaran pencen kepada sultan dihentikan (Tarling, 1978:346). Dengan perisytiharan tersebut, secara automatik Kesultanan Sulu tidak lagi memenuhi syarat dalam Artikel I Konvensyen Montevideo 1933 berkenaan Hak dan Tugas Negara yang menghendaki negara atau kesultanan sesebuah negara memenuhi syarat mempunyai penduduk tetap, mempunyai wilayah tertentu, mempunyai kerajaan dan berkeupayaan mengikat perhubungan dengan negara lain sebelum layak diiktiraf sebagai sebuah negara/kerajaan (Mohd. Ariff, 1988:85).⁸

kaitan dengan Filipina. Dewan Senat juga meluluskan resolusi ini (M.B.Khalid, 1965:147). Dokumen di <http://www.gov.ph/1962/04/24/philippine-claim-to-north-borneo-vol-i-ramos-resolution/>

⁸ *Montevideo Convention on the Rights and Duties of States*, 26 Disember 1933, dikuatkuasakan pada 26 Disember 1934.

(b) Penghakiman oleh Hakim Macaskie pada 18 Disember 1939 yang menyatakan bahawa Kesultanan Sulu telah diwariskan kepada Kerajaan Filipina dan waris yang menerima *cession money* merupakan waris peribadi Sultan sebagai individu, bukan sebagai waris kerajaan kesultanan tersebut, tidak dicabar oleh mana-mana daripada sembilan orang waris yang berkenaan. Hal ini menunjukkan bahawa waris-waris berkenaan bersetuju dengan kenyataan yang dinyatakan dalam teks penghakiman tersebut.

(c) Dalam rundingan antara kerajaan Filipina dengan British yang berlangsung di London pada 29 Januari 1963, wakil British, Encik Peter Thomas menyatakan bahawa British telah mentadbir Borneo Utara selama 84 tahun tanpa gangguan daripada Kerajaan Sulu atau Brunei (Nik Anuar, 2009:89). Menurut undang-undang pemilikan antarabangsa, pihak British kekal mempunyai hak milik preskriptif ke atas Borneo Utara kerana telah membuktikan keupayaannya mentadbir wilayah itu secara berterusan tanpa bantahan daripada mana-mana pihak selama lebih daripada lima puluh tahun (Mohd. Ariff, 1988:99). Hak milik preskriptif merupakan hak milik ambil alih (preskripsi) yang diperolehi sesuatu negara terhadap sesuatu wilayah dengan dua syarat yang berikut:

- (i) kegiatan negara yang mempreskripsi mestilah berterusan dan tidak diganggu.
- (ii) pelaksanaan kegiatan kerajaan yang mempreskripsi mesti dapat dijalankan dengan aman,

(Mohd. Ariff, 1988: 99-100).

Berdasarkan tempoh pentadbiran British di Borneo Utara yang lancar dan tidak terganggu, British telah memenuhi kedua-dua syarat tersebut dan memperolehi Borneo


Utara melalui cara yang sah yang diiktiraf oleh undang-undang antarabangsa (Nik Anuar, 2009:11).

(d) Dokumen-dokumen Perjanjian *Spanish Convention* 1885, *Treaty of Paris* 1898, *Washington Treaty* 1900, *Anglo-American Treaty* 1930, *Constitution of the Commonwealth of the Philipines* 1935 dan *Constitution of the Republic of the Philipines* 1947 merupakan dokumen yang terpakai dan diakui di peringkat antarabangsa yang menyatakan secara jelas sejarah wilayah yang terletak dalam pentadbiran Filipina.⁹ Dari tempoh termaktubnya perjanjian paling awal, iaitu Protokol Madrid pada tahun 1885 sehingga penetapan sempadan kerajaan Republik Filipina dalam dokumen perlembagaan negara itu sempena persediaannya untuk merdeka daripada Amerika Syarikat pada tahun 1935, tidak ada mana-mana pihak yang mempertikaikan sempadan berkenaan sehinggalah isu tersebut ditimbulkan semula pada zaman kepimpinan Macapagal dan Marcos pada tahun 1940-an hingga tahun 1960-an.

(e) Selaras dengan (d), *Article 1: The National Territory*, Perlembagaan Republik Filipina bertarikh 8 Februari 1935 menyebut secara jelas sempadan negara Filipina ditetapkan berdasarkan wilayah-wilayah yang dinyatakan dalam *Treaty of Paris* (10 Disember 1898), *Washington Treaty* (7 November 1930) dan *Anglo-American Treaty* (2 Januari

⁹ <http://www.gov.ph/1885/03/07/philippine-claim-to-north-borneo-vol-i-british-north-borneo-1885-protocol-of-1885/>, <http://www.gov.ph/1885/03/07/philippine-claim-to-north-borneo-vol-i-british-north-borneo-1885-protocol-of-1885/>, <http://www.gov.ph/1900/11/07/the-philippine-claim-to-a-portion-of-north-borneo-treaty-between-the-kingdom-spain-and-the-united-states-of-america-for-cession-of-outlying-islands-of-the-philippines-1900/>, <http://www.gov.ph/1932/12/15/convention-between-the-united-states-of-america-and-great-britain-delimiting-the-boundary-between-the-philippine-archipelago-and-the-state-of-north-borneo-1930/>, <http://www.gov.ph/constitutions/the-1935-constitution/>, <http://www.gov.ph/constitutions/1935-constitution-ammended/>

1930). Berdasarkan dokumen-dokumen perjanjian tersebut, wilayah di Borneo Utara bukanlah sebahagian daripada wilayah Republik Filipina. Penetapan persempadanan kebangsaan tersebut menunjukkan bahawa semenjak dari awal persediaannya untuk memperoleh kemerdekaan dari Amerika Syarikat, Filipina telah memperakukan bahawa wilayah di Borneo Utara bukanlah sebahagian daripadanya. Berdasarkan Bautista (2008:110), wilayah kebangsaan Filipina dalam perlembagaan tersebut adalah seperti yang berikut:



Rajah 1.2 : Peta wilayah kebangsaan Filipina dalam Perlembagaan 1935 dan 1946 (Bautista 2008:110)

Artikel yang menjelaskan persempadanan itu tidak diubah dalam pindaan Perlembagaan Filipina sempena kemerdekaan republik itu daripada Amerika Syarikat pada 4 Julai 1946,

dan pindaan perlembagaan yang berikutnya pada tahun 1947.

(f) Perintah Penyerahan yang dikeluarkan oleh British pada 10 Julai 1946 telah memindahkan secara rasmi Borneo Utara dan Labuan sebagai jajahan British, dan diletakkan di bawah perlindungan Diraja British. Perintah ini membatalkan Piagam Borneo Utara 1881 dan Protokol Madrid 1885. [10](#)

1.2.2.3 Implikasi penubuhan Malaysia terhadap tuntutan

Usaha menuntut Borneo Utara semakin giat dilakukan apabila hasrat penubuhan Persekutuan Malaysia dicadangkan oleh Malaya (Tanah Melayu). Cadangan penubuhan persekutuan itu disuarakan oleh Perdana Menteri Tanah Melayu, YM Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj, dalam majlis makan tengah hari Persatuan Penulis-penulis Luar Negeri Asia Tenggara pada 27 Mei 1961 (Milne, 1967:60; Mackie, 1974:37; Nik Anuar, 2009:63). Persekutuan Malaysia itu melibatkan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan kemungkinan besar akan melibatkan Brunei (Milne, 1967:60). Hasrat tersebut merupakan lanjutan daripada idea yang pertama kali dikemukakan dalam Persidangan UMNO tahun 1955, diikuti oleh lawatan Perdana Menteri ke Sarawak, Borneo Utara, Brunei dan Singapura pada bulan Januari 1961 (Abdul Gani, 2013:37).

Bagaimanapun, cadangan penubuhan persekutuan seumpama itu bukanlah suatu perkara yang baru. Pada bulan Februari 1894, Lord Brassey, pengarah Syarikat Borneo Utara British, pernah memberi cadangan untuk menggabungkan negeri-negeri di Borneo dengan Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat tetapi ditolak oleh pemegang saham syarikat

[10 http://www2.arkib.gov.my/hids/readarticle.php?article_id=6020](http://www2.arkib.gov.my/hids/readarticle.php?article_id=6020)

berkenaan (Milne, 1967:62, Runciman, 1960:195). Ketua Menteri Singapura yang pertama, David Marshall dan penggantinya, Tun Lim Yew Hock dan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew juga pernah menyatakan hasrat penyatuan atau penggabungan Tanah Melayu dengan Singapura sebelum itu, tetapi ditolak oleh Tanah Melayu (Milne, 1967:62).

Untuk mengetahui pandangan penduduk-penduduk di Borneo Utara dan Sarawak tentang gagasan Persekutuan Malaysia yang dicadangkan, kerajaan Tanah Melayu dan British bersetuju untuk membentuk Suruhanjaya Cobbold pada 17 Januari 1962.^{[11](#)} Laporan suruhanjaya didapati positif dan menunjukkan sokongan dan hasrat rakyat kedua-dua wilayah berkenaan untuk turut serta di dalam Persekutuan Malaysia.^{[12](#)} Laporan yang telah disahkan oleh perwakilan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu kemudiannya dikemukakan kepada kerajaan Tanah Melayu dan Britain pada 21 Jun 1962, dan disusuli dengan rundingan di London sebelum Perjanjian Malaysia ditandatangani.^{[13](#)}

Bagaimanapun, Filipina melihat cadangan tersebut sebagai ancaman terhadap usaha yang sedang dilakukannya untuk memperoleh kembali Borneo Utara dan republik itu didapati berusaha bersungguh-sungguh melewati-lewatkan pembentukan Malaysia (Tarling, 1978:344; Nik Anuar, 2009:92). Bimbang dengan kemungkinan akan kehilangan peluang untuk menuntut kembali Borneo Utara, salah seorang waris *cession money* Sultan Sulu, Putri Tarhata Kiram telah memfailkan petisyen merayu Kerajaan Filipina menyokong tuntutan mereka ke atas wilayah berkenaan (Nik Anuar, 2009:65). Tuntutan dibuat berdasarkan

¹¹ http://hids.arkib.gov.my/readarticle.php?article_id=7623

¹² http://hids.arkib.gov.my/readarticle.php?article_id=7045

¹³ http://hids.arkib.gov.my/readarticle.php?article_id=5758

dokumen penyerahan wilayah versi terjemahan bahasa Filipina yang ditandatangani pada bulan Januari 1878 oleh Sultan Sulu kepada Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris (Leifer,1968:421). Pada masa yang sama, Presiden Filipina didesak untuk mengambil kembali Borneo Utara melalui kempen-kempen dalam akhbar. Bagaimanapun, tuntutan tersebut ditolak oleh pihak British yang telah terlebih dahulu menghantar memorandum kepada Duta Filipina di London dan pentadbiran kerajaan Filipina di Manila, pada 25 Mei 1962. Memorandum tersebut menyatakan pendirian Britain terhadap kedaulatan Borneo Utara, dan kenyataan rasmi bahawa kerajaan tersebut tidak akan melayan sebarang tuntutan yang dikemukakan oleh Filipina mahupun waris Sultan Sulu (Nik Anuar, 2009:67). Presiden Macapagal telah menyatakan hasrat untuk membawa tuntutannya ke Mahkamah Pengadilan Antarabangsa (ICJ). Bagaimanapun, pada waktu itu Tengku Abdul Rahman menyatakan bahawa beliau hanya akan bersetuju dengan hasrat tersebut sekiranya Filipina dapat mengemukakan keterangan dan bukti yang munasabah dan meyakinkan seperti yang diminta oleh pihak British (Abdullah,1987:86).

Indonesia pada awalnya tidak menentang gagasan Persekutuan Malaysia. Surat Menteri Luarnya, Dr. Raden Subandrio kepada akhbar *New York Times* dalam bulan November 1961 dan kenyataannya dalam Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 November tahun yang sama (Abdullah, 1987:44) menunjukkan sokongan dan penerimaan Indonesia kepada gagasan tersebut. Bagaimanapun, sidang akhbar beliau pada 11 Februari 1963 merupakan titik permulaan kepada berubahnya pendirian Indonesia. Republik itu mengubah pendiriannya selepas menandatangani perjanjian berkaitan isu Irian Barat dengan Belanda pada bulan Ogos 1962 (Ling, 2008:6). Semenjak itu, idea Persekutuan Malaysia telah

ditentang oleh dua buah negara jiran, iaitu Indonesia dan Filipina (Milne, 1967:72; Mohd. Ariff, 1988:117).

Walaupun Tanah Melayu sudah menandatangani perjanjian pembentukan Persekutuan Malaysia antara Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura pada 9 Julai 1963, ruang perbincangan untuk mencari penyelesaian kepada kemelut diplomatik dengan Filipina dan Indonesia masih dikekalkan atas semangat serantau. Hasilnya, Persetujuan Manila (*Manila Accord*) ditandatangani pada 31 Julai 1963, manakala Deklarasi Manila ditandatangani pada 3 Ogos diikuti Persetujuan Bersama (*Joint Agreement*) pada 5 Ogos tahun yang sama. Dengan persetujuan itu, terbentuklah secara rasmi badan Perunding MAPHILINDO (Malaysia-Philippines-Indonesia) pada tahun tersebut, yang disifatkan oleh Presiden Sukarno sebagai ‘alat rundingan’ dan kejayaan diplomatik dan politik yang bersifat ‘simbolik’ (Abdullah, 1987:520), sebagai jalan penyelesaian sementara yang diusulkan oleh Filipina (Mackie, 1974:167), dalam mengatasi kemelut hubungan antara ketiga-tiga negara. MAPHILINDO juga dilihat sebagai langkah melengah-lengahkan pembentukan Malaysia yang membolehkan Filipina meneruskan usaha memperoleh kembali Borneo Utara. Dengan persetujuan tersebut juga, kerajaan Filipina dan Indonesia mensyaratkan supaya kemahuan rakyat Borneo untuk menyertai Persekutuan Malaysia disahkan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau wakilnya, sebelum kedua-dua negara itu dapat memberikan perakuan kepada pembentukan Persekutuan Malaysia.

Hasil daripada Persetujuan Manila, sembilan orang peninjau PBB yang diketuai oleh Encik Laurence V. Michelmore mewakili U-Thant, Setiausaha Agung PBB, dibantu oleh G.V.

Janachek telah dilantik untuk menjalankan tugas tinjauan di Borneo selama sebulan bermula pada 12 Ogos 1963 (Arkib Negara Malaysia, 1974:170-171). Pelantikan pasukan peninjau ini merupakan usaha Tanah Melayu untuk memenuhi syarat Persetujuan Manila, dalam usahanya memperoleh pengiktirafan Filipina dan Indonesia bagi membentuk Malaysia. Langkah ini juga dilihat sebagai simbol kompromi Tanah Melayu kepada negara-negara jirannya. Hal ini demikian kerana dua tahun sebelum itu, iaitu dalam bulan Jun 1961 lagi, laporan Suruhanjaya Cobbold telahpun mengesahkan pandangan penduduk Borneo Utara dan Sarawak yang mahu turut serta dalam Malaysia. Dengan kata lain, persetujuan terhadap pembentukan pasukan peninjau PBB ini ialah diplomasi Malaysia untuk menjaga hati dan mengekalkan semangat kejiwaan serantau. Ekoran tinjauan tersebut, tarikh perisytiharan dan kuat kuasa pembentukan Malaysia terpaksa ditunda daripada 31 Ogos 1963 kepada 16 September 1963, iaitu selepas laporan tinjauan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung PBB diperolehi pada 14 September tahun yang sama. Laporan pasukan peninjau PBB mengesahkan bahawa penduduk Borneo Utara dan Sarawak bersetuju menyertai Persekutuan Malaysia. Filipina yang tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut memanggil Duta Tanah Melayu ke Filipina dan memaklumkan tidak akan mengiktiraf Persekutuan Malaysia. Hubungan antara kedua negara tersebut pada waktu itu kekal di peringkat konsular sahaja (Nik Anuar, 2009:109).

Penubuhan Persekutuan Malaysia telah menyebabkan kemarahan Indonesia dan konfrontasi yang melibatkan tindakan ketenteraan dilancarkan pada tahun 1963. Pada masa yang sama, Indonesia juga menunjukkan sokongan terhadap pemberontakan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TKNU) yang dipimpin oleh A.M.Azahari bagi menghalang Brunei menyertai Malaysia. Tindakan konfrontasi yang dilakukan Indonesia berupa kegiatan

sabotaj, penyusupan dan pencerobohan tentera di Sabah dan Sarawak, Selat Melaka dan Singapura (Abdullah, 1987:65). Selain tindakan pencerobohan bersenjata, dalam masa yang sama Indonesia meneruskan kempen-kempen konfrontasi dalam wacana-wacana antarabangsa melalui tindakan memencilkan Malaysia dari blok Asia-Afrika. Dalam Persidangan *Afro-Asian People's Solidarity Conference* di Moshi, Tanganyika, (4-11 Februari 1963) wakil Indonesia berjaya menghalang wakil Malaysia melakukan tugas tetapi gagal memperoleh sokongan majoriti ahli-ahli sidang tersebut untuk mengusulkan resolusi mengecam Malaysia sebagai negara neokolonial. Malaysia juga tidak dijemput ke Persidangan Wartawan Afro-Asia yang berlangsung di Jakarta tidak lama selepas itu (Mackie, 1974:127).

Pengumuman laporan tinjauan di Borneo oleh Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Encik U-Thant pada 14 September 1963 bahawa sebahagian besar rakyat Borneo Utara hendak menyertai Persekutuan Malaysia, mengecewakan Presiden Soekarno yang sangat berharap tinjauan memberikan hasil yang sebaliknya. Ekoran daripada keputusan tinjauan berkenaan, Indonesia melanggar Perjanjian Manila dengan mengingkari keputusan U-Thant dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia pada 16 September 1963. Malaysia juga mengambil tindakan yang sama terhadap Indonesia dan Filipina pada 17 September 1963 (Mackie, 1974:187). Tentangan dan bantahan Indonesia semakin lantang dan agresif, dan diasaskan kepada empat hujah bahawa Persekutuan Malaysia merupakan:

- (i) boneka penjajahan cara baru yang direka oleh British,
- (ii) keselamatan Indonesia dan rantau Asia Tenggara secara keseluruhannya,
- (iii) kesinambungan neo-kolonialisme dan imperialis,

- (iv) hasil tindakan Tanah Melayu yang melanggar semangat Perjanjian Manila dengan tunduk kepada tekanan British untuk mengeneipkan cadangan kompromi wilayah dalam semangat ASEAN yang diusulkan oleh Presiden Sukarno dalam rundingan tahun 1964.

(Mackie, 1974:201).

Walaupun sikap toleransi dan timbang rasa terhadap Indonesia telah ditunjukkan oleh Malaysia, keadaan menjadi semakin buruk apabila pada 17 Ogos 1964, sekumpulan penceroboh bersenjata Indonesia mendarat di pantai Pontian, Johor. Tindakan itu diikuti oleh pendaratan tentera payung terjun Indonesia di Mersing pada 2 September tahun yang sama. Kedua-dua peristiwa ini membawa fasa baru dalam penentangan Indonesia terhadap penubuhan Malaysia. Huru hara yang melibatkan pihak tentera Indonesia dan masyarakat awam di Tanah Melayu berlarutan sehinggalah perebutan kuasa yang melibatkan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) dan Partai Komunis Indonesia (PKI) yang menjatuhkan Sukarno dan membuka peluang kepada Suharto untuk berkuasa melalui satu rampasan kuasa tentera di Indonesia pada tahun 1965. Semasa pemerintahan Suharto, konfrontasi semakin berkurangan dan hanya dilaksanakan dalam bentuk kenyataan di media-media dan propaganda sepanjang empat bulan terakhir tahun 1965 (Abdullah, 1987:74).

Selepas tahun 1965, Filipina dan Malaysia menyambung kembali hubungan diplomatik pada 3 Jun 1966, diikuti Indonesia pada 14 Ogos 1966. Walaupun hubungan tersebut membuka lembaran baru antara negara yang terlibat, Filipina masih meneruskan usaha menuntut kembali Borneo Utara. Selepas konfrontasi Indonesia, hubungan Filipina-Malaysia bertambah baik dengan kerjasama dalam bidang ekonomi dan pembangunan luar bandar, dan

pemeteraian beberapa perjanjian membanteras penyeludupan. Dalam masa yang sama, usaha Malaysia untuk berunding bagi menyelesaikan kes tuntutan Filipina sentiasa ditangguhkan oleh Manila (Abdullah, 1987:88).

Selepas peristiwa Pembunuhan Jabidah atau dikenali sebagai *Corregidor Massacre* pada Mac 1968, hubungan diplomatik Malaysia-Filipina kembali tegang.¹⁴ Peristiwa ini merupakan pembunuhan antara 12 hingga 60 orang rekrut yang menjalani latihan ketenteraan di sebuah kem tentera rahsia di Pulau Corregidor, Filipina. Pengurus kem tersebut, Major Eduardo Abdullatif Martelino mengakui bahawa salah satu tujuan latihan tersebut berkait dengan 'Operasi Merdeka' untuk mengambil alih Sabah (Noble, 1977:165). Ekoran daripada itu, Filipina meminta diadakan rundingan di Bangkok yang berlangsung pada 17 Jun hingga 15 Julai 1968 untuk membincangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Dalam rundingan tersebut, Malaysia menolak tuntutan Filipina ke atas Sabah kerana tuntutan berkenaan tidak mempunyai sandaran undang-undang mahupun politik (Noble, 1977:173; Abdullah, 1987:89).

Kongres Filipina pada 18 September 1968 kemudiannya meluluskan akta *Republic Act No. 5446* memasukkan Sabah sebagai sebahagian daripada republik tersebut (Noble, 1977:181). Selepas kegagalan Rundingan Bangkok, Filipina memanggil pulang duta besar dan kakitangan kedutaannya di Malaysia pada bulan November 1968. Hanya seorang kakitangan kedutaannya dikekalkan di Kuala Lumpur (Leifer, 1968:427-428). Malaysia pula

¹⁴ Peristiwa pembunuhan anggota tentera beragama Islam antara dua belas hingga enam puluh orang dalam sebuah kem tentera rahsia yang dikatakan oleh pihak berkuasa Filipina sebagai persediaan menghadapi pemberontakan tetapi perakuan pengurus kem, Mejar Eduardo Abdullatif Martelino mengakui bahawa kem tersebut melatih tentera untuk Operasi Merdeka yang dijalankan secara rahsia untuk menyerang Sabah (Noble, 1977)

memanggil duta besarnya di Manila untuk mendapatkan penjelasan berkaitan tindakan tersebut. Dalam tempoh tersebut, hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara tidak berlangsung dalam kapasiti diplomatik yang penuh.

Selepas kegagalan Rundingan Bangkok sehingga peristiwa pencerobohan di Lahad Datu, Sabah, kerajaan Filipina dan Malaysia seolah-olah meletakkan isu tersebut dalam keadaan dorman. Setelah hubungan diplomatik antara kedua-dua negara pulih pada bulan Disember 1969, sehingga ke hari ini Kerajaan Filipina tidak mengemukakan sebarang penarikan balik tuntutan berkenaan, manakala Malaysia lebih bersikap tunggu dan lihat (Fernandez, 2007:53). Walaupun Presiden Marcos pernah mengumumkan bahawa Filipina tidak akan meneruskan tuntutan terhadap Sabah sebelum berlangsungnya Persidangan ASEAN pada tahun 1976, tiada kenyataan dan tindakan susulan yang menunjukkan republik itu telah menggugurkan tuntutan tersebut secara rasmi. Bagaimanapun, pengguguran klausa “*by historical and legal rights*” dari perenggan di bawah *Article I: National Territory* Perlembagaan Republik Filipina yang dipinda pada tahun 1987 merupakan usaha positif Kerajaan Aquino ke arah itu (Paridah & Darusalam, 1992:558).¹⁵ Usaha terakhir sebelum konflik Lahad Datu berlaku ialah inisiatif pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Nur Misuari, yang berhasrat untuk membawa tuntutan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada tahun 2008 tetapi disifatkan tidak berasas oleh Sabah (Mohd Hazmi & Muhamad Azim, 2013:2; Mohd Hazmi & Maizatun, 2014:187).

¹⁵ Pindaan dalam ketetapan sempadan negara dalam Perlembagaan Republik Filipina. Dokumen di <http://www.gov.ph/constitutions/1987-constitution/#article-i>

Dalam keputusan Penghakiman Bertulis yang bertarikh 23 Oktober 2001 mengenai permohonan Filipina untuk campur tangan (*intervention*) dalam perbicaraan Kes Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dan Indonesia, Hakim *ad hoc* Frank, salah seorang hakim Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dalam kes tuntutan tersebut menyatakan bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah sesuatu yang semata-mata bersifat sejarah. Apa sahaja asas yang digunakan oleh Filipina untuk menuntut kembali Sabah telah diatasi oleh pelaksanaan keputusan penduduk Sabah untuk memerintah sendiri dan menyertai Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 (Kadir, 2009:49; Abdul Gani, 2013:114).

Keadaan dorman ini dikejutkan dengan peristiwa pencerobohan di Lahad Datu pada bulan Mac tahun 2013 oleh kumpulan yang mendakwa diri mereka sebagai tentera Kesultanan Sulu. Selepas tindakan daripada pihak berkuasa Malaysia, keadaan konflik ketara itu dapat dikawal dan beransur-ansur kembali ke fasa dorman. Dalam temu bual di Istana Malacanang pada 15 Mei 2015, Presiden Filipina telah menyatakan pendirian bahawa republik itu tidak akan menggugurkan tuntutan ke atas Sabah (Benigno S. Aquino III, 2015). Ekoran kenyataan tersebut, Kementerian Luar Negeri Malaysia telah memanggil Kuasa Usaha (*Charge d'Affaires*) Sementara Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur pada 19 Mei 2015 (*Bernamea.com.*, 2015; *Berita Harian*, 2015) sebelum mengeluarkan kenyataan rasmi bahawa Malaysia tidak akan melayan tuntutan mana-mana pihak terhadap Sabah kerana Sabah telah diiktiraf oleh PBB sebagai sebahagian daripada Malaysia semenjak tahun 1963 (Kementerian Luar Negeri, 2015).

Dalam perkembangan lain, *Sinar Harian Online* bertarikh 1 Mac 2016 melaporkan bahawa Kementerian Luar Negeri Malaysia sekali lagi memanggil Puan Maria Antonina M.

Mendoza-Oblena, *Charge d' Affaires* Kedutaan Besar Republik Filipina untuk menyatakan pendirian yang sama (Atirah Hasli, 2016). Tindakan tersebut berpunca daripada kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Senator Jejomar Binay dan Senator Gregorio “Gringo” Honasan pada 29 Februari 2016 dalam akhbar *The Manila Times* dan *di Inquirer.net* pada 2 Mac 2016.¹⁶ Pernyataan oleh beberapa pihak di Filipina itu merupakan isyarat bahawa konflik tuntutan ini belum berakhir.

Dalam perkembangan terbaru, pada 12 Julai 2022, *Financial Times* melaporkan bahawa dua anak syarikat Petronas di Azerbaijan telah disita bailif mahkamah ekoran keputusan Mahkamah Perancis yang memihak kepada tuntutan waris Kesultanan Sulu yang bertindak balas apabila Kerajaan Malaysia menghentikan bayaran wang pajakan selepas terjadinya Konflik Lahad Datu 2013 ini (Telling, O & Lewis, L.(2022).

1.3 Rumusan

Tuntutan Filipina ke atas Sabah merupakan isu yang belum selesai dan mempunyai latar sejarah yang panjang. Walaupun susur galur berkaitan isu pindah milik dan pajakan tersebut dapat ditelusuri dan diketahui dengan jelas berdasarkan dokumen-dokumen yang sah, faktor kewangan, politik, dan perbezaan pemahaman dan tafsiran terhadap dokumen Perjanjian 1878 merupakan penyebab kepada timbulnya konflik seperti yang diterangkan dalam Bab 2. Perbezaan pemahaman dan tafsiran dokumen yang berkenaan, menerbitkan

¹⁶ Senator Jejomar Binay ialah Timbalan Presiden Filipina dan calon yang bertanding untuk jawatan presiden dalam Pilihanraya Umum Filipina 2016 yang menyatakan akan meneruskan usaha menuntut Sabah dari Malaysia (Tolentino, 2016). <http://www.manilatimes.net/binay-vows-to-pursue-ph-claim-on-sabah/247153/>. Senator Gregorio Honasan ialah calon Timbalan Presiden dalam Pilihanraya Umum Filipina 2016 yang menyatakan Filipina kerugian 72 bilion peso kerana tidak menuntut Sabah (Cayabyab, 2016). <http://globalnation.inquirer.net/137214/if-elected-president-binay-to-pursue-sabah-claim-all-the-way>

pertentangan pendapat yang membezakan pendirian Malaysia, Filipina dan waris Sultan Sulu ke atas Sabah. Penubuhan Persekutuan Malaysia dan kegagalan Rundingan Bangkok memanjangkan lagi isu tuntutan berkenaan.

Walaupun bersifat sejarah, bab ini perlu dimasukkan sebagai sebahagian daripada kajian bagi memahami latar belakang peristiwa-peristiwa yang menjadi punca konflik. Latar belakang sejarah merupakan salah satu konteks situasi yang boleh menentukan pilihan unsur bahasa bagi mengungkapkan konflik.

Universiti Malaysia

BAB 2: PERNYATAAN MASALAH, OBJEKTIF, SOALAN KAJIAN DAN KEPENTINGAN TESIS

2.1 Pendahuluan

Bahasa dalam wacana akhbar memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi pemikiran, dan membina tanggapan yang tertentu dalam minda pembaca terhadap berita yang dilaporkan. Bahasa yang digunakan dalam laporan berita dipengaruhi oleh persepsi wartawan yang menulis berita berkenaan. Hal ini demikian kerana bahasa dalam sesebuah laporan dipilih secara peribadi oleh penulis berdasarkan pandangan dan persepsi terhadap peristiwa atau isu yang ditulisnya (Owens & Hawes, 2015:3). Begitu juga dengan laporan berita konflik.

2.2 Pernyataan Masalah

Untuk menjelaskan penggunaan bahasa dalam laporan berita konflik, kajian ini membandingkan penggambaran konflik dalam akhbar bagi peristiwa pencerobohan di daerah Lahad Datu, Sabah yang berlaku dalam bulan Februari dan Mac 2013, antara akhbar-akhbar berbahasa Melayu peringkat nasional, iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*, dengan akhbar tempatan Sabah, iaitu *Utusan Borneo* dan *The New Sabah Times* (bahagian berita bahasa Melayu). Kajian bertujuan untuk menunjukkan bagaimana bahasa yang digunakan dalam akhbar dapat mewujudkan dimensi tertentu dalam penggambaran isu yang dilaporkan, sekali gus memahami peranan dan tanggungjawab media, khususnya akhbar, dalam melaporkan sesuatu konflik.

Dengan pertimbangan bahawa laporan sesuatu konflik dicerminkan oleh bahasa yang digunakan oleh pemberita, dan pemberita mungkin dipengaruhi oleh sikap dan emosinya ketika membuat laporan berkenaan dengan konflik itu, maka pernyataan masalah untuk kajian ini boleh dilakarkan seperti berikut:

- (i) Ada kemungkinan laporan-laporan konflik ini ditulis secara objektif, dan ada juga yang dipengaruhi oleh sikap dan emosi penulis laporan.
- (ii) Jika wartawan atau penulis laporan dipengaruhi oleh sikap dan emosi, bagaimanakah caranya penulis menyatakan sikap dan emosinya itu dalam wacana beritanya?
- (iii) Akhbar yang berbeza mungkin memberi tafsiran yang berbeza terhadap konflik yang dilaporkan. Dengan itu, unsur-unsur bahasa yang bagaimanakah yang menimbulkan perbezaan demikian?
- (iv) Perbezaan tafsiran mungkin wujud antara akhbar-akhbar yang diterbitkan di Semenanjung Malaysia dengan akhbar-akhbar tempatan Sabah. Jika terdapat perbezaan itu, unsur-unsur bahasa yang bagaimanakah yang membawa perbezaan itu?

2.2.1 Laporan berita dan kepelbagaian tafsiran

Pesatnya perkembangan institusi berita boleh menyebabkan timbulnya kekeliruan dalam memahami laporan berita yang dipaparkan. Kemunculan televisyen kabel, komputer dan internet mengubah cara masyarakat mendapatkan maklumat berkaitan dunia di sekeliling

mereka (Bushman & Anderson, 2001:477). Dengan adanya internet sebagai tulang belakang yang menyokong perkembangan pelbagai teknologi komunikasi media baharu, lambakan maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku daripada pelbagai sumber rasmi dan peribadi, dari dalam dan luar negara, diperoleh, dilaporkan dan disebarkan dengan pantas tanpa dianalisis dan ditentukan kesahihannya terlebih dahulu. Dalam keadaan khalayak pembaca tidak mempunyai asas rujukan empirikal sesuatu peristiwa yang dilaporkan, dan belum mempunyai pandangan atau pegangan yang tertentu terhadap berita yang ditulis, laporan-laporan media baharu yang belum disahkan adalah sumber berita utama yang memberi kesan dalam membentuk tanggapan masyarakat (Kumar, 1999:18). Insiden pergaduhan yang berlaku pada 11 Julai 2015, di Plaza Low Yat, Bukit Bintang, Kuala Lumpur (“Remaja terlibat kes gaduh di Plaza Low Yat ditahan”, 2015) merupakan contoh yang menunjukkan bahawa laporan media yang kurang tepat oleh sesetengah pihak menyebabkan masyarakat menyangka insiden tersebut merupakan rusuhan kaum. Walhal insiden itu berlaku akibat kes penipuan dan pencurian telefon bimbit di salah sebuah kedai di plaza berkenaan (Harits Asyraf Hasnan, 2015).

Laporan peristiwa yang sama oleh penulis atau wartawan dari akhbar yang berbeza juga boleh mencetuskan tafsiran yang berbeza-beza antara akhbar. Perbezaan tafsiran antara akhbar yang berbeza terhadap sesuatu peristiwa menyebabkan percanggahan fakta antara satu organisasi berita dengan organisasi berita yang lain dan mengelirukan pembaca. Kepelbagaian tafsiran oleh akhbar-akhbar yang berbeza dapat dilihat dalam liputan isu skandal 1MDB. Akhbar *Malaysiakini* (*malaysiakini.com*) menyifatkan skandal ini sebagai isu yang sangat penting dan Perdana Menteri perlu berterus terang kepada rakyat selepas Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat mengumumkan untuk mengambil tindakan

undang-undang bagi merampas aset yang berkaitan dengan skandal tersebut. DOJ mengesahkan bahawa terdapat konspirasi untuk menipu dan membersihkan berbilion dolar wang pembayar cukai Malaysia yang dicuri oleh mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan pemerintah tertinggi negara ini (“Najib digesa berterus-terang isu 1MDB sekarang”, 2016). Berikutan pengumuman DOJ itu, *Sinar Harian (Sinar Online)* menyiarkan berita mengenai bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mencabar Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, untuk mengambil tindakan susulan. Maklum balas Perdana Menteri yang menyatakan bahawa saman DOJ adalah saman sivil dan bukan kes jenayah dan orang-orang yang dinamakan dalam laporan DOJ berhak mendapat pembelaan yang sewajarnya, disifatkan tidak cukup untuk menjelaskan isu yang sebenar kepada rakyat (Atirah Hasli, 2016).

Berbeza dengan *Malaysiakini* dan *Sinar Harian*, agensi penyiaran *Astroawani (astroawani.com)* memuatkan kenyataan Perdana Menteri bahawa 1MDB tidak mempunyai sebarang kaitan dengan saman DOJ kerana tidak dinamakan secara khusus sebagai pihak yang disaman. Kenyataan itu disokong oleh Peguam Negara yang mengatakan bahawa tiada bukti daripada mana-mana agensi penguatkuasaan Malaysia yang menunjukkan wang digelapkan dari 1MDB (Wan Syamsul Amly, 2016). Dalam isu yang sama, akhbar *Rocketkini.com* menyatakan bahawa walaupun Perdana Menteri berpendapat bahawa saman DOJ adalah saman sivil, saman tersebut sebenarnya berasaskan salah laku jenayah. Kenyataan itu berasaskan kepada buku panduan Jabatan Negara Amerika Syarikat bertajuk *‘Recovery Asset US Tools & Procedures: A Practical Guide for International Cooperation’* yang diterbitkan pada tahun 2012 yang menyatakan bahawa saman sivil dibuat apabila melibatkan kes-kes di mana sabitan jenayah tidak boleh dilakukan seperti dalam keadaan

harta dipegang oleh pelarian, melibatkan individu yang sudah mati atau individu yang tidak dapat didakwa di Amerika Syarikat, pesalah yang kebal terhadap pendakwaan jenayah, atau melibatkan pesalah yang terlalu berkuasa sehingga pendakwaan jenayah seolah-olah mustahil (“Saman sivil DOJ Amerika berasaskan kesalahan jenayah 1MDB”, 2016).

Pada masa yang sama, laporan laman *Mstar* (*mstar.com*) mengenai hukuman yang dijatuhkan ke atas bekas Pengarah Urusan Bank Swiss BSI Singapura, Yak Yew Chee (“1MDB: Bekas Pengarah Urusan BSI Dipenjara 18 Minggu, Didenda”, 2016) dan bekas pekerjanya, Yvonne Seah Yew Foong atas tuduhan melakukan jenayah pemalsuan dokumen dan gagal melaporkan transaksi mencurigakan yang berkait dengan 1MDB kepada pihak yang berkenaan (Leong, 2016), menunjukkan bahawa skandal 1MDB ini adalah perlakuan jenayah perdagangan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang. Keenam-enam laporan ini menunjukkan perbezaan tafsiran oleh akhbar-akhbar media baharu yang berbeza terhadap isu saman DOJ dalam skandal 1MDB. Perbezaan tersebut menyebabkan fakta berita bercanggah antara satu dengan yang lain, dan menyukarkan pembaca memahami apakah kenyataan yang benar dalam isu tersebut.

Dalam isu akaun e-mel peribadi Hillary Clinton semasa bertugas sebagai Setiausaha Negara Amerika Syarikat, agensi penyiaran *BBC.com* mentafsirkan tindakan Puan Clinton menggunakan akaun peribadinya untuk menghantar dan menerima e-mel rasmi sebagai satu tindakan yang terletak di bawah *grey area* undang-undang Amerika Syarikat yang sedia ada (Zurcher, 2016). *Grey area* yang dimaksudkan ialah tindakan Puan Clinton itu bukanlah satu pelanggaran undang-undang yang boleh dikenakan tindakan. Tambahan pula undang-undang yang berkaitan telah dipinda beberapa kali semenjak Puan Clinton menamatkan khidmatnya

sebagai Setiausaha Negara. Bagaimanapun, akhbar *The New York Times* (*nytimes.com*) pula mentafsirkan bahawa tindakan Puan Clinton itu berkemungkinan melanggar undang-undang (Schmidt, 2015).

Majalah mingguan *Newsweek.com* melalui ruangan pendapatnya pula mempertikaikan laporan berita mengenai penggunaan akaun e-mel Puan Clinton oleh *The New York Times* sebagai tidak tepat dan tidak adil. Hal ini demikian kerana amalan tersebut juga pernah dilakukan oleh beberapa orang pegawai kanan pentadbiran Amerika Syarikat termasuklah bekas Setiausaha Negara yang terdahulu daripada Puan Clinton, dan tidak dikenakan tindakan undang-undang. Komunikasi e-mel yang dilakukan menggunakan akaun peribadi juga disimpan secara automatik dalam sistem data selamat yang dikawal oleh jabatan yang berkenaan. Kaedah penyimpanan sedemikian membolehkan rekod e-mel boleh diakses oleh pihak yang berkuasa mentadbir penyimpanan rekod negara pada bila-bila masa yang dikehendaki dan tidak timbul soal kegagalan akses seperti yang dilaporkan (Kurt Eichenwald, 2015). Percanggahan antara laporan *BBC.com*, *nytimes.com* dan *newsweek.com* memberikan tafsiran yang bertentangan mengenai isu tersebut dan menyukarkan pembaca memahami fakta yang sebenar.

Dalam kes di Filipina pula, laman berita *Inquirer.net* menyiarkan pengakuan Presiden Filipina Rodrigo Duterte bahawa beliau secara peribadi pernah membunuh suspek pengedar dadah sewaktu menjadi Datuk Bandar Davao City. Tindakan beliau bertujuan untuk menunjukkan kepada pihak polis bahawa sekiranya Datuk Bandar boleh terlibat secara langsung memerangi penjenayah, polis juga tidak ada alasan untuk mengelak daripada menjalankan tanggungjawab mereka (Ramos, 2016). Dalam artikel yang lain, Duterte

menyatakan bahawa perang terhadap pengedar dadah di Filipina adalah untuk menjaga keselamatan rakyat dan menyifatkan mereka sebagai *human monsters* yang wajar dibunuh, dan tidak akan tunduk kepada kritikan aktivis hak asasi manusia di Filipina dan di peringkat antarabangsa (Salaverria, 2016). Pengakuan Duterte itu mendapat maklum balas yang negatif daripada ahli Kongres Filipina, Leila de Lima yang menyifatkan beliau sebagai “*self-confessed serial killer*” yang melancarkan “*war on the poor*”, bukan “*war on drugs*” seperti yang didakwa oleh presiden itu. Senator de Lima menyifatkan demikian kerana pengusaha dadah yang tertangkap atau terbunuh merupakan pengedar kecil-kecilan yang miskin, manakala pengedar dadah berskala besar yang kaya terlepas daripada tindakan undang-undang (Ager, 2016). Agensi penyiaran *CNN.com* pula melihat kejadian berbalas tembakan dengan pihak polis yang menyebabkan pengedar dadah terbunuh di Filipina sebagai suatu tindakan normal dalam memerangi jenayah dadah, seperti yang berlaku di Australia dan Amerika Syarikat. Badan berita itu menyifatkan azam Duterte untuk memburu suspek, memerangi rasuah, menghukum penjenayah dadah dengan setimpal dan mengajak masyarakat supaya sama-sama terlibat dalam membersihkan negara dari jenayah tersebut merupakan semangat yang mengagumkan dan patut dicontohi oleh Australia (Christensen, 2016).

Lain pula dengan akhbar *Berita Harian (BHOnline)*. Akhbar tersebut menyiarkan pengakuan Duterte itu sebagai ugutan untuk membunuh aktivis yang mengkritik tindakan beliau dalam memerangi penjenayah dan penagih dadah, dan akan menyalahkan mereka sekiranya jumlah pesalah dadah bertambah pada masa yang akan datang (“Perangi dadah, Duterte ugut bunuh aktivis”, 2016). Akhbar *Malaysiakini* pula memberi tafsiran yang berbeza. Akhbar berkenaan menyifatkan pengakuan kontroversi Duterte itu boleh menyebabkan beliau didakwa mengikut undang-undang sekiranya dipersetujui oleh majoriti dua pertiga ahli Kongres Filipina.

Bagaimanapun, ada antara ahli Kongres yang menyifatkan kenyataan Duterte itu sebagai tindakan hiperbola atau *exegerate* yang sering digunakan oleh beliau untuk menyampaikan mesej yang dimaksudkannya (“Philippine president risks impeachment for 'killing' admission”, 2016).

Tafsiran yang berbeza-beza oleh institusi berita dalam melaporkan peristiwa yang sama merupakan fenomena yang berlaku di mana-mana sahaja. Dalam isu 1MDB, tafsiran antara *Rocketkini.com* yang berbeza dengan *Malaysiakini.com*, *Astroawani.com*, *Sinar Online* dan *Mstar.com* mungkin disebabkan kepentingan yang berbeza antara institusi berita berkenaan. Keempat-empat institusi berita tersebut merupakan institusi berita yang bebas dan umum, manakala *Rocketkini.com* merupakan institusi berita yang mendukung aspirasi dan kepentingan Parti Tindakan Demokratik (DAP), salah sebuah parti pembangkang di Malaysia. Kepentingan tersebut mempengaruhi sikap dan pandangan institusi itu mentafsir isu yang dilaporkan. Faktor kepentingan juga mempengaruhi pandangan dan sikap sesuatu institusi dalam laporan berita di Amerika Syarikat. Sebagai sebuah institusi berita asing, *BBC.com* mentafsir isu e-mel peribadi Puan Clinton dari sudut yang berbeza daripada tafsiran institusi berita tempatan *nytimes.com*. Tafsiran *BBC.com* pula sehaluan dengan satu lagi institusi berita tempatan *newsweek.com* yang menyifatkan isu yang dicituskan oleh *nytimes.com* tidak adil kepada Puan Clinton. Dalam laporan berita pengakuan Presiden Filipina, sikap dan pandangan *malaysiakini.com* yang seimbang, sehaluan dengan tafsiran media tempatan *Inquirer.net*. Bagaimanapun, tafsiran tersebut tidak sealiran dengan dua lagi institusi berita asing *Berita Harian Online* dan *CNN.com*. *Berita Harian Online* memberi tafsiran yang negatif, manakala institusi berita Amerika Syarikat itu melihat pengakuan Duterte sebagai sesuatu yang positif.

Kepentingan institusi-institusi berita yang berbeza-beza menyebabkan sikap dan emosi yang berbeza-beza terhadap isu yang sama. Sikap dan emosi tersebut ditunjukkan melalui tafsiran yang bertentangan dalam laporan masing-masing. Perbezaan kepentingan seumpama ini juga menyebabkan perbezaan tafsiran terhadap dokumen perjanjian 1878 antara waris Sultan Sulu dengan Britain yang membawa kepada pertentangan yang mencetuskan konflik, seperti yang dinyatakan dalam Bab 1. Tafsiran yang berbeza-beza oleh media menyebabkan laporan berita bercanggah dan menimbulkan pemahaman yang berbeza-beza terhadap isu yang dilaporkan.

2.2.2 Penggunaan bahasa dalam mengungkapkan konflik

Penggunaan bahasa dalam mengungkapkan konflik boleh memberi kesan kepada pemahaman sesuatu konflik yang dilaporkan. Penggunaan bahasa boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu:

- (i) Pemilihan kata dalam mentafsir konflik.
- (ii) Pemilihan kata dalam menjaga kepentingan diri pihak-pihak yang terlibat di dalam konflik seperti negara, institusi dan sebagainya yang merupakan balasan kepada (i).
- (iii) Pemilihan kata sebagai maklum balas kepada (ii).

2.2.2.1 Pemilihan kata dalam mentafsir konflik

Dalam laporan berita konflik, butir leksikal yang kurang tepat atau taksa yang digunakan untuk mengungkapkan konflik, boleh disalahtafsirkan oleh pembaca dan menimbulkan sikap negatif bagi sesuatu laporan berita. Ketiadaan penerangan yang jelas dan mencukupi tentang kaitan unsur leksikal yang digunakan dengan konteks latar sesuatu peristiwa juga menyebabkan masyarakat sukar memahami apa yang sebenarnya terjadi dan mempengaruhi

pemahaman mereka terhadap konflik. Contohnya, penggunaan kata leksikal *occupation* dalam laporan konflik Palestin-Israel di akhbar-akhbar di Amerika Syarikat. Konsep *occupation* yang sebenar, iaitu pendudukan tentera Israel di Palestin yang tidak sah, tidak dijelaskan oleh akhbar kepada masyarakat, dan ketidakwajaran pendudukan tersebut juga tidak dinyatakan, menyebabkan masyarakat Amerika tidak mempunyai maklumat yang cukup untuk memahami hakikat konflik yang sebenar (Shaoul, 2004:2).

Selain daripada penggunaan kata yang taksa dan tiada penerangan lanjut bagi kata khusus yang digunakan, pertentangan makna antara unsur-unsur leksikal dan pemilihan kata tertentu bagi melaporkan konflik boleh membentuk tanggapan yang tertentu kepada sesetengah pihak dalam konflik. Berita konflik Palestin-Israel misalnya, kerap menggunakan kata-kata seperti *protests, attacking, shooting, bloodier* yang merujuk kepada Palestin. Penggunaan kata tersebut memberi gambaran tentang kekasaran dan keributan pihak Palestin terhadap penduduk Israel yang menduduki wilayah Palestin, sedangkan pendudukan pihak Israel yang tidak sah di wilayah Palestin tidak diterangkan secara jelas dalam bentuk pilihan kata yang sesuai (Dunsky, 2013:12). Akibatnya, pengungkapan peristiwa-peristiwa di dalam konflik Israel-Palestin yang sedemikian menimbulkan tanggapan negatif dan berat sebelah terhadap sesetengah pihak dalam konflik.

Hal yang sama juga berlaku dalam laporan isu pembentangan Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 yang menggunakan kata leksikal yang kurang difahami oleh pembaca khususnya yang bukan beragama Islam dan menyebabkan berlakunya salah faham. *Berita Harian* pada 7 April 2015 melaporkan bahawa rang undang-undang yang dibentangkan oleh Presiden PAS di Dewan Rakyat membuka

lalu kepada pelaksanaan hukum hudud di Kelantan. Penggunaan tajuk '*Hudud: Usul Hadi dalam aturan urusan mesyuarat Dewan Rakyat hari ini*' menunjukkan seolah-olah rang undang-undang yang dibentangkan tersebut adalah rang undang-undang hudud yang telah lama menjadi perbincangan antara parti pembangkang ("*Hudud: Usul Hadi dalam aturan urusan mesyuarat Dewan Rakyat hari ini*", 2015). Dalam perkembangan berkaitan, akhbar *The Malay Mail Online* juga menyiarkan perkembangan usul tersebut dalam laporan bertarikh 26 Mei 2016. Walaupun dinyatakan dalam artikelnya bahawa pembentangan itu bertujuan meningkatkan lagi fungsi Mahkamah Syariah dan hanya untuk orang Islam, penggunaan tajuk '*Akhirnya, Hadi bentang usul di Parlimen buka laluan laksana hudud*' memberikan implikasi bahawa pembentangan tersebut mempunyai kaitan dengan hasrat PAS untuk melaksanakan undang-undang hudud di negara ini ("*Akhirnya, Hadi bentang usul di Parlimen buka laluan laksana hudud*", 2016).

Laporan kedua-dua akhbar berbeza yang menggunakan kata leksikal *hudud* dalam tajuk artikel masing-masing, memberikan tafsiran bahawa rang undang-undang yang dibentangkan di Parlimen itu adalah rang undang-undang hukum hudud walhal yang dibentangkan ialah pindaan rang Undang-Undang Mahkamah Syariah. Walaupun dinyatakan dalam artikel berita berkenaan bahawa rang undang-undang tersebut hanya melibatkan Mahkamah Syariah, perbezaan antara kata leksikal *syariah* dan *hudud* yang kurang difahami oleh banyak pihak terutamanya orang bukan Islam, menyebabkan kekeliruan dalam mentafsir isu sebenar yang dilaporkan. Kekeliruan tersebut juga menyebabkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gurun, Kedah meletakkan jawatan sebagai protes terhadap pembentangan berkenaan ("*Kedah MCA Exco quits party in hudud protest*", 2016).

Dalam liputan berita mengenai konflik Rohingya di Myanmar, akhbar *Al-Jazeera* menggunakan frasa *ethnic cleansing* bagi menunjukkan tindakan tentera dan kerajaan Myanmar ke atas suku etnik berkenaan. Temu bual wartawan akhbar tersebut dengan pelarian Rohingya di kem tidak rasmi berhampiran bandar pelancongan Bangladesh, Cox's Bazar mendapati tentera dan kerajaan Myanmar telah membakar rumah-rumah Rohingya di daerah Rakhine, menembak mereka menggunakan mesingan helikopter, melakukan jenayah seksual terhadap wanita Rohingya, menyekat bantuan makanan dan perubatan antarabangsa, dan menyekat wartawan asing dan pemerhati bebas daripada memasuki daerah berkenaan. Suku etnik yang masih tinggal di Rakhine dikawal ketat dan tidak dibenarkan keluar masuk dengan bebas. Akhbar itu juga mempersoalkan tindakan Myanmar yang membuat sekatan-sekatan, seolah-olah menyembunyikan hal tertentu dari pengetahuan masyarakat antarabangsa. ("Rohingya refugees from Myanmar tell of trauma", 2016).

Penggunaan frasa tersebut diperkukuhkan lagi dengan laporan dari sempadan Bangladesh oleh Majalah *Times* yang menyatakan bahawa apa yang berlaku di Myanmar sebagai "*getting very close to what we would all agree are crimes against humanity.*" Majalah itu juga melaporkan bahawa pegawai-pegawai kanan kerajaan Myanmar yang ditemu bual menafikan kenyataan tersebut, sebaliknya mengatakan kegagalan Bengali (Rohingya) mematuhi undang-undang Myanmar sebagai punca kepada berlakunya situasi berkenaan. Keadaan yang berlaku itui dikatakan berpunca daripada serangan ke atas tiga pos pengawal sempadan pada awal Oktober 2016, yang menyebabkan sembilan polis Myanmar terbunuh. Majalah itu memetik kenyataan pejabat presiden Myanmar yang mendakwa serangan tersebut dilakukan oleh militan Islam Aqa Mul Mujahidin yang mempunyai kaitan dengan *Rohingya Solidarity Organization*, sebuah kumpulan militan yang sudah tidak wujud lagi. Kenyataan inilah yang

dijadikan alasan oleh tentera dan kerajaan Myanmar untuk mewajarkan mereka melakukan jenayah kemanusiaan terhadap etnik minoriti itu dengan alasan untuk menghapuskan penjenayah (Kumar, 2016).

Dalam liputan isu yang sama, *CNN.com* memetik kenyataan Menteri Luar Malaysia yang menyifatkan layanan kerajaan Myanmar terhadap etnik Rohingya itu merupakan *threat* atau ancaman kepada kestabilan dan keselamatan rantau Asia Tenggara. Kumpulan negara-negara ASEAN mengadakan mesyuarat khas di Yangon menggesa Myanmar supaya memperbaiki keadaan bagi mencegah berulangnya bencana kemanusiaan 2015 apabila ribuan etnik Rohingya yang melarikan diri menggunakan bot, terdampar hanyut di Laut Andaman. Gesaan dan kritikan Malaysia dibuat selepas *Amnesty International* mengeluarkan laporan yang menyatakan bahawa tentera Myanmar sedang melakukan jenayah kemanusiaan ke atas etnik itu. Dalam laporan yang sama, PBB juga mengkritik kegagalan kerajaan Myanmar mengendalikan masalah Rohingya sebagai *short-sighted and even callous*. Penggunaan frasa-frasa negatif ini melambangkan perlakuan dan tindakan yang berlaku dan memberikan tanggapan buruk kepada pihak tertentu dalam konflik tersebut.

Begitu juga dalam laporan peristiwa *drone* atau *unmanned underwater vehicle* milik Amerika Syarikat yang dirampas oleh tentera laut China di perairan antarabangsa berhampiran Teluk Subic, Filipina pada 15 Disember 2016. Akhbar *New Straits Times* menyiarkan berita yang diambil dari AFP yang menyiarkan petikan *tweet* Presiden Amerika, Donald Trump yang menyifatkan tindakan China itu sebagai *stole, unlawful seizure* dan *unprecedented* (“Trump tweets on China 'more dangerous than funny' ”, 2016). Penggunaan ketiga-tiga kata leksikal tersebut memberikan konotasi negatif kepada China dalam isu berkenaan.

2.2.2.2 Pemilihan kata dalam menjaga kepentingan diri pihak-pihak yang terlibat dalam konflik seperti negara, institusi dan sebagainya yang merupakan balasan kepada (2.2.2.1).

Pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam isu atau konflik yang dilaporkan akan memberikan reaksi balas kepada tanggapan dan tafsiran yang diberikan oleh pelbagai akhbar dan agensi berita luar dan dalam negara. Reaksi balas ini dinyatakan dalam bentuk pemilihan kata tertentu yang dapat dilihat dalam teks laporan yang sama atau teks yang diterbitkan selepas tafsiran diterima. Hal ini demikian kerana pilihan kata dan frasa dalam teks berita, dipilih dan digunakan sesuai dengan tujuan wacana yang diinginkan (Ruiz & Bataller, 2010:178).

Laporan wawancara *Sinar Harian Online* dengan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki menjelaskan tanggapan *Berita Harian* dan *The Malay Mail Online* dengan memberikan maklumat yang sebenar dalam isu ini. Berdasarkan laporan tersebut, pembentangan berkenaan bertujuan meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) bagi memperkasa kuasa Mahkamah Syariah dari penjara 6 bulan dan denda RM1000, kepada kadar maksimum penjara 3 tahun, denda RM5,000 dan 6 kali sebatan syarie (“10 salah faham usul RUU Akta Mahkamah Syariah”, 2016). Laporan *Berita Harian* dan *The Malay Mail Online* yang tidak memberikan penerangan lanjut apakah yang dimaksudkan sebagai *syariah* dan *hudud*, menerbitkan salah faham masyarakat. Laporan *Sinar Harian Online* yang memberikan penjelasan yang diperlukan, membantu pembaca memahami kedudukan sebenar isu yang dilaporkan dan menghapuskan kekeliruan yang boleh membawa kepada salah faham dan salah tafsir dalam kalangan pembaca.

Sebagai maklum balas terhadap laporan-laporan institusi berita antarabangsa seperti yang disiarkan oleh *Al-Jazeera*, *Times*, *Amnesty International* dan *CNN.com*, kerajaan Myanmar memberikan maklum balas melalui kenyataan bertulis kepada *CNN* menyatakan bahawa mereka adalah "*victim of fake news*" dan "*a disinformation campaign*". Kerajaan Myanmar melalui jurucakapnya melahirkan kekecewaan kerana *Amnesty* membuat tuduhan tidak berasas, mereka-reka gambar dan kapsyen, menyebarkan dalam media massa dan membuat kesimpulan sendiri mengenai isu ini (Jozuka and Maung, 2016). Kenyataan balas Myanmar ini menunjukkan bagaimana bahasa digunakan untuk kepentingan pihak tertentu dalam konflik.

Tafsiran *stole*, *unlawful seizure* dan *unprecedented* oleh *New Straits Times* dalam isu rampasan dron bawah air dijawab dengan penjelasan Jurucakap Kementerian Pertahanan China, Yang Yujun yang disiarkan dalam *CNBC.com*, yang menyifatkan pihaknya menyiasat dan menentusahkan alat tersebut secara *professional and responsible attitude* ("China says it seized US Navy drone to ensure safety of ships", 2016). Penggunaan frasa berkenaan memberikan tafsiran yang bertentangan dengan unsur leksikal yang sebelumnya. Dalam masa yang sama, laporan *CNBC.com* juga turut menyiarkan dakwaan China bahawa Amerika Syarikat sering menghantar kapal ke perairan Laut China Selatan untuk melakukan risikan ketenteraan, membina latar peristiwa yang mewajarkan tindakan China tersebut.

2.2.2.3 Pemilihan kata sebagai maklum balas kepada (2.2.2.2).

Bagaimanapun, dalam laporan akhbar yang sama, iaitu *CNN.com*, penafian dan sikap menyelamatkan diri yang dicerminkan dalam kenyataan bertulis kerajaan Myanmar itu dinilai sebagai dangkal oleh *Amnesty International* apabila tiada penerangan lanjut oleh

Myanmar mengenai apa yang dimaksudkan sebagai *fake news* dan *disinformation*, dan tiada jawapan kepada dakwaan *crime against humanity* yang dikemukakan dalam laporan NGO tersebut, sebaliknya menuduh *Amnesty* sebagai pihak yang menjadi pencetus ekstremisme, kebencian dan serangan bersenjata. Ketiadaan penerangan lanjut menyebabkan media antarabangsa yakin bahawa jenayah kemanusiaan sedang berlaku di negara itu. Malah tindakan kerajaan Myanmar menyekat wartawan dan pemerhati bebas untuk memasuki wilayah yang berkenaan menguatkan lagi tanggapan media dan masyarakat antarabangsa bahawa kerajaan itu sedang melakukan suatu tindakan buruk yang disembunyikan daripada pengetahuan masyarakat antarabangsa (Jozuka and Maung, 2016). Pertentangan konotasi antara frasa '*victim of fake news*', '*a disinformation campaign*', '*short-sighted*' dan '*callous*' dengan *ethnic cleansing* dan *crimes against humanity* memberikan pelbagai tafsiran kepada konflik yang sedang berlaku di Myanmar.

Dalam isu rampasan dron, kenyataan Amerika bahawa dron tersebut merupakan kendalian kontraktor awam bagi melakukan kajian kelautan untuk mengumpulkan data suhu, tahap kemasinan dan kejernihan air laut, bertentangan dengan dakwaan yang dikemukakan oleh China ("China's navy seizes US underwater drone in South China Sea", 2016). Sebagai pihak yang mempunyai kepentingan dalam isu ini, penggunaan kata leksikal yang mempunyai konotasi negatif seperti *stole*, *unlawful*, dan *unprecedented* oleh Amerika Syarikat memberikan tafsiran dan tanggapan yang negatif kepada negara China. Penggunaan bahasa seumpama ini menunjukkan bagaimana pihak yang tertentu dalam konflik dapat melindungi kepentingannya dan menzahirkan hasratnya melalui maklum balas yang dinyatakan dalam laporan berita. Penggunaan sedemikian memberikan kesan tafsiran yang berbeza-beza kepada pihak-pihak yang berkonflik, sesuai dengan hasrat pihak yang berkenaan.

Penggunaan bahasa seperti yang ditunjukkan dalam contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa pemilihan dan penyusunan butiran leksikal bagi menggambarkan sesuatu peristiwa oleh penulis berita, mempunyai kesan langsung kepada pembaca. Pilihan unsur leksikal dalam teks ialah pernyataan tafsiran pemberita bagi peristiwa yang dilaporkan. Tafsiran tersebut boleh mempengaruhi pemahaman seseorang pembaca terhadap peristiwa yang dilaporkan. Bagaimana sesuatu isu dipaparkan dalam akhbar juga dapat mempengaruhi pihak-pihak pembuat dasar yang turut membaca laporan berita yang ditulis (Seib, 2007:244), membina persepsi mereka daripada laporan tersebut, dan mempengaruhi cara penyelesaian sesuatu konflik, sama ada konstruktif, atau destruktif (Reuben, 2009:46).

2.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan yang berikut:

- (i) Mengetahui pasti unsur-unsur bahasa dalam teks laporan yang menggambarkan konflik Lahad Datu yang berlaku.
- (ii) Mewujudkan tipologi konflik daripada maklumat yang terdapat dalam (i).
- (iii) Melihat ada tiadanya kecenderungan membuat tafsiran konflik Lahad Datu yang berbeza berdasarkan laporan akhbar-akhbar yang berkenaan, dan melakarkan kecenderungan-kecenderungan itu.

2.4 Soalan Kajian

Berikut ialah soalan-soalan kajian:

- (i) Bagaimanakah penggunaan butir-butir leksikal menghasilkan tafsiran yang berbeza?

- (ii) Adakah perbezaan tafsiran berpunca daripada makna leksikal, atau daripada penggunaannya dalam konteks ayat?

- (iii) Apakah tafsiran sesuatu konflik itu terhad kepada konteks ayat, atau meliputi konteks wacana yang lebih luas, seperti perenggan atau ko-teks (*co-text*) dalam laporan berita yang sama atau yang berlainan, iaitu dalam akhbar yang sama tetapi tarikh yang terdahulu atau dalam akhbar yang berlainan?

2.5 Penjelasan konsep

Dua konsep penting yang menjadi asas perbincangan dalam kajian ini ialah fungsi bahasa, dan konflik.

2.5.1 Fungsi bahasa

Bahasa berfungsi untuk mengorganisasikan pengalaman-pengalaman dalam kehidupan manusia menjadi kandungan yang dapat difahami dan menunjukkan proses sosial yang berlaku dalam bentuk perkataan. Pengalaman-pengalaman disusun melalui hubungan semantik menjadi satu kandungan dan ditukarkan ke dalam bentuk perkataan melalui sistem leksiko-nahu atau disebut juga sebagai sistem nahu (Halliday & Mathiessen, 2004:24-25).

Tiga fungsi bahasa ialah representasi (*representation*), konasi (*conation*) dan kognisi (*cognition*).

Representasi bahasa ialah proses di mana pengalaman-pengalaman kehidupan tersebut diungkapkan menggunakan bahan (*substance*) fonetik dan fonologi, iaitu bunyi-bunyi tuturan, dan tulisan yang disusun dan diorganisasikan dalam bentuk struktur dan sistem

bahasa yang teratur dan formal. Kedua-dua sistem bunyi dan sistem tulisan ini merupakan dua mod ungkapan yang merepresentasikan atau merealisasikan leksiko-nahu sesuatu bahasa, bergantung kepada data atau teks yang digunakan ((Halliday & Mathiessen, 2004:7). Daripada konsep yang diterangkan ini, bahasa ialah sistem yang mempunyai dua strata, iaitu strata *content* (kandungan) dan *expression* (ungkapan) ((Halliday & Mathiessen, 2004:24).

Kandungan atau *content* berbentuk pengalaman *going-on*, iaitu *happening*, *doing*, *sensing*, *meaning*, *being* dan *becoming* yang direalisasikan dan diungkapkan sebagai Proses dan disusun mengikut sistem nahu klausa. Pengalaman dibahagikan kepada dua, iaitu *inner* dan *outer experience*. *Outer experience* merupakan apa yang dialami di luar atau di dunia di sekeliling kita, manakala *inner experience* merupakan apa yang berlaku dalam diri seseorang individu termasuklah apa yang dinamakan sebagai persepsi, emosi dan imaginasi. Kedua-dua pengalaman *outer* dan *inner* ini disatukan oleh sistem nahu klausa yang mengaitkan satu pengalaman dengan pengalaman yang lain, bagi mengungkapkan satu peristiwa bahasa dalam teks. Pengungkapan pengalaman yang konkrit atau jasmaniah sifatnya seperti *makan*, *beritahu*, *pergi* dan seumpamanya dinamakan sebagai Proses Material.

Selain mengungkapkan pengalaman dan melakukan interaksi, bahasa juga mengungkapkan hasrat yang terkandung dalam fikiran untuk melakukan sesuatu. Proses ini dinamakan konasi. Konasi atau *conation* didefinisikan sebagai ‘*The basic notion is that of ‘have (possession) and do’* (Halliday & Mathiessen, 2004:501). Konasi lazimnya berdampingan dengan kata kerja dalam klausa. Contoh konasi dalam klausa ialah ‘Saya ingin’ dan ‘Saya mahu’.

Selain daripada konasi, satu lagi fungsi representasi bahasa ialah kognisi (*cognition*). Kognisi merepresentasikan proses mengetahui dan memahami sesuatu, yang berlaku dalam akal dan

perasaan manusia. Contohnya, *Saya faham, saya ingat (I understand, I remember)* ((Halliday & Mathiessen, 2004:26). Kedua-dua konasi dan kognisi ini dikategorikan sebagai Proses Mental.

Bahasa juga mengungkapkan perasaan dalam bentuk manifestasi yang dapat dilihat dengan mata kasar. Misalnya *ketawa* melambangkan rasa riang dan gembira manakala *menangis* menunjukkan rasa sedih. Kedua-dua perlakuan *ketawa* dan *menangis* dan seumpamanya dikelompokkan ke dalam Proses Perilaku (*Behaviourial*).

Selain daripada mengungkapkan pengalaman, bahasa juga mengungkapkan pernyataan atau usul yang dengannya seseorang individu memberitahu atau menyoal, memberi arahan atau membuat tawaran, menyatakan penilaian atau sikap terhadap sesiapa sahaja yang seseorang individu maksudkan dan perkatakan. Interaksi yang membolehkan seseorang individu memberikan kenyataan, memberitahu, membuat tawaran dan menyatakan sikap terhadap sesuatu, direalisasikan oleh perkataan yang menunjukkan Proses pertuturan Verbal.

Bagi mengetahui dan menjelaskan bagaimana bahasa disusun, dan bagaimana susunan tersebut berkait dengan fungsinya dalam kehidupan manusia sebagai representasi kandungan pengalaman, interaksi, keinginan, dan aktiviti yang berkait dengan perasaan dan fikiran, seseorang individu perlu melihat bahasa sebenar yang digunakan, iaitu teks ((Halliday & Mathiessen, 2004:26). Teks ialah representasi atau *instantiation* yang terdiri dari bahan dan bentuk (*substance and form*), yang disusun dan dikaitkan dengan ciri-ciri bukan linguistik (*context*) bagi mengungkapkan peristiwa bahasa yang ingin dinyatakan. Melalui konsep *instantiation*, sistem bahasa ‘dicontohkan’ dalam bentuk teks. Oleh itu, untuk mengetahui

bagaimana bahasa merepresentasikan sesuatu kandungan atau peristiwa, teks wajar dikaji untuk menjelaskan bagaimanakah makna-makna kandungan yang tersusun dalam sistem tatabahasa teks tersebut menggambarkan atau merepresentasikan peristiwa yang diceritakan.

2.5.2 Konflik

Konflik merupakan suatu konsep yang luas, yang didefinisikan dengan pelbagai takrifan merentas disiplin yang meliputi bidang interaksi sosial (Speakman & Ryals, 2010:187) dan boleh diteliti dari pelbagai aspek (Mohd. Foad Sakdan, 2005:16). Konflik merupakan ketiadaan persetujuan antara dua pihak, individu atau kumpulan (Schdmit & Kochan,1972:), kekecewaan kepada sesuatu pihak (Thomas, 1992:265), ketiadaan kesesuaian (*incompatibility*) dan pertentangan (*opposition*) Asmah (2013:7), pertentangan antara dua pihak atau lebih, yang mempunyai aspirasi berbeza ((Miller, 2005:22), berbeza kepentingan, atau berbeza kepercayaan (Pruit, 1998:470) dan pelencongan atau perubahan kepentingan oleh sesuatu pihak, yang boleh berlaku pada peringkat individu dan kumpulan (Reuben, 2009:49). Konsep konflik termasuklah *contest*, *competition*, *dispute*, *tension*, dan *to manifest clashes between social forces* (Dahrendorf (1959:140).

Dari sudut bahasa, konsep konflik berasal daripada bahasa Latin. Konsep ini mempunyai dua fungsi, iaitu sebagai kata kerja dan kata nama. Fungsi kata kerja dibawa oleh kata leksikal *confligere*, yang merupakan gabungan dua konsep, iaitu 'con' yang bermaksud 'together' and *fligere* yang membawa makna 'to strike'. Dalam konteks fungsinya sebagai kata nama pula, konsep konflik dinyatakan oleh *conflictus* yang bermaksud 'a contest' (Oxford Dictionary Online, 2018). Kedua-dua makna dalam kata kerja dan kata nama ini dirumuskan sebagai gabungan *to strike together*, *struck together*, *fought* yang mengandungi

konsep 'menentang/melawan' dan *a contest* yang mengandung pengertian 'penentangan/perlawanan' sebagai makna asas bagi kata konflik. Konsep konflik dalam bahasa Latin inilah yang dibawa masuk ke dalam bahasa Inggeris, dan seterusnya ke dalam bahasa Melayu (Asmah, 2013:6).

Dalam bahasa Melayu, kata leksikal *konflik* merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris yang dikategorikan sebagai kata leksikal superordinat (Asmah, 2013:6). Kata leksikal superordinat ialah kata yang berada pada kedudukan lebih atas dalam suatu klasifikasi atau pengkelasan konsep. Sesuatu kata leksikal dilabelkan sebagai superordinat apabila makna yang didukungnya merupakan komponen makna induk yang terkandung dalam kata lain yang mempunyai kaitan makna dengannya. Sebagai contoh, makna yang didukung oleh kata leksikal *perang* merupakan makna induk yang terkandung dalam frasa nama *perang saudara*, *perang salib*, *perang saraf* dan *perang mulut*. Setiap satu daripada frasa tersebut mempunyai kaitan makna dengan kata *perang* yang merujuk kepada jenis-jenis *perang*. Daripada contoh ini, kata *perang* dikategorikan sebagai kata superordinat, manakala frasa yang menunjukkan pelbagai jenis *perang* dipanggil subordinat. Begitu juga bagi kata leksikal *konflik*, realisasi hubungan superordinat-subordinat ditunjukkan melalui hubungan antara kata leksikal *konflik* dengan jenis-jenis konflik seperti *konflik etnik*, *konflik antarabangsa*, *konflik dalaman*, dan *konflik politik*. Superordinat juga dikenali sebagai hipernim manakala subordinat disebut juga sebagai hiponim.

Dalam kajian Asmah, terdapat tiga konsep asas bagi kata konflik, iaitu *interparty*, *incompatibility* dan *opposition* (2013:1). Konsep *interparty* menunjukkan konflik berlaku antara dua pihak atau lebih. Konsep *incompatibility* pula merupakan penolakan (*refusal*) yang ditakrifkan sebagai *resistance or dissent, expressed in action or argument* (Oxford

Dictionary Online, 2018), manakala konsep *opposition* merujuk kepada *being so different as to be incapable of coexisting* (Oxford Dictionary Online, 2018), Sebagai contoh, kata konflik *bertengkar* menunjukkan unsur *interparty* kerana kejadian *bertengkar* hanya boleh berlaku antara dua pihak. *Bertengkar* juga mengandungi elemen *opposition* di mana perbezaan yang wujud antara dua pihak menyebabkan keadaan tidak sesuai (*incompatibility*) yang menjadi punca menyebabkan berlakunya kejadian *bertengkar*. Berdasarkan pertimbangan linguistik, kata-kata yang menunjukkan konflik dibahagikan kepada dua subdomain yang utama, iaitu konflik bersubjekkan manusia, dan konflik idea, perasaan, kepentingan dan lain-lain. Konflik bersubjekkan manusia dikenal pasti melalui kehadiran elemen manusia sebagai peserta dalam situasi konflik. Contohnya, *orang mengamuk*. Dalam frasa *orang mengamuk*, *orang* adalah subjek yang menjadi peserta atau pelaku kepada perbuatan *mengamuk*. Konflik idea pula dikesan melalui kewujudan kata abstrak seperti *pendapat*, *fikiran*, *pendirian*, *perasaan* dan *kepentingan*, yang hadir selepas kata yang membawa makna konflik. Contohnya, frasa *percanggahan pendapat* dan *perbezaan fikiran* terdiri daripada kata abstrak *pendapat* dan *fikiran* yang hadir selepas kata konflik *percanggahan* dan *perbezaan* (2013:7).

2.5.3 Tafsiran

Seperti konsep konflik, tafsiran juga merupakan suatu konsep yang digunakan secara meluas. Ia digunakan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang muzik, kajian cuaca, undang-undang, agama, hiburan dan banyak lagi. Setiap bidang membuat tafsiran berdasarkan keperluan dan kepentingan dalam bidang masing-masing (Glaserfeld, 1983:1). Dari segi makna kamus, tafsiran diertikan sebagai keterangan dan penjelasan (maksud ayat dan lain-

lain), kupasan, ulasan (KD4, 2005) dan *the particular way in which something is understood or explained* (OED Online,).

Dalam bidang linguistik, tafsiran bermaksud menjana makna yang diungkapkan daripada sesuatu teks. Teks merupakan apa-apa sahaja keluaran bahasa sama ada teks lisan mahupun teks tulisan. Antara contoh teks ialah lagu (Shamsul et al, 2019), transkripsi video (Zhang, 2017), senario ekonomi (Mamatisakovich & Oybekovna 2022), laporan akhbar (Salih, 2021). Tafsiran makna dalam bahasa hanya dapat dilaksanakan dalam konteks penggunaannya. Walaupun butir leksikal boleh dikategorikan kelas katanya secara bebas konteks, maklumat kelas kata tidak cukup untuk mentafsir makna sebenar yang dibawa oleh sesuatu butir leksikal. Hanya penggunaannya dalam konteks yang dapat menunjukkan fungsi dan tujuan sesuatu kata itu digunakan, sama ada untuk menjelaskan, untuk mengajukan pertanyaan atau untuk menjawab soalan, seperti yang dinyatakan oleh Halliday (2014:12):

*“But the class label does not show what part the item is playing in any actual structure. For that we have to indicate its **function**. The functional categories provide an interpretation of grammatical structure in terms of the overall meaning potential of the language.”*

Penggunaan unsur bahasa dalam konteks ditunjukkan oleh sistem leksikonahu klausa yang menunjukkan Proses *happening, doing, sensing, saying, being* atau *having* . Setiap satu jenis Proses mempunyai sistem leksikonahu yang tersendiri ((Halliday & Mathiessen, 2014:333-334). Dengan adanya konteks, baharulah seseorang dapat menunjukkan bagaimana dan mengapa sesuatu teks itu membawa makna yang sedemikian Halliday (2000: 41). Oleh yang demikian, hanya melalui sistem nahu klausa, tafsiran sesuatu unsur bahasa dapat dilaksanakan dengan sempurna.

2.5.4 Konteks

Tafsiran terhadap makna bahasa ditentukan berdasarkan konteks. Konteks dapat ditakrifkan sebagai keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya atau dapat dihubungkan dengan sesuatu (KD4, 2005) dan *the words that come just before and after a word, phrase or statement and help you to understand its meaning* (OED Online, 2008).

Konteks boleh terdiri daripada pelbagai jenis. Terdapat dua konteks yang lazim menjadi perbincangan ahli linguistik; konteks situasi dan konteks budaya. Konsep *cultural situation/kulturalsituation* oleh Wegener merupakan asas kepada apa yang disebut sebagai konteks situasi pada hari ini. Beliau menyatakan bahawa *cultural situation/kulturalsituation consisting of general orientations, preoccupation, and prejudice, common in speaker's historical period of time, which serve as a general background for understanding speech* (Wagener, 1991[1885]:xvi).

Konsep konteks ini diperluas oleh Malinowski dengan memasukkan riak wajah, gerak isyarat, gerak tubuh, khalayak, persekitaran sebagai konteks. Peluasan konsep konteks ini dijelaskan dalam bukunya *Coral Gardens and Their Magic* yang mendokumentasikan tentang kajiannya berkenaan entografi pertanian masyarakat Kepulauan Trobriand.

'...it is very profitable in linguistics to widen the concept of context so that it embraces not only spoken words but facial expression, gesture, bodily activities, the whole group of people present during an exchange of utterances and the part of the environment on which these people are engaged' Malinowski (1935:22)

Konsep konteks Malinowski dikembangkan oleh Firth dengan menambahkan ketepatan teknikal konsep ini dan menjadikannya sesuai untuk diterapkan dalam penyelidikan sebagai alat analisis makna yang utama (Philips, 1985:13-15). Firth mendukung idea yang sama

bahawa makna dan konteks tidak dapat dipisahkan kerana makna bahasa hanya dapat diketahui dan dijelaskan melalui fungsi dan peranan sesuatu unsur bahasa dalam konteksnya.

Menurut beliau,

'Meaning, that is to say, is to be regarded as a complex of contextual relations, and phonetics, grammar, lexicography, and semantics each handles its own components of the complex in its appropriate context'
Firth (1957:19)

Konsep hubungan kontekstual Firth mendapat perhatian Halliday (1978:134) yang berpandangan bahawa hubungan antara konteks, struktur teks dan jenis teks adalah penting dalam menghasilkan makna. Teks ialah apa-apa hasil dari pengucapan atau penulisan, yang boleh difahami dan ditafsirkan oleh pendengar dan pembaca. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa *language is, in the first instance, a resource for making meaning; so text is a process of making meaning in context.* (Halliday, 2014:3).

Seperti juga teks-teks lain, unsur bahasa dalam teks lisan juga memerlukan konteks untuk difahami. Sperber & Wilson (1986) dalam Nor Hashimah (2003:49-50) mentakrifkan konteks dalam ujaran lisan sebagai seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh orang yang mendengar sesuatu ujaran. Andaian boleh dibina berasaskan ujaran terdahulu, alam sekitar dan pengetahuan ensiklopedik seseorang. Andaian inilah yang dikatakan sebagai konteks dan menjadi asas kepada interpretasi makna sesuatu ujaran yang dituturkan. Selain daripada ujaran lisan, gerak isyarat yang dilakukan oleh pihak penutur ataupun pendengar juga merupakan konteks (Farsani et al, 2022).

Daripada perbincangan di atas, konteks atau maklumat kontekstual merupakan elemen penting bagi membolehkan tafsiran makna bagi sesuatu penggunaan bahasa dilakukan. Tanpa konteks, tafsiran makna sesuatu perlakuan bahasa tidak akan dapat dijana dengan

sempurna dan lengkap kerana bahasa merupakan alat sosial yang hanya berfungsi dan mempunyai makna dalam konteksnya.

2.6 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada tiga aspek yang berikut:

- (i) Korpus kajian dibataskan kepada laporan berita bahasa Melayu yang ditulis dalam akhbar-akhbar berbahasa Melayu dari tarikh 14 Februari 2013 sehingga 24 Mac 2013.
- (ii) Unsur-unsur bahasa konflik yang dikaji adalah unsur-unsur dalam bahasa Melayu atau kata pinjaman yang sudah diserapkan ke dalam bahasa Melayu.
- (iii) Fakta sejarah dan proses-proses sosial yang dinyatakan dalam kajian ini hanya dijadikan maklumat latar dalam pemberian tafsiran kepada unsur-unsur bahasa konflik yang dikaji.

2.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepentingan dalam tiga perkara yang dinyatakan di bawah:

- (i) Bahasa laporan akhbar, seperti juga bahasa dalam penggunaan sehari-hari, terbuka kepada kepelbagaian tafsiran. Disebabkan sudah menjadi tabii bahasa sebagai sistem perlambangan, bahasa boleh ditafsirkan menurut kebiasaan pengguna dalam konteks situasi yang berbeza-beza.

- (ii) Berbangkit dari (i), adalah penting bagi pengguna bahasa terutama sekali dalam konteks konflik, melihat penggunaan sesuatu unsur bahasa itu dalam konteks situasinya, sebelum membuat sesuatu kesimpulan, agar tidak menimbulkan salah faham.
- (iii) Salah faham atau salah tafsir yang berpunca daripada penggunaan sesuatu unsur bahasa dalam laporan berita boleh membawa kepada salah laku etika dan juga konflik bersenjata.

2.8 Rumusan

Unsur-unsur bahasa yang digunakan dalam teks laporan konflik merupakan representasi pengalaman penulis berita terhadap konflik yang dilaporkan. Penulis berita yang berlainan merepresentasikan pengalamannya yang berbeza-beza terhadap konflik. Perbezaan ini menghasilkan tafsiran tertentu terhadap konflik yang berlaku. Sesuai dengan sifat bahasa yang boleh menghasilkan pelbagai tafsiran yang berbeza-beza, penggunaan unsur-unsurnya perlu mengambil kira konteks situasinya bagi mengelakkan salah faham yang boleh membawa akibat yang buruk, khususnya dalam konteks konflik. Penggunaan unsur-unsur bahasa dalam teks laporan berita dapat dihuraikan melalui pendekatan linguistik. Pendekatan-pendekatan yang diterapkan oleh sarjana terdahulu untuk menghuraikan penggunaan bahasa, diterangkan dalam Bab 3.

BAB 3: TINJAUAN KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Konflik Lahad Datu banyak dikaji daripada aspek undang-undang. Antara kajian yang telah dilaksanakan oleh sarjana tempatan ialah kajian oleh Abdullah (1987), Mohd Ariff, (1988), Fernandez, 2007), Kadir (2009), Nik Anuar (2009), Mohd Faizal Musa (2013), Mohd Hazmi & Muhamad Azim (2013), Abdul Gani (2013) dan Mohd Hazmi & Maizatun, (2014).

Kajian yang menumpukan kepada aspek bahasa yang digunakan dalam mengungkapkan hal-hal berkaitan dengan konflik ini masih kurang dilaksanakan. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian yang menghuraikan makna unsur-unsur bahasa yang digunakan bagi mengungkapkan konflik dalam wacana laporan berita konflik Lahad Datu Sabah yang berlaku pada tahun 2013.

Untuk menjelaskan makna-makna yang terkandung dalam laporan berita konflik, unsur-unsur bahasanya perlu dikaji. Kajian tentang makna atau kajian semantik ialah kajian mengenai bahasa dan maknanya yang dipelopori oleh ahli falsafah seperti Wittgenstein (1922), ahli falsafah dan ahli bahasa, C.K. Ogden dan ahli retorik I.A. Richards (1923). Semantik merupakan kajian makna bahasa khususnya makna kata, frasa, klausa dan ayat. Kata 'semantik' mula digunakan oleh Michel Breal, ahli filologi Perancis pada tahun 1883. Pada peringkat awal kajian makna, ahli-ahli falsafah membincangkan konsep makna dalam konteks falsafah dengan tumpuan kepada kajian semiotik, iaitu kajian penggunaan lambang yang dikenali sebagai bidang semantik falsafah. Perbincangan mengenai makna

kemudiannya berkembang kepada aspek linguistik, iaitu bentuk dan makna perkataan yang dipelopori oleh Bloomfield (1933) dan J.R. Firth (1957) dan dikenali sebagai semantik linguistik. Bab ini membincangkan pendekatan-pendekatan yang digunakan untuk mengkaji makna pada peringkat leksikal dan makna dalam konteks wacana bahasa Melayu.

3.2 Tinjauan Kajian Semantik Leksikal

Kata atau butir leksikal merupakan satu daripada aspek bahasa yang memberi sumbangan kepada makna. Aspek makna kata, khususnya analisis komponen makna merupakan tumpuan awal dalam kajian semantik linguistik. Beberapa pendekatan telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu untuk menganalisis makna kata bahasa Melayu, menjelaskan hubungan makna antara kata yang berbeza, termasuklah kata-kata konflik. Pendekatan analisis komponen makna digunakan dalam kajian Ton Ibrahim (1987) meneliti kata gerak dalam dialek Kedah, dan kajian kata konflik oleh Asmah Haji Omar (1998, 2013). Selain daripada pendekatan komponen dan medan makna, pendekatan fraseologi yang menggabungkan Teori Makna Teks dan Teori Fungsi Tatabahasa Sistemik diterapkan oleh Salinah Jaafar (2007) untuk mengkaji makna kata sifat 'baik' dan 'cantik'. Pendekatan pragmatik yang digunakan oleh Ahmad Ramizu (2007) pula mengkaji kata konflik dalam konteks perbincangan mahkamah.

Kajian Ton (1987) menggunakan analisis komponen semantik (Leech, 1974) untuk mengenal pasti dan menyusun komponen-komponen makna bagi kata-kata yang mempunyai unsur makna gerak, dalam dialek Kedah. Kajiannya memperlihatkan dengan jelas bagaimana pendekatan tersebut dapat dijadikan kaedah untuk mengetahui dan menyusun komponen-komponen makna kata yang lazimnya mempunyai persamaan makna dan mencari perkaitan

antara komponen-komponen tersebut. Untuk membolehkan analisis komponen semantik dijalankan, medan makna sesuatu kata perlu diketahui terlebih dahulu. Analisis berdasarkan medan makna bertujuan mendapatkan kumpulan-kumpulan kata dalam domain-domain yang ada persamaan daripada segi makna tetapi maknanya berbeza disebabkan adanya komponen-komponen makna yang lain. Dengan kata lain, pendekatan ini mencari ciri dan fitur perbezaan dan persamaan yang ada dalam kumpulan kata domain-domain tersebut.

Analisis medan makna dibuat dalam 2 peringkat, iaitu 1. Analisis komponen makna, dan 2. Analisis perkaitan makna. Komponen makna ditentukan berdasarkan komponen bersama (*common component*), komponen kontrastif atau diagnostik (*contrastive and diagnostic component*), dan komponen tambahan (*supplementary component*). Contoh komponen bersama bagi kata kerja *jalan*, *lari*, *rangkak* ialah [+gerak]. Komponen kontrastif dan diagnostik pula seperti *bapa* [+lelaki][+hubungan keturunan menegak], dan *bapa saudara* [+lelaki][+hubungan keturunan lateral]. Komponen makna [+hubungan] yang berbeza menjadi komponen makna kontrastif yang membezakan makna antara *bapa* dengan *bapa saudara*. Komponen diagnostik merupakan komponen utama dalam set susunan komponen makna bagi sesuatu kata. Komponen tambahan biasanya ada dalam makna sesuatu kata tetapi tidak diperlukan untuk membezakan makna. Contohnya *father* dalam ayat [he was like father to me], komponen diagnostiknya, iaitu [+penjagaan yang baik][+mempunyai sifat kasih] merupakan komponen utama, manakala komponen diagnostik *father* [+lelaki][+hubungan keturunan menegak] menjadi kurang penting atau menjadi komponen tambahan dalam konteks ayat tersebut.

Analisis peringkat kedua ialah perkaitan makna yang menunjukkan kumpulan perkataan yang mempunyai perkaitan makna yang rapat, yang dipecahkan kepada empat jenis berdasarkan pembahagian Nida (1975), iaitu rangkuman (*inclusion*), tumpang tindih (*overlapping*), saling melengkapi (*complementation*), dan kontiguiti (*contiguity*). Contoh kaitan makna rangkuman ialah *ayam* merupakan *ternakan*, yang dikategorikan pula sebagai *binatang*. Tumpang tindih pula melibatkan kata yang mempunyai makna konseptual yang hampir sama, seperti *ibu* dan *emak*. Kaitan makna saling melengkapi dibahagikan pula kepada makna yang bertentangan, iaitu *opposites* seperti kecil-besar, tinggi-rendah; *reversives* (maju-mundur, pasang-surut) dan *conversives* (berjual-beli, solek-menyolek). Kontiguiti pula merupakan kumpulan perkataan yang mempunyai perkaitan makna yang rapat. Sebagai contoh, kata kerja *berjalan*, *lompat*, *lari*, dan *rangkak* berkongsi komponen semantik *gerak* yang melibatkan pergerakan oleh pelaku dengan kaki. Kata *rangkak* pula mempunyai komponen makna pergerakan kaki dan tangan yang membezakan kata tersebut daripada *berjalan*, *lompat* dan *lari*. Perkaitan makna yang diperoleh daripada analisis komponen makna, dijadikan ciri bagi mengelompokkan kata gerak yang dipilih.

Kajian Salinah Jaafar (2007) menggunakan Teori Makna Teks (*MeaningText Theory*) oleh Igor Melcuk (1996) dan Teori Fungsi Tatabahasa Sistemik oleh Halliday yang digabungkan sebagai satu pendekatan frasalogi untuk mengetahui makna dan hubungan leksikal kata adjektif bahasa Melayu *baik* dan *cantik*. Kajian beliau cuba membuktikan bahawa makna kata dapat diketahui melalui fungsi leksikal. Fungsi leksikal ialah alat formal yang dicipta bagi menerangkan hubungan leksikal yang terkandung dalam bahasa, dengan lebih tepat dan sistematik. Daripada analisis yang dilakukan, kata *baik* yang berkolokasi dengan kata ganti nama diri menunjukkan wujudnya keadaan berkonflik. Contohnya, kata *baik* dalam ‘*Baik*

kau bersedia dari sekarang' menunjukkan makna dan fungsi leksikal *baik* yang memberi amaran terhadap seseorang. Keadaan berkonflik *dendam* pula dapat dilihat dalam penggunaan *baik* diikuti tanda baca seperti '*Baik, akan aku ingat sampai mati perbuatan itu*'. Selain menunjukkan amaran dan perasaan *dendam*, pola *baik* yang berkolokasi dengan kata penguat seperti *dia ingat dia baik sangat*, dan pola *baik* yang berganding dengan kata kerja '*Baik kata kau, malam-malam hilang entah ke mana*' menunjukkan makna dan fungsi leksikal sindiran. Daripada contoh-contoh ini, selain daripada makna dan fungsi leksikal yang menunjukkan perangai/tabiat, keadaan, hasil, faedah, kesihatan, hubungan, kualiti, nasib, pilihan dan adverba, kata adjektif *baik* juga dapat memberikan makna dan fungsi leksikal yang menunjukkan keadaan berkonflik, iaitu amaran, *dendam* dan sindiran.

Bagi kata *cantik* pula, pola kata adjektif + *cantik* seperti '*Banyak cantik, buat-buat tak faham pula maksud kita*' menerangkan keadaan berkonflik, iaitu tindakan menempelak seseorang atau sesuatu pihak disebabkan rasa tidak puas hati. Bagi pola kolokasi *cantik* dengan kata penguat seperti dalam '*Dia ingat muka dia cantik sangat*' dan '*Cantik benar perangai anaknya sehingga emak sakitpun tidak mahu pulang*', kata *cantik* dalam konteks tersebut menunjukkan rasa marah dan sindiran yang menandakan wujudnya tindakan berkonflik. Selain makna dan fungsinya untuk menerangkan sifat umum, khusus, abstrak dan sebagai adverba, kata *cantik* seperti dalam contoh tersebut juga menunjukkan makna dan fungsi leksikal yang menerangkan konotasi konflik, iaitu rasa tidak puas hati, marah dan sindiran.

Ahmad Ramizu (2007) meneliti makna kata-kata konflik dalam situasi perbincangan di mahkamah menggunakan pendekatan pragmatik. Pendekatan tersebut menggabungkan teori pragmatik Thomas (1981) dan Leech (1983), teori medan makna oleh

Jost Trier (1931), dan analisis komponen makna. Pendekatan pragmatolinguistik memberikan tumpuan kepada leksikal dan nahu untuk melihat keberkesanan penggunaan bahasa dalam konteks situasinya. Teori medan makna dan analisis komponen makna digunakan untuk mengenal pasti dan memperincikan komponen-komponen makna perkataan dan ungkapan konflik, dan penyelesaian konflik, khususnya konflik canggih (*sophisticated*) dalam data rakaman perbicaraan mahkamah. Kata dan ungkapan konflik yang ditemui dalam kajian dibahagikan kepada dua, iaitu kata konflik, dan kata konflik dan kuasa.

Kata konflik canggih terdiri daripada *mohon, adu, lawan, bertentangan, kes, rayuan, ikrar, tika, bicara dan bantah*. Kata dan ungkapan penyelesaian konflik yang digunakan dalam perbicaraan ialah *hukuman, penjara, denda atau penjara, denda dan penjara, denda, bon, kos, lepas, dilepaskan tanpa dibebaskan, dilepaskan dan dibebaskan, dilepaskan dengan dihukum berkelakuan baik, sabit, sah, perintah, arah, fardhu, benar, setuju, beri, lulus, mansuh, fasakh, faraq, selesai, tamat, tutup fail, memutuskan, keputusan, mengiktiraf, mempertimbangkan, menolak, dan amaran*. Kata dan ungkapan konflik yang menunjukkan kuasa pula ialah *afidavit, bela, tuntutan, dakwa, tuduh, lapor, waran, bukti, guam, soal, hujah, injunksi, sumpah, lepas, saman, dan siasat*. Penggunaan kata dan ungkapan konflik dalam perbicaraan dibezakan mengikut tujuan dan kesan komunikasi yang diinginkan. Contohnya kata *tuntut* menunjukkan tujuan tuntutan yang lebih serius berbanding kata *mohon* yang memberikan tafsiran dan kesan tuntutan yang kurang serius.

Seperti kata dan ungkapan konflik, kata dan ungkapan penyelesaian konflik juga digunakan sesuai dengan situasi dan jenis konflik yang dibicarakan. Contohnya kata yang bersifat umum seperti *hukum, sabit, perintah* digunakan oleh hakim untuk penyelesaian konflik Mal dan

Jenayah. Kata *denda, penjara, lepas, lepas tanpa bebas* pula digunakan khusus dalam perbicaraan Jenayah, manakala *sah, benar, setuju, timbang* digunakan dalam kes Mal. Bagaimanapun, kajian ini tidak menunjukkan secara terperinci komponen-komponen persamaan dan perbezaan makna setiap kata konflik yang ditemui dalam kajian.

Asmah (1998, 2013) menggunakan pendekatan medan makna (Lehrer, 1974) untuk menganalisis kata leksikal dan metafora berkaitan konflik. Kajian ini mengambil kata-kata yang mempunyai konsep konflik, bukan konflik dan penyelesaian konflik dari *Kamus Dewan Edisi Keempat* dan dikenal pasti komponen semantiknya. Walaupun bermula dengan sumber kata dalam kamus, Asmah meluaskan pemerhatiannya kepada konteks penggunaannya dalam akhbar, penceritaan dan sumber-sumber lain (2013, hlm.4). Oleh yang demikian, pengkategorian yang dihasilkannya bersifat menyeluruh dan boleh digunakan untuk mengelompokkan kata-kata konflik yang lain. Kata dipetakan medan maknanya berdasarkan ciri persamaan konsep asas dan ciri pembeza. Kata-kata yang termasuk dalam medan makna yang sama mempunyai komponen makna asas yang dipanggil konsep asas atau primitif. Konsep asas *konflik* ialah antara dua pihak (*interparty*), tiada kesesuaian (*incompatibility*) dan pertentangan (*opposition*). Selain persamaan asas, komponen makna yang tidak dikongsi oleh kata-kata yang mempunyai primitif yang sama, dinamakan sebagai ciri pembeza atau *distinguisher* dan berfungsi membezakan makna kata yang berkongsi primitif.

Di samping konsep asas dan ciri pembeza, komponen makna sesuatu kata leksikal juga dapat ditentukan melalui ciri morfosemantik. Contohnya, imbuhan apitan *ber...an* yang hadir bersama-sama kata konflik *balah* membentuk kata leksikal terbitan *berbalahan*, menunjukkan komponen makna kesalingan (*reciprocity*). Ciri pembeza juga diketahui

melalui konteks penggunaan kata konflik dalam bentuk metafora. Contohnya kata *perang* yang digunakan dalam metafora *perang mulut* menunjukkan komponen makna perang juga boleh wujud dalam bentuk tanpa senjata yang berbeza dengan perang konvensional yang lazimnya mempunyai komponen makna [+senjata].

Dalam kajian Asmah (2013), ciri pembeza membahagikan kata konflik kepada dua medan makna utama, iaitu konflik manusia (human subject) dan konflik pemikiran, perasaan dan keinginan (*ideas, feelings and interest*). Walaupun kedua-dua medan makna ini mempunyai unsur penglibatan manusia, konflik manusia melibatkan seseorang individu secara langsung sebagai pelaku kepada konflik, manakala konflik pemikiran melibatkan manusia sebagai pihak yang memiliki pemikiran, pandangan dan perasaan yang keadaannya dinyatakan dalam konflik. Konflik manusia lebih kerap berlaku dalam bahasa Melayu, dibahagikan lagi kepada tiga submedan makna, iaitu Verbal, *fizikal* dan gabungan Verbal dan *fizikal*. Contoh konflik verbal ialah *berhujah, berbabil* dan *berbalah*. Konflik fizikal seperti *bertumbuk* dan *bergelut*, manakala konflik yang menggabungkan verbal dan fizikal ialah *bertengkar, bergaduh* dan *bertikai*.

Konflik pemikiran pula ditunjukkan oleh penggunaan kata leksikal yang membawa makna konflik seperti *percanggahan, perselisihan, pertentangan, perbezaan* yang diikuti oleh kata leksikal abstrak yang melambangkan pemikiran dan idea seperti *pendapat, fikiran, pendirian, perasaan, dan kepentingan*.

Makna kata konflik dibezakan oleh lapan ciri pembeza, iaitu sasaran dan sebab khusus (*specific target and cause*), dan arah sasaran (*target*), mod pemindahan (*mode of transmission*) sama ada dengan bahasa, tanpa bahasa atau penghantaran melalui bahasa dan tindakan fizikal, gaya pemindahan (*style of transmission*), ketegangan (*intensity*), tempoh (*duration*), atur letak (*setting*), keintelektualan (*intellectuality*), dan jangkaan hasil yang akan berlaku (*possible result*). Makna kata konflik manusia digolongkan berdasarkan ciri atau fitur pembeza sasaran dan sebab khusus. Contohnya, kata leksikal *amuk* mempunyai ciri [-sasaran/sebab khusus], manakala *serang* dicirikan dengan [+sasaran/sebab khusus]. Konflik yang mempunyai sasaran dan sebab khusus dipecahkan lagi berdasarkan arah sasaran (*direction of target*) sama ada mempunyai komponen kesalingan (*reciprocity*) [+kesalingan] atau [-kesalingan]. Kata konflik yang mempunyai komponen makna [+kesalingan] dikategorikan sebagai konflik dua hala (*bidirectional*), manakala yang tidak ada [-kesalingan] dikelompokkan dalam konflik sehala (*unidirectional*).

Mod pemindahan dengan bahasa terbahagi kepada unimodal (*verbal mode*) [+verbal], seperti *bertengkar* dan *bergaduh*, dan bimodal (*verbal* dan *written mode*) [+verbal, +bertulis], seperti *berhujah* dan *bertikai*. Mod pemindahan tanpa bahasa dibahagikan kepada ciri dengan senjata [+senjata] seperti *perang*, dan tanpa senjata [-senjata] yang lazimnya melibatkan pertelingkahan tubuh badan [+tubuh badan] seperti *bertumbuk*. Ciri pembeza gaya pemindahan membahagikan makna konflik mengikut dua pecahan, iaitu canggih (*sophistication*) melalui [+canggih] dan [-canggih] yang dicirikan oleh ada tiadanya tindakan atau kata-kata yang menunjukkan tiada rasa hormat, atau penentangan terhadap suatu pihak. Sebagai contoh, *mogok* dan *bantahan* dikategorikan sebagai [+canggih], manakala *rusuhan* dikategorikan sebagai [-canggih]. Tahap ketegangan (*loud*) dicirikan oleh [+kenyaringan]

dan [-kenyaringan]; tempoh [+singkat], [-singkat]; atur letak (*setting*) [+terbuka], [-terbuka]; keintelektualan (*intellectuality*) [+intelektual], [-intelektual], dan jangkaan hasil (*possible results*) [+konflik lain], [-konflik lain].

Medan makna bagi kata pengurusan dan penyelesaian konflik pula dibahagikan kepada dua, iaitu (i). daya usaha pihak yang berkonflik, dan (ii). penglibatan pihak ketiga. Penyelesaian sendiri yang berasaskan daya usaha pihak yang berkonflik dibahagikan kepada dua, iaitu sehala (*unidirectional*) dan dua hala (*bidirectional*). Penyelesaian sehala dengan kesan dalaman (*internal effect*) ialah menyedari kesilapan sendiri seperti *insaf*, *bertaubat*; mengakui kesalahan: *mengaku*, *menanggung*, dan ketahanan diri: *sabar*, *tabah*. Penyelesaian sehala dengan kesan luaran (*external effect*) yang dipengaruhi oleh faktor-faktor luar ialah beralah (*submission*): *terima*, *ikut*, *turut*; terima kekalahan (*accomodating/acknowledge defeat*): *menyerah kalah*, *menyesuaikan diri*; pujukan (*persuading*): *pujuk*; mengelak (*avoiding*): *mengelak*, *diam diri*, *menghindar*; berundur (*withdraw*), iaitu mengelak sewaktu kemuncak konflik: *menarik diri*; membinasakan diri (*self distruction*): *membunuh diri*; merayu (*pleading*): *merayu*, *rayuan*; berdepan (*confronting*): *perbincangan*, *konfrontasi*, *bersemuka* yang boleh membawa kepada pertikaian fizikal dan verbal. Pertikaian fizikal boleh membawa kepada pembunuhan dan peperangan.

Selain itu, maaf (*forgiving*): *memaafkan*, *mengampunkan*; mohon maaf (*asking for forgiveness*): *minta maaf*, *mohon maaf*, dan melalui jenaka (*resenting to humor*): *jenaka*, *gurau*. Penyelesaian dua hala pula terdiri daripada berbaik antara satu sama lain: *berdamai*, *berbaik-baik*; persepakatan (*consensus*): *mesyuarat* [+formal]: *mesyuarah* [-formal];

rundingan: *mesyuarat, bincang, runding*; kompromi: *bertolak ansur*, dan tindakan selepas mencapai keamanan: *melupakan dan memaafkan, bermaaf-maafan dan bersalam-salaman* yang mempunyai komponen makna [+kesalingan].

Penglibatan pihak ketiga boleh menggunakan perantara, atau secara arbitrari atau tindakan pemutus. Penyelesaian konflik melalui perantara terdiri daripada usaha ke arah keamanan, dan usaha untuk mencapai persetujuan. Ia boleh mengandungi pujukan: *pujuk, memujuk*, dan nasihat: *menasihatkan, menasihati*. Penyelesaian secara arbitrari menyelesaikan konflik melalui pengenalpastian punca konflik, khususnya mencari pihak yang bersalah untuk dikenakan hukuman.

Kajian Indirawati & Jasminerah (2019) menggunakan perbincangan Leech (1966) dan analisis komponen makna Nida (1979) bagi mengenal pasti kata kerja yang lazim digunakan dalam iklan produk kecantikan dan menghuraikan hubungan sinonimi yang wujud di dalamnya. Analisis frekuensi dan analisis teks yang dilaksanakan mendapati 18 kata kerja yang lazim digunakan dalam iklan kecantikan. Jumlah tersebut dikategorikan kepada lima kelompok kata sinonim, iaitu kelompok pertama: *membantu, memberi/memberikan dan membekalkan*; kelompok kedua: *meningkat, menaikkan/naik dan menambah*; kelompok ketiga: *membuang/buang, menghilangkan, menyingkirkan dan mengeluarkan*; kelompok keempat: *merawat, menyegarkan, menyihatkan, memulihkan, memperbaiki dan menyembuhkan*; dan kelompok kelima: *mengharumkan dan mewangikan*. Lima kelompok

ini dianalisis komponen maknanya dan tiga komponen makna bersama dapat dirumuskan, iaitu [-mencukupi], [+ada] dan [-ada].

Kajian yang menerapkan empat unsur makna Pateda (2001) dalam bukunya *Semantik Leksikal*, bagi melihat makna kata kunci dalam kata pikat telah dilaksanakan oleh Nurul Azyan & Mardina (2021). Kata pikat yang dikumpulkan dari media sosial dianalisis makna leksikalnya dengan menggunakan pengkategorian unsur aspek makna, iaitu pengertian (*sense*), nilai rasa (*feeling*), nada (*tone*) dan maksud (*intention*). Unsur pengertian menghuraikan makna kata pikat secara terperinci. Unsur nilai memberi perhatian kepada kata-kata yang berkaitan dengan perasaan penutur. Nada menjurus kepada cara penyampaian penutur, iaitu intonasi dalam ujaran serta sikap penutur terhadap penerima dalam kata pikat. Unsur maksud pula menjelaskan sasaran yang hendak dicapai oleh penutur melalui kata pikat tersebut. Kajian mendapati kata kunci *Hadi, pelamin, Maria, tapak kaki, menahan, tali kasut, menu, emas, buah*, dan + (simbol matematik) membawa makna mengikut konteksnya.

3.3 Tinjauan Kajian Semantik Wacana

Selain makna kata secara bebas konteks, kata juga memberikan makna mengikut konteks penggunaannya pada peringkat klausa, ayat dan wacana. Konflik merupakan fenomena sosial yang berlaku dalam pelbagai konteks kehidupan manusia. Antaranya konflik dalam sukan, konflik hubungan kekeluargaan, konflik kepentingan, konflik ideologi dan konflik dalam perniagaan. Oleh yang demikian, kata-kata konflik hadir dalam pelbagai konteks wacana bahasa Melayu. Bagi membincangkan makna kata-kata konflik dalam konteks

penggunaannya, perbincangan dibahagikan kepada dua, iaitu (i). pengungkapan konflik, dan (ii). pengungkapan cara pengurusan dan penyelesaian konflik.

3.3.1 Pengungkapan konflik

Tindakan-tindakan konflik dalam wacana berita sukan diungkapkan dalam semua struktur binaan berita, bermula daripada tajuk atau kepala berita, perenggan utama dan perenggan-perenggan yang lain. Tan Joo Seng (1994) membincangkan struktur makro dan mikroteks wacana berita sukan untuk mengenal pasti dan menjelaskan ciri struktural dan ciri fungsional setiap segmen atau bahagian berita, menghuraikan dan menjelaskan bagaimana wacana berita memiliki struktur, susunan dan tatatingkat yang tertentu, dan menerangkan struktur berita akhbar yang berbeza dalam melaporkan berita yang sama. Analisis makroteks memperlihatkan hubung kait antara bahagian ringkasan (tajuk dan perenggan pertama) dengan bahagian pengembangan (perenggan lain), manakala analisis mikroteks menunjukkan unsur-unsur pilihan yang hadir dalam bahagian pengembangan dan berfungsi sebagai maklumat sampingan. Komponen mikrostruktur teks memberi perhatian kepada penggunaan bahasa pada aras perenggan dan ke bawah, dan komponen makrostruktur teks tertumpu kepada penggunaan bahasa pada peringkat di atas aras perenggan.

Melalui analisis makroteks, pengungkapan kata konflik didapati digunakan pada bahagian ringkasan, iaitu kepala berita atau tajuk berita, dan dikembangkan dalam perenggan pertama teks berita melalui tiga pola, iaitu pengembangan asas, pengembangan-reaksi verbal dan pengembangan penilaian. Tajuk berita '*Jimmy, Faridah dahului*' menunjukkan tindakan berkonflik diungkapkan menerusi kata *dahului* yang menunjukkan unsur persaingan dalam acara sukan yang disertai oleh kedua-dua atlet, iaitu *Jimmy* dan *Faridah*. Tajuk ini

kemudiannya dikembangkan melalui pola pengembangan asas dalam perenggan '*Jimmy Lee dan Faridah Taib masing-masing mendahului dalam kelayakan Masters*'. Kata *mendahului* dalam konteks tersebut mengungkapkan makna persaingan yang berlaku antara atlet. Dalam tajuk berita '*Selangor sedia bela Anuar*', diikuti oleh perenggan pertama *Selangor bersedia beri penjelasan kepada FAM terhadap kekeliruan yang timbul ekoran penghijrahan penyerang muda, Anuar Abu Bakar ke Johor* menunjukkan kesediaan Selangor mempertahankan atau melindungi seseorang atlet dalam konflik dengan pihak FAM.

Struktur berita juga menunjukkan penilaian penulis berita terhadap keadaan atau tindakan pihak-pihak dalam konflik. Daripada tajuk '*Silap rancang bawa padah*', diikuti perenggan pertamanya, *Para pemain dan pegawai pasukan bolasepak berlepas ke Dubai semalam dalam perjalanan pulang ke tanahair setelah menamatkan saingan dalam Kejohanan Pra Piala Dunia* menunjukkan penilaian wartawan yang menulis berita sukan tersebut bahawa perancangan yang dilakukan oleh pasukan bola sepak Malaysia adalah kesilapan yang menjadi punca kekalahan dan kekecewaan dalam Kejohanan Pra-Piala Dunia. Kata *padah*, dan *saingan* menunjukkan konflik. Kata umum yang digandingkan bersama, iaitu *silap* dan *racang* pula mengungkapkan punca kepada *padah* yang menyebabkan konflik. Penggunaan yang sama juga dilihat dalam analisis mikroteks, iaitu kata, frasa, klausa dan ayat yang digunakan dalam wacana. Sebagai contoh, pengungkapan konflik dalam tajuk '*Rombak regu sebagai helah*' mengungkapkan penggunaan muslihat untuk memenangi konflik persaingan dalam acara sukan. Tajuk tersebut dikembangkan dalam teks melalui ayat:

Ketiga-tiga regu skuad sepak takraw kebangsaan akan dirombak bagimengelirukan musuh tradisi Thailand sambil memastikan emas berpasukan dapat dikekalkan dalam sukan SEA di Singapura bulan depan. Jurulatih pakar mengatakan Thailand sudah mengetahui kekuatan dan kelemahan pasukan negara apabila bertanding dalam kejohanan sepak takraw dunia.

Bagi mengelirukan mereka, regu A, B dan C akan ditentukan dengan suatu strategi baru bagi menyulitkan cabaran lawan.

Berdasarkan konteks ayat, konflik diungkapkan menerusi kata leksikal *mengelirukan, musuh, kekuatan, kelemahan, bertanding, cabaran, strategi* dan *lawan*. Dengan adanya maklumat konteks, dapat diketahui bahawa *musuh* yang terlibat dalam konflik bukan hanya musuh biasa tetapi *musuh tradisi* yang menunjukkan perseteruan dan persaingan yang telah berlaku sejak sekian lama. Kata umum *menyulitkan* yang tidak dikategorikan sebagai kata leksikal konflik, berfungsi sebagai kata konflik dalam konteks ayat, yang menunjukkan akibat kepada strategi konflik. Penggunaan bahasa di atas menunjukkan bahawa ungkapan konflik dalam laporan berita terdapat dalam kedua-dua struktur mikro dan makroteks wacana.

Selain konflik dalam sukan, bidang politik dan pentadbiran negara juga mempunyai konfliknya yang tersendiri. Antaranya, konflik kepentingan dan ideologi. Kamila (1999) memilih pendekatan Analisis Wacana Kritis (*Critical Discourse Analysis*) oleh Fairclough (1989, 1995) untuk membincangkan strategi dan pendekatan politik yang digunakan dalam ucapan-ucapan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Analisis dilakukan dalam tiga peringkat atau dimensi, iaitu *description, interpretation* dan *explanation*. Pada peringkat analisis *description*, tiga nilai yang ada pada sesuatu teks, iaitu nilai *experiential, relational* dan *expressive* diberikan perhatian. Bagaimanapun, hanya nilai *relational* dan *expressive* dipilih untuk dikaji. Nilai *relational* menggambarkan hubungan sosial, dan mempunyai konsep yang sama dengan fungsi interpersonal dalam Teori Linguistik Sistemik-Fungsional oleh Halliday (1979). Nilai *expressive* menggambarkan penilaian pewacana terhadap identiti sosial yang ketara dalam teks.

Tiga bahagian atau seksyen ucapan dipilih untuk dibincangkan, iaitu seksyen ekonomi, UMNO dan Islam. Daripada ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam ketiga-tiga seksyen tersebut, dapat dikesan penggunaan kata yang menunjukkan konflik ideologi, kuasa dan kepentingan. Pertentangan ideologi atau asas pemikiran dan dasar pentadbiran dinyatakan dalam ekspresi berkaitan ekonomi, iaitu antara dasar *berjimat cermat, perbelanjaan dikurangkan, mengikat perut*, dengan kewujudan amalan *berhutang dengan banyak, gelojoh (greedy), menggadai negeri*, dan *boros berbelanja*. Konflik kuasa pula diungkapkan menerusi keupayaan UMNO sebagai parti utama negara yang mampu menentukan nasib dan menyelamatkan kedudukan mereka yang bukan ahli UMNO menerusi ungkapan *penyokong BN dapat menyelamatkan mereka*.

Konflik kepentingan ditunjukkan oleh nilai *relational* dalam ketiga-tiga seksyen yang memperkatakan tentang memerangi rasuah yang membawa akibat buruk melalui kaitan sebab akibat dalam ayat *implikasi amalan rasuah yang dibiarkan berleluasa secara tersembunyi akhirnya akan menyebabkan golongan berkuasa dan tidak berkuasa dalam UMNO turut terlibat dengannya*. Pentingnya perpaduan dinyatakan melalui klausa *merapatkan barisan di belakang*, dan akibat berhutang kepada rakyat dan negara yang dinyatakan dengan mengaitkan antara rakyat dengan negaranya menerusi ayat *seperti individu yang berhutang, negara juga terpaksa bayar hutang*.

Idris Aman (2001) juga menggunakan Analisis Wacana Kritis Fairclough (1995) bagi meneliti dimensi amalan wacana, dimensi tekstual dan dimensi proses sosial dalam perutusan tahun baru 1982-1999 oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Daripada ketiga-tiga dimensi ini, dimensi tekstual wacana menunjukkan leksikalisasi wacana melalui

metafora, kata kunci dan kata alternatif yang digunakan dalam wacana. Metafora berkaitan konflik yang digunakan oleh pewacana berkait dengan konflik perkauman melalui metafora api, iaitu *membakar perasaan perkauman, api perkauman, dan ditiup sehingga menyala*. Penggunaan kata kunci kemiliteran dalam teks merupakan ciri tekstual yang dominan dan menunjukkan wujudnya konflik. Kata-kata yang membawa makna konflik seperti *serangan, perjuangan, menyerah kalah, berkorban, dan menguasai* digunakan bagi menggambarkan konflik ekonomi (*serangan matawang*), konflik kepentingan diungkapkan menerusi penggunaan klausa *perjuangan kita, tidak menyerah kalah, tidak boleh menyerah kalah, korban sedikit, marilah kita berkorban, kesanggupan berkorban*), konflik teknologi maklumat diungkapkan menerusi *menguasai teknologi baru, sukar dikuasai, menguasai ilmu-ilmu*, dan konflik dadah dalam klausa *memerangi dadah*.

Analisis kata alternatif menunjukkan pelbagai cara untuk mengungkapkan makna yang sama dalam wacana. Dalam mengungkapkan isu utama dalam kajian, iaitu isu kedaulatan nasional, pewacana menggunakan 10 kumpulan leksikal alternatif yang boleh dirumuskan dalam tema *kedaulatan, kemerdekaan, bebas, bermaruah, berdiri sama tinggi duduk sama rendah, memiliki dan mengawal kekayaan sendiri, penjajahan, telunjuk kuasa asing, dan dijadikan alat*. Empat daripada 10 tema tersebut membawa maksud konflik, iaitu *memiliki dan mengawal kekayaan sendiri, penjajahan, telunjuk kuasa asing, dan dijadikan alat*.

Norhashimah (1994) menggabungkan pendekatan Semantik Sistem Penuh (Sperber dan Wilson, 1986) dengan teori pragmatik, iaitu Teori Relevans (Sperber dan Wilson, 1986) bagi meneliti penggunaan implikatur dan ganti nama bahasa Melayu dalam wacana komunikasi perniagaan. Implikatur merupakan mesej tersirat atau proposisi yang cuba disampaikan oleh

mesej atau ujaran yang tersurat. Analisis makna implikatur dilakukan dengan mengelompokkan 220 contoh implikatur yang diungkapkan dalam urusan tawar menawar kepada kategori khas berdasarkan 12 medan makna. Medan makna yang digunakan ialah *perbandingan, umpan, peyakinan, kejatian, kehandalan, asal usul, kemesraan dan penilaian* (Asmah, 1984) dan empat lagi medan makna dihasilkan berdasarkan data yang diteliti, iaitu *tuah, rayuan, optimistik dan tempatan*. Sejumlah 29 sampel implikatur dianalisis dalam tiga peringkat, iaitu peringkat analisis semantik (pemerian bentuk logik ujaran), peringkat piawai implikatur pemerian andaian (AI) dan kesimpulan implikatur (KI)), dan peringkat analisis pragmatik, iaitu interpretasi makna ujaran secara menyeluruh. Sebagai contoh:

1. Analisis semantik:

A: *Mahalnya!*

B: *Kalau di gudang-gudang besar tak boleh harga ni-mahal lagi*

Bentuk logik:

Kalau di _____ tak boleh harga ni - _____

[tempat membeli-belah yang tersusun]

[kos yang lebih]

2. Piawai Implikatur:

AI: Gudang-gudang selalunya mengenakan harga mati dan pelanggan tidak akan dibenarkan menawar. Selalunya harga di gudang-gudang besar jauh lebih mahal daripada di pasar.

KI: Harga yang ditetapkan oleh penjual sememangnya berpatutan dan murah.

3. Analisis pragmatik:

Contoh ayat di atas menunjukkan medan makna yang terlibat ialah *perbandingan*. Perbandingan menjadi salah satu cara untuk menarik minat pembeli melalui pengungkapan ayat/dialog yang membandingkan apa-apa yang ada di kedai tersebut dengan harga di gudang-gudang (*supermarket*).

Daripada dialog di atas, konflik kepentingan antara pihak pembeli dengan penjual diserlahkan menerusi ujaran yang bertentangan makna. Ujaran *Mahalnya!* menunjukkan tafsiran pembeli terhadap harga barangan yang ditawarkan, manakala strategi membandingkan harga di kedainya dengan kedai lain yang lebih besar oleh penjual, cuba mewajarkan harga yang ditawarkannya, merupakan tindak balas dengan reaksi pembeli tersebut. Konflik kepentingan ini kerap berlaku dalam konteks perniagaan, iaitu semasa rundingan harga atau tawar menawar untuk mencapai persetujuan harga yang menepati kehendak kedua-dua pihak.

Dalam kajian kata konflik (2013), Asmah meluaskan analisis makna kata-kata konflik dengan melihat konteks penggunaannya dalam wacana, iaitu contoh-contoh penggunaan kata tersebut dalam teks akhbar, teks politik, cerita dan sumber-sumber lain. Berbeza dengan analisis medan makna pada aras leksikal yang bebas konteks, analisis yang memberi tumpuan kepada aspek penggunaan dalam ayat memberikan makna yang berbeza kepada konflik. Melalui maklumat konteks penggunaan, konflik diberikan kategori baru yang tidak dapat dicungkil melalui analisis medan makna, iaitu kategori *keadaan*, *peristiwa* dan *tingkat peristiwa*. Konflik ialah keadaan apabila berkolokasi dengan *ada*, *wujud* dan *terdapat* seperti dalam ayat *Sudah **ada pertikaian** di antara mereka*. Konflik ialah peristiwa apabila berdampingan dengan kata yang menunjukkan kejadian seperti *telah* dan *sedang* seperti

peperangan telah tercetus. Konflik juga peristiwa yang mempunyai tingkatan-tingkatan yang tertentu yang ditandai oleh kata-kata yang menunjukkan tahap *menjadi-jadi, berlarutan, berperingkat-peringkat* seperti ayat *peperangan itu berlarutan sehingga beberapa tahun*. Analisis ini menunjukkan bahawa melalui penggunaannya dalam wacana, konflik boleh diperluas maknanya daripada makna asas dalam konteks makna leksikal, kepada makna yang menunjukkan keadaan, peristiwa dan peringkat-peringkat konflik.

Kajian Asmah (2014) menunjukkan konflik hubungan antarabangsa yang dapat dikesan melalui wacana surat Sultan Kedah dengan Raja Siam dan Gabenor Kerajaan, menggunakan pendekatan teks dalam situasi yang berasaskan kepada Teori Linguistik Sistemik-Fungsional (Halliday, 1979). Kajian beliau menunjukkan bagaimana fungsi ideasional, interpersonal dan tekstual dalam teks dapat menjelaskan hubungan antara dua pihak. Berdasarkan analisis interpersonal, dapat difahami bahawa hubungan antara Sultan dengan Raja Siam ialah hubungan antara satu kuasa dengan kuasa yang lebih besar melalui penggunaan nama letak yang diberikan oleh Raja Siam, bukan kata panggilan yang digunakan dalam urusan pentadbiran di negerinya sendiri. Pada ayat permulaan surat *Perhamba Phya Reti Songkran Rampakhdi Sultan Muhammad Ratana Rajmutin Tra Surin Teroyongse Phya Cheraiburi*, nama Phya Reti Songkran Rampakhdi Ratana Rajmutin Tra Surin Teroyongse adalah kata yang diberikan oleh Raja Siam, manakala kata Melayu perhamba adalah ganti nama diri pertama bagi sultan, dan Sultan Muhammad merupakan nama Sultan. Konflik kedudukan atau taraf antara kerajaan yang kurang berkuasa dengan kerajaan yang lebih berkuasa dapat dikesan melalui pemakaian kata gelar yang diberikan oleh Raja Siam dalam surat ini, yang berbeza dengan gelar yang digunakan oleh sultan di dalam kerajaannya sendiri. Penggunaan yang seperti ini memberi tafsiran bahawa sesuatu kuasa yang lebih kecil harus akur dan

menyesuaikan diri dengan ketetapan kuasa yang lebih besar apabila berkomunikasi. Peraturan ini secara tersirat menunjukkan kuasa Raja Siam terhadap negeri yang lebih kecil seperti Kedah.

Ayat '*pada ke Bawah Duli Nai Phrabat Phrak Chao Adinda Baginda Krom Luang Teo Wong Wuru Phrak Karn Sitabodi bicara pekerjaan asing negeri, maklum sembah junjung*' merupakan pernyataan tujuan kiriman surat adalah untuk memberitahu adinda Raja Siam mengenai *bicara pekerjaan asing negeri*, yang merupakan laporan Sultan kepada Raja Siam mengenai hal ehwal yang berlaku di negerinya, yang bersifat sehalu dan rasmi. Analisis ideasional kepada ayat ini menunjukkan bagaimana komunikasi yang bersifat sehalu antara pihak yang berbeza kedudukan, iaitu pihak yang mempunyai kedudukan lebih rendah memberi laporan kepada kuasa yang lebih besar.

Surat antara Sultan dengan Gabenor Wilayah pula bersifat kurang rasmi melalui perbezaan penggunaan unsur interpersonal pujian-pujian dan kata gelar yang berbeza daripada surat Sultan kepada Raja Siam. Ciri tekstual yang lebih umum seperti *Surat dari Perhamba* dan *Sampai pada* menunjukkan pihak yang diberikan surat merupakan pihak yang mempunyai kedudukan yang sama tarafnya dengan pengirim. Analisis ketiga-tiga fungsi ideasional, interpersonal dan tekstual mendapati hubungan dua pihak yang mempunyai kedudukan yang berbeza, ditunjukkan melalui penggunaan kata yang berbeza dalam wacana.

3.3.2 Pengungkapan pengurusan dan penyelesaian konflik

Selain pengungkapan konflik, penyelesaian konflik juga dinyatakan dalam wacana. Antara penggunaan bahasa yang menunjukkan penyelesaian konflik ialah berunding, bertahan dan

menyelesaikan pertentangan secara berdepan yang kadangkala boleh mencetuskan konflik yang lain.

Kajian Norhashimah (1994) menunjukkan bahawa salah satu cara untuk menyelesaikan konflik dalam urus niaga ialah dengan sikap bertahan atau sabar melayan karenah pembeli.

Dalam contoh:

A: Buat berat bawak saja. Jertih dua puluh. Mari Kota Bharu buat berat.

B: Biarlah sembilan belas. Jadi semua sekali empat puluh tujuh ringgit.

A: Hih...empat puluh enam ringgit sajalah. Satu ringgit kita nak buat tambang bas.

B: Dah, kita nak minum air.

A: Dia duduk sini, kita nak makan lagi, nak tambang lagi, bagi-bagilah.

Dialog di atas merupakan tawar menawar antara Pembeli (A) dengan penjual di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu. Pembeli (A) membandingkan harga yang ditawarkan oleh penjual (di Kota Bharu) dengan harga barang yang sama di daerah Jertih, Terengganu. Sifat sabar yang ditunjukkan oleh penjual melalui implikatur di atas dapat mengelakkan timbulnya pergaduhan akibat dari proses tawar menawar tersebut. Walaupun pembeli (A) berdegil untuk mendapatkan harga yang diinginkan, penjual masih dapat mengawal pertentangan yang berlaku antara mereka melalui *biarlah ...* dan *Dah, kita nak minum air.*

Proses konflik dalam tawar menawar juga boleh berakhir dengan berlakunya urus niaga dengan persetujuan harga dapat dicapai, ataupun sebaliknya. Urus niaga berlaku apabila kedua-dua pihak mencapai persetujuan seperti contoh di bawah:

A: Minta kurang samah (lima puluh sen) lagilah.

B: Tak boleh dah kak. Ini pun dapat untung sikit saja.

Piawai Implikatur:

AI: Penjual mencuba mengambil hati pembeli dengan tidak mengambil untung yang banyak demi menambat kesetiaan pembelinya.

KI: Toleransi penjual tanpa diminta akan membuatkan pembeli akan terus membeli di situ.

Konflik yang gagal mencapai kesepakatan harga, berakhir tanpa urusan niaga seperti contoh berikut:

A: Lima belaslah.

B: Kalau macam ni, botaklah saya. Tak boleh tawar dah, minta maaf tak dapat..tu bahagian kita dah-untuk minum air pun masih tak cukup-tapi biarlah.

Piawai Implikatur:

AI: Penjual menolak permintaan pembeli kerana tidak lepas modal

KI: Harga yang diminta terlampau murah dan tidak melepasi kos penjual tersebut.

Walaupun pendekatan struktur teks yang diterapkan oleh Tan Joo Seng (1994) tidak membincangkan aspek makna kata dalam wacana secara khusus, perbezaan struktur tajuk berita dalam mengungkapkan isu yang dilaporkan menunjukkan penggunaan unsur leksikal yang berbeza bagi mengungkapkan penyelesaian konflik dalam sukan. Sebagai contoh, struktur tajuk berita '*Gantung dua tahun dan denda RM2000: PPC dihukum*' didapati berbeza maknanya dengan tajuk berita oleh akhbar yang satu lagi yang mengungkapkan tajuk '*PPC*

kena gantung dua tahun'. Perbezaan kata-kata penyelesaian konflik dalam tajuk pertama memberikan penegasan dengan menggunakan kata *gantung*, *denda* dan *dihukum*, manakala tajuk kedua menunjukkan kesan yang lebih ringan dengan penggunaan kata *gantung* sahaja. Tajuk pertama memberikan tafsiran bahawa PPC telah terlibat dalam konflik yang serius sehingga perlu dihukum dengan dua hukuman; *denda* dan *gantung*. Penggunaan kata konflik yang tunggal dalam tajuk kedua, iaitu *gantung* memberi tafsiran bahawa kesalahan PPC lebih ringan dan kurang serius tanpa perlunya dihukum melalui dendaan. Tindakan gantung sahaja sudah cukup untuk menyelesaikan konflik yang berlaku.

Siti Nur Ain & Mohamad Saifudin (2018) meneliti laporan berita mengenai konflik alam sekitar, iaitu isu pencemaran bauksit menggunakan analisis pembingkajian Semetko & Valkenburg (2000). Pembingkajian merupakan teori yang melihat sesuatu isu daripada pelbagai perspektif dan tafsiran untuk mewujudkan pertimbangan-pertimbangan ke atas sesuatu isu. Kajian tersebut bertujuan menilai pelaporan media mengenai isu tersebut. Bingkai konflik dalam isu pencemaran ini wujud sebagai bingkai kedua tertinggi selepas bingkai tanggungjawab. Bingkai konflik bingkai yang menekankan konflik antara individu, kumpulan atau institusi sebagai teknik untuk menarik minat pembaca. Bingkai lain yang digunakan oleh pendekatan ini ialah bingkai tanggungjawab, minat insani, kesan ekonomi dan moral yang masing-masing mempunyai ciri yang tersendiri. Akhbar *The Star* pula menjadi akhbar paling kerap melaporkan isu ini berbanding akhbar yang lain.

Kajian oleh Ermawati. S, Hidayatun Nur, dan Sumarlam (2022) menerapkan dimensi teks wacana, dimensi amalan wacana dan dimensi amalan sosiobudaya Fairclough, (1989) bagi membincangkan penggunaan kata yang menunjukkan konflik antara ahli politik Indonesia

dengan dua orang aktivis sosial Indonesia dalam laporan berita dalam talian. Kajian ini menjelaskan bagaimana bahasa yang digunakan oleh wartawan *Kompas.com* dalam melaporkan masalah yang berkaitan dengan tiga orang tokoh yang dikenali di Indonesia, iaitu ahli politik Binsar Pandjaitan, aktivis sosial Haris Azhar dan Fatia Maulidiyanti. Luhut. Kajian menyimpulkan tiga perkara, iaitu 1) berdasarkan analisis teks yang dilakukan ditemukan kosa kata *vs*, *bermain (metafora)*, *tudingan*, dan *gugatan* yang cenderung dimanfaatkan oleh pewacana atau pembuat berita dalam memproduksi beritanya; 2) analisis amalan wacana menunjukkan bahawa struktur argumentasi yang terdapat dalam berita *Kompas.com* dengan jelas sebetulnya tidak memihak kepada siapapun, hal itu terlihat dari redaksi kalimat dan isi beritanya dari awal sampai akhir; 3) analisis amalan sosiokultural atau sosial budaya menunjukkan bahawa media massa khususnya *Kompas.com* menaikkan berita tersebut karena hal yang diberitakan sedang menjadi perhatian masyarakat Indonesia, apalagi melibatkan pejabat atau orang ternama di Indonesia yakni Luhut Binsar Pandjaitan, Haris Azhar dan Fatia Maulidiyanti.

Syahirah Almuddin et. al (2022) juga menggunakan pendekatan yang sama dalam menghuraikan penggunaan unsur teks luar dalam laporan akhbar Al-Jazeera berbahasa Arab berkaitan konflik di Syria. Kajian kualitatif ini merupakan kajian analisis kandungan yang bertujuan untuk mengkaji bagaimana Al-Jazeera menggunakan unsur teks luar dalam wacana berita pelarian Syria dan tujuan penggunaannya. Tiga bentuk petikan laporan, iaitu petikan langsung, petikan tidak langsung dan petikan berstrategik dijadikan data kajian. Kajian tersebut mendapati bahawa petikan langsung suara pelarian Syria merupakan kaedah pemberitaan yang paling kerap dalam Al-Jazeera. Hal ini menunjukkan bahawa akhbar

tersebut membawa suara pelarian Syria terus kepada pembaca. Prinsip pemberitaan ini meningkatkan kepercayaan pembaca kepada keaslian fakta dan berita yang disampaikan.

3.4 Perbincangan

Daripada pendekatan-pendekatan yang ditunjukkan, analisis medan makna yang diterapkan oleh Asmah (2013) lebih jelas dan menunjukkan sempadan perbezaan yang nyata antara kata yang dikaji berbanding pendekatan berdasarkan pola kolokasi oleh Salinah (2007), dan pendekatan pragmalinguistik oleh Ahmad Ramizu (2007) yang menunjukkan perbezaan pilihan kata dan ungkapan konflik mengikut tujuan dan kesan komunikasi yang diinginkan.

Walaupun Ton (1987) dan Indirawati & Jasminerah (2019) menggunakan pendekatan yang sama dengan Asmah (2013), kedua-duanya tidak menyentuh kosa kata konflik bahasa Melayu dan tidak membincangkan secara khusus komponen dan medan makna bagi kata terbitan dan metafora yang banyak digunakan dalam bahasa Melayu. Pendekatan aspek makna oleh Pateda (2001) yang diterapkan oleh Nurul Azyan & Mardina (2021) mengelompokkan makna leksikal berdasarkan aspek pengertian, nilai rasa, nada dan maksud. Pendekatan tersebut dapat memerikan makna leksikal mengikut konteks penggunaannya tetapi kurang sesuai untuk mencirikan komponen-komponen makna sesuatu leksikal secara khusus dan rinci. Medan makna sesuatu kata tidak dapat ditentukan jika komponen makna sesuatu kata tidak dapat dicirikan dengan jelas dan objektif. Jika medan makna tidak dapat ditentukan dengan jelas, sukar untuk menentukan hubungan makna hipernim-hiponim, sinonim, antonim dan sebagainya.

Oleh yang demikian, pendekatan medan makna yang digunakan oleh Asmah (2013) didapati lebih jelas, kemas dan menyeluruh untuk diterapkan dalam kajian ini yang akan menggunakan data laporan berita konflik dalam bahasa Melayu.

Pendekatan yang berbeza-beza juga digunakan untuk memahami makna kata dalam wacana. Kajian Kamila dan Idris (1999, 2001) meneliti makna dalam wacana genre ucapan untuk mengetahui strategi bahasa yang diterapkan oleh pewacana untuk mencapai kesan komunikasi yang diinginkan. Kajian wacana komunikasi lisan Ahmad Ramizu (2007) menunjukkan kata-kata penyelesaian konflik kekeluargaan dalam wacana perbicaraan mahkamah. Bagaimanapun pendekatan pragmatik yang diterapkan hanya membincangkan kata-kata konflik dalam konteks makna leksikal dan tidak diperturunkan aspek pembinaan makna dengan mengaitkannya dengan penggunaan kata yang lain dalam wacana. Kajian perbualan urus niaga oleh Norhashimah (1994) mengambil kira peranan pragmatik dalam membantu pendekatan semantik bagi memahami maksud tersirat yang terkandung dalam wacana lisan. Dalam kajian teks tulisan, analisis berita sukan oleh Tan Joo Seng (1994) tertumpu kepada struktur makro dan mikro teks laporan berita. Kajian Asmah (2014) pula menjelaskan hubungan antara pengirim dan penerima surat dengan menggunakan data sebelah pihak. Melalui analisis fungsi interpersonal, ideasional dan tekstual, perbezaan hubungan antara Sultan dengan Raja Siam, dan antara Sultan dengan Gabenor dapat diketahui dan dijelaskan melalui penggunaan bahasa walaupun hanya berdasarkan teks yang terhad.

Walaupun kajian Tan Joo Seng (1994), Kamila (1999), Idris (2001), dan Norhashimah (1994) tidak memberikan fokus utama kepada peristiwa konflik yang nyata berlaku, perbincangan

tentang makna yang dihuraikan dalam kajian masing-masing secara tidak langsung menyerlahkan pengungkapan makna konflik dalam wacana.

Pendekatan pemingkaihan oleh Siti Nur Ain & Mohamad Saifudin (2018) didapati agak longgar dalam memberikan penjelasan kepada pembinaan sesuatu tafsiran. Keterkaitan antara perspektif dan tafsiran untuk mewujudkan pertimbangan-pertimbangan ke atas sesuatu isu yang dibincangkan bersifat perseptif. Pemilihan akhbar mana yang paling kerap melaporkan isu juga boleh diketahui tanpa menggunakan kaedah ini. Ermawati. S, Hidayatun Nur, dan Sumarlam (2022) dan Syahirah Almuddin et. al (2022) yang menggunakan Pendekatan Analisis Wacana Kritis dapat menjelaskan isu yang dikaji. Bagaimanapun pendekatan ini kurang sesuai diterapkan bagi analisis linguistik ini yang bertujuan melihat pembinaan makna secara sistematik melalui sistem leksikonahu bahasa Melayu.

Daripada pendekatan struktur teks, pragmatik, analisis wacana kritis, pemingkaihan dan analisis sistemik-fungsional yang digunakan, didapati gabungan analisis medan makna dalam Asmah (2013) dan pendekatan Linguistik Sistemik-Fungsional yang digunakan oleh Asmah (2014) dapat menghuraikan kaitan antara satu leksikal dengan satu leksikal konflik yang lain dan mengungkapkan maknanya pada peringkat wacana dengan jelas. Kaitan antara leksikal ditunjukkan oleh hubungan hipernim-hiponim manakala makna wacana dapat diketahui dengan menganalisis sistem nahu klausa yang dapat menjelaskan secara objektif bagaimana makna terbentuk pada peringkat klausa yang menjadi asas analisis dalam teori ini. Pembinaan makna dapat dijelaskan dan dihuraikan pada peringkat klausa tidak ditawarkan oleh mana-mana pendekatan yang lain. Dengan alat analisis yang jitu, kesimpulan dapat dibuat dengan empiris dan objektif, bukan berasaskan andaian dan persepsi. Oleh yang demikian, pemilihan

kedua-dua pendekatan ini tepat bagi menjawab soalan kajian dan matlamat kajian yang ditetapkan dengan data laporan berita konflik Lahad Datu yang belum dianalisis menggunakan pendekatan-pendekatan yang disebutkan di atas.

3.5 Rumusan

Makna pada peringkat leksikal dan pada peringkat wacana saling berkaitan. Kata leksikal yang terdapat dalam wacana dapat diperlihatkan maknanya dengan lebih jelas menerusi perkaitannya dengan kata leksikal yang lain dalam ayat, perenggan dan antara perenggan. Oleh yang demikian, kedua-dua peringkat ini perlu dikaji bagi menjawab soalan kajian (i) hingga (iii) kajian ini. Untuk mengetahui makna pada peringkat kata, analisis komponen makna merupakan kaedah yang dapat memetakan makna kata dengan jelas dan sistematik, seperti yang ditunjukkan dalam kajian yang dibincangkan dan berfungsi sebagai asas kepada analisis makna pada peringkat wacana. Makna pada peringkat wacana pula dapat memperluas makna leksikal berdasarkan konteks penggunaannya yang sebenar.

BAB 4: METODOLOGI DAN TEORI

4.1 Pendahuluan

Bagi melanjutkan analisis, bab ini membincangkan kaedah kajian, kaedah pengumpulan data, teori yang dipilih, dan contoh analisis data yang merangkumi kedua-dua peringkat makna, iaitu kajian makna leksikal dan kajian makna wacana teks laporan berita konflik oleh akhbar-akhbar yang telah dipilih.

4.2 Metodologi Kajian

Untuk membolehkan kedua-dua Teori Analisis Komponen Makna dan Teori Linguistik Sistemik-Fungsional dapat diterapkan kepada data, satu senarai leksikal konflik, dan senarai leksikal pengurusan dan penyelesaian konflik akan dijana berbantuan kaedah linguistik korpus, bagi mengenal pasti dan menyenaraikan butiran leksikal yang menjadi kata utama dalam laporan berita konflik yang dikaji. Kaedah linguistik korpus yang kuantitatif sifatnya sesuai untuk memproses data kajian yang bersaiz besar dan berformat digital bagi membolehkan kata utama disenaraikan menggunakan perisian komputer. Penggunaannya menjadikan kajian ini satu kajian yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif.

4.2.1 Kaedah linguistik korpus

Linguistik korpus ialah kaedah yang mengkaji penggunaan bahasa yang sebenar yang digunakan oleh masyarakat (Biber et al, 1998:1), yang boleh digunakan dalam hampir semua aspek kajian linguistik (McEnery dan Wilson, 2001:2) dan disifatkan sebagai alat penerokaan wacana (McEnery dan Hardie, 2012:133). Kajian ini menggunakan himpunan teks yang

boleh dibaca oleh komputer (*machine-readable*) atau disebut sebagai teks digital yang dijadikan asas bagi mengkaji persoalan bahasa yang spesifik, bersifat bukan monolitik dan heterogenus (McEnery dan Hardie, 2012:1).

Dalam linguistik korpus, terdapat dua pendekatan kajian yang boleh dilaksanakan, iaitu *corpus-based approach* dan *corpus-driven approach* (Baker, 2013:259). Pendekatan *corpus-based* yang bersifat deduktif menguji hipotesis yang telah ditentukan terlebih dahulu kepada korpus kajian (Baker, 2013:259) dan korpus berfungsi sebagai sumber contoh untuk menentusahkan intuisi dan jangkaan penyelidik (Baker, 2006:16). Pendekatan *corpus-driven* pula bersifat induktif yang mana ciri atau maklumat linguistik yang menyerlah dalam data akan menentukan analisis selanjutnya (Baker, 2006:16). Kajian ini memilih pendekatan yang kedua, iaitu mengenal pasti kata yang membawa makna konflik, yang kerap digunakan dalam korpus kajian untuk dianalisis dengan lebih lanjut menggunakan teori dan pendekatan yang sesuai.

4.2.2 Data Korpus

Dalam linguistik korpus, data penggunaan bahasa dalam pelbagai bentuk dan format yang digunakan dalam kajian, dinamakan sebagai korpus. Kennedy (1998) dalam bukunya *An Introduction to Corpus Linguistics* mentakrifkan korpus sebagai teks bertulis atau transkripsi ujaran yang utuh yang digunakan sebagai asas analisis dan pendeskripsian linguistik (1998:1) dan boleh berbentuk kumpulan teks sama ada bertulis atau lisan, yang disimpan dan diproses menggunakan komputer untuk penyelidikan linguistik (Sinclair, 1987:1). Korpus adalah data bahasa yang digunakan dalam kehidupan sebenar (McEnery dan Wilson, 1996:1), iaitu kata atau ayat atau wacana yang diucapkan atau ditulis dalam menghasilkan dialog atau teks

dalam suatu konteks yang sebenar, bukan kata-kata rekaan dengan konteks yang berbentuk bayangan. Korpus data laporan akhbar yang ditulis oleh wartawan dipilih sebagai data kajian kerana ia merupakan data penggunaan bahasa sebenar yang dapat membantu pemerhatian bahasa (Paltridge, 2006:156). Dua kumpulan data diperlukan untuk menghasilkan senarai kata utama konflik, iaitu korpus kajian dan korpus umum yang bertindak sebagai korpus bandingan.

4.2.3 Korpus kajian

Korpus kajian ini terdiri daripada teks laporan berita yang ditulis dan diterbitkan di dalam laman web akhbar yang dipilih, bermula daripada 14 Februari 2013, iaitu tarikh artikel berita konflik yang paling awal direkodkan di dalam arkib akhbar, sehingga 24 Mac 2013 apabila ancaman penganas dilumpuhkan dengan tertangkapnya panglima kumpulan penganas Sulu, Datu Amir Bahar Hushin Kiram dan prosiding undang-undang terhadap mereka dimulakan (“Polis sahkan Datu Amir Bahar Hushin Kiram ditahan di Semporna”, 2013; “*Caught Sulu commander confirmed as Datu Amir Bahar Hushin Kiram*”, 2013; “Penceroboh Lahad Datu didakwa di Mahkamah Tawau”, 2013). Sebanyak dua akhbar dalam talian yang diterbitkan pada peringkat nasional dan dua akhbar dalam talian yang diterbitkan oleh syarikat akhbar tempatan Sabah dipilih sebagai korpus kajian.

Data akhbar dalam talian dipilih kerana sudah dalam format digital, sedia diproses oleh komputer, dan dapat diakses daripada koleksi arkib berita dengan mudah. Data sudah tidak perlu melalui proses penaipan semula dan proses pengimbasan yang terdedah kepada kesilapan manusia dan mesin, dan kadar keterbacaannya dalam kalangan masyarakat adalah tinggi. Kadar tersebut dapat dilihat berdasarkan capaian masyarakat kepada Internet. Pada

tahun 2012, kadar capaian Internet isi rumah meningkat daripada 66% pada tahun 2012 kepada 67.1% pada tahun 2013, meliputi 84% daripada kawasan berpenduduk di Malaysia. Capaian Internet ini sebahagian besarnya dilakukan menerusi jalur lebar mudah alih sebanyak 3.8 juta pengguna dan capaian menggunakan talian tetap sebanyak 2.3 juta (SKMM, 2013:36). Capaian isi rumah bagi setiap negeri di Malaysia pada tahun 2013 juga melebihi kadar 40% yang ditetapkan oleh UNESCO, dengan kadar tertinggi ialah di Kuala Lumpur, iaitu 111.7% manakala Kelantan merupakan kawasan paling rendah kadar capaiannya sebanyak 41.9% (SKMM, 2013:37). Statistik tahun 2012-2013 ini menunjukkan rakyat negara ini mempunyai upaya mengakses dan membaca akhbar-akhbar digital pada waktu peristiwa ini berlaku.

4.2.3.1 Akhbar nasional

Akhbar harian nasional yang dipilih ialah *Utusan Malaysia (UM)* dan *Berita Harian (BH)*. Pemilihan kedua-dua akhbar ini dibuat berdasarkan jumlah edaran. Kedua-duanya merupakan akhbar harian berbahasa Melayu yang mempunyai edaran yang paling tinggi (*Audit Bureau Circulation*, Januari – Jun 2013) dalam tempoh peristiwa konflik. Kedua-duanya diterbitkan di Kuala Lumpur dan diedarkan ke seluruh Malaysia. Akhbar ini dikendalikan sebagai satu usaha perniagaan tetapi bukan bertujuan mencari keuntungan (Chamil Wariya, 1988:255). Akhbar BH pula dimiliki oleh New Straits Times Press (Malaysia) Sdn. Bhd.

4.2.3.2 Akhbar tempatan Sabah

Akhbar *Utusan Borneo (UB)* dan *New Sabah Times (NST)* merupakan akhbar harian yang diasaskan, dicetak dan diedarkan di negeri Sabah. Akhbar *UB* dipilih kerana ia merupakan

satu-satunya akhbar berbahasa Melayu yang diterbitkan dan diedarkan di Sabah, yang mempunyai edaran yang paling tinggi di negeri itu mengatasi akhbar harian nasional berbahasa Melayu utama yang diterbitkan di Semenanjung Malaysia, bagi setengah tahun pertama 2013 (*Audit Bureau Circulation*, Januari – Jun 2013), bersamaan dengan tempoh konflik berlaku. Akhbar *Utusan Borneo* diterbitkan pada tahun 1994 oleh Syarikat See Hua Sdn. Bhd.¹⁷ sebagai tambahan kepada akhbar *Borneo Post* dan mengandungi ruangan *Berita Iban*, *Berita Kadazan*, *Berita Nasional*, *Berita Sarawak*, *Berita Sabah*, *Ekonomi*, *Rencana* dan *Sukan*.¹⁸ Selain ruangan *Berita Iban* dan *Berita Kadazan*, semua ruangan yang lain ditulis dalam bahasa Melayu.

Kurangnya akhbar harian berbahasa Melayu yang diterbitkan di Sabah menyebabkan berita bahasa Melayu bagi akhbar tempatan berbahasa Inggeris, iaitu *New Sabah Times*, dipilih bagi mengisi kuota data akhbar tempatan Sabah dalam kajian ini. Akhbar ini merupakan akhbar berbahasa Inggeris yang mempunyai edaran yang paling tinggi di Sabah (*Audit Bureau Circulation*, Jan-Jun 2013). Dengan edarannya yang tinggi, dapat diandaikan bahawa berita berbahasa Melayunya juga dapat dibaca dengan meluas di negeri berkenaan. Akhbar harian ini diterbitkan pada tahun 1949, dihentikan pada 24 Mac 1995 dan diterbitkan kembali setelah dibeli oleh syarikat penerbitan *Inna Kinabalu Sdn. Bhd.* dengan nama *New Sabah Times*.¹⁹ Berikut ialah saiz data korpus laporan berita konflik Lahad Datu bagi keempat-empat akhbar:

Jadual 4.1: Korpus kajian

Akhbar	Jumlah Kata
<i>Berita Harian</i>	20,308

¹⁷ <https://www.utusanborneo.com.my/>

¹⁸ Berdasarkan rujukan di <https://www.utusanborneo.com.my/> pada 19 Oktober 2016

¹⁹ <http://newsabahtimes.com.my/>

Akhbar	Jumlah Kata
<i>Utusan Malaysia</i>	69,578
<i>Utusan Borneo</i>	30,375
<i>New Sabah Times</i> (bahagian berita bahasa Melayu)	38,545
Jumlah	158,806

4.2.4 Korpus umum

Sesuai dengan penerapan *corpus-driven approach*, korpus umum diperlukan bagi melaksanakan proses bandingan kepada senarai kata dalam korpus kajian. Korpus umum (*general corpora*) merupakan himpunan data korpus pelbagai genre dan disebut juga sebagai korpus asas (*core corpora*) yang boleh digunakan untuk menjawab persoalan mengenai kosa kata, tatabahasa, struktur wacana dan dijadikan asas dalam kajian perbandingan (Kennedy, 1998:20). Korpus umum boleh mempunyai saiz yang sama dengan korpus kajian ataupun lebih besar (Baker, 2004:2). Kajian ini menggunakan korpus umum yang terdiri daripada himpunan teks tulisan pelbagai genre yang seimbang datanya berdasarkan taburan data tulisan bahasa Melayu di Malaysia. Korpus ini dibina daripada pangkalan data teks digital Korpus DBP [http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/\(X\(1\)S\(v15bdsawpkhfe5qfgsnryjo1\)\)/SelectUserCat.aspx](http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/(X(1)S(v15bdsawpkhfe5qfgsnryjo1))/SelectUserCat.aspx) dan perinciannya ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 4.2: Korpus umum

Genre	Jumlah kata
Buku	1,029,844
Akhbar	2,563,809
Majalah	1,526,056
Jumlah	5,119,709

Dalam linguistik korpus, korpus umum berfungsi sebagai data bandingan kepada korpus kajian. Konsep perbandingan ini disebut sebagai *triangulation* diperkenalkan oleh Newby pada tahun 1977, yang membawa maksud penggunaan pelbagai kaedah analisis atau pelbagai bentuk data dalam kajian (Baker, 2006:16). *Triangulation* dalam linguistik korpus dilakukan dengan membandingkan korpus kajian dengan data korpus lain yang disebut sebagai korpus umum bagi memastikan bahawa dapatan daripada korpus kajian bukanlah bersifat kebetulan, tetapi *autoritative, final* dan *formal* dapatannya (Cocourel, 1973) dalam Stubbs (1983:234).

4.3 Pengumpulan dan penyediaan korpus kajian

Korpus kajian terdiri daripada semua laporan berita berkaitan konflik Lahad Datu yang ditulis dan diterbitkan sepanjang tempoh yang telah dinyatakan dalam perenggan pertama subtajuk 4.2.3. Data *UM*, *UB* dan *NST* diperoleh daripada carian di bahagian arkib laman web akhbar berkenaan, menggunakan frasa carian '*pencerobohan lahad datu*'. Data *BH* diperoleh melalui pangkalan data *Lexis Malaysia* selepas didapati arkib berita mengenai peristiwa itu tidak lagi disimpan di laman web akhbar berkenaan. Bagaimanapun, data daripada *Lexis Malaysia* bercampur-campur dengan data akhbar tabloid *Harian Metro*, dan pengasingan data dibuat secara manual. Data *BH* yang dijadikan korpus kajian terdiri daripada *BH* dan *Berita Minggu*.

Setiap artikel berita dibaca bagi memastikan hanya data berita konflik sahaja dipilih. Data yang telah diteliti secara manual, dibersihkan format awalan dan akhirannya jika ada, sebelum disimpan dalam format *Microsoft Word*. Kesalahan ejaan yang ketara juga dibetulkan bagi memastikan setiap kata yang terkandung di dalam korpus kajian tidak tercacir semasa analisis dilakukan dengan bantuan perisian yang dipilih. Setiap tajuk artikel dirakam

masuk dalam *Microsoft Excel* untuk menyemak dan mengelakkan pertindanan artikel. Setelah selesai proses ini, data dipindah format kepada *plain text* untuk diproses menggunakan perisian *Antconc 3.4.1w* (Anthony, 2014).

4.4 Penyediaan senarai kata leksikal utama konflik

Seperti yang dinyatakan dalam perenggan terakhir subtajuk 4.2.1, perisian *Antconc 3.4.1w* digunakan untuk menjana senarai kata leksikal utama konflik. Kata utama ialah kata yang mempunyai kekerapan tinggi dalam sesuatu teks dan memberi petunjuk kepada tema penting yang menjadi titik mula (*starting point*) dalam kajian (McEnery dan Hardie, 2012:41). Kata yang mempunyai kekerapan tinggi memberikan gambaran apakah yang menjadi inti kepada sesuatu teks tanpa perlu membaca setiap perkataan di dalam teks berkenaan, dan membantu mengenal pasti sudut pandang yang tidak dapat diperhatikan melalui pembacaan biasa. Untuk membolehkan kata leksikal utama disenaraikan, satu senarai kata dan kekerapan penggunaannya dijana daripada korpus kajian menggunakan perisian yang dipilih (Lampiran kajian ini).

4.4.1 Analisis kata leksikal konflik

Kata merupakan unsur bahasa yang terbahagi kepada dua; kata leksikal dan kata tugas. Kata leksikal merupakan kata yang merujuk kepada pelbagai konsep yang wujud di sekeliling kita dan mengungkapkan pengalaman kita dengan konsep-konsep tersebut (Freeborn, 1987:25). Kata tugas pula hanya mempunyai makna apabila dirangkaikan dengan kata-kata leksikal dan membentuk klausa, frasa dan ayat bagi mengungkapkan makna yang diinginkan. Oleh yang demikian, hanya kata leksikal yang membawa makna konflik sahaja dipilih sebagai asas kajian. Kata dan frasa nama khas yang menunjukkan tempat, manusia dan binatang juga tidak

disenaraikan. Begitu juga rangkai kata seperti *perintah berkurung* tidak disenaraikan kerana hanya sebahagian komponen rangkai katanya, iaitu *berkurung* yang tersenarai sebagai kata kunci manakala *perintah* tidak.

Unsur-unsur leksikal yang mencerminkan tema atau isi penting dalam sesuatu korpus kajian khususnya korpus yang bersaiz besar dapat dijana dengan bantuan komputer menggunakan perisian yang mempunyai kemudahan penganalisis kata.

4.5 Analisis data

Seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan terakhir subtajuk 4.4.1, kata leksikal yang disenarai pendek akan dianalisis dalam dua peringkat, iaitu analisis makna leksikal dan analisis makna wacana.

4.5.1 Analisis makna leksikal dan Teori Medan Makna

Kata leksikal utama konflik dianalisis maknanya pada peringkat leksikal dengan menerapkan Teori Medan Makna (*Semantic Field Theory*) oleh Jost Trier (1931) dan Lehrer (1974). Teori ini berpandangan bahawa sesuatu medan makna terbentuk daripada beberapa leksem yang membawa konsep tertentu. Leksem-leksem berkenaan berkongsi ciri makna yang sama yang menjadikannya mempunyai kaitan atau kesamaan makna antara satu leksem dengan leksem yang lain. Makna yang dikongsi bersama itu dinamakan sebagai makna asas (Lehrer, 1985:283). Oleh yang demikian, makna perkataan bukan terdiri daripada konsep-konsep yang tersendiri tetapi merupakan gabungan komponen-komponen makna yang menjadi inti makna (Kempson, 1997:22).

Prinsip asas teori medan makna ialah makna sesuatu kata leksikal perlu dilihat berdasarkan kaitan makna antara sekumpulan perkataan, bukan melihat setiap satu kata dalam kumpulan berkenaan sebagai satu unit yang berasingan. Contoh yang diberikan oleh Lehrer, iaitu domain *cooking* dalam bahasa Inggeris mengandungi sekumpulan perkataan yang saling berkait maknanya, iaitu leksem *boil, bake, fry, roast* dan sebagainya. Kaitan makna yang dimaksudkan ialah hubungan makna yang wujud antara kata leksikal, iaitu hubungan sinonim seperti *big* dan *large*, hubungan antonim seperti *big* dan *small*, hiponim seperti *rose* dan *flower*, pertentangan seperti *buy* dan *sell*, hubungan tak setara seperti *cat, dog, cow, horse, pig* dan sebagainya.

Bagi menyusun dan menunjukkan kaitan makna antara sekumpulan kata ini, Lyons menyatakan bahawa medan makna setiap leksem dalam semua bahasa disusun menggunakan konsep universal yang dikongsi bersama dan konsep pembeza (1981:154). Sebagai contoh, konsep-konsep universal [*human*], [*female*], [*adult*] merupakan sekumpulan kata yang membentuk medan makna leksem *women* manakala konsep pembeza seperti [muda], [matang], dan [berusia] merupakan ciri yang membezakan antara wanita dewasa dengan kanak-kanak perempuan. Makna yang dikongsi bersama ini juga disebut sebagai makna primitif. Untuk menentukan medan makna sesuatu leksem, analisis komponen-komponen makna leksem berkenaan perlu dijalankan. Analisis komponen makna merupakan kaedah menyaring atau menjuruskan makna kata kepada makna yang betul-betul berbeza melalui proses memecah-mecahkan makna kata kepada ciri pembeza yang lebih minimum (Leech 1974:90).

Bagi menentukan makna yang dikongsi bersama dan makna yang membezakan antara satu kata leksikal utama konflik dengan satu kata leksikal utama konflik yang lain, lapan ciri pembeza makna yang dicadangkan oleh Asmah (2013:8-17) akan digunakan, seperti yang berikut:

- i. sasaran dan sebab khusus (*specific target and cause*), dan arah sasaran (*target*)
- ii. mod pemindahan (*mode of transmission*): dengan bahasa, tanpa bahasa, gabungan bahasa dan tindakan fizikal
- iii. gaya pemindahan (*style of transmission*): canggih, tidak canggih
- iv. ketegangan (*intensity*): kenyaringan
- v. tempoh (*duration*): lama, sekejap
- vi. atur letak (*setting*): terbuka, tertutup
- vii. keintelektualan (*intelectuality*)
- viii. jangkaan penyelesaian (*possible result*): menamatkan konflik. menyebabkan konflik yang lain

Analisis medan makna bagi kata leksikal pengurusan dan penyelesaian konflik pula dibezakan oleh dua ciri yang berikut:

- i. inisiatif pihak yang berkonflik
 - a) sehalu
 - b) dua hala

ii. penglibatan pihak ketiga sebagai perantara

- a) perantara
- b) penyelesaian/pemutus tindakan (*arbiter*)

Pengurusan dan penyelesaian melalui inisiatif pihak yang berkonflik dibahagikan kepada inisiatif sehalu dan dua hala yang dibezakan oleh ciri arah atau pemula inisiatif menyelesaikan konflik. Inisiatif sehalu ditandai oleh perlakuan oleh sebelah pihak yang berkonflik seperti *menyedari kesalahan*, *mengakui kesilapan* dan seumpamanya, dan ciri kesan sama ada kesan dalaman atau kesan luaran. Inisiatif dua hala ditandai oleh komponen serentak yang melibatkan ciri *rundingan* dan *kompromi*. Penyelesaian oleh pihak ketiga terbahagi kepada dua, iaitu pihak ketiga sebagai perantara dalam proses rundingan, nasihat atau perbincangan antara kedua-dua pihak yang berkonflik bagi mencari penyelesaian, dan pihak ketiga sebagai pihak yang mengenal pasti punca konflik dan melaksanakan tindakan berdasarkan hukuman dan undang-undang. Penyelesaian oleh pihak ketiga sebagai pemutus atau *arbiter* tidak lagi mempunyai ciri meredakan ketegangan seperti kaunseling dan tindakan persuasif seperti yang ada pada penggunaan perantara.

4.5.2 Analisis makna wacana dan Teori Linguistik Sistemik-Fungsional

Analisis makna wacana menerapkan Teori Sistemik-Fungsional (TS-F) oleh Halliday. TS-F merupakan teori yang menggabungkan dua kaedah analisis bahasa, iaitu teori sistemik dan teori fungsional (Asmah, 2015:339). Teori ini menyatakan bahawa bahasa memperoleh makna daripada komponen fungsionalnya (Halliday & Mathiessen, 2004:19). Fungsi bahasa

atau disebut juga sebagai metafungsi bahasa merupakan tujuan atau cara menggunakan bahasa (Halliday & Mathiessen, 2004:30-31). Dalam menggunakan bahasa, seseorang individu perlu merujuk kepada sesuatu set kategori yang dapat menerangkan hal-hal yang seseorang individualami (fungsi ideasional), seseorang individu perlu mengambil sesuatu peranan dalam suatu situasi interaksi (fungsi interpersonal), dan seseorang individu perlu menggabungkan kedua-duanya dalam bentuk teks (fungsi tekstual) (Halliday, 1981:29). Setiap satu daripada fungsi ini berhubung kait antara satu dengan yang lain dan mempunyai ciri fenomena linguistik yang berbeza, sesuai dengan peranan setiap fungsi yang berkenaan (Halliday 1985:53).

Teori ini menyatakan bahawa mesej dalam bahasa tidak terhad kepada makna di aras leksikal tetapi makna dalam bahasa seluruhnya yang diekspresikan melalui sistem nahu klausa yang terdiri daripada lexis dan tatabahasa. Oleh yang demikian, penelitian makna pada peringkat wacana harus bermula daripada klausa sebagai unit prosesan utama yang mengungkapkan pelbagai makna, yang kemudiannya digabungkan oleh struktur tatabahasa pada peringkat wacana yang lebih luas seperti yang dinyatakan oleh Halliday & Mathiessen, (2014:10):

The clause is the central processing unit in the lexicogrammar – in the specific sense that it is in the clause that meanings of different kinds are mapped into an integrated grammatical structure.

Hal ini demikian kerana setiap pengalaman terdiri daripada pelbagai peristiwa yang diungkapkan dalam klausa. Sistem nahu klausa mengungkapkan sesuatu makna melalui perubahan-perubahan yang berlaku kepada tiga elemen klausa, iaitu **Proses** yang berlaku, **pelaku** yang terlibat secara langsung dengan Proses tersebut, dan **keadaan/situasi** (*circumstances*) yang terlibat secara tidak langsung, dalam satu satuan klausa.

Pengungkapan elemen-elemen dalam sistem nahu klausa ini menjadi penentu sama ada Proses yang berlaku ialah Proses *happening, doing, sensing, saying, being* atau *having*, seperti yang dinyatakan oleh Halliday dan Mathiessen (2014: 213) seperti di bawah:

“Our most powerful impression of experience is that it consists of a flow of events, or ‘goings-on’. This flow of events is chunked into quanta of change by the grammar of the clause: each quantum of change is modelled as a figure – a figure of happening, doing, sensing, saying, being or having”

Sistem nahu klausa yang membolehkan perubahan-perubahan sedemikian berlaku dinamakan sebagai transitiviti, Analisis transitiviti meneliti bagaimana klausa disusun menggunakan ketiga-tiga elemen Pelaku (*Participant*), Proses (*Process*) dan Keadaan/Situasi (*Circumstances*) (Fowler, 1991) dalam (Rasinger, 2010:1023) untuk menggambarkan sesuatu peristiwa yang berlaku, dalam wacana. Elemen tersebut dirangkaikan dalam teks bagi mencari jawapan kepada persoalan ‘*Who does what to whom, when, where and how?*’ (Haig, 2001:4; Halliday-Mathiessen, 2004:181).

Melalui transitiviti, peristiwa seperti konflik diungkapkan dalam wacana dengan memasukkan atau mengeluarkan Pelaku tertentu dan menonjolkan atau menyembunyikan Pelaku dan Proses yang tertentu (Fairclough 1995; Van Leeuwen 1996). Transitiviti membolehkan ahli linguistik mengetahui bagaimana pewacana menonjolkan (*foreground*) makna-makna tertentu dalam wacana dan menyembunyikan (*suppress*) makna yang lain melalui pilihan Proses yang tertentu, dan menghalakan persepsi pembaca terhadap sesuatu makna dalam teks ke arah yang dikehendaki (Chen, 2007:30). Dengan meneliti kaitan antara Proses, dengan Peserta dan Keadaan dalam klausa, strategi linguistik pewacana dalam

mengungkapkan pandangan mereka terhadap sesuatu peristiwa dalam wacana, dan secara halus membawa pembaca ke arah persepsi yang diinginkan, dapat diketahui (Chen, 2007:34). Oleh yang demikian, analisis transitiviti merupakan kaedah yang paling tepat untuk melihat makna sesuatu kata leksikal konflik, dan kata leksikal pengurusan dan penyelesaian konflik dalam wacana teks laporan berita konflik yang digunakan sebagai data kajian ini. Elemen transitiviti sesuatu klausa dapat dilihat dalam rajah berikut:




Rajah 4.1: Proses transitiviti

Melalui ketiga-tiga elemen transitiviti, Proses *happening, doing, sensing, saying, being* atau *having* ini dapat menunjukkan bagaimana makna kata leksikal konflik dan kata leksikal pengurusan dan penyelesaian konflik diungkapkan dalam klausa, ayat dan perenggan.

4.5.2.1 Jenis-jenis Proses

Teori ini membahagikan perkataan kepada Proses *happening, doing, sensing, saying, being* atau *having* kepada tiga kategori Proses yang utama ialah Proses Material, Proses Mental,

dan Proses *Relational*. Daripada tiga kategori ini, terdapat tiga subkategori Proses, iaitu Proses *Behaviourial* (terletak antara Proses Material dengan Mental), Proses Verbal (terletak antara Proses Mental dan *Relational*), dan Proses *Existential* (antara Proses *Relational* dengan Proses Material) (Halliday & Mathiessen, 2014:286-300). Rajah berikut menunjukkan pembahagian ini:



Rajah 4.2: Jenis-jenis Proses (Halliday & Mathiessen, 2014:286-300)

(a) Proses Material

Proses Material merupakan pengungkapan pengalaman seseorang individu dalam dunia nyata dan melibatkan sesuatu kejadian atau perubahan yang melibatkan sesuatu Proses atau tindakan secara fizikal. Proses dalam klausa Material menghasilkan dua keadaan, (i) Proses berlakunya sesuatu perkara atau peristiwa (*happening*), dan (ii) Proses berlakunya sesuatu

tindakan (*doing*). (Halliday & Mathiessen, 2014:225). Hasil atau *outcome* daripada Proses *happening* hanya melibatkan Pelaku (*Actor*) sahaja manakala Proses *doing* memanjangkan akibat atau hasil daripada tindakan Pelaku (*Actor*) kepada Pelaku (*Goal*) yang merupakan Penerima akibat atau Penderita. Aktor merupakan Pelaku tunggal kepada Proses Material. Proses *happening* merupakan Proses yang berlaku dalam klausa intransitif manakala Proses *doing* terkandung dalam klausa transitif. Kewujudan kedua-dua bentuk klausa transitif dan intransitif inilah yang menerbitkan konsep yang dipanggil transitiviti dalam teori ini.

Proses *doing* merupakan Proses aktif manakala Proses *happening* ialah Proses pasif. Aktor adalah Penerima atau Penderita bagi kejadian/peristiwa yang berlaku dalam Proses pasif. Aktor hanya berada pada kedudukan penyambut dan boleh ditiadakan dalam klausa. Aktor dalam Proses aktif pula menjadi Pelaku Proses (Halliday & Mathiessen, 2014: 224-22).

(b) Proses Mental

Proses ini merupakan pengungkapan pengalaman yang seseorang individu alami secara mental; yang seseorang individual alami dalam skop kesedaran seseorang individu sahaja dan tidak berkaitan dengan faktor luaran atau Material; *sensing*. Klausa Proses mental mengandungi Pelaku yang dipanggil *Sensor* (Pengesan) dan *Phenomenon* (entiti yang dikesan). *Sensor* merupakan pihak yang mengalami Proses mental seperti *suka, benci/tidak suka, memikirkan, membayangkan* manakala *Phenomenon* merupakan entiti yang menjadi objek yang disukai, dibenci, difikirkan atau dibayangkan itu. *Sensor* boleh terdiri daripada *manusia*, bahagian daripada manusia seperti *pemikiran*, entiti berunsurkan manusia seperti *seluruh dunia, organisasi* dan hasil usaha manusia seperti *filem, gambar* dan seumpamanya (Halliday & Mathiessen, 2014:249-250).

Proses mengesan dibahagikan kepada empat, iaitu perseptif (*perceptive*), kognitif (*cognitive*), hasrat (*desiderative*) dan emotif (*emotive*). Pengesanan perseptif ialah *lihat, dengar, ketahui, menghidu, sedar*, kognitif seperti *tahu, percaya, membayangkan, ingat, menjangkakan, meneka*, desideratif/hasrat ialah *mahu, ingin, mengimpikan, merancang, memutuskan, menyelesaikan, menolak* dan emotif seperti *suka, tidak suka, takut, menikmati, meluat, terkejut, selesa dan jemu* (Halliday & Mathiessen, 2014:256-257)

(c) Proses *Relational*

Proses ini menerangkan situasi mempunyai (*having*) atau berkeadaan (*being*). Ia berfungsi untuk mencirikan (*to characterize*) dan untuk memperkenalkan (*to identify*). Proses ini mengkategorikan dan memberi identiti kepada entiti yang terdiri daripada benda, perbuatan dan fakta. Berbeza dengan Proses Material, Proses *Relational* menunjukkan perubahan yang berlaku kepada sesuatu entiti tanpa melibatkan penggunaan tenaga fizikal. Kata kerja dalam Proses ini lazimnya terdiri daripada kata pemeris *ialah* dan *adalah*, dan juga pemilikan (*possessive*) *mempunyai* manakala pelakunya tidak menonjol sepertimana pelaku dalam Proses Material dan Mental (Halliday & Mathiessen, 2014:259-268).

Terdapat tiga jenis klausa *Relational* dalam bahasa Inggeris, iaitu intensif (*intensive*), posesif (*possessive*) dan keadaan (*circumstantial*). Setiap satunya mempunyai bentuk yang mencirikan (*attributive*) dan mengenalkan (*identifying*). Klausa intensif menggunakan kata pemeris bagi menerangkan hubungan antara entiti (*Carrier*) dengan ciri (*Attribute*) kepada entiti yang diterangkan. Jenis posesif pula menggunakan kata pemunyaan manakala jenis keadaan menerangkan keadaan seperti waktu dan cara sesuatu kejadian yang berlaku kepada *Carrier* dalam klausa. Sesuatu klausa *Relational* berbentuk *attributive* apabila kedudukan

Carrier dan Atribut dalam klausa tidak dapat saling disongsangkan tanpa menerbitkan kejanggalan bentuk dan makna asalnya. Jika sebaliknya, ia merupakan bentuk *identifying*. Contoh, *Sarah is wise* berbentuk *attributive* manakala *Sarah is a leader* berbentuk *identifying* (Halliday & Mathiessen, 2014:263-265).

(d) Proses *Behaviourial*

Proses ini terletak antara Proses Material dengan Mental dan terdiri daripada Pelaku yang dilabel sebagai *Behaver* dan Proses yang berlaku kepadanya. Proses ini menunjukkan perbuatan manusia secara fisiologi dan psikologi yang boleh dilihat. Contohnya *lihat, tengok, dengar, fikir, bimbang, impikan, memebel, mengata, menangis, ketawa, mengeluh, mengangguk, bernafas, pengsan, batuk, muntah, tidur, menyanyi, menari, baring dan duduk* (Halliday & Mathiessen, 2014:301-302)

(e) Proses Verbal

Proses ini menunjukkan penceritaan oleh Pelaku atau pihak yang menjadi sumber cerita, iaitu Pemberitahu (*Sayer*) mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku. *Sayer* boleh berbentuk abstrak atau simbolik yang mewakili sesuatu yang memberitahu. Sebagai contoh, klausa '*jam itu mengatakan waktu telah menunjukkan pukul 10 malam*', *jam* merupakan *Sayer* dalam klausa ini walaupun bukan berbentuk manusia dan mengambil kedudukan *Sayer* sebagai pelaku kepada Proses *mengatakan*. Selain Pemberitahu, pelaku lain dalam klausa ialah Penerima (*Receiver*), iaitu pihak yang menerima hasil dari Proses verbal, Rentetan Tutar (*Verbiage*) yang merupakan objek yang menjadi fokus kepada Proses verbal seperti *keluarga saya dan soalan*), dan *Target* (pihak yang menjadi sasaran dalam Proses verbal). Dalam laporan akhbar, klausa verbal *berkata, diberitahu, diberi ingatan, mendesak* dan

seumpamanya digunakan oleh wartawan bagi menceritakan sesuatu perkara atau peristiwa yang diperoleh daripada sumber cerita atau *Sayer*.

Terdapat dua jenis Proses verbal, (i) aktiviti dan (ii) semiosis. Proses verbal aktiviti menunjukan Proses yang dilakukan kepada seseorang (*memuji, mengarahkan, menghina, mengucapkan tahniah, menyalahkan, mengkritik* dsb), dan boleh menunjukkan pengujaran verbal seperti *berkata* dan *bercakap*. Proses verbal semiosis mempunyai tiga jenis, iaitu ungkapan memetik yang *neutral* (*bercakap, mengatakan*), ungkapan menunjukkan sesuatu (*indicate*) (*memberitahu, melaporkan, mengumumkan, mengisytiharkan, menerangkan, memujuk, meyakinkan, menjanjikan*), dan ungkapan suruhan (*imperate*) (*meminta sesuatu pihak membuat sst*), *mengarahkan, meyakinkan seseorang untuk berbuat sesuatu, memberi amaran, mengingatkan*).


(f) Proses *Existential*

Berbeza dengan klausa *Relational*, klausa *Existential* mengandungi elemen yang menerangkan kewujudan sesuatu tempat atau waktu berlakunya sesuatu Proses. Contohnya 'ada seekor kucing di tepi dapur' menunjukkan kewujudan *kucing* melalui Proses *Existential ada* yang menyatakan secara khusus kewujudannya *di tepi dapur* (Halliday & Mathiessen, 2014:309-310).

Entiti atau peristiwa Proses *Existential* disebut sebagai Kewujudan (*Existent*). Proses boleh terdiri daripada kata yang menunjukkan kewujudan sesuatu peristiwa atau entiti, iaitu *wujud, muncul, berlaku, timbul* dan seumpamanya.

4.6 Kerangka analisis

Secara keseluruhannya, kerangka analisis korpus kajian dari mula hingga selesai dapat digambarkan dalam Rajah 4.1 di bawah:



Rajah 4.3: Kerangka analisis kajian

Kata leksikal utama konflik yang telah dijana oleh *Antconc3.4.1w* akan dikelompokkan kepada konsep-konsep dan terbitannya yang disebut juga sebagai hipernim dan hiponim atau superordinat dan subordinat. Langkah ini bagi memenuhi objektif kajian (i). Setiap satu hiponim bagi setiap hipernim akan dianalisis komponen maknanya bagi mengenal pasti ciri persamaan dan perbezaan antara ko-hiponim berdasarkan ciri pembeza yang dicadangkan oleh Asmah (2013). Ciri persamaan dan perbezaan ini akan menyerlahkan konsep setiap

leksikal konflik dan menjadi asas dalam memetakan tipologi konflik Lahad Datu bagi mencapai objektif kajian (ii).

Selanjutnya, bagi menjawab soalan kajian (i) hingga (iii), kata leksikal konflik yang sudah dianalisis komponen maknanya ini akan disusun dan dikategorikan mengikut jenis-jenis Proses. Setiap satu Proses akan diwakili oleh satu kata leksikal untuk dianalisis maknanya berdasarkan konteks penggunaannya yang sebenar dalam teks menggunakan kaedah analisis transitiviti. Pengungkapan Proses-Proses konflik dalam keempat-empat akhbar *Utusan Malaysia (UM)*, *Berita Harian (BH)*, *Utusan Borneo (UB)* dan *New Sabah Times (NST)* dianalisis secara berasingan untuk melihat pola perbezaan dan persamaan penggambaran konflik antara akhbar Semenanjung Malaysia dengan akhbar tempatan Sabah. Akhirnya penggambaran konflik bagi setiap akhbar dapat diketahui dan dihuraikan bagi menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan dan memenuhi ketiga-tiga objektif kajian yang dinyatakan dalam Bab 2.

4.7 Contoh analisis

Contoh analisis makna leksikal dan makna wacana ditunjukkan di bawah.

4.7.1 Analisis makna leksikal

Kata leksikal dalam kajian ini dibahagikan kepada dua, iaitu kata leksikal konflik dan kata leksikal pengurusan dan penyelesaian konflik. Untuk mengetahui medan-medan makna leksikal kata konflik, berikut diperlihatkan analisis komponen makna beberapa kata konflik yang kerap ditemui dalam korpus kajian.

4.7.1.1 Analisis medan makna kata leksikal konflik

Makna yang dikongsi bersama atau primitif bagi lima kata leksikal yang menunjukkan tindakan konflik yang kerap berlaku ialah [+orang] yang menunjukkan bahawa pelaku perbuatan ini ialah manusia, [+sehala] yang menunjukkan perbuatan ini dilakukan oleh satu pihak kepada satu pihak yang lain dan tidak ada tindakan balas daripada pihak penerima tindakan, dan [+sasaran/sebab khusus] yang merujuk kepada perbuatan sengaja. Bagaimanapun, ciri pembeza [+fizikal] membahagikan lima kata leksikal konflik ini kepada dua kategori. Leksikal *tembak*, *ceroboh*, *pukul* dan *serang* dikategorikan sebagai tindakan fizikal manakala *kutuk* merupakan tindakan verbal melalui ciri pembeza [+verbal]. *Tembak* dan *serang* pula dibezakan maknanya daripada *ceroboh* dan *pukul* melalui ciri pembeza [+senjata]. *Pukul* pula dibezakan oleh ciri pembeza [+alat] dan [+anggota badan].

tembak	[+orang], [+fizikal], [+senjata], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala]
ceroboh	[+orang], [+fizikal], [- senjata], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala]
pukul	[+orang], [+fizikal], [-senjata], [+alat], [+anggota badan], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala]
serang	[+orang], [+fizikal], [+senjata], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala]
kutuk	[+orang], [+verbal], [-senjata], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala]

4.7.1.2 Analisis medan makna kata leksikal pengurusan dan penyelesaian konflik

Daripada empat kata leksikal pengurusan dan penyelesaian konflik yang kerap digunakan dalam korpus kajian, tiga daripadanya (*siasat*, *ekstradisi* dan *banteras*) merupakan penyelesaian yang melibatkan pihak ketiga, iaitu pemutus atau arbiter [+arbitrari]. Kata leksikal *serah diri* pula merupakan inisiatif pihak yang berkonflik untuk menyelesaikan

pertikaian yang berlaku [+inisiatif sendiri]. *Siasat* melibatkan Proses membuat keputusan untuk melakukan tindakan siasatan yang melibatkan pemikiran [+intelektual] manakala *ekstradisi* dan *banteras* merupakan pelaksanaan hukuman dan tindakan undang-undang. *Serah diri*, *ekstradisi* dan *banteras* tidak memerlukan daya fikir yang tinggi [-intelektual].

serah diri	[+inisiatif sendiri], [+arbitrari], [+sehala], [-bukti], [+canggih], [-intelektual]
siasat	[+pihak ketiga], [+arbitrari], [+sehala], [+bukti], [+canggih], [+intelektual]
ekstradisi	[+pihak ketiga], [+arbitrari], [+sehala], [+bukti], [+canggih], [-intelektual]
banteras	[+pihak ketiga], [+ arbitrari], [+ sehala], [+bukti], [+canggih], [-intelektual]

4.7.2 Analisis makna wacana

Kata konflik *tembak* yang sudah dikategorikan medan maknanya dalam analisis makna leksikal, dilihat pula penggunaannya dalam konteks wacana laporan berita akhbar.

Jadual 4.3: Penggunaan kata leksikal *tembak* dalam akhbar *UM*

mayat-mayat itu ditanam. Kejadian **berbalas tembak antara pasukan** keselamatan dan kumpulan pen-
daus Francis Abdullah berkata, kejadian **berbalas tembak antara pasukan** keselamatan dan kumpulan ber-
tempoh 24 jam lepas, tiada insiden **berbalas tembak antara pasukan** keselamatan dan penceroboh m
. Pengganas itu maut dalam kejadian **berbalas tembak dengan anggota** keselamatan yang menjalankan
polis yang terkorban dalam kejadian **berbalas tembak malam Sabtu** lepas di Kampung Simunul.
lagi anggota polis cedera selepas **berlaku tembak menembak antara** pihak keselamatan dengan pe-
berkenaan. "Pada kira-kira 4.15 petang **berlaku tembak menembak di** tiga lokasi kampung itu
bung Bantuan Mangsa Pencerobohan Sabah. - **BERNAMA Tembak-menembak di** 3 lokasi Tanjung Batu, Lahad
dalam portal Keadilan Daily bahawa **insiden tembak-menembak di** Kampung Tanduo, Sabah merupakan
Keadilan Rakyat (PKR) telah mendakwa **insiden tembak-menembak di** Kampung Tanduo, Lahad Datu,
(PRU) jika terlibat dalam isu **insiden tembak-menembak di** Kampung Tanduo, Lahad Datu,
Sabarudin Daud yang terkorban dalam **insiden tembak-menembak di** Kampung Tanduo, Lahad Datu,
dalam portal Keadilan Daily bahawa **insiden tembak-menembak itu** merupakan konspirasi UMNO kono
) , Prof. Dr. Jayum Jawan berkata, **insiden tembak menembak tersebut** tidak wajar dipolitikkan.
kumpulan penceroboh yang terbunuh dalam **kejadian tembak menembak dengan** pasukan keselamatan di Kamp
Sri Ismail Omar mengesahkan berlaku **kejadian tembak-menembak di** Kampung Sri Jaya Siminul,
pagi ini LAHAD DATU 7 Mac - **Kejadian tembak-menembak dilaporkan** berlaku di Kampung Tand
lasi mengenai kumpulan tersebut termasuk **kejadian tembak-menembak, sebaliknya** serahkan tugas untuk m
yang menuduh UMNO terlibat dalam **konspirasi tembak-menembak di** Kampung Tanduo, Lahad Datu,
, Lahad Datu - KPN KUALA LUMPUR 6 Mac - **Tembak menembak antara** anggota keselamatan dan kum
. "Setakat ini keadaan tenang malah **tiada tembak-menembak sebagai** serangan balas berlaku dan
kereta perisai APC Condor. \x96 **UTUSAN Tembak menembak kedengaran** di Kampung Tanduo pagi

Daripada contoh maklumat penggunaan kata dalam laporan akhbar Utusan Malaysia di atas, Proses Material *tembak* mengungkapkan kejadian saling menembak antara dua pihak yang berkonflik, dan dikelompokkan kepada dua kategori makna klausa yang berikut:

- (a) kejadian berbalas tembak antara pasukan keselamatan dengan penceroboh
- (b) insiden tembak-menembak di Kampung Tanduo

Makna klausa pada baris 1 hingga 4 menunjukkan kata leksikal konflik *tembak* digunakan bagi membentuk dua golongan kata yang membawa makna kesalingan dalam klausa. Makna kesalingan tersebut terbentuk dalam klausa oleh dua keadaan. Pertama, kata *tembak* bergabung dengan kata kerja *berbalas* dan mewujudkan kata majmuk yang membawa makna

saling menembak. Kata kerja *berbalas* menunjukkan kesalingan perbuatan antara dua pihak. Kedua, unsur morfosemantik awalan *meN-* yang membentuk kata *menembak* dari kata akar *tembak* dalam klausa baris 5 hingga 22, membentuk kata ganda menyalang *tembak-menembak* yang juga membawa makna saling menembak; sama seperti makna kesalingan yang diungkapkan oleh klausa pada baris 1 hingga baris 4.

Klausa baris 1 dan 4 dikategorikan sebagai Proses Material tindakan atau *doing*. Proses jenis ini melibatkan dua belah pihak, iaitu Pelaku Proses (Aktor) dan pihak yang menjadi Sasaran kepada perbuatan pelaku (*Goal*). Dalam konteks kesalingan, kedua-dua belah pihak, iaitu pasukan keselamatan dan kumpulan penceroboh yang terlibat, saling menjadi Pelaku dan Sasaran. Walaupun turut membawa makna kesalingan, klausa baris 5-22 merupakan Proses Material yang menunjukkan suatu peristiwa atau *happening*.

4.7.3 Rumusan contoh analisis

Daripada contoh analisis makna leksikal dan makna wacana yang ditunjukkan, makna leksikal *tembak* dicirikan oleh [+orang] [+fizikal] [+senjata] [+sasaran/sebab khusus] [+sehala] seperti yang diuraikan dalam Bab 4, subtajuk 4.7.1.1. Medan makna antara satu kata leksikal konflik dengan kata leksikal konflik yang lain dapat dibezakan dengan jelas menerusi analisis komponen-komponen makna setiap satu kata konflik yang berkenaan. Kata *tembak* berbeza medan maknanya dengan kata *pukul* dan *kutuk* berdasarkan ciri pembeza yang tertentu. Begitu juga kata leksikal pengurusan dan penyelesaian konflik *serah diri*, *siasat*, *ekstradisi* dan *banteras*.

Analisis transitiviti pula dapat memperlihatkan perbezaan makna kata leksikal *tembak* apabila digunakan dalam konteks yang berbeza. Daripada contoh analisis, butir leksikal yang berbeza dapat mengungkapkan peristiwa yang sama dalam klausa yang berbeza. Frasa *berbalas tembak* dan kata ganda *tembak-menembak* yang digunakan dalam konteks klausa yang berbeza, memberikan makna yang sama, iaitu makna kesalingan dalam melakukan tindakan *tembak* oleh dua pihak yang berkonflik. Dalam konteks wacana juga, makna leksikal boleh mengalami perubahan. Daripada contoh analisis ini, apabila kata kerja *tembak* digunakan bersama-sama dengan kata kerja *berbalas* dan *menembak*, frasa yang terbentuk daripada kata *tembak* yang mempunyai komponen makna [+sehala] sudah berubah menjadi [-sehala] kerana perbuatan kesalingan melibatkan dua pelaku yang saling melakukan tindakan *tembak* tersebut.

4.8 Rumusan

Contoh analisis yang ditunjukkan dalam bab ini menunjukkan data dan kaedah kajian yang dipilih dapat menghuraikan persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 2. Bab 6, 7 dan 8 akan menghuraikan lebih lanjut analisis makna pada peringkat leksikal bagi kata leksikal utama yang telah diterangkan dalam Bab 5. Bab 9 akan menghuraikan makna pada peringkat wacana.

BAB 5: UNSUR BAHASA DALAM KONFLIK

5.1 Pendahuluan

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam Bab 2 subtajuk 2.5.2, konflik merupakan suatu konsep yang luas dan bersifat merentas pelbagai disiplin ilmu. Dalam teks bertulis seperti laporan akhbar, konsep-konsep tersebut terkandung di sebalik binaan unsur-unsur bahasa, iaitu kata, frasa, klausa dan ayat. Setiap kata mempunyai medan maknanya yang tersendiri yang dapat diketahui berdasarkan konteks penggunaannya dan makna tersebut boleh dikelompokkan dalam konsep-konsep makna yang tertentu.

Bab ini mengenal pasti dan mengelompokkan unsur-unsur bahasa yang menjadi isi penting atau kata leksikal utama dalam konflik Lahad Datu. Bagi memudahkan analisis, bentuk-bentuk kata utama tersebut diterangkan terlebih dahulu. Bentuk-bentuk kata ini akan dikelompokkan mengikut konsep-konsep makna akar dan terbitannya berdasarkan hubungan hipernim/hiponim atau superordinat/subordinat sebelum dianalisis medan maknanya bagi memetakan tipologi konflik Lahad Datu.

5.2 Bentuk-bentuk kata konflik

Daripada janaan senarai kata dan kekerapannya, terdapat 74 kata leksikal yang kerap digunakan dalam korpus kajian. Leksikal tersebut terdiri daripada 35 kata nama, 36 kata kerja dan tiga (3) kata sifat, seperti dalam jadual berikut:

Jadual 5.1: Senarai kata leksikal utama dalam laporan berita konflik

Kata nama	Kata kerja	Kata sifat
<i>musuh</i>	<i>ceroboh</i>	<i>sedih</i>
<i>konflik</i>	<i>menceroboh</i>	<i>bimbang</i>
<i>perang</i>	<i>menjejaki</i>	<i>risau</i>
<i>militan</i>	<i>menggeledah</i>	
<i>pengganas</i>	<i>mengepung</i>	
<i>keganasan</i>	<i>menggempur</i>	
<i>dalang</i>	<i>menumpaskan</i>	
<i>penceroboh</i>	<i>menuduh</i>	
<i>suspek</i>	<i>memperlekeh</i>	
<i>senjata</i>	<i>memperlekehkan</i>	
<i>mortar</i>	<i>menghina</i>	
<i>pejuang</i>	<i>kutuk</i>	
<i>taktik</i>	<i>menafikan</i>	
<i>gerila</i>	<i>memburukkan</i>	
<i>sandiwara</i>	<i>mempersenda</i>	
<i>insiden</i>	<i>mempersenda-sendakan</i>	
<i>tragedi</i>	<i>mengutuk</i>	
<i>mangsa</i>	<i>melarikan diri</i>	
<i>kematian</i>	<i>bertenang</i>	

Kata nama	Kata kerja	Kata sifat
<i>kecederaan</i>	<i>mengelak</i>	
<i>penceroohan</i>	<i>serah diri</i>	
<i>konspirasi</i>	<i>berundur</i>	
<i>pembangkang</i>	<i>berunding</i>	
<i>amaran</i>	<i>siasat</i>	
<i>tuduhan</i>	<i>memperketatkan</i>	
<i>spekulasi</i>	<i>mengelakkan</i>	
<i>tembak-menembak</i>	<i>disiasat</i>	
<i>serang hendap</i>	<i>ditumpaskan</i>	
<i>pembohongan</i>	<i>berdegil</i>	
<i>pengecut</i>	<i>menakut-nakutkan</i>	
<i>tertuduh</i>	<i>menyiasat</i>	
<i>pertempuran</i>	<i>memberkas</i>	
<i>kejadian</i>	<i>membanteras</i>	
<i>serangan</i>	<i>menahan</i>	
	<i>mengekstradisi</i>	
	<i>mengusir</i>	

5.2.1 Kata nama

Jumlah 35 kata nama yang kerap digunakan dalam konflik dikelompokkan mengikut kata yang menunjukkan Pelaku, Perbuatan, Hasil Perbuatan dan Sifat (Asmah, 2015). Pengelompokan dibuat berdasarkan kepada maklumat penggunaannya dalam teks. Kata

nama mengikut keempat-empat kelompok yang disebutkan ini, ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 5.2: Senarai kata nama dalam konflik

Hasil Perbuatan 19	Pelaku 10	Penerang Perbuatan 4	Sifat
<i>pencerobohan/ ceroboh</i>	<i>pengganas</i>	<i>senjata</i>	<i>pengecut</i>
<i>pertempuran</i>	<i>penceroboh</i>	<i>mortar</i>	
<i>serangan</i>	<i>musuh</i>	<i>taktik</i>	
<i>pembohongan</i>	<i>militan</i>	<i>gerila</i>	
<i>keganasan</i>	<i>dalang</i>		
<i>kematian</i>	<i>suspek</i>		
<i>kecederaan</i>	<i>pejuang</i>		
<i>kejadian</i>	<i>mangsa</i>		
<i>konflik</i>	<i>pembangkang</i>		
<i>perang</i>	<i>tertuduh</i>		
<i>insiden</i>			
<i>tragedi</i>			
<i>sandiwara</i>			
<i>tembak-menembak</i>			
<i>serang hendap</i>			

Hasil Perbuatan 19	Pelaku 10	Penerang Perbuatan 4	Sifat
<i>konspirasi</i>			
<i>amaran</i>			
<i>tuduhan</i>			
<i>spekulasi</i>			

Daripada keempat-empat bentuk kata nama yang digunakan, kata nama yang menunjukkan Hasil Perbuatan paling banyak digunakan, diikuti oleh kata nama Pelaku, kata nama yang menerangkan Perbuatan, dan kata nama yang menunjukkan Sifat. Kekerapan ini bersesuaian dengan genre laporan berita yang memaparkan peristiwa atau kejadian konflik yang berlaku, yang merupakan hasil daripada Perbuatan oleh pihak-pihak yang menjadi pelaku konflik.

5.2.1.1 Kata nama Hasil Perbuatan

Kata nama yang menunjukkan Hasil Perbuatan konflik terdiri daripada kata nama unggulan dan kata nama berlapis atau terbitan (sekunder).

(a) kata nama unggulan

Kata nama unggulan ialah kata nama yang sejak dari bentuk akarnya sudah tergolong dalam kumpulan nama (Asmah, 2015:27). Kata *konflik*, *insiden*, *perang*, *tragedi* dan *sandiwara* merupakan kata nama unggulan. Kata *tembak* dan *serang* pula merupakan kata kerja unggulan. Walau bagaimanapun, dalam konteks laporan berita konflik, kata leksikal *tembak* digunakan dalam bentuk kata ganda yang menunjukkan kejadian, iaitu *tembak-menembak*

manakala *serang* digabungkan dengan kata *hendap* dan membentuk kata majmuk yang membawa makna dan konsep baharu, iaitu kejadian serangan secara tiba-tiba.

Begitu juga dengan kata kerja *ceroboh* yang bentuk akarnya ialah kata kerja unggulan. Kata *ceroboh* yang digunakan dalam konteks tajuk berita konflik merupakan realisasi makna kata nama hasil perbuatan *pencerobohan*. Walau bagaimanapun, kata tersebut mengalami pengguguran imbuhan. Hal ini bersesuaian dengan kecenderungan untuk menghilangkan imbuhan pada sesuatu kata dasar yang menunjukkan perbuatan dalam ayat tajuk sebagai strategi penyingkatan teks berita bagi menyesuaikan ruang akhbar yang terhad (Asmah, 2015:60,73). Dalam laporan berita konflik yang dikaji, kata nama hasil perbuatan *pencerobohan* dalam tajuk berita mengalami pengguguran awalan peN- dan akhiran -an. Beberapa contoh yang menunjukkan kecenderungan dalam pengguguran imbuhan pada kata berlapis *pencerobohan*, ditunjukkan oleh contoh 1-4.

1. Insiden *ceroboh* Lahad Datu tidak jejas penerbangan MASwings
2. Blogger terus dedah 'dalang' *ceroboh* Lahad Datu, 'penaja jutaan ringgit'

Jika tidak digugurkan imbuhan pada kata *ceroboh*, kedua-dua tajuk 1-2 di atas menggunakan kata nama hasil perbuatan *pencerobohan*, seperti dalam ayat 3-4 di bawah:

3. Insiden *pencerobohan* Lahad Datu tidak jejas penerbangan MASwings
4. Blogger terus dedah 'dalang' *pencerobohan* Lahad Datu, 'penaja jutaan ringgit'

(b) kata nama berlapis

Kata nama berlapis pula merupakan kata nama yang diterbitkan dari golongan kata lain dengan proses penambahan imbuhan (Asmah, 2015:27). Kata *keganasan*, *kematian*, *kecederaan*, *pencerobohan*, dan *serangan* terbit daripada kata sifat *ganas* dan kata kerja *mati*,

cedera, ceroboh dan *serang*. Dalam laporan konflik, kata nama berlapis cenderung digunakan bersama-sama dengan dua bentuk kata kerja, iaitu (i) kata kerja yang menunjukkan keadaan, dan (ii) kata kerja perbuatan sendiri. Kata kerja keadaan ialah kata kerja yang tidak menunjukkan adanya gerak perbuatan seperti *hidup, sakit, dan menjadi* (Asmah, 2015:98) manakala kata kerja perbuatan sendiri ialah perbuatan yang berlaku atau dilakukan pada diri sendiri, seperti *tidur, bersolek, berhias* dan *mandi* (Asmah, 2015:94).

5.2.1.2 Kata nama menunjukkan Pelaku

Kata nama yang menunjukkan Pelaku mempunyai tiga fungsi yang berbeza dalam klausa, iaitu sebagai Pelaku tindakan konflik, sebagai Penerima Manfaat, atau sebagai Penderita/Penerima Akibat daripada tindakan Pelaku konflik. Sesuatu tindakan atau perbuatan konflik lazimnya melibatkan kombinasi Pelaku dan Penerima Manfaat, atau Pelaku dan Penderita, ataupun ketiga-tiganya sekali.

Jenis kata nama Pelaku yang kerap digunakan dalam laporan konflik terdiri daripada kata nama am yang menunjukkan pihak-pihak yang terlibat dalam konflik, iaitu *pengganas, penceroboh, musuh, militan, dalang, suspek, pejuang, tertuduh, pengecut* dan *mangsa*. Enam daripadanya, iaitu *pengganas, penceroboh, musuh, militan, dalang, tertuduh* dan *suspek* menunjukkan Pelaku bagi pihak yang menceroboh, manakala Pelaku di pihak yang diceroboh diwakili oleh kata *pejuang*. Kata *mangsa* merupakan Penderita yang menerima kesan penderitaan akibat tindakan konflik oleh Pelaku. *Tertuduh* pula merujuk kepada pihak Pelaku yang ditangkap dan dikenakan tindakan undang-undang.

5.2.1.3 Kata nama menerangkan Perbuatan

Kata nama yang menerangkan Perbuatan, bergandingan dengan kata kerja yang diterangkannya. Contoh 5-6 menunjukkan kata nama unggulan **senjata** digunakan untuk menerangkan objek yang *diperoleh*, dan cara perbuatan *menceroboh*. Contoh 7 pula menunjukkan kata nama **mortar** dan **senjata berat** menerangkan perbuatan serangan yang dilakukan.

5. bekalan **senjata** yang *diperoleh* mereka
6. *menceroboh* masuk ke negara kami bersama **senjata**
7. *melancarkan* serangan **mortar** dan **senjata berat**

5.2.1.4 Kata nama menunjukkan Sifat

Kata nama berlapis dengan awalan pe(N)- yang bergabung dengan kata sifat, merujuk kepada manusia atau Pelaku yang mempunyai sifat yang dinyatakan oleh kata dasar yang berkenaan (Asmah, 2015:54). Kata *pengecut* merupakan satu-satunya kata nama berlapis yang kerap digunakan dalam laporan berita konflik. Kata dasarnya *kecut* ditakrifkan sebagai rasa takut, gentar, gerun (KD4, 2005). Sifat tersebut merujuk kepada pihak dalam konflik yang mengalami rasa *kecut*, tidak mempunyai keberanian untuk melaksanakan sesuatu tindakan, seperti yang ditunjukkan dalam contoh 8 di bawah:

8. Kumpulan penceroboh bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu, disifatkan *pengecut* kerana menggunakan taktik kotor dengan mengangkat bendera putih sebagai tanda untuk menyerah diri namun melancarkan serangan ke arah pasukan keselamatan sehingga mengorbankan dua nyawa anggota komando VAT 69, pagi semalam.

Contoh 8 menunjukkan bahawa *kumpulan penceroboh* merupakan pihak yang dirujuk oleh kata dasar *kecut*, iaitu pihak yang tidak mempunyai keberanian menyerang secara berdepan. Sifat *pengecut* menyebabkan mereka menggunakan tipu muslihat untuk menyerang pasukan keselamatan untuk mendapatkan kemenangan.

5.2.2 Kata kerja

Kata kerja tergolong kepada dua, iaitu kata kerja perbuatan dan kata kerja keadaan. Kata kerja dinamakan kata kerja perbuatan jika rujukannya terdiri daripada perbuatan. Kata kerja keadaan pula ialah kata kerja yang rujukannya bukan perbuatan. Subjek bagi kata kerja perbuatan berfungsi sebagai Pelaku manakala Subjek bagi kata kerja keadaan bukanlah Pelaku (Asmah, 2015:94).

Semua 36 kata kerja yang kerap digunakan dalam konflik merupakan kata kerja perbuatan. Kata kerja perbuatan dibahagikan pula kepada kata kerja perbuatan sengaja, perbuatan menyebab, dan perbuatan luar sendiri (Asmah, 2015:95-97). Ketiga-tiga kategori kata kerja yang digunakan untuk mengungkapkan konflik ditunjukkan oleh senarai di bawah:

Jadual 5.3: Senarai kata kerja perbuatan dalam konflik

perbuatan sengaja	perbuatan menyebab	perbuatan luar sendiri
<i>menuduh</i>	<i>memburukkan</i>	<i>menjejaki</i>
<i>menghina</i>	<i>memperlekeh</i>	<i>disiasat</i>
<i>menceroboh</i>	<i>memperlekehkan</i>	
<i>mengepung</i>	<i>menumpaskan</i>	
<i>menggempur</i>	<i>ditumpaskan</i>	

perbuatan sengaja	perbuatan menyebab	perbuatan luar sendiri
<i>kutuk</i>	<i>mempersenda</i>	
<i>ceroboh</i>	<i>menafikan</i>	
<i>menggeledah</i>	<i>menakut-nakutkan</i>	
<i>bertenang</i>	<i>memperketatkan</i>	
<i>mengelak</i>	<i>mengelakkan</i>	
<i>serah diri</i>	<i>mempersenda-sendakan</i>	
<i>berundur</i>		
<i>berunding</i>		
<i>siasat</i>		
<i>menyiasat</i>		
<i>memberkas</i>		
<i>membanteras</i>		
<i>menahan</i>		
<i>mengekstradisi</i>		
<i>mengusir</i>		
<i>melarikan (diri)</i>		
<i>mengutuk</i>		
<i>berdegil</i>		

5.2.2.1 **Perbuatan sengaja**

Ketiga-tiga jenis kata kerja perbuatan sengaja, perbuatan menyebab dan perbuatan luar sendiri menunjukkan adanya tindakan yang dilakukan dengan sengaja oleh Pelakunya, dan memulakan berlakunya sesuatu peristiwa atau kejadian dalam konflik.

Perbuatan sengaja yang dilakukan terdiri daripada kata dasar atau kata kerja berlapis yang menerima awalan me(N)- dan be(R)- seperti *mengambil* dan *berdiri* (Asmah, 2015:95). Awalan me(N)- dengan kata kerja membawa makna ‘membuat’ atau ‘melakukan’ (Asmah, 2015:119). Dalam laporan berita konflik, kata perbuatan sengaja seperti ini paling banyak digunakan. Antaranya *menuduh*, *menghina*, *menceroboh*, *mengepung*, *menggempur*, *kutuk*, *ceroboh*, *menggeledah* dan *berdegil*.

Contoh 9-10 menunjukkan perbuatan *menggeledah* dilakukan dalam konflik yang dilakukan secara sengaja oleh pasukan keselamatan yang diungkapkan secara nyata melalui penggunaan ganti nama.

9. ”Kami akan *menggeledah* semua kawasan bagi memastikan tiada musuh berselindung sebelum penduduk boleh pulang ke rumah masing-masing,” katanya.

10. Empat pertempuran berlaku antara penganas dan pasukan keselamatan yang menjalankan operasi *menggeledah* dan *menjejaki* musuh di kawasan Tanjung Batu di sini semalam.

Contoh 9 menunjukkan perbuatan sengaja **menggeledah** yang dilakukan oleh pasukan keselamatan yang diungkapkan oleh ganti nama **kami**. Contoh 10 pula menunjukkan perbuatan sengaja **menggeledah** dan **menjejaki** oleh pelaku yang sama yang diungkapkan secara langsung tanpa menggunakan ganti nama.

Perbuatan sengaja juga diungkapkan oleh kata dalam bentuk dasar *kutuk* dan *ceroboh*. Golongan sebenar kedua-dua kata tersebut ialah kata kerja perbuatan berlapis yang telah mengalami penghilangan penambah sesuai dengan konteks tajuk berita (Asmah, 2015:73), seperti huraian kepada kata nama *pencerobohan* dalam subtajuk 5.2.1.1. Contoh 11 dan 13 menunjukkan bagaimana *kutuk* dan *ceroboh* digunakan dalam tajuk manakala contoh 12 dan

14 menunjukkan penggunaannya dalam bentuk kata berlapis dengan imbuhan yang sesuai dengan konteks makna yang diungkapkannya.

11. Lebih 100 m'rakat Suluk berkumpul *kutuk* insiden ceroboh Lahad Datu
12. Lebih 100 m'rakat Suluk berkumpul *mengutuk* insiden ceroboh Lahad Datu
13. Aquino bidas kumpulan *ceroboh* Sabah
14. Aquino bidas kumpulan *menceroboh* Sabah

5.2.2.2 Perbuatan menyebab

Perbuatan menyebab merupakan perbuatan yang menyebabkan sesuatu keadaan lain berlaku dan membawa akibat tertentu. Misalnya, *memburukkan* membawa makna menjadikan keadaan yang sedia ada lebih buruk, *memperlekehkan* menyebabkan pihak sasaran menjadi marah, dan *menafikan* menyebabkan sesuatu kenyataan oleh pihak lain menjadi tidak benar. Makna akibat ini didukung oleh awalan pe(R)- dan akhiran -kan (Asmah, 2015:95-96). Kata *memburukkan*, *memperlekeh*, *memperlekehkan*, *menumpaskan*, *ditumpaskan*, *mempersenda*, *menafikan* /*nafi* dan *menakut-nakutkan* adalah antara kata kerja yang menyebabkan sesuatu keadaan berlaku.

Dalam laporan konflik, kata kerja Perbuatan menyebab terdiri daripada kata kerja berlapis yang menerima awalan me(N)- dan akhiran -kan. Contoh 15 dan 16 di bawah menunjukkan kata kerja Perbuatan *memburukkan* dalam konteks penggunaannya:

15. Tindakan segelintir masyarakat setempat di bandaraya ini yang berpusu-pusu membeli barangan keperluan makanan seperti beras akibat panik dengan situasi yang berlaku di Lahad Datu sebenarnya lebih *memburukkan* lagi *keadaan*.
16. Adakah Anwar ingin *memburukkan hubungan* di antara Kuala Lumpur dan Manila?

Dalam contoh 15 dan 22 di atas, Perbuatan *memburukkan* oleh masyarakat dan Anwar menjadi menjadi penyebab kepada **keadaan** dan **hubungan** yang semakin bertambah buruk.

Kata *menafikan* pula digunakan dalam konteks tajuk berita konflik yang telah mengalami penghilangan penambah (Asmah, 1995:73), seperti huraian kepada kata nama *pencerobohan* dalam subtajuk 5.2.1.1 sebelum ini. Contoh 17 menunjukkan bagaimana kata kerja perbuatan menyebabkan ini digunakan dalam tajuk manakala contoh 18 menunjukkan kata terbitan sebenar yang digunakan untuk mengungkapkan maksud *nafi* dalam ayat tajuk berita jika penyingkatan tidak dilakukan.

17. Persatuan Suluk *nafi* warga Filipina pulang kerana bimbang dikena tindakan

18. Persatuan Suluk *menafikan* warga Filipina pulang kerana bimbang dikena tindakan

Kedua-dua contoh 17 dan 18 menunjukkan bahawa perbuatan *menafikan/nafi* oleh Persatuan Suluk Sabah menyebabkan bahawa andaian yang ditimbulkan oleh sesetengah pihak bahawa rakyat Filipina yang tinggal di negeri Sabah pulang ke Filipina, adalah tidak benar.

5.2.2.3 Perbuatan luar sendiri

Perbuatan luar sendiri pula ialah perbuatan yang ditujukan kepada orang atau benda lain seperti *menghias rumah* (Asmah, 2015:95). Kata kerja yang mendukung makna luar sendiri terdiri daripada kata dasar atau kata kerja berlapis yang menerima awalan me(N)-, akhiran -kan dan -i. Dalam laporan berita konflik, empat kata Perbuatan luar sendiri yang sering digunakan, ialah *menjejaki* dan *disiasat*.

Contoh 19-21 menunjukkan perbuatan *menjejaki* ditujukan kepada *kumpulan pengganas*, *musuh* dan *saki-baki kumpulan militan*.

19.memperluas operasi *menjejaki* **kumpulan penganas** di Kampung Tanduo dekat sini.
20. ...*menjejaki* **musuh** yang memasuki kawasan kampung berkenaan.
21. ...*menjejaki* **saki-baki kumpulan militan** tersebut.

5.2.3 Kata Sifat

Dalam laporan konflik, kata sifat yang kerap diungkapkan ialah *sedih*, *bimbang* dan *risau*.

(a) *sedih*

Kata *sedih* kerap digunakan bagi mengungkapkan perasaan kehilangan ahli keluarga yang merupakan anggota pasukan keselamatan oleh pihak ahli keluarga (contoh 22), dan pemimpin kehilangan warganya (contoh 23 dan 24). Contoh 22 juga menunjukkan bahawa *pilu* mempunyai ciri makna yang terangkum dalam makna kata *sedih*. Oleh itu *pilu* merupakan hiponim kepada *sedih*.

22. Suasana *sedih* dan *pilu* menyelubungi seluruh anggota keluarga, saudara-mara serta penduduk kampung apabila berita kematian Michael yang terkorban ...
23. Beliau (PM) yang *sedih* kejadian pencerobohan itu telah mengakibatkan lapan anggota keselamatan terkorban berkata, manusia yang tergamak berkata sedemikian adalah mereka yang tidak mempunyai perasaan dan tidak berhati perut.
24. "Kita berasa *sedih* dengan insiden ini dan bersimpati dengan keluarga mereka.

(b) *risau*

Kata *risau* digunakan untuk tujuan yang sama oleh penduduk (contoh 26) dan ahli keluarga pasukan keselamatan yang bertugas (contoh 25 dan 27).

25. Fatimah, yang membeli barangan untuk enam ahli dalam keluarganya juga *risau* dengan keadaan abang iparnya yang bertugas sebagai polis di Semporna.
26. Bagaimanapun, beliau juga *risau* dengan kejadian yang berlaku di Semporna dan di Kampung Tanduo Felda Sahabat di mana sekumpulan Filipina bersenjata dikepung oleh pasukan keselamatan negara sejak 12 Feb lepas.
27. "Saya tidak tahu Allahyarham nak menyertai operasi di Lahad Datu kerana beliau tidak pernah menceritakan sebarang operasi kepada saya... takut saya *risau*," katanya sambil memberitahu anaknya pernah patah tangan ketika latihan payung terjun satu masa dulu.


(c) *bimbang*

Kata *bimbang* pula digunakan oleh *penduduk, peniaga, pekerja, dan etnik suluk Sabah* untuk meluahkan rasa tidak selamat akibat konflik yang berlaku berhampiran dengan kawasan mereka (contoh 28-31 dan 33). *Keluarga anggota pasukan keselamatan* pula sudah tentu merasa khuatir dengan keselamatan anggota keluarga mereka yang bertugas di kawasan konflik (contoh 32). Contoh 28 menunjukkan bahawa *bimbang* juga diungkapkan oleh *berwaspada* yang mempunyai ciri makna yang terangkum dalam makna kata *bimbang*. Oleh itu *berwaspada* merupakan hiponim kepada *bimbang*.

28. Dia yang mempunyai 10 orang anak memberitahu dia *bimbang* dengan keselamatannya dan selalu mengingatkan keluarganya untuk selalu *berwaspada*.
29. Pada peringkat awal tercetusnya kekacauan di Tanduo, banyak premis perniagaan tutup dan ramai juga pekerja tidak datang kerana *bimbang* apa yang berlaku di kampung berkenaan merebak ke bandar ini.
30. Persatuan Suluk Bersatu Sabah cawangan Sandakan semalam menafikan dakwaan ribuan warga Filipina meninggalkan negeri itu kerana *bimbang* dikenakan tindakan ekoran insiden pencerobohan militan bersenjata Sulu di Lahad Datu.
31. Peniaga dikenali sebagai Wong berkata, beliau menutup kedai kerana *bimbang* keselamatan terancam berikutan insiden di Kampung Tanduo.
32. "Selepas arwah memberitahu akan menyertai operasi itu, saya berpesan supaya berhati-hati menjalankan tugas kerana *bimbang* keselamatannya terancam.

33. Beberapa penduduk Kampung Simulu, Semporna meninggalkan rumah masing-masing kerana *bimbang* tercetus pertempuran antara pihak berkuasa dan penceroboh asing, di Simunul, Semporna, Sabah hari ini.

Unsur-unsur bahasa konflik yang dihuraikan di atas, dirangkumkan dalam rajah yang berikut:



Rajah 5.1 Unsur-unsur bahasa yang menjadi isi penting dalam laporan berita konflik

5.3 Rumusan

Konsep-konsep utama yang menggambarkan konflik Lahad Datu dalam laporan akhbar terdiri daripada unsur kata nama, kata kerja dan kata sifat. Ketiga-tiga unsur ini mempunyai bentuk-bentuk dasar dan terbitan yang membawa makna-makna tertentu dalam teks laporan. Makna dasar atau hipernim dan makna terbitan atau hiponim ini menjadi asas bagi analisis medan makna dalam Bab 6, 7 dan 8. Konsep hipernim dan hiponim ini sudah dijelaskan dalam Bab 2, perenggan ketiga subtajuk 2.5.2.

BAB 6: KONSEP KONFLIK VERBAL DAN TIPOLOGINYA

6.1 Pendahuluan

Senarai unsur-unsur bahasa yang telah dibincangkan dalam Bab 5 menunjukkan bahawa konflik Lahad Datu merupakan konflik manusia. Konflik jenis ini meletakkan manusia sebagai subjek atau pelaku. Konflik manusia terdiri daripada tiga jenis, iaitu konflik yang diungkapkan melalui pengucapan (verbal), konflik yang melibatkan tindakan zahir (fizikal), dan konflik yang menggabungkan konflik verbal dan fizikal (Asmah, 2013:17-18). Konflik verbal melibatkan penggunaan [+bahasa] dalam tindakannya manakala konflik fizikal melibatkan pergerakan tubuh badan. Jenis konflik yang ketiga menggabungkan penggunaan bahasa dengan pergerakan fizikal. Walau bagaimanapun, daripada unsur-unsur bahasa yang digunakan, konflik Lahad Datu boleh dibahagikan kepada konflik verbal dan konflik fizikal. Konflik yang menggabungkan penggunaan bahasa dengan pergerakan fizikal tidak terdapat dalam korpus kajian.

Bab ini menghuraikan makna leksikal kata-kata konflik verbal yang digunakan dalam laporan berita Konflik Lahad Datu dengan menerapkan analisis komponen makna. Bagi tujuan ini, kata leksikal yang disenaraikan dalam Bab 5, Jadual 5.3 yang mempunyai elemen [+bahasa], akan dianalisis.

6.2 Pengungkapan konsep konflik verbal

Tindakan-tindakan verbal dalam konflik Lahad Datu merupakan tindakan berkonflik yang tidak bersemuka dan dinyatakan melalui perantaraan bahasa dalam akhbar. Tindakan verbal

dengan perantaraan ini merupakan tindakan yang tidak melibatkan ketegangan [-kenyaringan] walaupun ada kalanya menggunakan kata kesat [-canggih].

Konsep konflik verbal diungkapkan oleh kata leksikal *menghina, kutuk, mengutuk, memburukkan, memperlekeh, memperlekehkan, mempersenda, mempersenda-sendakan, menuduh, tuduhan, pembohongan, menafikan, pembangkang, amaran, dan spekulasi*. Kata leksikal konflik ini dikelompokkan mengikut hubungan hipernim-hiponim berserta tindakan dan Pelaku/Penderitanya, seperti jadual di bawah:

Jadual 6.1: Senarai hipernim-hiponim kata leksikal konflik verbal berserta tindakan dan Pelaku/Penderitanya

Bil.	hipernim	hiponim	kata nama terbitan tindakan	Kata nama manusia sebagai Pelaku/Penderita
1.	Hina	<i>menghina</i>		<i>guru, pasukan keselamatan, pembangkang</i>
		<i>kutuk/ mengutuk</i>	<i>kutukan</i>	<i>kerajaan (TPM, kerajaan BN, Tun M, pembangkang (Tian Chua, Presiden Pas), penduduk Lahad Datu, penceroboh (kumpulan bersenjata, penganas Sulu, kumpulan militan, kumpulan penganas), pasukan keselamatan (anggota keselamatan)</i>
		<i>memburukkan</i>		<i>persatuan Suluk Sabah, pembangkang, kerajaan, Malaysia</i>

Bil.	hipernim	hiponim	kata nama terbitan tindakan	Kata nama manusia sebagai Pelaku/Penderita
2.	Lekeh	<i>memperlekeh memperlekehkan</i>		<i>pasukan keselamatan (jeneral tentera (bersara), pasukan keselamatan negara)</i>
		<i>mempersenda-sandakan</i>		<i>pembangkang, pasukan keselamatan (perajurit, wira tanah air)</i>
3.	Nafi	<i>menafikan</i>		<i>pasukan keselamatan (polis, Tentera Diraja Kesultanan Sulu)</i>
4.	Bohong		<i>pembohongan</i>	<i>pembangkang, pembohong</i>
5.	Tuduh	<i>menuduh</i>	<i>tuduhan</i>	<i>pasukan keselamatan (Angkatan Tentera Malaysia (ATM)), pembangkang (Presiden Pas), kerajaan (kerajaan BN)</i>
6.	Bantah		<i>pembangkang</i>	<i>pembangkang (Lim Kit Siang), kerajaan (MB Terengganu)</i>
7.	Amaran		<i>amaran</i>	<i>kerajaan (Menteri Dalam Negeri), pasukan keselamatan (Pesuruhjaya Polis Sabah), penceroboh (Tentera Diraja Kesultanan Sulu, kumpulan penceroboh)</i>
8.	Andaian		<i>spekulasi</i>	<i>kerajaan (Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri), media asing</i>

6.3 Konsep-konsep konflik verbal dalam Konflik Lahad Datu

Setiap kata bagi suatu konsep dicirikan oleh komponen makna primitifnya dan dibezakan menggunakan ciri pembeza (Asmah, 2013:6). Komponen makna asas atau primitif bagi semua kata konflik verbal ialah tindakan menggunakan bahasa [+bahasa] dan tidak mengandungi unsur kekerasan atau kekasaran [+canggih]. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.1, lapan hipernim dapat dibentuk daripada kata leksikal konflik verbal yang dianalisis, iaitu **hina, lekeh, persenda, tuduh, bohong, nafi, bantah, amaran** dan **andaian**. Hipernim ini merangkumi sebelas konsep terbitan atau hiponim, iaitu *amaran, tuduhan, menuduh, pembohongan, memperlekeh, memperlekehkan, menghina, kutuk, mengutuk, menafikan, memburukkan, mempersenda, mempersendakan, spekulasi* dan *pembanggang*. Setiap satu hipernim mempunyai makna primitif dan setiap hiponimnya mempunyai komponen makna yang dikongsi bersama, dan komponen kontrastif atau pembeza yang membezakan antara satu hiponim dengan ko-hiponim yang lain. Ciri pembeza yang dicadangkan oleh Asmah (2013:8-17)) seperti yang dinyatakan dalam Bab 4, subtajuk 4.5.1, perenggan 4 digunakan sebagai asas analisis, dengan menyertakan contoh-contoh penggunaannya dalam teks laporan akhbar yang dikaji.

6.3.1 Konsep hina

Konsep hina diungkapkan melalui kata kerja *menghina, kutuk, mengutuk* dan *memburukkan*. Perbuatan *menghina* dalam konflik ditunjukkan melalui tindakan sengaja [+sasaran/sebab khusus] seorang guru yang menyifatkan pasukan keselamatan sebagai haiwan, iaitu seperti anjing (contoh 1). Tindakan yang sama juga dilakukan oleh beberapa orang pemimpin tentera yang telah bersara, yang dimanipulasi dan dijadikan alat oleh pembangkang untuk

mengungkapkan penghinaan bagi merendahkan-perendahakan perjuangan pasukan keselamatan (contoh 2).

1. Tempoh tahanan reman seorang guru yang didakwa *menghina* pasukan keselamatan sebagai 'anjing' dalam laman sosial Facebook miliknya, dilanjutkan selama tiga hari lagi sehingga Rabu ini.
2. Rakyat negara ini diminta tidak terpengaruh dengan sebarang tindakan manipulasi pembangkang melalui lima bekas jeneral angkatan tentera untuk *menghina* dan *memperkecil-kecilkan* anggota keselamatan negara.

Konsep *hina* diungkapkan melalui tindakan sebelah pihak [+sehala] oleh seorang guru yang ditujukan secara langsung kepada anggota pasukan keselamatan, dan bekas pemimpin pasukan keselamatan yang ditujukan kepada kerajaan yang memberi arahan kepada pasukan berkenaan untuk bertindak sedemikian. Tindakan merendahkan ini mencetuskan konflik di dalam konflik [+konflik lain], iaitu konflik antara guru dengan pihak berkuasa polis (contoh 1), dan konflik antara pembangkang dengan kerajaan (contoh 2).

Konsep *hina* juga diungkapkan oleh kata leksikal konflik *kutuk* dan *mengutuk*. Makna hina digambarkan oleh tindakan TPM terhadap Tian Chua (contoh 3), penduduk tempatan terhadap penceroboh (contoh 4) dan Tun M (Tun Mahathir) terhadap penceroboh (contoh 5).

3. TPM *kutuk* keras kenyataan Tian Chua
4. Penduduk Lahad Datu *kutuk* tindakan kumpulan bersenjata
5. Tun M *kutuk* kekejaman penganas Sulu

Kata kerja *kutuk* dengan awalan me(N)- dalam contoh 6-7 menunjukkan perbuatan mengecam melalui tindakan menyumpah atau melaknat sesuatu yang dianggap buruk, merupakan tindakan [+cemar imej]. Dalam konteks kajian ini, *mengutuk* merupakan tindakan

yang dilakukan untuk mengkritik dan mengecam pencerobohan negara ini (contoh 6), dan mengutuk perbuatan penceroboh yang melakukan kekejaman yang tidak berperikemanusiaan sehingga mengorbankan anggota pasukan keselamatan (contoh 7). Mereka bukan sahaja dilabelkan sebagai penceroboh atau kumpulan bersenjata, malah digambarkan sebagai militan dan penganas oleh etnik mereka sendiri, iaitu kaum Suluk Sabah, dan kerajaan Malaysia.

6. Etnik Suluk di Sabah *mengutuk* tindakan kumpulan militan yang menceroboh negara dan berkubu di Kampung Tanduo, Felda Sahabat 17, kira-kira 130 kilometer dari sini sejak 12 Februari lepas.

7. Kita mengucapkan salam takziah kepada semua anggota keselamatan kita yang gugur semasa menjalankan tugas dan kita juga *mengutuk* sekeras-kerasnya tindakan pencerobohan yang dilakukan kumpulan penganas yang tidak berperikemanusiaan itu sehingga mengorbankan anggota keselamatan kita,” katanya (ADUN Senallang) lagi.

Tindakan berkonflik *kutuk* bersifat [+sehala], diungkapkan secara [+terbuka] oleh TPM kepada pembangkang, Tun M kepada penganas Sulu, dan oleh penduduk tempatan kepada kumpulan penceroboh (penganas Sulu). Bagaimanapun, tindakan ini tidak menerbitkan konflik lain [-konflik lain]. *Kutuk* berbeza dengan tindakan merendahkan yang lain kerana tindakan ini mempunyai tahap atau sifat yang tertentu, yang dapat diketahui melalui kata yang berkolokasi dengannya. Dalam contoh 6, tindakan *mengutuk* oleh Etnik Suluk Sabah kepada tindakan kumpulan militan diungkapkan sebagai tindakan biasa berbanding penggunaan kata adverba *sekeras-kerasnya* yang hadir selepas kata *mengutuk* (contoh 7). Gabungan frasa *mengutuk sekeras-kerasnya* menggambarkan tindakan *kutuk* yang mempunyai tahap ketegangan yang tinggi [+kenyaringan], dan menggambarkan perasaan marah yang lebih tinggi kerajaan kepada kumpulan penganas daripada hanya sekadar kutukan (contoh 6).

Konsep hina juga diungkapkan oleh kata leksikal konflik *memburukkan* yang menunjukkan tindakan oleh dua pihak dalam konflik. Pertama, media asing yang *memburukkan* negara Malaysia dengan laporan yang berunsur fitnah dan tohmah (contoh 8), dan kedua, pihak pembangkang yang *memburukkan* imej kerajaan, yang boleh menyebabkan imej negara sebagai destinasi pelaburan akan terjejas (contoh 9).

Komponen makna *memburukkan*, iaitu [+sasaran/sebab khusus], [+cemar imej], [+konflik lain] menunjukkan tindakan yang dilakukan oleh media asing dan pembangkang, bertujuan untuk merendahkan taraf atau kedudukan pihak yang menjadi sasaran, iaitu negara Malaysia. Tindakan merendahkan ini membawa kesan negatif kepada imej dan potensi ekonomi negara.

8. Setiausahanya (Persatuan Suluk Sabah), Mohd Zaki Harry Susanto berkata berdasarkan maklum balas dan pemantauan anggota persatuan itu, ternyata laporan (oleh media asing) berkenaan hanya satu tohmahan yang sengaja dibuat untuk *memburukkan* imej negara ini di mata dunia.

9. Mereka (pembangkang) tidak wajar *memburukkan* kerajaan kerana ini boleh menjejaskan Malaysia sebagai destinasi pelaburan, katanya (Timb. Menteri MITI).

Contoh 8 dan 9 menunjukkan tindakan *memburukkan* bersifat sebelah pihak [+sehalu] dari satu pihak (media asing dan pembangkang) kepada kerajaan, dan menyebabkan berlakunya pertentangan antara media asing dan pembangkang, dengan pihak kerajaan Malaysia [+konflik lain].

Keempat-empat ko-hiponim dalam hipernim hina, iaitu *menghina*, *kutuk*, *mengutuk* dan *memburukkan* berkongsi komponen makna [+sasaran/sebab khusus], [+cemar imej] yang menunjukkan tindakan merendahkan pihak lawan dalam konflik yang dilakukan dengan sengaja untuk mencemarkan imej dan nama baik pihak yang menjadi sasaran mereka.

Tindakan tersebut merupakan tindakan sebelah pihak [+sehalah] yang menyebabkan timbulnya tidak balas atau pertentangan daripada pihak yang disasarkan [+konflik lain].

Ciri pembeza antara keempat-empatnya pula menunjukkan *menghina* sebagai ungkapan merendahkan manakala *memburukkan* mempunyai unsur tohmahan. Kata *menghina* menunjukkan tindakan berkonflik yang lebih berat kesannya terhadap pihak yang menjadi sasaran berbanding *memburukkan* kerana mengandungi unsur kata-kata kesat [-canggih], sehingga menyamakan taraf manusia dengan haiwan (anjing) yang sering dikaitkan dengan konotasi yang kurang baik dan diberi makna sebagai kata kiasan untuk barua, tali barut, angsama, muncikari, jaruman, dan pinang muda (KD4, 2005). *Kutuk* dan *mengutuk* merupakan kecaman kepada tindakan sesetengah pihak dalam konflik [-canggih].

Komponen makna bagi semua ko-hiponim bagi hipernim *hina* diperlihatkan dalam jadual di bawah:

Jadual 6.2: Komponen makna bagi konsep **hina**

	Sasaran /sebab khusus	sehalah	Bahasa		canggih	kenyaringan	terbuka	konflik lain	cemar imej
			uni modal	bimodal					
menghina	+	+	+	-	-	+	+	+	+
kutuk/ mengutuk	+	+	+	-	-	+	+	+	+
mem- burukkan	+	+	+	-	-	+	+	+	+

Komponen makna bersama bagi semua hiponim dalam hipernim hina ialah [+cemar imej], [+sehala], [+terbuka], [+unimodal] dan [+sasaran/sebab khusus] manakala komponen pembezanya ialah [+kenyaringan], [-canggih], dan [+konflik lain].

Komponen makna bagi setiap satu hiponim:

menghina:	[+cemar imej], [+sasaran/sebab khusus],[+sehala], [+unimodal], [-canggih], [+kenyaringan], [+terbuka], [+konflik lain]
kutuk/mengutuk:	[+cemar imej], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+unimodal], [-canggih], [+kenyaringan], [+terbuka]
memburukkan:	[+cemar imej], [+sasaran/sebab khusus],[+sehala], [+unimodal], canggih], [+kenyaringan], [+terbuka], [+konflik lain] [-

6.3.2 Konsep lekeh

Konsep lekeh ditakrifkan sebagai memandang atau menganggap rendah (tidak penting, hina), mengecil-gecilkan (KD4, 2005). Dalam konflik, konsep ini diungkapkan melalui kata kerja *memperlekeh*, *memperlekehkan*, *mempersenda*, dan *mempersenda-sandakan*.

Memperlekeh mempunyai komponen makna [+sasaran/sebab khusus], [+memperkecil], [+cemar imej]. Dalam contoh 10 dan 11, konsep *lekeh* diungkapkan dalam konflik oleh bekas pegawai tinggi pasukan keselamatan dan pihak-pihak yang tertentu, untuk merendah-rendahkan tindakan pasukan keselamatan.

10. "Kita tertakluk kepada imej sebagai anggota tentera, tidak wajar bagi seseorang yang berpangkat jeneral menggunakan perkataan kesat serta *memperlekeh* bekas pasukan sendiri," katanya.

11. Mana-mana pihak yang berterusan *memperlekeh* dan menghina pasukan keselamatan negara dalam Ops Daulat diminta mendaftar diri ke kawasan operasi berkenaan bagi berdepan dengan penganas bersenjata Sulu.(kenyataan Menteri Pertahanan)

Begitu juga dengan tindakan *memperlekehkan*. Imbuan terbahagi memper...kan memberikan makna menjadikan sesuatu dipandang lekeh. Tindakan pembangkang *memperlekehkan* anggota pasukan keselamatan mencetuskan tindak balas dalam bentuk amaran daripada kerajaan (Menteri) (contoh 12). Contoh 13 pula menunjukkan gesaan daripada masyarakat Suluk di Kuantan supaya pihak yang *memperlekehkan* usaha pasukan keselamatan dalam membanteras pencerobohan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

12. Dalam perkembangan berkaitan, beliau (Menteri Dalam Negeri) turut memberi amaran kepada semua pihak, terutama pembangkang supaya tidak *memperlekehkan* dan memandang rendah pengorbanan anggota keselamatan.

13. Dalam laporan itu juga katanya, mereka (wakil ketua kaum Suluk daerah Kuantan) turut menggesa kerajaan agar mengambil tindakan kepada mana-mana individu yang *memperlekehkan* pasukan keselamatan membanteras pencerobohan tersebut.

Memperlekeh dan *memperlekehkan* adalah tindakan yang dilakukan oleh pembangkang, bekas pemimpin pasukan keselamatan, dan pihak tertentu yang tidak dinyatakan secara khusus (mana-mana individu) [+sehala], untuk merendah-rendahkan pasukan keselamatan dan kerajaan [+sasaran/sebab khusus]. Kedua-dua tindakan ini mencetuskan pertentangan antara pihak-pihak tertentu dan pembangkang, dengan kerajaan dan persatuan Suluk Kuantan [+konflik lain].

Kedua-dua terbitan *mempersenda*, *mempersenda-sendakan* membawa maksud menjadikan sesuatu isu atau keadaan sebagai bahan gurauan, jenaka, seloroh dan olok-olok. Kata *senda* bermaksud *gurau*, *kelakar*, *jenaka*, *olok-olok*, *seloroh* (KD4,2005) dan dicirikan oleh komponen makna [+sengaja], [+memperkecil] dan [+cemar imej].

Mempersenda ditakrifkan sebagai satu tindakan yang menjadikan sesuatu keadaan atau sesetengah pihak sebagai bahan gurauan atau jenaka, dan menganggap keadaan atau tindakan pihak tersebut sebagai tidak serius, dan boleh dipermain-mainkan. Contoh 14 dan 15 menunjukkan pembangkang merendahkan tindakan dan pengorbanan pasukan keselamatan dengan menjadikan isu kematian dan pengorbanan pasukan keselamatan sebagai bahan jenaka dan mainan.

14. Katanya (TPM), itu membuktikan pakatan pembangkang pembohong besar sehingga *mempersenda* nyawa perajurit terkorban.

15. Mereka (etnik Suluk Sabah) juga mahukan kerajaan mengambil tindakan undang-undang terhadap Tian Chua dan pemimpin pembangkang lain yang *mempersenda* pengorbanan wira-wira tanah air yang mempertahankan kedaulatan negara.

Kata leksikal *mempersenda-sendakan* pula menunjukkan pengulangan kepada tindakan *mempersenda*. Contoh 16 menunjukkan tindakan pembangkang yang berulang kali *mempersendakan* pasukan keselamatan dalam konflik yang sedang berlaku.

16. Namun, kita kesal pemimpinnya (pembangkang) tidak peka dengan apa yang berlaku sekarang sengaja pula *mempersenda-sendakan*, ini menunjukkan mereka tidak ada simpati langsung terhadap pasukan keselamatan kita yang berjuang mempertahankan kedaulatan negara di perbatasan, jelasnya (Ahli Parlimen Sandakan).

Mempersenda dan *mempersenda-sendakan* merupakan tindakan sebelah pihak [+sehala], oleh pihak pembangkang kepada kerajaan, dan oleh bekas pegawai tinggi tentera ke atas pasukan keselamatan. Bagaimanapun, tindakan ini mencetuskan konflik yang lain [+konflik lain], iaitu tindak balas oleh pihak ketiga, iaitu TPM, etnik Suluk Sabah dan Ahli Parlimen Sandakan yang menyifatkan pembangkang sebagai pembohong besar (contoh 14), mencadangkan supaya tindakan undang-undang diambil kepada pihak yang mempelekeh (contoh 15), dan menyebabkan rasa kesal di pihak kerajaan (contoh 16). Kata ganda

mempersenda-sendakan juga menunjukkan tindakan sebelah pihak [+sehala] tetapi berulang-ulang [+pengulangan] dengan tujuan yang sama. *Mempersenda* dan *mempersenda-sendakan* mempunyai unsur mempermainkan pihak yang menjadi sasaran tindakan konflik berkenaan.

Komponen makna bagi kata leskikal konflik verbal dalam hipernim *lekeh* diperlihatkan dalam jadual di bawah:

Jadual 6.3: Komponen makna bagi konsep **lekeh**

	sasaran/sebab khusus	sehala	bahasa		canggih	terbuka	konflik lain	pengulangan	memperkecil	cemar mej
			uni-modal	bimodal						
memperlekeh	+	+	+	-	-	+	+	-	+	+
memperlekehkan	+	+	+	-	-	+	+	-	+	+
mempersenda	+	+	+	-	-	+	+	-	+	+
mempersenda-sendakan	+	+	+	-	-	+	+	+	+	+

Komponen makna bersama hiponim bagi hipernim *lekeh* ialah [+cemar imej], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+unimodal], [+terbuka], [+konflik lain] dan [+memperkecil]. Komponen pembeza hanya berlaku pada makna hiponim *mempersenda-sendakan*, iaitu [+pengulangan] dalam melekehkan lawan dalam konflik.

Komponen makna bagi setiap satu hiponim:

memperlekeh	[+cemar imej], [+memperkecil], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+unimodal], [-canggih],[+terbuka],[+konflik lain].
memperlekehkan	[+cemar imej], [+memperkecil], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+unimodal], [-canggih],[+terbuka],[+konflik lain].
mempersenda	[+cemar imej], [+memperkecil], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+unimodal], [-canggih],[+terbuka],[+konflik lain].
mempersenda-sendakan	[+cemar imej], [+memperkecil], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+unimodal], [-canggih],[+terbuka],[+konflik lain], [+pengulangan]

Kata *mempersenda-sendakan* mempunyai komponen makna khusus, iaitu [+pengulangan] yang menunjukkan tindakan konflik yang dilakukan berulang-ulang, yang membezakan hipernim *lekeh* dengan hipernim yang lain.

6.3.3 Konsep nafi

Konsep *nafi* melalui kata kerja *menafikan* dicirikan oleh komponen makna [+sasaran/sebab khusus], [+menidakkan]. Kata *menafikan* merupakan tindakan [+menidakkan] sesuatu kenyataan yang dibuat oleh pihak tertentu, dan menjadi komponen makna primitif bagi konsep *nafi*.

Dalam contoh 17 dan 18, tindakan *menafikan* oleh pihak polis merupakan reaksi kepada andaian dalam berita bahawa ada anggota polis yang dijadikan tebusan dan sekumpulan tentera telah mendarat di lokasi tertentu di Sabah. Konsep *nafi* digunakan sebagai strategi mencegah berlakunya suatu keadaan panik akibat berita yang tersebar dalam kalangan masyarakat awam. Sekiranya berita sedemikian tidak dinafikan, masyarakat cenderung untuk

memercayainya dan boleh mencetuskan keadaan tidak terkawal sehingga menjejaskan usaha untuk menyelesaikan konflik.

17. Polis *menafikan* kononnya empat anggotanya dijadikan tebusan dalam insiden serangan hendap di Kampung Sri Jaya Simunul, Semporna, kelmarin.

18. Polis Diraja Malaysia (PDRM) hari ini *menafikan* dakwaan kononnya 500 tentera Diraja Kesultanan Sulu telah mendarat di Sepanggar Bay dan Pitas, di Sabah malam Ahad lalu.

Menafikan merupakan tindakan konflik sebelah pihak [+sehala], yang diungkapkan secara [+terbuka] sebagai tindak balas kepada pernyataan sesuatu pihak [+sasaran/sebab khusus]. Tindakan ini tidak menimbulkan konflik yang lain [-konflik lain], malah menyekat dan mencegah tercetusnya pertikaian baru yang mungkin boleh tercetus disebabkan oleh berita yang belum dapat dipastikan kebenarannya. Komponen makna kata konflik verbal dalam hipernim *nafi*, seperti dalam jadual berikut.

Jadual 6.4: Komponen makna bagi konsep **nafi**

	sasaran/ sebab khusus	sehala	bahasa		menida kan	canggih	kenyaringan	ter- buka	intelektual	konflik lain
			uni modal	bi modal						
menafikan	+	+	+	-	+	+/-	-	+	-	-

Tindakan *menafikan* boleh mempunyai komponen makna [+canggih] atau [-canggih], bergantung pada bahasa yang digunakan dalam penafian.

Komponen makna bagi *menafikan*:

menafikan [+menidakkan], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala],
 [+unimodal], [+/-canggih], [+terbuka]

6.3.4 Konsep bohong

Dalam laporan berita, konsep bohong diungkapkan oleh kata nama *pembohongan* yang menunjukkan bahawa sesuatu kenyataan yang dilakukan oleh sesetengah pihak dalam konflik adalah tidak benar dengan menyanggah dan menafikan kenyataan pihak lain dalam konflik [+menidakkan]. Berbeza dengan hipernim konflik verbal yang lain, *bohong* hanya dapat dikesan setelah berlaku reaksi oleh pihak lain dalam konflik. Perbuatan berbohong dalam konflik dilakukan dengan [+sasaran/sebab khusus], oleh sebelah pihak sahaja [+sehalah] secara terang-terangan [+terbuka] di dalam akhbar. Bagaimanapun, bahasa yang digunakan masih terkawal [+canggih]. Kerajaan melalui Perdana Menteri (PM) menggunakan kata *pembohongan* untuk menidakkan kenyataan pembangkang bahawa konflik ialah sandiwara mereka (contoh 19). Penafian tersebut dikukuhkan lagi dengan pernyataan kerajaan melalui Menteri Pertahanan bahawa konflik ialah peristiwa benar yang tidak direka-reka dan disandiwarkan, sebagaimana yang ditunjukkan dalam contoh 20. Kedua-dua konteks penggunaan kata *pembohongan* ini merupakan strategi untuk menidakkan sesuatu kenyataan dan menunjukkan bahawa apa yang dinyatakan oleh pihak lawan dalam konflik, tidak benar dan tidak boleh dipercayai.

19. Dalam insiden ini mereka (pembangkang) tuduh kerajaan bersandiwara. Ini (tuduhan pembangkang) merupakan *pembohongan* dan pendustaan sangat besar. (kenyataan PM)

20. Ia sekaligus menunjukkan perkara ini (pencerobohan) adalah bukan satu *pembohongan* dan ianya realiti bukan seperti yang dikatakan oleh pihak bertanggungjawab,"katanya (Menteri Pertahanan).

Melalui kata *pembohongan*, konsep menidakkan dalam konflik wujud sebagai tindakan sebelah pihak [+sehalah] sebagai reaksi kepada tuduhan [+sasaran/sebab khusus] dan dinyatakan secara umum [+terbuka] dalam akhbar. Tindakan menidakkan melalui penggunaan kata nama *pembohongan* boleh mencetuskan konflik dalam konflik jika pihak

yang dikatakan berbohong bertindak balas kepada kenyataan mereka. Berbeza dengan *menafikan* yang bertujuan mengekang berlakunya konflik lain, *pembohongan* merupakan ungkapan untuk memperlihatkan reaksi pihak-pihak yang berkonflik untuk mempertahankan sesuatu yang dianggap benar [+konflik lain]. Komponen makna bagi kata konflik verbal dalam hipernim bohong, seperti jadual di bawah:

Jadual 6.5: Komponen makna bagi konsep **bohong**

	sasaran/ sebab khusus	sehala	bahasa		tubuh badan	canggih	ke- nyaringan	ter- buka	intelektual	konflik lain	menidak -kan
			uni modal	bi modal							
pembohongan	+	+	+	-	-	+	-	+	-	+	+

Komponen makna bagi *pembohongan*:

pembohongan [+menidakkan], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [-
kenyaringan], [+unimodal], [+canggih], [+terbuka], [+konflik lain]

6.3.5 Konsep tuduh

Konsep *tuduh* yang diungkapkan melalui kata kerja *menuduh* merupakan tindakan mendakwa pihak tertentu ada melakukan sesuatu perkara yang buruk (contoh 21-22) [+dakwa]. Seperti juga konsep *nafi*, konsep *tuduh* hanya boleh diketahui berdasarkan reaksi pihak lain dalam konflik terhadap sesuatu kenyataan atau fakta.

21. Kenyataan Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Chua Tian Chiang atau Tian Chua yang *menuduh* UMNO terlibat dalam konspirasi tembak-menembak di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah hari ini dianggap sebagai tidak bertanggungjawab dan hanya mengambil kesempatan.

22. "Apa yang jelas Tian Chua adalah seorang pemain politik yang paling jijik, bebal dan tidak berfikiran waras apabila *menuduh* kematian dua anggota keselamatan tersebut sebagai konspirasi terancang UMNO," tegasnya seperti dipetik dari blog UMNO Bahagian Cheras.

Contoh 21 dan 22 menunjukkan bahawa pembangkang menuduh UMNO terlibat dalam konspirasi konflik berdasarkan reaksi kerajaan melalui UMNO Bahagian Cheras yang menyifatkan tuduhan pembangkang itu merupakan tindakan paling jijik, tidak bijak dan tidak mencerminkan pemikiran yang waras.

Dalam contoh 23-24, kerajaan Malaysia melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Barisan Nasional (BN) disalahkan dengan pelbagai tuduhan yang tidak benar oleh pihak pembangkang melalui kata *melulu* dan *tidak berasas* yang berkolokasi dengan kata *tuduhan*. Frasa *tuduhan melulu* menunjukkan tindakan menyalahkan dibuat tanpa semakan dan usul periksa. *Tuduhan tidak berasas* pula meletakkan kesalahan kepada kerajaan tanpa sokongan bukti yang kukuh dan sudah disahkan benar.

23. Pihak yang mempunyai agenda tersembunyi untuk meraih populariti daripada insiden di Lahad Datu, Sabah diminta menghentikan sebarang elemen politik atau *tuduhan* melulu terhadap peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

24. Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak sudah-sudah melatah membuat kutukan, dakwaan dan *tuduhan* tidak berasas ke atas kerajaan Barisan Nasional (BN).

Kata kerja *menuduh* merupakan tindakan konflik sebelah pihak [+sehala], dinyatakan secara terbuka oleh pelakunya kepada sasaran yang khusus tetapi tidaklah sehingga mengeluarkan kata-kata yang kesat [+canggih]. Kedua-dua kata konflik ini mencetuskan reaksi atau pertikaian baru [+konflik lain] yang melibatkan pihak yang menyalahkan dengan pihak yang disalahkan. Kata nama *tuduhan* juga bersifat [+sehala] dengan hanya satu pihak

menyalahkan pihak yang lain, secara terang-terangan [+terbuka] dan bahasa yang digunakan masih terkawal dan tidak menerbitkan ketegangan [+canggih].

Jadual 6.6: Komponen makna bagi konsep **tuduh**

	sasaran/ sebab khusus	sehala	bahasa		dakwa	canggih	kenyaringan	terbuka	intelektual	konflik lain
			uni modal	bi modal						
menuduh	+	+	+	-	+	+	-	+	-	+
tuduhan	+	+	+	-	+	+	-	+	-	+

Komponen makna setiap satu hiponim:

menuduh [+dakwa], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+unimodal],
 [+canggih], [+terbuka], [+konflik lain]

tuduhan [+dakwa], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+unimodal],
 [+canggih], [+terbuka], [+konflik lain]

6.3.6 Konsep bantah

Kata *pembangkang* berasal dari kata akar *bangkang* yang bermaksud menentang atau membantah sesuatu pandangan pihak yang menjadi lawan. Contoh 25 menunjukkan pihak yang membantah, iaitu (parti) pembangkang mengungkapkan penentangan dengan membuat gesaan berulang kali supaya diadakan sidang tergempar parlimen bagi membincangkan tentang konflik. Di pihak kerajaan pula, isu berkaitan konflik yang disuarakan oleh pembangkang, dianggap sebagai mempunyai kepentingan dan agenda politik (contoh 26).

25. Veteran DAP Lim Kit Siang hari ini mengulangi gesaan *pembangkang* agar satu sidang tergempar Parlimen diadakan bagi membincangkan isu pencerobohan penganas Sulu di Lahad Datu, Sabah.

26. Di BESUT, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said meminta *pembangkang* tidak memainkan isu pencerobohan di Lahad Datu untuk kepentingan politik murahan hingga boleh merosakkan nama baik negara dan keluarga anggota polis yang terkorban.

Bangkang merupakan tindakan konflik sebelah pihak [+sehala], dari pihak yang menentang kepada pihak yang mengeluarkan kenyataan [+sasaran/sebab khusus], dinyatakan secara lantang [+terbuka], dan konsisten dengan matlamat untuk melahirkan ketidaksetujuan terhadap sesuatu perkara atau kenyataan atau keputusan pihak lawan, dalam konteks konflik ini kerajaan yang memerintah. Ketidaksetujuan yang dinyatakan berasaskan alasan dan fakta [+intelektual].

Jadual 6.7: Komponen makna bagi konsep **bantah**

	sasaran/ sebab khusus	sehala	bahasa		menentan g	canggih	kenyaringan	terbuka	intelektual	konflik lain
			uni modal	bimodal						
pembangkang	+	+	+	-	+	+/-	-	+	+	+

Komponen makna leksikal *pembangkang*:

pembangkang [+menentang], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+unimodal],
[+/-canggih], [+terbuka], [+intelektual], [+konflik lain]

Sama seperti menafikan, pembangkang juga boleh mempunyai komponen makna [+canggih] atau [-canggih], bergantung pada bahasa yang digunakan.

6.3.7 Konsep amaran

Tindakan memberi peringatan dalam konflik diungkapkan oleh kata nama *amaran* bermaksud peringatan yang keras (KD4, 2005). *Amaran* digunakan bersama-sama dengan kata kerja memberi untuk mengungkapkan tindakan memberi peringatan [+peringatan] kepada kumpulan penceroboh yang dinyatakan oleh Menteri Dalam Negeri dan Pesuruhjaya Polis Sabah, seperti dalam contoh 27 dan 28.

27. "Kita beri *amaran* kepada kumpulan penceroboh supaya segera meletakkan senjata dan keluar dari lokasi persembunyian mereka," katanya.(Menteri dalam Negeri)

28. Menurut beliau (Pesuruhjaya Polis Sabah), tindakan drastik akan diambil terhadap kumpulan yang menggelarkan diri mereka sebagai Tentera Diraja Kesultanan Sulu itu sekiranya masih enggan mematuhi *amaran* itu.

Peringatan oleh kerajaan dan pasukan keselamatan kepada pihak penceroboh [+sehala] supaya mematuhi arahan untuk meletakkan senjata dan keluar dari tempat persembunyian [+sasaran/sebab khusus], dinyatakan dalam konteks umum [+terbuka]. *Amaran* mencetuskan reaksi menentang [+konflik lain], iaitu dalam bentuk tindak balas bersenjata oleh pihak yang dikenakan *amaran* yang dizahirkan melalui serang hendap yang menyebabkan berlakunya pertempuran.

Jadual 6.8: Komponen makna bagi konsep **amaran**

	sasaran/ sebab khusus	sehala	bahasa		peringata n	canggih	kenyaringan	terbuka	intelektual	konflik lain
			unimodal	bimodal						
amaran	+	+	+	-	+	+	-	+	-	+

Komponen makna leksikal *amaran*:

amaran [+peringatan], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+unimodal],
 [+canggih], [+terbuka], [+konflik lain]

6.3.8 Konsep andaian

Konsep *andaian* diungkapkan melalui kata nama *spekulasi* yang bermaksud mengeluarkan pandangan mengenai sesuatu yang telah atau akan terjadi tanpa mengetahui keseluruhan fakta yang berkait dengannya (*OED Online, 2018*). *Spekulasi* dinyatakan secara terbuka dan dikaitkan sebagai tindakan yang tidak bertanggungjawab. Contoh 29 dan 30 menunjukkan *spekulasi* dalam konflik ini dilakukan oleh pihak kerajaan dan media asing.

29. “Kita tidak membuat apa-apa *spekulasi* setakat masa ini. Apa yang penting bukan kita hendak mendedahkan apa-apa maklumat dalaman. Apa yang penting adalah biarkan polis jalankan kerja mereka tanpa diganggu oleh mana-mana pihak.(PM).

30. Sebarang *spekulasi* termasuk daripada media asing merupakan tindakan tidak bertanggungjawab. (Menteri Dalam Negeri).

Tindakan *spekulasi* dalam konflik dilaksanakan dengan fakta juga tanpa fakta [+/- intelektual], yang mempunyai ketidakpastian [+tidak pasti], tanpa tujuan yang tertentu [-sasaran/sebab khusus], dinyatakan dalam akhbar [+terbuka], boleh mengandungi unsur ketegangan atau sebaliknya bergantung kepada bahasa yang digunakan [+/-canggih] dan boleh menyebabkan timbulnya isu atau pertikaian yang baru [+konflik lain].

Jadual 6.9: Komponen makna bagi konsep **andaian**

	sasaran/ sebab khusus	sehala	bahasa		canggih	kenyaringan	ter- buka	intelektual	konflik lain	tidak pasti
			uni modal	bimodal						
spekulasi	-	+	+	-	+/-	-	+/-	+/-	+	+/-

Komponen makna *spekulasi*:

spekulasi: [+/-tidak pasti], [+sehala], [+unimodal], [+/-canggih], [+/-terbuka], [+/-intelektual].

6.4 Senjata verbal

Data kajian juga menunjukkan wujudnya kata leksikal konflik yang dijadikan senjata verbal yang bersifat abstrak. Kata leksikal *perkataan kesat* digunakan untuk menyerang pihak yang menjadi sasaran secara verbal, bukan secara fizikal, seperti yang ditunjukkan oleh contoh 10, yang dibincangkan dalam subtajuk 6.3.2 sebelum ini. *Perkataan kesat* digunakan oleh mantan pegawai pasukan keselamatan untuk memperlekeh pasukannya yang sedang bertugas dalam konflik.

Menafikan pula digunakan oleh pihak-pihak dalam konflik sebagai perisai atau pertahanan diri daripada dakwaan atau tuduhan yang dibuat oleh pihak yang berkonflik. Contoh 17 dan 18 yang dibincangkan dalam subtajuk 6.3.3 menunjukkan pihak polis *menafikan* dakwaan bahawa terdapat anggotanya yang menjadi tebusan, dan menafikan juga bahawa terdapat 500 Tentera Diraja Kesultanan Sulu telah mendarat di Sabah.

6.5 Perbincangan

Setiap hipernim dalam konflik verbal ini mempunyai makna asas atau primitif masing-masing. Makna asas ini boleh menjadi makna bersama atau menjadi ciri pembeza antara satu leksikal dengan leksikal konflik yang lain dalam hipernim yang sama. Makna primitif [+cemar imej] bagi konsep *hina* dan *lekeh* berubah menjadi komponen makna bersama bagi kedua-duanya. Begitu juga dengan *nafi* dan *bohong* yang berkongsi komponen makna bersama [+menidakkan]. Makna primitif [+dakwa] menjadi makna asas hanya kepada

konsep *tuduh*. Begitu juga komponen makna [+peringatan] hanya khusus untuk konsep *amaran* dan [+tidak pasti] untuk konsep *andai*.

Jika dibandingkan dengan pencirian komponen makna pembeza bagi kategori-kategori konflik dalam bahasa Melayu oleh Asmah (2013:7-16), kelainan yang ditemui dalam pola konflik verbal dalam konteks laporan akhbar ialah komponen makna ketegangan [+kenyaringan].


Lazimnya kata konflik yang mempunyai komponen makna [+kenyaringan], merupakan lakuan konflik yang mempunyai persekitaran yang tegang (Asmah, 2013:14). Bagaimanapun, dalam konteks konflik Lahad Datu, kesemua 15 tindakan konflik verbal dalam kajian ini tidak dinyatakan dalam suasana yang tegang, yang ditandai oleh komponen makna [-kenyaringan]. Hal ini demikian kerana komunikasi antara pihak-pihak yang berkonflik walaupun satu pihak memberikan tindak balas kepada satu pihak yang lain, tidak berlaku dalam situasi interaksi secara langsung dalam satu waktu yang sama [+sehala] dan diungkapkan hanya melalui bahasa [-bimodal]. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa pengungkapan konflik melalui tulisan dengan perantaraan wartawan/media dapat mengurangkan kadar ketegangan yang berlaku dalam konflik yang menggunakan bahasa bertulis (Wibowo, 2016:114).

Konsep-konsep dalam tindakan konflik verbal merupakan tindakan konflik yang dilakukan dengan pelbagai tujuan, iaitu untuk mencemarkan imej, memperkecilkan lawan, menidakkan dan menyanggah kenyataan pihak lawan, membuat dakwaan, memberi peringatan dan membuat andaian. Hanya satu konsep yang melibatkan daya pemikiran, iaitu konsep bantah.

Analisis juga mendapati wujud kata leksikal konflik yang digunakan sebagai senjata abstrak dalam konflik verbal. Senjata verbal ini digunakan untuk menyerang pihak lawan dan dijadikan sebagai pertahanan daripada dakwaan dan tuduhan pihak lawan dalam konflik.

6.6 Tipologi konflik verbal Lahad Datu

Daripada analisis komponen yang dilakukan, berikut ditunjukkan tipologi bagi konflik verbal dalam konflik Lahad Datu.



Rajah 6.1: Tipologi konflik verbal Lahad Datu

6.7 Rumusan

Kaedah analisis komponen makna yang digunakan dapat memperincikan makna bagi setiap leksikal konflik verbal dalam kajian ini. Tindakan berkonflik yang diungkapkan secara verbal dalam Konflik Lahad Datu ialah tindakan-tindakan **menghina, melekehkan, menafikan,**

berbohong, menuduh, bantah, memberi **amaran**, membuat **andaian** dan penggunaan **senjata verbal**. Daripada analisis juga, dapat diketahui berlaku konflik dalam konflik, iaitu konflik guru dengan pasukan keselamatan, konflik media asing dengan negara Malaysia, dan lebih ketara lagi konflik antara kerajaan dengan pihak pembangkang. Tindakan-tindakan berkonflik tersebut dilakukan sebagai strategi untuk melindungi kepentingan, prinsip dan menyatakan kebenaran di pihak masing-masing, terutamanya antara pihak kerajaan dengan pembangkang. Ada kalanya senjata verbal digunakan untuk melindungi kepentingan pihak-pihak yang berkonflik.

Universiti Malaysia

BAB 7: KONSEP KONFLIK FIZIKAL DAN TIPOLOGINYA: LATAR DAN PEWUJUDAN

7.1 Pendahuluan

Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 6, subtajuk 6.1, konflik Lahad Datu merupakan konflik verbal dan fizikal. Konsep-konsep konflik verbal dan makna berdasarkan nahunya telah dihuraikan dalam Bab 6. Bab ini akan menghuraikan makna leksikal kata konflik fizikal dan menerapkan analisis komponen makna bagi setiap satunya. Kata leksikal yang disenaraikan dalam Jadual 5.1, Bab 5 yang mempunyai elemen [+fizikal], akan dianalisis.

7.2 Pengungkapan konsep konflik fizikal

Konflik fizikal merupakan konflik yang berkaitan dengan pergerakan tubuh badan. Konflik ini diungkapkan melalui kata leksikal yang dikelompokkan kepada 5 konsep, iaitu:

7.2.1 Manusia dalam konflik yang terdiri daripada:

7.2.1.1 Pelaku Nyata: *pejuang, pengganas, pasukan keselamatan, penceroboh, musuh, panglima perang*

7.2.1.2 Pelaku Tersembunyi: *dalang, suspek*

7.2.1.3 Penderita: *mangsa*

7.2.2 Peristiwa konflik: *perang, insiden*

7.2.3 Suasana dan kesan konflik: *keganasan, ketakutan*

7.2.4 Kaedah konflik: *ceroboh, serang, gempur, geledah, tembak, gerila*

7.2.5 Akibat konflik: *kematian, kecederaan, tragedi, kerosakan*

7.2.1 Manusia sebagai pemegang peranan dalam konflik

Manusia dalam konflik dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu (i) Pelaku: *pejuang*, *pengganas*, *penceroboh*, *musuh*, *panglima perang*, (ii). Pelaku tersembunyi: *dalang*, *suspek*, dan (iii). Penderita/Penerima: *mangsa*.

7.2.1.1 Pelaku Nyata

Pelaku dalam konflik terdiri daripada *pejuang*, *pengganas*, *penceroboh*, *musuh* dan *panglima perang*.

(a) pejuang

Kata *pejuang* ialah orang yang melaksanakan tindakan juang, iaitu berhasrat mencapai sesuatu dengan jalan beradu tenaga (kekuatan, kuasa, dan sebagainya) dengan pihak atau unsur yang menentanginya atau boleh memudaratkannya (KD4, 2005). Kata *pejuang* mempunyai komponen makna [+sasaran/sebab khusus], [+terbuka]. Tindakan *berjuang* mempunyai tujuan yang suci, iaitu untuk menjaga kedaulatan tanah air dan kematian mereka disifatkan sebagai mati syahid, satu kematian yang mulia (contoh 1). Anggota pasukan yang melakukan tindakan juang digelar sebagai *pejuang negara* bagi menghargai pengorbanan mereka menggadai nyawa untuk mempertahankan kedaulatan tanah air (contoh 2).

1. Saya menggesa mulai malam ini semua masjid di Pahang adakan solat hajat supaya pasukan keselamatan kita selamat dan mendoakan *pejuang* yang gugur ditempatkan dalam kalangan mereka yang syahid," titah baginda (Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah)
2. Sementara itu mengulas mengenai tindakan beberapa kenyataan dalam laman sosial memperlekehkan *pejuang* negara yang didakwa dilakukan oleh guru beliau berkata, pihaknya (TPM) memandang serius perkara itu dan akan melakukan siasatan dan tindakan lanjut.

Pejuang merupakan tindakan sebelah pihak [+sehala], untuk mencapai matlamat yang baik [+sasaran/sebab khusus], dan tidak menyebabkan timbulnya pertentangan [-konflik lain]. Ia dilakukan secara terang-terangan [+terbuka].

(b) pengganas

Pengganas ialah pelaku kepada perbuatan ganas dan digambarkan sebagai pihak yang mempunyai sifat militan. Militan merupakan kata serapan daripada bahasa Inggeris yang diambil dari kata sifat *militant* yang bermaksud *favouring confrontational or violent methods in support of a political or social cause* (OED Online, 2018). Kata sifat ini menerangkan tentang pengganas yang mempunyai karakter dan ciri yang *militan*. Dalam bahasa Melayu, *militan* kekal sebagai kata sifat yang bermaksud cenderung menggunakan keganasan, kekerasan, atau tekanan yang kuat untuk mencapai sesuatu tujuan (KD4, 2005). Contoh 3 merujuk penceroboh ganas yang berbangsa Sulu dan contoh 4 merujuk kepada penceroboh yang diungkapkan sebagai *pengganas militan* kerana merampas keamanan penduduk dan bertindak membakar rumah penduduk [+sehala][+kenyaringan][+terbuka]. Dalam korpus kajian, pengganas juga diungkapkan sebagai *kumpulan militan*, *anggota militan*, *pengganas militan*, dan *penceroboh militan* yang merujuk pengganas yang sama.

3. Kira-kira 1,000 penduduk sebuah kampung di Kembara Sakti, FELDA Sahabat 43 dipindahkan ke Sekolah Agama Rakyat, kira-kira lima kilometer dari perkampungan mereka sebagai langkah keselamatan dalam menghadapi ancaman *militan* Sulu.

4. Keamanan kami dirampas malah ada rakan memberitahu rumah mereka dibakar pengganas *militan*.

Kata leksikal *pengganas* juga merujuk kepada *pengganas Sulu* yang menjadi ancaman kepada negara (contoh 5) yang mesti diburu [+konflik lain] dan perlu menyerah diri kepada

pihak berkuasa Malaysia. Mereka juga bertindak secara sebelah pihak [+sehala], dengan menggunakan senjata dan memasuki Sabah untuk mencapai matlamat mereka [+sasaran/sebab khusus].

5. Ketua Penguat Kuasa Maritim Malaysia Kelantan, Kapten Maritim Wan Burhanuddin Jusoh berkata, penghantaran anggota diketuai Pegawai Memerintah KM Jujur, Leftenan Komander Maritim Nor Hafizi Mohd Rafek bertujuan menambah kekuatan pasukan keselamatan bagi melindungi negara daripada ancaman *pengganas* Sulu.

6. Pada asasnya, ketika Polis Cawangan Khas dan Unit Risikan Tentera mencari maklumat, pasukan tentera/pengawal sempadan/pasukan polis hutan akan memburu *pengganas* atau memujuk mereka supaya menyerah diri.

(c) pasukan keselamatan

Pasukan keselamatan juga merupakan Pelaku Nyata dalam konflik. *Pasukan keselamatan* merangkumi pasukan beruniform seperti anggota Maritim Malaysia (contoh 7), tentera, pengawal sempadan, dan polis hutan (contoh 8).

7. Ketua Penguat Kuasa Maritim Malaysia Kelantan, Kapten Maritim Wan Burhanuddin Jusoh berkata, penghantaran anggota diketuai Pegawai Memerintah KM Jujur, Leftenan Komander Maritim Nor Hafizi Mohd Rafek bertujuan menambah kekuatan *pasukan keselamatan* bagi melindungi negara daripada ancaman *pengganas* Sulu.

8. Pada asasnya, ketika Polis Cawangan Khas dan Unit Risikan Tentera mencari maklumat, *pasukan tentera/pengawal sempadan/pasukan polis hutan* akan memburu *pengganas* atau memujuk mereka supaya menyerah diri.

Pasukan keselamatan merupakan pihak yang melaksanakan tugas untuk melindungi negara daripada ancaman [+sasaran/sebab khusus] [+terbuka], melaksanakan tugas memburu *pengganas* [+sehala] dan menyeru kepada *pengganas* supaya menyerah diri [-konflik lain] [-kenyaringan].

(d) penceroboh

Kumpulan *penceroboh* yang mencabul kedaulatan negara ini mengaku bahawa mereka adalah Askar Diraja Kesultanan Sulu dan mempunyai pengalaman ketenteraan khususnya perang secara gerila (contoh 9). Mereka juga licik apabila menggunakan taktik peperangan yang kotor dengan berpura-pura menyerah diri dengan mengumpan anggota pasukan keselamatan supaya mendekati tempat persembunyian, sebelum melepaskan tembakan (contoh 10).

9. Kumpulan *penceroboh* bersenjata yang mendakwa mereka Askar Diraja Kesultanan Sulu dan berkubu di Kampung Tanduo, dekat sini, sejak tiga minggu lalu dipercayai memiliki pengalaman perang dan mahir dalam taktik gerila.

10. Selepas mengibarkan bendera putih, *penceroboh* memerhatikan gerak-geri komando yang mendekati kubu mereka sebelum melepaskan tembakan.

Penceroboh ialah pihak yang masuk secara tidak sah ke Sabah [+sehala], mendakwa sebagai Tentera Diraja Kesultanan Sulu yang menyasarkan kerajaan Malaysia bagi mengambil semula wilayah Sabah yang didakwa sebagai hak milik mereka [+sasaran/sebab khusus]. Tindakan terancang tersebut dimulakan dengan menyusup masuk secara tersembunyi [-terbuka], menjadikan tempat persembunyian mereka sebagai kubu pertahanan, dan beransur-ansur menjadi perhatian umum apabila berlaku pertembungan dengan pasukan keselamatan [+terbuka][+konflik lain] dan disertai oleh penggunaan senjata api dan menyebabkan ketegangan antara kedua belah pihak [+kenyaringan].

(e) musuh

Musuh ialah pihak lawan yang ditentang (dalam peperangan, perkelahian, pertandingan, dan lain-lain), lawan, seteru (KD4, 2005). Dalam contoh 11 dan 12, penceroboh diiktiraf secara

terang-terangan sebagai musuh oleh kerajaan Malaysia [+terbuka]. *Musuh* melakukan tindakan penentangan melalui tindakan ganas menggunakan senjata, yang berlaku dalam suasana tegang [+kenyaringan] sehingga mengorbankan nyawa tidak kira di pihaknya mahupun pihak yang menjadi lawannya, iaitu pasukan keselamatan [+konflik lain]. Mereka juga menggunakan pelbagai strategi penentangan termasuklah bersembunyi di kawasan yang dicerobohi.

11. Semua pihak mahukan kemelut ini diselesaikan segera tanpa mengorbankan lebih banyak nyawa tetapi bagaimana jaminan itu boleh diberi jika *musuh* enggan meletak senjata?

12. Polis percaya masih ada *musuh* bersembunyi di Kg Tanduo.

Musuh menunjukkan wujud pertentangan antara pasukan keselamatan dengan kumpulan penceroboh warga Filipina secara terang-terangan [+sehala], [+terbuka] dengan menggunakan senjata api dan menyebabkan ketegangan pada kedua-dua belah pihak [+kenyaringan] sehingga kehilangan nyawa. Pertentangan terbuka sudah tentu menyebabkan konflik yang lain [+konflik lain], iaitu tindakan membalas tembakan, bersembunyi dan menyerang hendap yang bertujuan untuk menghapuskan *musuh* dan memperoleh kemenangan [+kenyaringan].

(f) panglima perang

Panglima bermaksud ketua pasukan atau pemimpin sesuatu pasukan tentera (KD4, 2005). Ketua kepada pihak penceroboh atau dipanggil sebagai kumpulan penganas disebut sebagai *panglima perang* (contoh 13). *Panglima perang* dalam konflik ini telah terbunuh dalam pertempuran.

13. Polis semalam, mengesahkan lelaki berpakaian jeneral yang terbunuh akibat dalam pertempuran di Kampung Tanjung Batu, Khamis lalu, adalah *panglima perang* kumpulan penganas itu, dikenali sebagai Haji Musa atau Komander Musa.

Panglima perang mempunyai tugas khusus dengan terlibat bersama-sama mengetuai pasukannya dalam peperangan [+sasaran/sebab khusus], terlibat dalam pertempuran [+kenyaringan] yang berdepan dengan risiko kehilangan nyawa, sama seperti pasukannya.

Jadual 7.1: Komponen makna Pelaku Nyata

	sasaran/ sebab khusus	sehala	mulia	kenyaringan	terbuka	konflik lain
pejuang	+	+	+	+	+	-
penganas	+	+	-	+	+	+
penceroboh	+	+	-	+	+/-	+
musuh	+	+	-	+	+	+
panglima perang	+	+	-/+	+	+	+

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

pejuang	[+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+mulia], [-kenyaringan], [+terbuka], [-konflik lain]
penganas	[+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [-mulia], [+kenyaringan], [+terbuka], [+konflik lain]
penceroboh	[+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [-mulia], [+kenyaringan], [+terbuka], [+konflik lain]
musuh	[+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [-mulia], [+kenyaringan], [+terbuka], [+konflik lain]
panglima perang	[+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [-/+mulia], [+kenyaringan], [+terbuka], [+konflik lain]

7.2.1.2 Pelaku tersembunyi

Terdapat dua Pelaku tersembunyi dalam konflik, *dalang* dan *suspek*.

(a) **dalang**

Dalang merupakan orang yang memimpin, mengatur langkah dan sebagainya, sesuatu gerakan secara sulit atau dengan sembunyi-sembunyi (KD4, 2005). *Suspek* pula ialah orang yang disyaki melakukan jenayah (KD4, 2005). *Dalang* dalam konflik bermaksud perancang yang tidak diketahui [+rancangan] [-terbuka]. Kedua-dua contoh 1 dan 2 menunjukkan bahawa insiden pencerobohan Lahad Datu adalah suatu kejadian yang telah dirancang sama ada dari aspek strategi mahupun keperluan kumpulan yang menceroboh [+rancangan][+sasaran/sebab khusus]. Frasa *dalang utama* dalam contoh 2 menunjukkan mereka yang berperanan sebagai perancang pencerobohan Sabah terdiri daripada seorang ketua dalang yang dibantu oleh dalang-dalang lain. Kewujudan dalang hanya diketahui setelah siasatan dilakukan [+siasatan].

1. Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melihat keperluan untuk mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi mencari *dalang* di sebalik insiden pencerobohan di Sabah.

2. Sementara itu, katanya, tali barut dan isterinya berumur 40-an itu dipercayai merupakan *dalang utama* yang bertindak sebagai pengatur strategi dan aktiviti makan minum, tempat tinggal, perubatan dan kenderaan untuk kumpulan pengganas Kiram semasa mereka mula mendarat hingga sekarang.

Dalang bertindak [+sehala] secara sembunyi dan senyap-senyap [-terbuka], tidak terlibat dalam sebarang pertempuran atau penggunaan senjata [-kenyaringan], dan memberikan arahan melalui bahasa [+bahasa] secara rahsia supaya tidak diketahui oleh pihak yang menjadi sasarannya. Bagaimanapun, tindakan dalang menyebabkan berlakunya tindakan menceroboh [+konflik lain] secara terang-terangan [+terbuka]. Bagi memudahkannya

beroperasi tanpa dapat dijejaki oleh pihak berkuasa, *dalang* beroperasi dalam kumpulan yang kecil bilangannya [-skala besar].

(b) suspek

Suspek dalam konflik terdiri daripada penduduk tempatan yang membantu penceroboh, tidak melibatkan senjata api tetapi mempunyai sasaran khusus [+sasaran/sebab khusus], lazimnya tidak bertindak secara terbuka [-terbuka] dan kehadiran *suspek* dalam konflik disedari setelah siasatan dilakukan (contoh 3).

Contoh 3 menunjukkan bahawa siasatan [+tindakan pengurusan/penyelesaian konflik] yang dilakukan telah menyebabkan penangkapan pelaku tersembunyi *suspek*, iaitu penduduk tempatan yang disyaki terlibat dalam konflik.

3. Tanpa menjelaskan butiran lanjut mengenai lelaki tempatan itu, Khalid (Timbalan KPN) berkata *suspek* ditangkap bersama isterinya di satu kawasan di kampung tersebut pukul 10 malam.

Jadual 7.2: Komponen makna Pelaku Tersembunyi

	sasaran/ sebab khusus	sehala	bahasa	rancangan	kenyaringan	terbuka	skala besar
<i>dalang</i>	+	+	+	+	-	-	-
<i>suspek</i>	+	+	+	-	-	-	-

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

dalang [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+bahasa], [+rancangan], [-kenyaringan], [-terbuka]. [-skala besar]

suspek [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+bahasa], [-rancangan], [-kenyaringan],
[-terbuka]. [-skala besar]

7.2.1.3 Penderita

Dalam konflik yang dikaji, pihak yang menerima kesan daripada kejadian pencerobohan diungkapkan sebagai *mangsa*. *Mangsa* terdiri daripada pihak lain yang berada di luar konflik, iaitu penduduk di kawasan pencerobohan yang terpaksa dipindahkan bagi menjaga keselamatan mereka. Mereka ini tidak kira warganegara ataupun tidak, terpaksa meninggalkan rumah dan berpindah ke pusat pemindahan sementara dan ada yang mencari tempat berlindung di rumah saudara mara bagi mengelakkan mereka menjadi *mangsa tembakan* [+sehala][+terbuka] (contoh 1 dan 2).

1. “Kita akan pastikan semua warganegara mendapat bantuan sewajarnya dan bagi bukan warganegara pula, kita melihat berlandaskan kepada kemanusiaan,”katanya (SU Politik Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) ketika ditemui selepas melawat *mangsa-mangsa* di pusat pemindahan sementara di Dewan Serbaguna Cenderawasih dekat sini, kelmarin.
2. Katanya, mereka terpaksa berlindung di rumah saudara mara di beberapa kampung sekitar pekan ini bagi mengelak daripada menjadi *mangsa tembakan*," katanya kepada BH, ketika ditemui di kampung itu semalam.

Mangsa merupakan pihak luar yang menerima akibat daripada tindakan-tindakan pihak yang berkonflik [+pihak ketiga].

Jadual 7.3: Komponen makna Penderita

	sasaran/ sebab khusus	sehala	pihak ketiga	kenyaringan	terbuka
mangsa	-	+	+	-	+

Komponen makna leksikal bagi hiponim:

mangsa [-sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+pihak ketiga], [-kenyaringan], [+terbuka]

7.2.2 Peristiwa konflik

Dalam konflik Lahad Datu, terdapat beberapa peristiwa yang berlaku, iaitu *perang* dan *insiden*.

(a) perang

Perang bermaksud perkelahian atau pergaduhan dua pihak menggunakan alat, senjata (KD4, 2005). Konflik dikatakan sebagai *perang* kerana pasukan penceroboh mempunyai *jeneral/panglima* perangnya sendiri (contoh 1), tindakan pasukan keselamatan dalam melancarkan Operasi Daulat dimulakan dengan isyarat yang khusus, iaitu *semboyan perang* (contoh 2), dan pertembungan antara pasukan penceroboh dengan pihak pasukan keselamatan berlaku di lokasi peperangan yang dinyatakan dalam contoh 2. Pertentangan ini melibatkan pertembungan dua pasukan dalam skala yang besar [+skala besar] dan melibatkan menggunakan senjata. Saiz pasukan yang besar dapat dikaitkan dengan penggunaan kata *jeneral* yang berfungsi sebagai ketua pasukan yang besar dan memerlukan *semboyan* untuk menyampaikan maklumat dalam kalangan ahli pasukan yang ramai.

1. Polis semalam, mengesahkan lelaki berpakaian jeneral yang terbunuh akibat dalam pertempuran di Kampung Tanjung Batu, Khamis lalu, adalah panglima *perang* kumpulan penganas itu, dikenali sebagai Haji Musa atau Komander Musa.

2. Sejak semboyan *perang* ditiup dan Operasi Daulat dilancar pada 5 Mac lepas, Unit dari Pasukan Gerakan Marin itu secara tersusun menjalankan operasi mengawal pesisir pantai sejauh 20 kilometer meliputi Kampung Tanduo hingga Kampung Tanjung Batu bagi memastikan kawasan perkampungan itu bebas daripada ancaman penganas.

Perang menunjukkan dua pihak saling bertentangan [-sehala], melibatkan penggunaan senjata yang berlangsung dalam suasana tegang [+kenyaringan], dan kedua-dua pihak mempunyai sebab dan tujuan yang ingin dicapai melalui peperangan tersebut [+sasaran/sebab khusus]. Perang melibatkan Pelaku-pelaku yang dinyatakan dalam subtajuk 7.3 dan berlaku di darat dan laut [+lokasi]. Perang di darat berlaku dalam bentuk pertempuran bersenjata [+kenyaringan] manakala perang di laut lebih kepada gerakan dan operasi mengawal pesisir pantai bagi menangani ancaman tanpa penggunaan senjata [-kenyaringan] bagi memastikannya tidak diancam oleh pihak lawan dalam konflik.

Perang juga menggunakan senjata yang terdiri daripada *senjata api* dan bom *mortar* (contoh 3). *Senjata api* digunakan dalam pertempuran [+kenyaringan], manakala *mortar* mempunyai ciri tambahan, iaitu boleh meledak [+meletup] juga kenyaringan yang membezakannya dengan *senjata api*. Dari segi komponen makna, *mortar* merupakan hiponim kepada *senjata api*, manakala *senjata api* ialah hiponim kepada senjata. Dalam pertempuran, adakalanya *senjata* yang digunakan tidak khusus atau tidak dapat dipastikan jenisnya (contoh 4), dan adakalanya dinyatakan secara khusus sebagai *senjata api* (contoh 5).

3. Demikian rintih Nor Aziah Nor, 27, isteri kepada anggota komando polis VAT 69, Inspektor Zulkifli Mamat, 29, yang terbunuh setelah terkena serangan *mortar* oleh kumpulan penceroboh bersenjata dari selatan Filipina di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah hari ini.

4. Kumpulan penceroboh masih berselindung dalam sekurang-kurangnya tiga rumah atas air di lokasi itu, tetapi jumlah mereka dan *senjata* digunakan tidak dapat dipastikan.

5. “Tiada tanda bahawa mereka mahu meletak *senjata api* selepas kejadian pertempuran sehingga menyebabkan 31 pengganas ditembak mati pada semalam (Khamis),” katanya (KPN).

Dalam peperangan juga, pihak yang terlibat mempunyai matlamat, iaitu menumpaskan pihak yang menjadi lawan dalam peperangan tersebut [+sasaran/sebab khusus]. Lawan kepada pasukan keselamatan dalam peperangan ialah kumpulan (contoh 6), iaitu pihak yang sama yang dimaksudkan sebagai penceroboh bersenjata (contoh 7).

6. "Sebab anggota kita sudah terkorban, maka tidak perlu beri apa-apa tempoh masa dan tindakan diambil ikut keadaan," katanya merujuk kepada apa juga tindakan taktikal dan operasi yang akan diambil pasukan keselamatan untuk *menumpaskan* kumpulan itu.

7. Pasukan keselamatan mempunyai kepakaran untuk *menumpaskan* saki baki penceroboh bersenjata selepas serangan udara dan darat dilancarkan pagi ini untuk mengakhiri insiden pencerobohan yang berlarutan selama 21 hari di Kampung Tanduo, kira-kira 130 km dari Lahad Datu, Sabah, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Kedua-dua contoh menunjukkan tindakan *menumpaskan* dilakukan smelalui serangan udara dan darat secara terang-terangan [+terbuka], melibatkan penggunaan senjata api dan senjata berat [+kenyaringan], bertujuan menyelesaikan konflik [+sasaran/sebab khusus], dalam masa lebih dari satu jam [-singkat] dan menerima tentangan pihak lawan [+konflik lain].

(b) insiden

Kata lain yang menunjukkan kejadian dalam konflik ialah *insiden*. Kata ini digunakan untuk mengungkapkan kejadian-kejadian yang berlaku di lokasi-lokasi konflik. Insiden yang kerap berlaku dalam konflik ialah kejadian penganas melepaskan tembakan (contoh 8 dan 9) [+terbuka], [+kenyaringan], [+konflik lain] ke arah surau (contoh 8) dan ke arah kubu penceroboh (contoh 9). Kejadian serang hendap oleh penganas yang menyebabkan anggota polis terkorban berlaku di dua lokasi yang berbeza, iaitu di Lahad Datu dan Semporna (contoh 10) [+terbuka], [+kenyaringan], [+konflik lain]. Kesemua contoh menunjukkan insiden mempunyai komponen makna kejadian yang buruk [+buruk] yang berlaku di lokasi

yang tertentu [+lokasi], iaitu di Kampung Tanjung Batu, Kampung Senallang Lama, kubu pegganas, daerah Lahad Datu dan daerah Semporna (contoh 8-10).

8. Dalam *insiden* awal pagi ini, seorang lelaki berbadan besar, berpakaian serba hitam dan bersenjata M-16 turun daripada sebuah bukit dan *melepaskan beberapa das tembakan* ke arah *sebuah surau* di Kampung Senallang Lama, Semporna di sini.

9. Selepas mengibarkan bendera putih, penceroboh memerhatikan gerak-geri komando yang mendekati *kubu* mereka sebelum *melepaskan tembakan*.

10. Lapan anggota polis terkorban dalam dua *insiden* serang hendap itu - dua di *Lahad Datu* dan enam di *Semporna* - manakala di pihak pegganas, 18 orang terbunuh.

Jadual 7.4: Komponen makna Peristiwa Konflik

	sasaran/ sebab khusus	sehala	buruk	senjata berat	kenyaringan	terbuka	lokasi	konflik lain	skala besar
perang	+	-	+	+	+	+	+	+	+
insiden	+	+	+/-	+/-	+/-	+	+	+/-	+/-

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

perang [+sasaran/sebab khusus], [-sehala], [+buruk], [+senjata berat],
[-kenyaringan], [+terbuka], [+lokasi], [+konflik lain], [+skala besar]

insiden [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+/-buruk], [-senjata berat],
[+/-kenyaringan], [+terbuka], [+lokasi], [+/-konflik lain], [+/-skala besar]

7.2.3 Suasana dan kesan konflik

Konflik juga menimbulkan suasana *keganasan* dan menyebabkan *ketakutan*.

(a) keganasan

Keganasan merupakan suatu tindakan yang dirancang oleh sekumpulan individu yang mencerooboh masuk ke negara sasaran (contoh 1) [+rancangan]. Tindakan *keganasan* yang berlaku juga telah memberi pengajaran kepada semua pihak tentang pentingnya menjaga keamanan dan keselamatan negara (contoh 2). *Keganasan* menyebabkan berlakunya perpindahan penduduk setempat bagi menyelamatkan mereka daripada ancaman pengganas Sulu [+ancaman] (contoh 3).

1. Bagaimanapun, setakat jam 10 malam pada Rabu lalu, pihak berkuasa keselamatan tidak dapat mengesahkan tujuan kumpulan itu sama ada merancang untuk melakukan aktiviti *keganasan* di bandar berkenaan.
2. Beliau (Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah) berkata insiden *keganasan* itu memberi pengajaran kepada semua tentang pentingnya menjaga dan memelihara keamanan dan keselamatan.
3. Kira-kira 1,000 penduduk sebuah kampung di Kembara Sakti, FELDA Sahabat 43 dipindahkan ke Sekolah Agama Rakyat, kira-kira lima kilometer dari perkampungan mereka sebagai langkah keselamatan dalam menghadapi *ancaman militan* Sulu.

Keganasan ialah tindakan ganas sebelah pihak [+sehala] dengan menggunakan senjata [+terbuka] [+kenyaringan], dengan menjadikan pasukan keselamatan negara dan penduduk setempat sebagai sasaran bagi mencari penyelesaian isu tuntutan hak milik ke atas Sabah [+sasaran/sebab khusus].

(b) ketakutan

Konflik juga menyebabkan wujudnya *ketakutan*. Walau bagaimanapun, kesan *ketakutan* hanya wujud dalam kalangan penceroboh. Contoh 4 menunjukkan *penceroboh* disifatkan sebagai pihak yang takut dalam menghadapi tindakan balas pasukan keselamatan dan menggunakan taktik penipuan bagi memenangi pertempuran. Manusia yang merasa takut

akan sesuatu digambarkan sebagai bersifat pengecut. Sifat ini yang ada dalam kalangan penceroboh boleh dilihat dalam contoh 4.

4. Kumpulan penceroboh bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu, disifatkan *pengecut* kerana menggunakan taktik kotor dengan mengangkat bendera putih sebagai tanda untuk menyerah diri namun melancarkan serangan ke arah pasukan keselamatan sehingga mengorbankan dua nyawa anggota komando VAT 69, pagi semalam.

Ketakutan diungkapkan melalui sifat *pengecut* kumpulan penceroboh [+sehala], yang menggunakan taktik kotor sebagai muslihat dan bersembunyi semasa pertempuran dengan pasukan keselamatan [+muslihat], yang menyebabkan anggota pasukan keselamatan terkorban [+konflik lain].

Jadual 7.5: Komponen makna Suasana dan kesan konflik

	sasaran/ sebab khusus	sehala	rancangan	ancaman	kenyaringan	terbuka	muslihat	konflik lain
keganasan	+	+	+	+	+	+	-	+
ketakutan	-	+	-	-	-	+	+	+

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

- keganasan [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+rancangan], [+ancaman],
 [+kenyaringan], [+terbuka], [-muslihat], [+konflik lain]
- ketakutan [-sasaran/sebab khusus], [+sehala], [-rancangan], [-ancaman],
 [-kenyaringan], [+terbuka], [+muslihat], [+konflik lain]

7.2.4 Kaedah konflik

Tindakan-tindakan konflik secara fizikal dilakukan melalui kaedah *ceroboh*, *serang*, *gempur*, *geledah*, *tembak*, dan *gerila*.

(a) **ceroboh**

Ceroboh ditakrifkan sebagai masuk ke kawasan orang atau ke wilayah sesebuah negeri tanpa kebenaran dengan tujuan untuk mengganggu, mencabuli, melanggar, dan sebagainya (KD4, 2005). Walaupun penceroboh datang sesuka hati dengan bersenjata, kerajaan Malaysia mengamalkan prinsip bertolak ansur dalam menyelesaikan konflik atas nama persaudaraan sesama agama, dan untuk mencegah berlakunya pertumpahan darah (contoh 1) [-konflik lain]. Berbeza pula dengan kerajaan negara asal penceroboh (Filipina) yang membidas perbuatan tersebut (contoh 2). Bidang dari pentadbiran negara mereka menunjukkan tindakan *menceroboh* bukanlah tindakan yang mendapat sokongan daripada kerajaan mereka sendiri. Ketiadaan sokongan itu menunjukkan bahawa pihak penceroboh bertindak dengan menggunakan saluran sendiri dan tidak memperhitungkan akibat lain yang timbul akibat pencabulan kepada kedaulatan negara lain [+konflik lain].

1. "Kalau boleh selesai dengan baik, lebih-lebih lagi antara orang Islam dengan orang Islam, meskipun mereka *ceroboh* masuk ke negara kita dengan senjata tetapi kita memberi peluang kepada mereka demi tidak ingin melihat ada orang yang terkorban dan akhirnya pertumpahan darah pasti akan berlaku.
2. Aquino bidas kumpulan *ceroboh* Sabah.
3. Semalam, Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar berkata pihak berkuasa keselamatan berjaya mengesan sekumpulan lelaki asing berpakaian ala tentera dan bersenjata api *menceroboh* masuk ke Lahad Datu.
4. "Kita perlu bangkit dan berwaspada setiap masa, jangan diperkotak-katikan oleh pihak yang mahu *menceroboh*, jangan takut kerana kalau kita takut, pihak penceroboh ini akan lebih berani," katanya (Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah).

Tindakan *ceroboh* dilakukan dengan menggunakan senjata api yang boleh mengancam nyawa, dan harus ditentang dengan berani (contoh 3 dan 4) [+senjata]. Kata leksikal *ceroboh* dan terbitannya *menceroboh* merupakan tindakan pencabulan oleh pihak yang mendakwa sebagai Tentera Diraja Kesultanan Sulu [+sehala] yang menyasarkan negeri Sabah [+sasaran/sebab khusus]. Tindakan terancang tersebut dimulakan dengan menyusup masuk secara tersembunyi [+rancang][-terbuka] dan beransur-ansur menjadi perhatian umum apabila berlaku pertembungan dengan pasukan keselamatan [+terbuka] dan disertai oleh penggunaan senjata api dan menyebabkan ketegangan [+kenyaringan]. Tindakan ini pada awalnya ditangani secara diplomasi oleh pasukan keselamatan negara bagi mengelakkan pertumpahan darah.

(b) serang

Konsep serang dalam konflik diungkapkan melalui *serang hendap* yang bermaksud kaedah serangan oleh pihak penceroboh secara sembunyi [-terbuka], sebagai satu tindakan yang dirancang [+rancang], dan menyebabkan berlakunya pertempuran bersenjata [+kenyaringan] dan mengorbankan pihak pasukan keselamatan [+konflik lain] (contoh 5-6).

5. Sejak pencerobohan militan pada 12 Feb lepas, lapan anggota polis terkorban iaitu dua wira terkorban dalam pertempuran di Kampung Tanduo pada 1 Mac dan enam lagi dalam *serang hendap* di Semporna pada 2 Mac.

6. Lapan anggota polis terkorban dalam dua insiden *serang hendap* itu - dua di Lahad Datu dan enam di Semporna - manakala di pihak pengganas, 18 orang terbunuh.

Tindakan *serang hendap* hanya diketahui oleh sebelah pihak [+sehala], dirahsiakan [-terbuka], merupakan salah satu kaedah perang dan menyebabkan pihak yang diserang tidak bersedia bertindak balas dan terkorban [+konflik lain].

(c) gempur

Tindakan *menggempur* pula merupakan tindakan pasukan keselamatan secara besar-besaran [+skala besar], menggunakan senjata berat dan peralatan berteknologi tinggi [+senjata canggih] bagi memusnahkan kumpulan penceroboh [+sasaran/sebab khusus] (contoh 7 dan 8).

7. Dalam Ops Daulat, Panglima Angkatan Tentera, Jen. Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin pula berkata, pasukan keselamatan *menggempur* dengan melancarkan serangan mortar dan senjata berat ke arah musuh sebelum memasuki kawasan kubu mereka untuk penggeledahan dan mencari musuh.

8. Helikopter jenis peninjau dan pengangkut menggunakan enjin berkembar serta mampu memuatkan lapan penumpang itu diperlukan bagi mengukuhkan lagi kekuatan pasukan keselamatan dalam usaha *menggempur* pengganas sejak pencerobohan dikesan 12 Feb lepas.

Menggempur merupakan tindakan yang tersusun oleh pasukan keselamatan [+sebelah pihak], secara terang-terangan [+terbuka] melibatkan penggunaan senjata berat, dalam suasana tegang [+kenyaringan] dan menyebabkan penentangan pihak penceroboh yang digempur [+konflik lain].

(d) geledah

Geledah merupakan tindakan pasukan keselamatan dalam menghapuskan kumpulan penceroboh. Usaha penghapusan dilakukan dengan menggeledah tempat-tempat persinggahan penceroboh yang terdiri daripada kampung-kampung dan kawasan perairan, dan dijalankan secara bersepadu oleh PDRM, ATM dan Unit Tempur Marin (contoh 9). Tindakan *menggeledah* dilakukan bagi memastikan tiada saki baki penceroboh di perkampungan sekitar sebelum penduduk tempatan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing (contoh 10).

9. Di sebalik tugas hakiki menggempur, *menggeledah* dan membersihkan kampung-kampung yang 'disinggahi' kumpulan militan oleh PDRM dan ATM, Unit Tempur Marin juga tidak ketinggalan melaksanakan operasi serupa, dengan menjadikan lokasi di lautan sebagai tumpuan.

10. "Kami akan *menggeledah* semua kawasan bagi memastikan tiada musuh berselindung sebelum penduduk boleh pulang ke rumah masing-masing," katanya (PAT) dan memberitahu bahawa dalam operasi semalam, pasukan keselamatan menemui satu lagi mayat pengganas yang dipercayai ditembak pada 6 Mac.

Menggeledah dilakukan oleh pasukan keselamatan [+sehala], untuk membersihkan kawasan daripada penceroboh [+sasaran/sebab khusus], dilakukan secara terang-terangan [+terbuka], dilakukan dalam suasana aman walaupun mempunyai kemungkinan bertemu pihak musuh (penceroboh) [-kenyaringan], [-konflik lain].

(e) **tembak**

Tembak ialah tindakan konflik secara berdepan yang melibatkan penggunaan senjata api dan boleh menyebabkan kecederaan atau kematian. Dalam korpus kajian, *tembak* kerap didahului oleh kata kerja *berbalas* yang membentuk frasa kerja *berbalas tembak*, dan bergandingan dengan kata kerja *menembak* yang membentuk kata ganda berimbuan menyaling, iaitu *tembak-menembak*. Kedua-duanya membawa maksud kejadian saling tembak antara dua pihak yang berkonflik [-sehala], iaitu antara pasukan keselamatan dengan kumpulan bersenjata (penceroboh) (contoh 11 dan 12).

11. Ketua Polis Daerah Semporna, Deputy Supritendan Mohd. Firdaus Francis Abdullah berkata, kejadian *berbalas tembak* antara pasukan keselamatan dan kumpulan bersenjata hanya berlaku di tempat tertentu.

12. Sejurus tiba di Felda Sahabat 16, Hishammuddin bersama Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar mendengar taklimat daripada Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Hamza Taib mengenai insiden *tembak menembak* antara pasukan keselamatan negara dengan kumpulan itu di Kampung Tanduo di Felda Sahabat 17, pada Jumaat.

(f) gerila

Satu lagi kaedah tindakan berkonflik, *gerila* bermaksud kaedah atau cara perang yang melibatkan anggota pasukan yang kecil dan tidak berhadap-hadapan (KD4, 2005). Komponen makna *gerila* ialah [-terbuka] [-skala besar]. Dalam konflik ini, kumpulan penceroboh menerapkan kaedah pertempuran yang mereka mahir, iaitu taktik *gerila* (contoh 13 dan 14). Taktik peperangan secara *gerila* dan penembak tepat pihak penceroboh merupakan ciri khusus *gerila* yang perlu ditangani oleh pasukan keselamatan negara dengan berhati-hati. Perang seumpama ini berbeza dengan perang-perang yang lain. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan perang sebagai perkelahian atau pergaduhan menggunakan senjata. Jenis-jenis perang dinamakan mengikut peralatan atau kaedah yang digunakan. Selain perang gerila yang ditakrifkan sebagai perang secara sembunyi-sembunyi, terdapat perang saraf, iaitu perang yang tidak bertempur, perang biologi (menggunakan virus atau kuman sebagai senjata), perang kimia (menggunakan bahan kimia sebagai senjata), perang ekonomi (menggunakan tindakan ekonomi sebagai senjata) dan perang-perang yang lain.

13. Biarpun berpengalaman dalam peperangan *gerila* di selatan Filipina sejak 1899, taktik *gerila* penganas dari Sulu yang menceroboh pesisir pantai Lahad Datu sejak 12 Februari lepas, tidak mampu melumpuhkan pertahanan negara.

14. "Taktik ini diguna bagi memastikan keselamatan anggota kerana selain cabaran keadaan bentuk muka bumi seperti hutan, paya dan ladang, musuh yang mahir dengan kawasan ini, menggunakan taktik *gerila* penembak tepat," katanya (Panglima ATM).

Jadual 7.6: Komponen makna Tindakan konflik

	sasaran/ sebab khusus	sehalah	skala besar	rancang	senjata api	kenyaringan	terbuka	senjata berat	konflik lain
ceroboh	+	+	-	+	+/-	-	-/+	-	-/+
serang	+	+	-	+	+	+	-	+/-	+
gempur	+	+	+	+	+	+	+	+	+
geledah	+	+	-	-	-	-	+	-	-
tembak	+	-	-	-	+	+	+	-	+
gerila	+	+	-	+	+	+	-	-	+

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

ceroboh	[+sasaran/sebab khusus], [+sehalah], [-skala besar], [+rancang], [+/-senjata api], [-kenyaringan], [-/+terbuka], [-senjata berat], [-/+konflik lain]
serang	[+sasaran/sebab khusus], [+sehalah], [-skala besar], [+rancang], [+senjata api], [+kenyaringan], [-terbuka], [+/-senjata berat], [+konflik lain]
gempur	[+sasaran/sebab khusus], [+sehalah], [+skala besar], [-rancang], [+senjata api], [+kenyaringan], [+terbuka], [+senjata berat], [+konflik lain]
geledah	[+sasaran/sebab khusus], [+sehalah], [-skala besar], [-rancang], [-senjata api], [-kenyaringan], [+terbuka], [-senjata berat], [-konflik lain]
tembak	[+sasaran/sebab khusus], [-sehalah], [-skala besar], [-rancang], [+senjata api], [+kenyaringan], [+terbuka], [-senjata berat], [+konflik lain]
gerila	[+sasaran/sebab khusus], [+sehalah], [-skala besar], [-rancang], [+senjata api], [+kenyaringan], [-terbuka], [-senjata berat], [+konflik lain]

7.2.5 Akibat konflik

Konflik juga menerbitkan akibat yang digambarkan melalui *kematian, kecederaan, tragedi* dan *kerusakan*.

(a) kematian

Contoh 1 menunjukkan bahawa salah satu akibat pencerobohan atau konflik ialah kehilangan nyawa yang diungkapkan sebagai *kematian* dan *terkorban* yang berlaku dalam kalangan pasukan keselamatan dan pihak yang menceroboh. Contoh 2 pula menunjukkan [+sedih] sebagai akibat yang menyedihkan kepada ahli keluarga anggota pasukan keselamatan yang terkorban serangan penceroboh.

1. Ismail (KPN) berkata, tiada kehilangan nyawa di pihak pasukan keselamatan manakala setakat ini jumlah *kematian* dan kecederaan di pihak musuh belum dapat disahkan.

2. "Saya reda kerana *kematian* arwah adalah untuk mempertahankan negara," kata Ismail Husin, bapa Allahyarham Prebet Ahmad Hurairah yang terkorban dalam pertempuran dengan penceroboh militan di Sungai Nyamuk, Lahad Datu, Sabah hari ini.

(b) kecederaan

Kata leksikal konflik *kecederaan* diungkapkan untuk menggambarkan *kecederaan* fizikal yang dialami oleh anggota pasukan keselamatan yang bertugas di medan pertempuran [+terbuka][+senjata] (contoh 3-4). *Kecederaan* dikaitkan dengan luka dan rasa sakit [+sakit].

3. Tambahnya (PAT), seorang anggota tentera mengalami *kecederaan* di paha.

4. Mereka sabar menanti sehingga pukul 6.30 petang dan ramai di kalangan penduduk kelihatan mengalirkan air mata apabila melihat *kecederaan* yang dialaminya (Konstabel Mohammad Qaiyum Aiqal Zolkifli).

Kematian dan *kecederaan* menunjukkan bahawa konflik adalah peristiwa yang membawa akibat buruk [+akibat]. Akibat ini ditanggung oleh pihak yang terlibat dalam konflik. Apa yang membezakan antara, *kecederaan* dan *kematian* ialah tahap penderitaan yang dialami. Pihak yang menanggung *kecederaan* lazimnya ialah mereka yang berada di kawasan konflik, sama ada sebagai pasukan keselamatan ataupun kumpulan penceroboh, manakala *kematian*

merupakan kemuncak kepada tindakan mencederakan menggunakan senjata api yang berlaku dalam pertempuran mahupun serang hendap. Ketiga-tiga akibat berlaku dalam suasana konflik yang terbuka [+terbuka].

(c) tragedi

Tragedi juga merupakan akibat konflik kepada pihak-pihak tertentu. Kedua-dua contoh 5-6 menunjukkan konflik adalah *tragedi* yang disusuli dengan pertumpahan darah dan terkorbannya nyawa. Tragedi dicirikan oleh [+terbuka] [+sedih] [+pertumpahan darah].

5. Semalam, pihak perisikan Filipina dipetik portal berita negara itu, 'Inquirer News' melaporkan, terdapat tiga kumpulan yang menjadi dalang pencerobohan Tentera Diraja Kesultanan Sulu di Kampung Tanduo sejak 12 Februari lalu yang akhirnya membawa kepada *tragedi* berdarah.

6. Beliau (Timbalan KM Sabah) berkata *tragedi* itu sudah mengorbankan nyawa sepuluh orang anggota pasukan keselamatan negara, yang bukan sahaja menyebabkan anak kehilangan ayah, isteri kehilangan suami, ibu dan bapa kehilangan anak, tetapi juga akan kekal menjadi titik hitam dalam lipatan sejarah negara.

(d) kerosakan

Konflik juga menyebabkan berlakunya kerosakan kepada peralatan dan harta benda. Ada alatan menangkap ikan yang rosak (contoh 7) dan kerosakan rumah akibat dibakar oleh pengganas (contoh 8). Kerosakan berlaku di pihak penduduk [+sehala], tetapi tidak menyebabkan berlakunya tindak balas yang tidak diingini [-konflik lain], tetapi menyebabkan kerugian harta benda [+kerugian harta benda].

7. Beliau (KSU Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) berkata, bantuan yang akan dihulurkan itu merangkumi insentif dan bantuan alat tangkapan, yang rosak akibat daripada *insiden* berkenaan.

8. Keamanan kami dirampas malah ada rakan memberitahu rumah mereka dibakar pengganas *militan*.

Jadual 7.7: Komponen makna Akibat konflik

	sasaran/ sebab khusus	sehala	pertumpahan darah	kenyaringan	senjata	terbuka	sakit	konflik lain	sedih	harta benda
kematian	-	+	+	+	+	+	+	+	+	-
kecederaan	-	+	+	+	+	+	+	+	+	-
tragedi	-	-	+	+	+	+	+	-	+	-
kerusakan	-	+	-	+	+	+	-	+	+	+

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

kematian	[-sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+pertumpahan darah], [+kenyaringan], [+senjata], [+terbuka], [-sakit], [+konflik lain], [+sedih], [-harta benda]
kecederaan	[-sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+pertumpahan darah], [+kenyaringan], [+senjata], [+terbuka], [+sakit], [+konflik lain], [+sedih], [-harta benda]
tragedi	[-sasaran/sebab khusus], [-sehala], [+pertumpahan darah], [+kenyaringan], [+senjata], [+terbuka], [+sakit], [-konflik lain], [+sedih], [-harta benda]
kerusakan	[-sasaran/sebab khusus], [+sehala], [-pertumpahan darah], [+kenyaringan], [+senjata], [+terbuka], [-sakit], [+konflik lain], [+sedih], [+harta benda]

7.3 Perbincangan


Berdasarkan ciri pembeza yang diterangkan dalam Bab 4 subtajuk 4.6.1.2, konflik Lahad Datu boleh dikategorikan sebagai konflik bersubjekkan manusia yang terdiri daripada latar tindakan fizikal bersenjata yang dilakukan dengan sengaja. Tindakan sengaja tersebut boleh dibahagikan kepada lima konsep, iaitu **manusia, peristiwa, suasana dan kesan, kaedah** dan **akibat konflik**. Konsep-konsep tersebut dibezakan oleh komponen makna primitif dan komponen makna yang dikongsi bersama, yang berbeza antara satu konsep dengan satu konsep yang lain. Pelaku Nyata mempunyai komponen primitif [+terbuka], Pelaku Tersembunyi [-terbuka] dan dan Penderita merupakan pihak luar dari konflik [+pihak ketiga].

Pelaku Nyata *pejuang* berbeza dengan *pengganas*, *penceroboh*, *panglima perang* dan *musuh* yang mewakili pihak yang betul-betul terlibat dalam konflik, kerana *pejuang* merupakan tugas terpuji [+mulia] kerana mempertahankan tanah air daripada ancaman penceroboh. Pelaku Tersembunyi *dalang* dibezakan dari *suspek* oleh komponen makna [+rancang]. *Mangsa* merupakan pihak luar konflik [+pihak ketiga] yang terbabit dalam konflik disebabkan mereka berada di kawasan konflik.

Konflik juga mempunyai dua peristiwa utama, iaitu *perang* dan *insiden*. *Perang* berlaku dalam skala besar [+skala besar] manakala *insiden* pula sebaliknya [-skala besar]. *Keganasan* dan *ketakutan* merupakan kesan dan suasana konflik. *Keganasan* merupakan ciri sikap penceroboh manakala *ketakutan* mendorong penceroboh melakukan penipuan [+muslihat] dalam pertempuran dengan pengawal keselamatan. Tindakan Pelaku konflik pula dilaksanakan melalui enam kaedah, iaitu *ceroboh*, *serang*, *gempur*, *geledah*, *tembak* dan *gerila*. *Ceroboh*, *serang*, *tembak* dan *perang gerila* dilakukan oleh penceroboh manakala *gempur* dan *geledah* dilakukan oleh pasukan keselamatan. *Gempur* merupakan satu-satunya kaedah berskala besar [+skala besar] dan menggunakan senjata berat [+senjata berat]. Konsep *serang* yang digunakan dalam konflik ialah *serang hendap* yang dilaksanakan secara sembunyi [-terbuka]. Selain daripada itu, konflik turut menyebabkan berlakunya *kehilangan nyawa*, *kecederaan*, *tragedi* dan *kerusakan harta benda*. *Kehilangan nyawa* dan *tragedi* dikaitkan dengan kejadian yang menumpahkan darah dan membawa kesedihan, dan juga akibat-akibat yang lain.

7.4 Tipologi konflik fizikal bersenjata Lahad Datu

Daripada analisis yang telah dilakukan, konflik Lahad Datu juga merupakan konflik bersenjata seperti rajah tipologi yang berikut:



Rajah 7.1: Tipologi konflik fizikal bersenjata Lahad Datu

7.5 Rumusan

Daripada kajian dan perbincangan yang dilakukan, dirumuskan bahawa kaedah analisis komponen makna dapat memperincikan makna kata leksikal konflik fizikal yang digunakan dalam laporan berita yang dikaji. Tindakan berkonflik secara fizikal yang diungkapkan

menunjukkan bahawa konflik ini ialah konflik fizikal bersenjata yang merangkumi lima konsep, iaitu **manusia**, **peristiwa** konflik, **suasana dan kesan** konflik, **kaedah** konflik dan **akibat** konflik.

Universiti Malaya

BAB 8: PENGURUSAN DAN PENYELESAIAN KONFLIK

BERSERTA TIPOLOGINYA

8.1 Pendahuluan

Pertentangan atau konflik yang berlaku perlu dikendalikan dengan cara yang sesuai. Pengendalian diambil daripada perkataan *handling* dalam bahasa Inggeris yang bermaksud *manage (a situation or problem)* (OED Online, 2018). Dalam bahasa Melayu, pengendalian bermaksud perihal mengendalikan, iaitu mengekang, menguasai, mengurus, dan lain-lain (KD4, 2005). Daripada kedua-dua tafsiran ini, dapat dirangkumkan bahawa proses mengendalikan konflik meliputi pengurusan konflik sehinggalah konflik diselesaikan. Tafsiran ini memberikan dua konsep yang penting dalam pengendalian konflik, iaitu komponen pengurusan dan komponen penyelesaian konflik. Pengurusan konflik boleh disifatkan sebagai tindakan jangka pendek yang dilakukan untuk meredakan konflik buat sementara waktu manakala penyelesaian merupakan tindakan jangka panjang untuk menyuraikan dan menamatkan pertikaian atau sengketa secara kekal. Pengurusan konflik wajar diasingkan daripada penyelesaian konflik kerana perbezaan kata leksikal dan konsep yang mewakili kedua-duanya.

8.2 Asas pembahagian kategori pengurusan dan penyelesaian konflik

Sebanyak dua puluh sembilan (29) kata kunci dikategorikan sebagai kata pengurusan dan penyelesaian konflik. Sebagaimana ciri komponen makna pembeza yang dicadangkan oleh Asmah (2013:8-16), kata leksikal pengurusan dan penyelesaian konflik dikelompokkan berdasarkan hubungan hipernim-hiponim dan dianalisis komponen maknanya. Setiap

kategori dibahagikan kepada pengurusan dan penyelesaian secara sukarela, dan pihak ketiga. Pengurusan dan penyelesaian konflik secara sukarela dilaksanakan oleh pihak yang terlibat dalam sesuatu konflik [+iniatif sendiri]. Pengurusan dan penyelesaian konflik yang melibatkan pihak tertentu yang berada di luar konflik, dinamakan pengendalian pihak ketiga dan dicirikan oleh komponen makna [-iniatif sendiri]. Pengurusan dan penyelesaian konflik sukarela mempunyai dua pecahan, iaitu iniatif sebelah pihak [+sehala], dan iniatif dua pihak [-sehala]. Pengurusan dan penyelesaian konflik oleh pihak ketiga dibahagikan kepada pihak perantara [+perantara] dan pihak pemutus [+pemutus]. Tindakan pemutus dibahagikan kepada tindakan tentera/polis [+pihak berkuasa] dan tindakan perundangan [+undang-undang].

8.3 Pengurusan konflik

Kata leksikal pengurusan konflik yang disenaraikan daripada analisis kata kunci konflik, seperti dalam Jadual 8.1 di bawah:

Jadual 8.1: Senarai kata leksikal pengurusan konflik

Kata nama	Kata kerja
<i>pemantauan</i>	<i>bertenang</i>
<i>siasatan</i>	<i>mengelak</i>
<i>operasi</i>	<i>berunding</i>
<i>risikan</i>	<i>memperketatkan</i>
<i>amaran</i>	<i>siasat/menyiasat/disiasat</i>
<i>spekulasi</i>	<i>memberkas</i>

Kata nama	Kata kerja
	<i>berdegil</i>
	<i>menjejaki</i>
	<i>mengepung</i>

8.3.1 Konsep-konsep pengurusan konflik

Senarai leksikal pengurusan konflik dalam Jadual 8.1, dikategorikan mengikut hipernim taktik, taktik verbal, sikap dan tindakan yang berikut:

- 8.3.1.1 Taktik: *konspirasi, menakut-nakutkan, menjejaki, mengepung*
- 8.3.1.2 Taktik verbal: *amaran, spekulasi*
- 8.3.1.3 Sikap: *berdegil, bertenang*
- 8.3.1.4 Tindakan: *sandiwara, memperketatkan, menyiasat, disiasat, siasatan, risikan, pemantauan, memberkas, mengelakkan, operasi*

Bagi meredakan konflik yang sedang berlaku, pihak-pihak yang berkonflik melakukan pelbagai cara dan taktik kepada pihak lawan masing-masing. Taktik digunakan sebagai inisiatif mereka untuk menguruskan konflik melalui tindakan *konspirasi, menakut-nakutkan, menjejaki* dan *mengepung*.

8.3.1.1 Taktik

(a) konspirasi

Pihak pembangkang menyatakan bahawa konflik yang berlaku merupakan *konspirasi* terancang pihak UMNO (contoh 1-2) sebagai taktik konflik.

1. Wanita Umno Sabah membuat laporan polis terhadap Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tian Chua yang didakwa menuduh insiden pencerobohan di Lahad Datu adalah *konspirasi* terancang Umno.

2. Kenyataan Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Chua Tian Chiang atau Tian Chua yang menuduh UMNO terlibat dalam *konspirasi* tembak-menembak di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah hari ini dianggap sebagai tidak bertanggungjawab dan hanya mengambil kesempatan.

Kenyataan pembangkang ini merupakan taktik mereka untuk meletakkan punca berlakunya konflik kepada pihak lain [+sehala], [+sasaran/sebab khusus], [+canggih]. Taktik pembangkang ini tidak dapat meredakan konflik malah menyebabkan timbulnya tindak balas lain [+konflik lain]., iaitu laporan polis yang dibuat oleh Wanita UMNO Sabah. Tuduhan konspirasi oleh pembangkang ini juga menyebabkan ada pihak lain yang menyatakan bahawa pembangkang tidak bertanggungjawab dan mengambil kesempatan atas konflik yang berlaku.

(b) menakut-nakutkan

Oleh sebab konflik Lahad Datu merupakan *konspirasi* kerajaan seperti yang dikatakan oleh pihak pembangkang, pembangkang sekali lagi menggunakan taktik mendakwa bahawa peristiwa kematian pasukan keselamatan dan penceroboh dari Filipina merupakan sandiwara atau lakonan yang bertujuan *menakut-nakutkan* rakyat [+sasaran/sebab khusus] (contoh 3).

3. Bagaimanapun dalam reaksinya, Tian Chua seperti dipetik dalam lidah rasmi PKR, keadilandaily.com mendakwa, kejadian yang menyebabkan kematian petugas keselamatan negara dan penceroboh dari Filipina itu hanya 'sandiwara kerajaan' untuk *menakut-nakutkan* rakyat seolah-olah wujud suasana tidak aman di Sabah.

Dalam menguruskan konflik yang berlaku, pembangkang memilih untuk menuding jari kepada kerajaan sebagai penyebab konflik [+inisiatif sendiri], [+sehala], [+terbuka] yang bertujuan untuk menakut-nakutkan rakyat bahawa keadaan di Sabah tidak aman. Pembangkang percaya bahawa konflik yang berlaku hanyalah palsu dan dibuat-buat. Kenyataan pembangkang ini juga gagal menguruskan konflik [+konflik lain].

(c) menjejaki

Dalam konteks pengurusan konflik, *menjejaki* digunakan sebagai taktik oleh pasukan keselamatan untuk mencari dan menahan dua komponen utama pencerobohan, iaitu dalang dan musuh (penceroboh). Tindakan *menjejaki* dilakukan untuk mencari dalang kepada pencerobohan dan diluaskan skopnya sehingga kepada ahli keluarga mereka (contoh 4). *Menjejaki* juga digabungkan dengan tindakan menggeledah dan membersihkan kawasan kubu penganas (contoh 5). Tindakan ini dapat mengurangkan bilangan penceroboh atau musuh yang masih aktif bagi membendung konflik.

4. Beliau (Pesuruhjaya Polis Sabah) berkata, operasi membanteras penganas tidak hanya tertumpu kepada keluarga Jamalul Kiram, yang didakwa dalang insiden pencerobohan di Sabah sejak 12 Februari lepas, kerana polis turut *menjejaki* kaum keluarga anggota militan lain yang dipercayai terlibat insiden pencerobohan itu.

5. Hamza (Pesuruhjaya Polis Sabah) berkata, operasi menggeledah, *menjejaki* musuh dan membersihkan kawasan kubu penganas di Tanjung Batu dijangka selesai hari ini dan pihaknya percaya bilangan penganas yang tinggal kurang daripada 50 orang.

Menjejaki dilakukan oleh pasukan keselamatan [+sehala], dengan tujuan untuk mengenal pasti kedudukan musuh [+sasaran/sebab khusus], mencari musuh secara senyap [-terbuka], dan tidak mengakibatkan tercetusnya konflik yang lain [-konflik lain].

(d) mengepung

Mengepung merupakan taktik untuk memerangkap dan menangkap pihak yang dikepung agar tidak dapat melepaskan diri bagi mengurangkan bilangan mereka. Dengan ciri [+keliling], kedua-dua contoh 6-7 taktik *mengepung* yang dilakukan oleh pasukan keselamatan membolehkan pihak penceroboh dapat ditangkap atau menyerah diri.

6. Beliau (KPN) berkata, pihak keselamatan telah mengambil tindakan *mengepung* kawasan berkenaan dan mengarahkan kumpulan terbabit meletak senjata serta menyerah diri.

7. Perairan Malaysia ini luas dan mereka boleh masuk tetapi yang penting kita dapat maklumat cepat dan kita bertindak untuk *mengepung* mereka (PM).

Mengepung dilakukan oleh sebelah pihak [+sehala], bertujuan untuk menyebabkan pihak yang dikepung meletak senjata dan menyerah diri [+sasaran/sebab khusus], tidak menyebabkan pertentangan daripada pihak yang dikepung [-konflik lain], dan dilakukan tidak secara terang-terangan untuk mengelak diketahui oleh musuh [-terbuka].

Jadual 8.2: Komponen makna hipernim Taktik

	sasaran/ sebab khusus	sehala	inisiatif sendiri	pihak ketiga	canggih	keliling	terbuka	pengula ngan	konflik lain
konspirasi	+	+	+	-	+	-	-	-	+
nenakut- nakutkan	+	+	+	-	-	-	+	+	+

menjejaki	+	+	-	+	+	-	-	-	-
mengepung	+	+	-	+	+	+	-	-	-

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

- konspirasi [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+inisiatif sendiri], [+canggih], [-terbuka] [+konflik lain]
- menakutkan [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+inisiatif sendiri], [-canggih], [+terbuka], [+pengulangan], [+konflik lain]
- menjejaki [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+pihak ketiga], [+canggih], [-terbuka], [-konflik lain]
- mengepung [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+pihak ketiga], [+canggih], [-terbuka], [-konflik lain]

8.3.1.2 Taktik Verbal

Selain taktik biasa, kaedah taktik verbal yang dilakukan menerusi bahasa seperti *amaran*, *andaian* dan *spekulasi* juga dilakukan dalam menguruskan konflik oleh pihak-pihak yang terlibat.

(a) amaran

Tindakan memberi peringatan dalam konflik dilakukan oleh pihak kerajaan melalui Menteri Dalam Negeri, dan pasukan keselamatan melalui Pesuruhjaya Polis Sabah (contoh 1 dan 2).

1. "Kita beri *amaran* kepada kumpulan penceroboh supaya segera meletakkan senjata dan keluar dari lokasi persembunyian mereka," katanya.(Menteri dalam Negeri)
2. Menurut beliau (Pesuruhjaya Polis Sabah), tindakan drastik akan diambil terhadap kumpulan yang menggelarkan diri mereka sebagai Tentera Diraja Kesultanan Sulu itu sekiranya masih enggan mematuhi *amaran* itu.

Bagi menguruskan konflik, kerajaan dan pasukan keselamatan telah memberikan *amaran* kepada pihak penceroboh [+sehala] supaya mematuhi arahan untuk meletakkan senjata dan keluar dari tempat persembunyian [+sasaran/sebab khusus], dinyatakan dalam akhbar dan siaran media massa secara umum [+terbuka]. *Amaran* tersebut telah mencetuskan reaksi menentang [+konflik lain], sama ada dalam bentuk tindak balas tanpa senjata seperti sikap berdegil ataupun secara bersenjata yang dizahirkan melalui serang hendap dan menyebabkan berlakunya pertempuran.

(b) spekulasi

Spekulasi yang bermaksud mengeluarkan pandangan mengenai sesuatu yang telah atau akan terjadi tanpa mengetahui keseluruhan fakta yang berkait dengannya (*OED, 2018*). *Spekulasi* dinyatakan dan disebarkan secara terbuka dan dikaitkan sebagai tindakan yang tidak bertanggungjawab dan tidak diketahui pelakunya. Contoh 3 dan 4 menunjukkan *spekulasi* dalam konflik dilakukan oleh pelbagai pihak termasuk media asing.

3. "Terdapat penyebaran pelbagai *spekulasi* dan maklumat palsu tentang kejadian ini. Sebarang *spekulasi* termasuk daripada media asing merupakan tindakan tidak bertanggungjawab. (Menteri Dalam Negeri).

4. Berhubung *spekulasi* mengatakan terdapat pemimpin kumpulan penceroboh yang terbunuh dalam insiden itu, Najib berkata: "Mayat itu kita kena kenal pasti dahulu, setakat ini kita belum buat pengesahan".

Tindakan *spekulasi* ini berlaku dengan fakta dan juga tanpa fakta [+/-intelektual], tidak mempunyai kepastian [+tidak pasti], dengan tujuan yang tertentu [+sasaran/sebab khusus], dinyatakan dalam akhbar [+terbuka], dan boleh menyebabkan timbulnya isu atau pertikaian yang baru [+konflik lain].

Jadual 8.3: Komponen makna hipernim Taktik verbal

	sasaran/ sebab khusus	sehala	inisiat if sendir i	pihak ketiga	canggih	ke- nyari- ngan	terbuka	intelektual	konflik lain
amaran	+	+	+	-	+	-	+	-	-
spekulasi	+	+	+	-	+	-	+	+/-	-

Komponen makna leksikal:

amaran [+peringatan], [+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+canggih], [+terbuka], [+konflik lain]

spekulasi [+sasaran/sebab khusus], [+tidak pasti], [+sehala], [+canggih], [+terbuka], [+/-intelektual], [+konflik lain]

8.3.1.3 Sikap

Sikap pihak-pihak yang terlibat dalam konflik juga memainkan peranan dalam pengurusan konflik [+inisiatif sendiri]. Sikap yang berkenaan ialah *berdegil* dan *bertenang*.

(a) berdegil

Sikap degil yang ditunjukkan oleh penceroboh [+inisiatif sendiri], [+sehala] telah menggagalkan usaha untuk meredakan konflik (contoh 1-2). Berdegil dilakukan oleh penceroboh [+inisiatif sendiri], sebagai tindak balas kepada amaran supaya berundur dan meninggalkan kawasan yang dicerobohi, yang diberikan oleh kerajaan Malaysia dan juga oleh Presiden Filipina. Sikap degil mereka menyebabkan tindakan ketenteraan bakal diambil oleh kerajaan Malaysia [+konflik lain].

1. Kumpulan tersebut sehingga kini tetap *berdegil* enggan meninggalkan Kampung Tanduo walaupun pihak berkuasa memberi tempoh akhir untuk berbuat demikian sehingga esok atau berdepan tindakan ketenteraan.

2. Semalam Sultan Sulu, Jamalul Kiram III yang bertanggungjawab mengarah adiknya, Raja Muda Azzumudie mengetuai pencerobohan di Kampung Tanduo tetap *berdegil* tidak mahu keluar atau menyerah diri. Kiram membuat kenyataan tersebut beberapa jam selepas Presiden Filipina, Benigno Aquino III memberi amaran supaya kumpulannya berundur dari Sabah, hari ini.

(b) bertenang

Konflik juga dapat diredakan dengan tindakan *bertenang* oleh penduduk [+inisiatif sendiri].

Bertenang bermaksud mengerjakan sesuatu dengan tenang (tidak terburu-buru, tidak tergesa-gesa) (KD4, 2005). Dalam konflik ini, pihak kerajaan meminta penduduk kampung dan rakyat Sabah yang merupakan masyarakat yang terlibat secara langsung dengan konflik supaya *bertenang* agar usaha untuk menyelesaikan konflik dapat dilakukan (contoh 3 dan 4).

Tindakan *bertenang* juga disertai dengan sikap bersabar dan tidak panik dan tidak mencetuskan konflik yang lain [-konflik lain].

3. Lebih 50 penduduk dari Kampung Tanduo yang kini tinggal di sekitar Tanjung Labian, Tungku berikutan insiden pencerobohan kumpulan bersenjata yang mendakwa sebagai Tentera Diraja Kesultanan Sulu ke kampung itu sejak Selasa lalu diminta *bertenang* dan bersabar sehingga masalah tersebut diselesaikan dengan kadar segera.

4. Rakyat di Sabah diminta *bertenang* dan tidak panik kerana serangan pasukan keselamatan terhadap kumpulan penceroboh bersenjata hanya dilakukan di Kampung Tanduo dekat sini.

Jadual 8.4: Komponen makna hipernim Sikap

	sasaran/ sebab khusus	sehalah	inisiatif sendiri	pihak ketiga	canggih	kenyaringan	terbuka	intelektual	konflik lain
berdegil	+	+	+	-	-	-	+	-	+
bertenang	+	+	+	-	+	-	+	-	-

Komponen makna leksikal:

berdegil	[+sasaran/ sebab khusus], [+sehala], [+inisiatif sendiri], [+canggih], [-kenyaringan], [+terbuka], [+konflik lain]
bertenang	[+sasaran/ sebab khusus], [+sehala], [+inisiatif sendiri], [+canggih], [-kenyaringan], [+terbuka], [-konflik lain]

Antara dua sikap ini, tindakan *berdegil* penceroboh menyebabkan konflik tidak dapat diredakan buat sementara waktu, malah tindakan ketenteraan mungkin terpaksa diambil untuk menyelesaikan konflik. Sebaliknya, sikap *bertenang* penduduk memudahkan lagi usaha untuk menguruskan konflik.

8.3.1.4 Tindakan

Selain taktik, taktik verbal dan sikap, konflik juga diuruskan melalui pelbagai bentuk tindakan pengurusan konflik. Tindakan tersebut ialah pura-pura, perketatkan kawalan, siasat, pantau, elak, berkas dan operasi.

(a) sandiwara

Kaedah pura-pura dilakukan menerusi tindakan *sandiwara*. Tindakan ini digunakan oleh penceroboh [+inisiatif sendiri][+sehala] sebagai muslihat untuk melengah-lengahkan masa bagi menjaga kepentingannya dalam konflik (contoh 1). Setelah gagal dalam mencapai persepakatan gencatan senjata, penceroboh berpura-pura mempunyai tawanan untuk ditukarkan. Sandiwara mempunyai tawanan ini digunakan oleh penceroboh sebagai strategi untuk melengah-lengahkan masa sebelum tempoh yang diberikan oleh pasukan keselamatan negara untuk menyerah diri tamat.

Selain sebagai kaedah memperpanjang masa, *sandiwara* juga digunakan sebagai senjata verbal untuk menyerang pihak lain dalam konflik. Dalam hal ini, pihak pembangkang menyifatkan konflik yang tercetus merupakan *sandiwara* dan perancangan pihak UMNO, seperti yang diungkapkan oleh contoh 2. Bagaimanapun tindakan *sandiwara* ini hanya mencetuskan tindak balas dalam bentuk laporan polis dan luahan rasa amat marah oleh pelbagai pihak seperti pada contoh 1-3 [+konflik lain].

1. Jamalul Kiram III perlu menghentikan *sandiwaranya* untuk melengah-lengahkan masa. Gagal menembusi percaturan gencatan senjata, beliau beralih kepada pertukaran tawanan apabila mendakwa memiliki empat tawanan walaupun dakwaan itu dinafikan pihak keselamatan Malaysia.
2. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Minda Pondok bersama guru al-Quran Parlimen Kubang Kerian hari ini membuat laporan polis terhadap Ahli Parlimen Batu, Tian Chua berhubung insiden Lahad Datu yang didakwa sebagai *sandiwara* dan *konspirasi* UMNO.
3. “Kita amat marah dan terkilan dengan tuduhan bahawa ini semua adalah *sandiwara* Umno. Wanita Umno ingatkan Tian Chua, kerana pulut santan binasa kerana mulut badan binasa. Ini melibatkan nyawa rakyat dan ketenteraman awam, Umno mahupun BN bukan seperti mereka yang sanggup mempertaruhkan nyawa rakyat demi kepentingan peribadi,” tegas beliau.

Dalam konflik Lahad Datu, *sandiwara* boleh digunakan sebagai tindakan pengurusan konflik bahasa mahupun tindakan tanpa bahasa, bergantung kepada pihak yang menggunakannya. Tindakan *sandiwara* dengan bahasa (contoh 2-3) mencetuskan ketegangan verbal dan juga konflik yang lain. Tindakan tanpa bahasa (contoh 1) tidak mencetuskan ketegangan verbal sebaliknya mencetuskan konflik lain dalam bentuk tindakan fizikal [+konflik lain].

(b) perketatkan kawalan

Pihak berkuasa Malaysia juga melakukan tindakan *memperketatkan* kawalan bagi meredakan konflik. Tindakan ini dibuat oleh Jabatan Imigresen ke atas semua pintu masuk ke daerah konflik (contoh 4). Pihak Angkatan Tentera Malaysia juga bertindak *memperketatkan*

kawalan di perairan sempadan negara (contoh 5). Tindakan ini dilaksanakan oleh kedua-dua jabatan [+pihak ketiga] sebagai langkah untuk membendung konflik [+sasaran/sebab khusus].

4. Jabatan Imigresen akan mengambil pendekatan strategik dalam usaha mengawal dan *memperketatkan* keselamatan di semua pintu masuk khususnya di daerah ini.

5. Zulkifeli (PAT) berkata, pihaknya sudah *memperketatkan* kawalan termasuk di perairan yang bersempadan dengan selatan Filipina bagi mengelak sebarang cubaan pencerobohan oleh kumpulan berkenaan.

(c) siasat

Tindakan *siasat* juga dilaksanakan dalam mengurus konflik. Contoh 6 menunjukkan pihak polis melakukan penyelidikan dengan *menyiasat* kumpulan penceroboh dan individu yang telah ditahan, bagi menyelesaikan konflik. Kaedah *soal siasat* juga digunakan untuk melaksanakan tindakan ini (contoh 7).

6. "Kita akan *siasat* kumpulan ini untuk mengetahui motif sebenar mereka berada di situ," ujarnya. (KPN)

7. "Sebanyak 38 individu tersebut *disoal siasat* sehingga pukul 8 malam tadi.

(i) menyiasat

Selain usaha siasatan oleh pihak berkuasa [+pihak ketiga] (contoh 9), kerajaan Malaysia juga mempertimbangkan untuk membuka kertas putih atau membentuk Suruhanjaya Diraja bagi melaksanakan siasatan. Fokus pihak polis menyiasat adalah untuk mengetahui kaitan antara penceroboh dengan tebusan rakyat tempatan (contoh 9) manakala Suruhanjaya Diraja dan kertas putih memberi tumpuan kepada siasatan dalam skop yang lebih luas, iaitu ada atau tiadanya dalang dalam konflik ini (contoh 8).

8. Malaysia tidak menolak kemungkinan menubuhkan Suruhanjaya Diraja (RCI) atau membuka kertas putih bagi *menyiasat* dakwaan kemungkinan ada pihak yang menjadi dalang di sebalik insiden pencerobohan di Lahad Datu.

9. Timbalan Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Tan Kok Liang berkata pihak polis kini masih *menyiasat* sama ada terdapat kaitan kumpulan penjenayah Kiram dalam kejadian seorang suri rumah yang mendakwa menjadi tebusan empat lelaki di rumahnya di Kembara Sakti, Felda Sahabat 43 di sini kelmarin.

(ii) *disiasat*

Dalam konflik, individu yang ditahan akan disiasat (contoh 10) dan kenyataan Presiden Filipina dan perisik negara itu bahawa ada pihak yang berkomplot dengan penceroboh, dijadikan perkara yang *disiasat* (contoh 11). bagi mencari jalan untuk menyelesaikan konflik.

10. Selain itu, beliau berkata, 79 orang yang ditahan di beberapa kawasan di pantai timur Sabah kini *disiasat* mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) bagi mengesahkan penglibatan mereka dengan kumpulan penceroboh berkenaan.

11. "Berdasarkan kenyataan Presiden Filipina, Benigno Aquino dan perisik negara itu, ada pihak tertentu terlibat sebagai komplot (kepada Jamalul Kiram III) dan bagi kita perkara ini yang perlu *disiasat* secara rapi oleh pihak berkuasa". (MP Batu Pahat)

(iii) *siasatan*

Dalam konteks konflik, proses menyiasat yang dilakukan membolehkan butiran mengenai individu tertentu dalam konflik dapat diketahui (contoh 12). Hasil daripada proses *siasatan* juga dapat mengesahkan identiti mangsa peristiwa konflik sama ada mangsa ialah Azzumuddie Kiram atau individu yang lain (contoh 13).

12. "Penceroboh itu bersenjata M-16 dan membawa pelancar roket," katanya (PPSabah) sambil memberitahu bahawa *siasatan* mendapati lelaki itu berbangsa Sulu dan berumur dalam lingkungan 60-an.

13. Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, pihaknya masih belum mengesahkan sama ada mangsa merupakan Azzumuddie Kiram dan *siasatan* masih diteruskan.

Tindakan *siasat* merupakan tindakan sebelah pihak oleh pihak berkuasa [+pihak ketiga] untuk mencapai tujuan tertentu [+sasaran/sebab khusus] dan melibatkan fakta dan pemikiran bagi mencapai matlamat siasatan [+intelektual]. Siasat membolehkan pelbagai persoalan berkaitan konflik dapat dijawab, tidak menyebabkan berlakunya konflik lain dan dilaksanakan secara tertutup [-konflik lain][-terbuka].

(d) risik

Risik merupakan tindakan menyiasat secara sembunyi-sembunyi [-terbuka] oleh pihak pasukan keselamatan bagi mengetahui rancangan kumpulan musuh untuk menyerang lokasi tertentu (contoh 14), untuk mengetahui pembabitian pemimpin pembangkang dalam peristiwa pencerobohan (contoh 15) dan untuk mengetahui pergerakan pemimpin kumpulan musuh (contoh 16) [+sasaran/sebab khusus].

14. Pada masa yang sama, arahan berjaga-jaga ‘peringkat kedua’ sudah dikeluarkan ke atas Balai Polis Lahad Datu kerana bahagian risikan mendapat maklumat bahawa balai itu antara sasaran serangan seterusnya kumpulan tersebut.

15. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan pihak berkuasa terutama pihak risikan menyiasat dakwaan bahawa ada pemimpin pembangkang terlibat dengan insiden pencerobohan di Lahad Datu, Sabah.

16. Jumaat lepas, Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zain dan Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar dipetik sebagai berkata bahawa berdasarkan risikan, Azzumudie Kiram dipercayai telah melarikan diri ke Filipina.

(e) pantau

Tindakan memantau dilakukan oleh pihak polis [+pihak ketiga], untuk mengetahui kewujudan tali barut dalam kalangan rakyat [+sasaran/sebab khusus] (contoh 17).

17. Pengarah Jabatan Petugas Khas dan Anti Pengganas Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun, berkata pihaknya kini memantau dari semua sudut bagi menyiasat sama ada terdapat rakyat yang terlibat menjadi tali barut pengganas.

Agensi Maritim Malaysia dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa lain di Malaysia, dan dengan pihak berkuasa Filipina melaksanakan pemantauan perairan di sekitar kawasan konflik [+pihak ketiga], sebagai usaha untuk mengawal konflik (contoh 18-19).

18. Maritim Malaysia tingkat *pemantauan* di perairan Lahad Datu

19. Mohd. Amdan (KP Maritim Malaysia) berkata, bagi memastikan keberkesanan *pemantauan* tersebut, Maritim Malaysia sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa lain di negara ini dan pihak berkuasa Filipina.

(f) berkas

Pengurusan konflik oleh pihak ketiga turut dilakukan melalui tindakan menangkap dengan kaedah *memberkas* yang bermaksud menangkap, menahan (KD4, 2005). Kedua-dua pihak berkuasa tentera darat dan polis membendung konflik dengan *memberkas* kumpulan penceroboh (contoh 20). Walaupun berupaya *memberkas* penceroboh pada bila-bila masa, kerajaan memilih jalan damai perundingan untuk menyelesaikan konflik sebelum langkah *memberkas* diambil bagi menangkap penceroboh (contoh 21). Oleh yang demikian, *memberkas* merupakan pilihan kedua pengurusan konflik setelah rundingan dengan penceroboh gagal.

20. "Pada saat-saat saya sedang berucap ini, pasukan tentera darat dan anggota polis dalam kereta perisai dengan anggota yang mengikuti di belakang kereta perisai sedang melakukan tindakan *memberkas* dan menumpaskan kumpulan yang melanggar kedaulatan negara," katanya (PM) pada majlis Perhimpunan Perdana Ulama-Umara Asnaf di Stadium Putra Bukit Jalil, di sini hari ini.

21. "Dari segi kekuatan, kuasa tempur kita adalah lebih dari cukup untuk *memberkas* mereka, tetapi kerajaan memilih jalan untuk buat perundingan dengan mereka supaya mereka keluar dengan aman balik ke Selatan Filipina," katanya (PM).

(g) elak

Mengelak bermaksud menghindarkan diri (daripada terkena pukulan dan lain-lain) dan melarikan diri daripada mengerjakan sesuatu (KD4, 2005). Tindakan *mengelakkan* berlakunya pertumpahan darah dalam konflik dilaksanakan dengan mengadakan rundingan dan kawalan oleh pasukan keselamatan negara (contoh 22-23). Oleh yang demikian, tindakan elak merupakan tindakan sebelah pihak [+sehala] yang dilakukan melalui kawalan keselamatan [+pihak ketiga] dan rundingan dengan penceroboh [-sehala].

22. Kerajaan melalui pasukan keselamatan akan membuat rundingan dengan sekumpulan lelaki warga asing berpakaian ala tentera yang cuba penceroboh masuk perairan Lahad Datu bagi *mengelakkan* berlakunya pertumpahan darah.

23. Pihak keselamatan Malaysia telah mengawal ketat kawasan tersebut dan dilapor sedang berunding dengan kumpulan bersenjata itu untuk *mengelakkan* berlakunya pertempuran antara kedua-dua pihak.

(h) operasi

Operasi bermaksud gerakan tentera, polis, dan lain-lain gerakan yang seumpamanya (KD4, 2005). *Operasi* merupakan tindakan ketenteraan yang dilaksanakan oleh pasukan keselamatan [+pihak ketiga], dicirikan oleh perancangan yang rapi [+intelektual] dan mempunyai kemungkinan tercetusnya pertempuran dan suasana tegang [+konflik lain][+kenyaringan]. Dalam konflik, operasi dilaksanakan oleh pihak berkuasa bagi mengawasi kumpulan penceroboh, mengawal keadaan konflik dan untuk memburu penceroboh sehingga mereka meletakkan senjata dan menyerah [+sasaran/sebab khusus] (contoh 24-25).

24. Menurut Khalid (Timbalan KPN), pada masa ini pihak berkuasa masih menjalankan *operasi* seperti biasa dan dalam keadaan terkawal.

25. Perdana menteri berkata, *operasi* bagi memburu kumpulan penceroboh militan itu akan diteruskan sehingga mereka meletak senjata.

Jadual 8.5: Komponen makna hipernim Tindakan

	sasaran/ sebab khusus	sehala	bahasa	tubuh badan	canggih	ke- nyaringan	terbuka	intelektual	konflik lain
sandiwara	+	+	-/+	+	+	+	-	-	+
perketat	+	+	-	-	+	-	-	-	-
siasat	+	+	-	-	+	-	-	+	-
risik	+	+	-	-	+	-	-	+	-
pantau	+	+	-	-	+	-	-	-	-
berkas	+	+	-	+	-	+	-	-	-
elak	+	+	-	-	+	-	-	-	-
operasi	+	+	-	+	-	+	+	-	-/+

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

sandiwara	[+sasaran/sebab khusus], [+/-bahasa], [+sehala], [+canggih], [-kenyaringan], [+terbuka], [+konflik lain]
perketat	[+sasaran/sebab khusus], [+sehala], [+canggih], [-kenyaringan], [-terbuka], [-konflik lain]
siasat	[+sasaran/sebab khusus], [+/-bahasa], [+sehala], [+canggih], [-kenyaringan], [+terbuka], [+konflik lain]
risik	[+sasaran/sebab khusus], [+/-bahasa], [+sehala], [+canggih], [-kenyaringan], [-terbuka], [-konflik lain]
pantau	[+sasaran/sebab khusus], [-bahasa], [+sehala], [+canggih], [-kenyaringan], [-terbuka], [-konflik lain]
berkas	[+sasaran/sebab khusus], [-bahasa], [+sehala], [-canggih], [+kenyaringan], [-terbuka], [-konflik lain]
elak	[+sasaran/sebab khusus], [-bahasa], [+sehala], [+canggih], [-kenyaringan], [-terbuka], [-konflik lain]

operasi [+sasaran/sebab khusus], [-bahasa], [+sehala], [-canggih],
 [+kenyaringan], [+terbuka], [+/-konflik lain]

8.4 Penyelesaian konflik

Kata leksikal penyelesaian konflik yang disenaraikan daripada analisis kata kunci konflik, seperti dalam Jadual 8.1 di bawah:

Jadual 8.6: Senarai kata leksikal penyelesaian konflik

Kata nama	Kata kerja
<i>gencatan senjata</i>	<i>melarikan (diri)</i>
<i>rundingan</i>	<i>serah diri</i>
<i>pengusiran</i>	<i>berundur</i>
<i>ekstradisi</i>	<i>mengusir</i>
	<i>ditumpaskan</i>
	<i>membanteras</i>
	<i>menahan</i>
	<i>mengekstradisi</i>
	<i>banteras</i>

8.4.1 Konsep-konsep penyelesaian konflik

Daripada korpus kajian, kaedah penyelesaian konflik didapati dilaksanakan melalui hipernim sehala, dua hala, damai kekal, damai sementara/kekal dan pemutus seperti yang berikut:

8.4.1.1 Sehala: *serah diri, mengusir, pengusiran, melarikan diri, berundur*

8.4.1.2 Dua hala: *berunding, rundingan, ekstradisi, mengekstradisi, gencatan senjata*

8.4.1.3 Damai sementara/kekal: *gencatan senjata*

8.4.1.4 Pemutus: *ditumpaskan, membanteras, menahan*

8.4.1.1 Sehala

Tindakan *serah diri, usir* dan *melarikan diri* digunakan untuk menyelesaikan konflik secara sebelah pihak [+sehala] yang dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkonflik [+inisiatif sendiri].

(a) serah diri

Inisiatif penyelesaian konflik sebelah pihak diungkapkan oleh kata leksikal *serah diri* dan *berundur* yang dicirikan oleh komponen makna [+sehala] yang berlaku dalam dua keadaan, iaitu (i). tindakan menyerah secara sukarela oleh pihak penceroboh (contoh 1 dan 2), dan (ii). permintaan supaya menyerah diri oleh pihak berkuasa Malaysia [+pihak ketiga] bagi membendung konflik daripada menjadi lebih teruk dan berlarutan (contoh 3). Permintaan serah diri oleh pihak berkuasa keselamatan kepada pihak musuh (penceroboh) dikeluarkan melalui media massa dan risalah yang diedarkan [+terbuka].

1. Tak boleh tipu kata nak *serah diri* kemudian lepaskan tembakan sehingga anggota kita terkorban," kata Najib selepas memberi penghormatan negara terhadap dua anggota Komando VAT 69 yang terkorban dalam pertempuran dengan kumpulan penceroboh itu.
2. Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, berkata dalam situasi sekarang ini elok mereka *serah diri* dan meletakkan senjata.
3. Risalah bahasa Suluk minta penceroboh *serah diri*.

(b) usir

Kaedah *usir* melalui tindakan ketenteraan juga digunakan untuk menghalau penceroboh.

(i) mengusir

Mengusir bermaksud mengikut, memburu, mengejar dan menyuruh pergi dengan paksa, menghalau (KD4, 2005). Bagaimanapun, tindakan *mengusir* didahului oleh tindakan penyelesaian sukarela [+inisiatif sendiri], iaitu rundingan oleh kerajaan Malaysia (contoh 4). Oleh yang demikian, langkah *mengusir* penceroboh merupakan tindakan penyelesaian konflik lanjutan setelah rundingan tidak mencapai hasil yang diharapkan. Tindakan *mengusir* juga memerlukan suatu perancangan yang rapi bagi memastikannya dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana bilangan penceroboh yang ramai [+intelektual] (contoh 5).

4. Hasbi (MP Limbang) berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan melakukan yang terbaik termasuk melalui perundingan bagi menangani isu pencerobohan tersebut sebelum *mengusir* mereka keluar dari kawasan itu.

5. Pasukan keselamatan memerlukan masa yang sesuai bagi *mengusir* kumpulan penceroboh bersenjata di Kampung Tanduo, dekat sini, memandangkan kumpulan berkenaan bukanlah satu jumlah yang kecil, kata Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib.

(ii) pengusiran

Dalam konflik, proses mengusir dilakukan mengikut landasan undang-undang negara [+undang-undang] (contoh 6). Kerajaan juga mengamalkan tolak ansur dalam melaksanakan tindakan *pengusiran* dengan memberikan pelanjutan tempoh berundur bagi memberi peluang yang lebih lama kepada kumpulan penceroboh untuk berundur dan keluar dari negara ini secara sukarela (contoh 7).

6. "Tindakan penahanan dan *pengusiran* itu dilakukan bukan kerana kuasa Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Alias Ahmad atau saya (Menteri Dalam Negeri) tetapi undang-undang Malaysia.

7. Malaysia melanjutkan tempoh *pengusiran* kumpulan penceroboh dari selatan Filipina di Kampung Tanduo, dekat sini, sehingga hari ini.

Tindakan *mengusir* pula merupakan langkah lanjut setelah kaedah rundingan gagal mencapai kata sepakat dan dilaksanakan oleh pasukan keselamatan [+pihak ketiga], namun mempunyai kemungkinan akan mencetuskan konflik lain dalam bentuk penentangan bersenjata oleh penceroboh [+konflik lain], dan memerlukan perancangan masa yang tepat [+intelektual].

(c) **melarikan diri**

Melarikan diri merupakan frasa yang digunakan untuk menunjukkan tindakan menyelamatkan diri daripada bahaya tindakan berkonflik. Ia bermaksud melepaskan diri daripada sesuatu atau daripada terpaksa melakukan sesuatu, dan melepaskan diri daripada (bahaya, tahanan, dan lain-lain), atau menghilangkan diri (KD4, 2005). Untuk mengelakkan daripada terbunuh, pihak penceroboh bertindak melarikan diri [+inisiatif sendiri], [+sehalu], [-terbuka] ke kawasan kampung berdekatan apabila terdedah kepada risiko ditembak oleh pasukan keselamatan, seperti dalam contoh 8-9.

8. Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin berkata, tentera terlatih daripada pihak musuh itu dipercayai telah mati ditembak atau *melarikan diri*.

9. Musa, yang mengetuai kumpulan pengganas Sulu dikatakan *melarikan diri* dari Kampung Tanduo dan memasuki Kampung Tanjung Batu sebelum terbunuh dalam pertempuran yang turut menyaksikan 31 pengganas Sulu maut.

(d) **undur**

Berundur yang bermaksud berjalan ke belakang, surut ke belakang, pergi menjauhkan diri (dari), menghindar (dari), dan pergi dari sesuatu tempat (KD4, 2005). Dalam konflik yang

dikaji, tindakan *undur* tidak dilakukan oleh pihak penceroboh secara sukarela [-inisiatif sendiri]. Sebaliknya *berundur* dalam konteks konflik merupakan perintah dan kata amaran oleh kerajaan Filipina (Aquino) (contoh 10) dan kerajaan Malaysia (contoh 11) kepada penceroboh [+pihak ketiga]. Bagaimanapun, amaran pemimpin negara mereka itu tidak diendahkan malah mensia-siakan tempoh supaya *berundur* yang telah diberikan oleh pasukan keselamatan Malaysia, yang menandakan kegagalan usaha untuk menyelesaikan konflik.

10. Beliau (Aquino) memberi amaran bahawa kumpulan itu bakal berdepan kejadian yang tidak diingini dan tindakan undang-undang jika mereka enggan *berundur*.

11. Kira-kira 100 anggota kumpulan Sulu sebelum ini bertegas untuk berkubu di Kampung Tanduo, namun mereka diberi tempoh sehingga hari ini untuk *berundur*.

Jadual 8.7: Komponen makna penyelesaian Sehalu

	sasaran / sebab khusus	sehalu	inisiatif sendiri	pihak ketiga	canggih	kenyaringan	terbuka	intelektual	konflik lain
serah diri	+	+	+	+	+	-	+	-	-
usir	+	+	-	+	-	+	+	+	-/+
melarikan diri	+	+	+	-	-	+	-	-	-
berundur	+	+	+	-	+	-	-	-	-

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

serah diri [+sasaran/ sebab khusus], [+sehalu], [+inisiatif sendiri], [+pihak ketiga], [+canggih], [-kenyaringan], [+terbuka], [-intelektual], [-konflik lain]

usir [+sasaran/ sebab khusus], [+sehalu], [+inisiatif sendiri], [+pihak ketiga], [+canggih], [-kenyaringan], [+terbuka], [-intelektual], [-konflik lain]

melarikan diri [+sasaran/ sebab khusus], [+sehalu], [+inisiatif sendiri], [-pihak ketiga], [+canggih], [+kenyaringan], [+terbuka], [-intelektual], [-konflik lain]

berundur [+sasaran/ sebab khusus], [+sehala], [+inisiatif sendiri], [-pihak ketiga], [+canggih], [+kenyaringan], [+terbuka], [-intelektual], [-konflik lain]

8.4.1.2 Dua hala

Dalam konflik Lahad Datu, tindakan dua belah pihak [-sehala] dilaksanakan melalui *runding*, *ekstradisi* dan *gencatan senjata*.

(a) *runding*

Penyelesaian konflik dua hala merupakan tindakan berkompromi oleh kedua-dua belah pihak yang berkonflik [+inisiatif sendiri], diungkapkan oleh *berunding* dan *rundingan* yang dicirikan oleh komponen makna [-sehala]. Dalam konflik, *berunding* berlaku dalam dua keadaan. Pertama, tindakan *berunding* bersyarat antara Kerajaan Filipina (Aquino) dengan Kiram (contoh 1). Kedua, tindakan *runding* yang gagal apabila pihak penceroboh sendiri memulakan serangan ke atas pasukan keselamatan negara walaupun proses *berunding* sedang berlangsung dalam tempoh hampir tiga minggu [+konflik lain] (contoh 2).

1. Lacierda (jurucakap Aquino) turut menegaskan bahawa Aquino hanya bersedia *berunding* dengan Kiram selepas kesemua pengikutnya meninggalkan Sabah.
2. Semalam, selepas hampir tiga minggu *berunding*, kumpulan penceroboh bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu memulakan serangan ke atas pasukan keselamatan Malaysia hingga menyebabkan dua anggota komando VAT 69 terkorban manakala tiga lagi cedera.

Bagaimanapun, kedua-dua *rundingan* yang berlaku antara pasukan keselamatan dengan penceroboh tidak berjaya menyelesaikan konflik (contoh 3-4). Pihak penceroboh masih mengambil sikap tidak memberi maklum balas walaupun *rundingan* dan amaran telah diberikan oleh pasukan keselamatan [+konflik lain].

3. Pihak polis telah mengadakan pertemuan dan *rundingan* dengan harapan penceroboh akan bersetuju keluar dengan aman tanpa dikenakan sebarang tindakan undang-undang yang serius.

4. Menurut beliau, *rundingan* yang telah dijalankan serta amaran diberi kepada kumpulan pengganas itu tidak menunjukkan sebarang respon sehingga menyebabkan kesabaran pasukan keselamatan tercabar.

(b) ekstradisi

Ekstradisi merupakan tindakan pemutus yang dilaksanakan mengikut peraturan [+undang-undang]. Ia bermaksud pengembalian penjenayah oleh sesebuah negara ke negara yang menjadi lokasi jenayah dilakukan atas permintaan negara berkenaan supaya penjenayah tersebut dapat dibicarakan (KD4, 2005). Tindakan *ekstradisi* dalam konflik masih pada peringkat persiapan, iaitu mengkaji peruntukan undang-undang berkaitan *ekstradisi* (contoh 5) dan mengumpulkan bukti untuk menyokong rancangan kerajaan Malaysia untuk *mengekstradisi* Azzimudie, ketua penceroboh ke negara ini (contoh 6).

5. Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pegawai Kanan Polis Bersara (Respa) Datuk Mohamad Jamil Mohamad Hassan bersetuju supaya peruntukan undang-undang antarabangsa dikaji, terutama yang melibatkan soal *ekstradisi*.

6. “Jadi, kita akan kumpulkan bukti, seterusnya menggunakan saluran perundangan untuk kita *ekstradisi* Azzimudie bagi menghadapi pertuduhan di negara kita,” katanya (PPSabah) pada sidang akhbar di Felda Sahabat, dekat sini kelmarin.

Tindakan undang-undang *mengekstradisi* yang disuarakan oleh pasukan keselamatan [+pihak ketiga], [+pemutus/arbiter], masih pada peringkat awal melibatkan dua pihak [-sehala], Tindakan tersebut akan dikenakan ke atas dua individu penting di dalam kumpulan pemberontak, iaitu Azzimudie Kiram atau Agbimuddin, dan Jamalul Kiram, yang mendakwa dirinya 'Sultan Sulu' untuk dibicarakan di negara ini (contoh 7-8).

7. Pihak keselamatan negara akan mengumpulkan bukti yang cukup sebelum mencari kaedah *mengekstradisi* ketua pengganas dari Sulu, Azzimudie Kiram atau Agbimuddin dari Filipina dan dibicarakan di negara ini.

8. Beliau (Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM)) berkata, adalah wajar jika kerajaan memohon Filipina *mengekstradisi* Jamalul Kiram, yang mendakwa dirinya 'Sultan Sulu', untuk dibicarakan di mahkamah negara ini.

(c) gencatan senjata

Dalam konflik Lahad Datu, penyelesaian konflik dilakukan juga oleh tindakan pemberhentian melalui *gencatan senjata*. *Gencatan* berasal daripada kata *gencat* yang bermaksud macat, terhalang, terhenti (kemajuan, pekerjaan, dan lain-lain), dan bantut, kerdil (pokok, orang, dan lain-lain) (KD4, 2005). Dalam contoh 9, kedua-dua pihak, iaitu kerajaan Malaysia (Najib) dan kerajaan Filipina (Presiden Filipina) saling berhubung untuk menghentikan konflik yang sedang berlaku. Bagaimanapun usaha untuk mengadakan gencatan senjata dimungkirkan oleh penceroboh sehari selepas mereka mengumumkan gencatan senjata dengan menyerang dan membunuh anggota pasukan keselamatan (contoh 10).

9. Najib turut mengesahkan bahawa beliau telah dihubungi oleh Presiden Filipina, Benigno Aquino III berhubung *gencatan senjata* terbabit.

10. Menjawab pertanyaan wartawan stesen televisyen Filipina GMA 7 mengenai pasukan keselamatan mengambil kesempatan ke atas pengganas setelah Jamalul Kiram mengumumkan *gencatan senjata*, Hamza berkata pengganas terlebih dahulu menyerang dan membunuh dua anggota polis serta mencederakan tiga lagi dalam pertempuran di Kampung Tanduo, dekat sini 1 Mac lepas. "Kami tidak akan hormati kata Jamalul Kiram kerana pengikutnya menembak mati dua anggota polis, sedangkan sehari sebelum itu beliau umum *gencatan senjata*," katanya.

Ekoran daripada tindakan penceroboh tersebut (contoh 10), usaha dua hala [-sehala] untuk mencapai *gencatan senjata* dalam konflik ini gagal menjadi penyelesai kepada konflik [+konflik lain]. Tindakan penceroboh juga menunjukkan walaupun gencatan senjata telah dipersetujui, masih ada kemungkinan untuk berlaku lagi serangan dan pencabulan gencatan

senjata oleh pihak berkenaan [+/- konflik lain]. Oleh yang demikian, *gencatan senjata* bukanlah penyelesaian konflik yang kekal kesannya.

Jadual 8.8: Komponen makna penyelesaian Dua hala

	sasaran / sebab khusus	sehala	inisiatif sendiri	pihak ketiga	canggih	ke-nyaringan	terbuka	intelektual	konflik lain
berunding	+	-	+	-	+	-	-	+	-
ekstradisi	+	-	-	+	+	+	+	+	-
gencatan senjata	+	-	+	-	-	+	+	-	+/-

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

berunding	[+sasaran/ sebab khusus], [-sehala], [+inisiatif sendiri], [+canggih], [-kenyaringan], [-terbuka], [+intelektual], [-konflik lain]
ekstradisi	[+sasaran/ sebab khusus], [-sehala], [+pihak ketiga], [+canggih], [+kenyaringan], [+terbuka], [+intelektual], [-konflik lain]
gencatan senjata	[+sasaran/ sebab khusus], [-sehala], [+inisiatif sendiri], [-canggih], [+kenyaringan], [+terbuka], [-intelektual], [+/-konflik lain]

8.4.1.3 Damai sementara/kekal

Tindakan penyelesaian konflik juga boleh dikelompokkan kepada tindakan yang membolehkan perdamaian kekal dan perdamaian sementara. Data korpus kajian menunjukkan penyelesaian yang membolehkan keadaan damai sementara dan damai kekal ialah *gencatan senjata*. *Gencatan senjata* memberikan keadaan damai kekal selagi mana keputusan gencatan masih dipatuhi oleh kedua-dua belah pihak. Dalam konflik Lahad Datu,

gencatan senjata berubah menjadi tindakan damai sementara apabila penceroboh menembak mati anggota pasukan keselamatan negara sehari selepas gencatan diumumkan.

8.4.1.4 Tindakan

Tindakan penyelesaian oleh pihak ketiga yang bertindak sebagai pemutus/arbiter ialah *tumpaskan*, *banteras* dan *tahan*. Ketiga-tiga tindakan penyelesaian ini menggunakan cara ketenteraan, undang-undang dan gabungan kedua-duanya.

(a) tumpaskan

Kata *ditumpaskan* berasal dari kata tumpas yang bermaksud habis sama sekali, binasa, punah, kalah atau tewas dalam perlawanan (KD4, 2005). Pihak yang melakukan jenayah pencerobohan harus ditumpaskan bagi menyelesaikan konflik. Contoh 1 menunjukkan kumpulan bersenjata yang menceroboh dapat *ditumpaskan* oleh anggota pasukan keselamatan menerusi tindakan ketenteraan manakala contoh 2 menunjukkan pasukan keselamatan yang terdiri daripada polis dan tentera diberikan kuasa untuk bertindak menumpaskan pihak penceroboh bagi menyelesaikan konflik.

1. Sebaliknya, Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, berkata 19 anggotanya berada di kawasan berkenaan sehingga mereka diselamatkan kira-kira jam 7 petang semalam selepas kumpulan bersenjata *ditumpaskan* di perkampungan atas air terbabit.

2. "Mereka (polis dan tentera) diberi kuasa sepenuhnya untuk bertindak dan kumpulan ini mesti *ditumpaskan*."

(b) banteras

Langkah penyelesaian konflik yang seterusnya ialah *membanteras*. *Membanteras* bermaksud membasmi, menghapuskan, memerangi (KD4, 2005). Tindakan ini dilakukan oleh pihak

pasukan keselamatan kerajaan Malaysia (contoh 3) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (contoh 4) [+pihak ketiga]. Usaha yang menggabungkan tindakan ketenteraan dan undang-undang maritim yang sedia ada, disokong oleh penduduk tempatan (Etnik Suluk-Sabah) dan diperluas juga kepada penghapusan dan pembasmian kegiatan pelanun di perairan yang berhampiran dengan kawasan konflik (Felda Sahabat, Sabah) [+sehala], [+terbuka].

3. Mereka (Etnik Suluk Sabah-NGO) menentang sekeras-kerasnya dakwaan dan tuntutan pihak-pihak tertentu bahawa negeri Sabah ini adalah sebahagian negara jiran dan menyokong tindakan kerajaan Malaysia *membanteras* kumpulan itu.

4. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) akan membina sebuah pondok kawalan di Felda Sahabat bagi *membanteras* kegiatan pencerobohan dan pelanun di perairan kawasan itu.

(c) tahan

Tahan bermaksud penjara, kurung (KD4, 2005). Penahanan dilakukan untuk membolehkan langkah siasat, dakwa dan bicara dilakukan mengikut kesalahan. Penahanan dilakukan setelah terdapat bukti-bukti kukuh yang mewajarkan penahanan yang diperoleh daripada siasatan, dan dilaksanakan berdasarkan peruntukan undang-undang (contoh 5-6). Dalam kes konflik ini, penahanan dilakukan di bawah Seksyen 130 (C) Kanun Keseksan dan Akta SOSMA. Tindakan pemutus ini menggabungkan tindakan oleh pasukan keselamatan dan undang-undang negara yang sedang berkuat kuasa.

5. "Polis tidak akan *menahan* seseorang tanpa mempunyai bukti-bukti yang kukuh," katanya (KPN) kepada pemberita selepas mesyuarat tahunan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) di Bukit Aman, di sini hari ini.

6. Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah *menahan* sebanyak 85 orang di bawah Seksyen 130 (c) Kanun Keseksan yang dibaca bersama dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) ekoran pencerobohan kumpulan penganas Sulu baru-baru ini.

Jadual 8.9: Komponen makna penyelesaian melalui Tindakan

	sasaran/ sebab khusus	sehala	inisiatif sendiri	pihak ketiga	canggih	ke- nyarin gan	terbuka	intelektual	konflik lain
ditumpaskan	+	+	-	+	-	+	+	-	-
membanteras	+	+	-	+	-	-	+	-	-
tahan	+	+	-	+	-	+	+	+	-

Komponen makna leksikal bagi setiap hiponim:

ditumpaskan	[+sasaran/ sebab khusus], [+sehala], [-inisiatif sendiri], [+pemutus], [-canggih], [+kenyaringan], [+terbuka], [-intelektual], [-konflik lain], [+ketenteraan/polis]
membanteras	[+sasaran/ sebab khusus], [+sehala], [-inisiatif sendiri], [+pemutus], [-canggih], [-kenyaringan], [+terbuka], [-intelektual], [-konflik lain], [+undang-undang], [+ketenteraan/polis]
tahan	[+sasaran/ sebab khusus], [+sehala], [-inisiatif sendiri], [+pemutus], [-canggih], [+kenyaringan], [+terbuka], [+intelektual], [-konflik lain], [+ketenteraan/polis]

8.5 Perbincangan

Daripada analisis pengurusan konflik, pelbagai taktik, sikap dan tindakan telah dilakukan oleh pihak-pihak yang berkonflik mahupun pihak ketiga. Terdapat tindakan yang berjaya meredakan konflik seperti sikap *bertenang*, *perketat kawalan*, *siasat*, *risik*, *pantau*, *berkas*, *elak*, *jejak*, *kepung* dan *operasi*. Kesemua tindakan ini merupakan tindakan sebelah pihak [+sehala] [-konflik lain]. Selain daripada itu, terdapat juga tindakan-tindakan yang gagal membendung konflik yang berlaku malah mencetuskan pertentangan dan akibat yang lain. Tindakan menuduh pihak lain melakukan *konspirasi*, *bersandiwara*, *menakut-nakutkan*,

amaran, spekulasi dan *sikap degil* mencetuskan reaksi daripada masyarakat dan pihak lawan konflik [+konflik lain].


Tindakan penyelesaian konflik yang diambil oleh pihak-pihak yang berkonflik merangkumi tindakan *sehalu, dua hala, damai kekal/sementara* dan beberapa kaedah yang lain. Tindakan *serah diri, usir, melarikan diri, undur, tumpaskan, banteras* dan *tahan* merupakan langkah penyelesaian oleh sebelah pihak [+sehalu]. Penyelesaian secara *rundingan, ekstradisi*, dan *gencatan senjata* melibatkan kesanggupan untuk bekerjasama antara pihak-pihak yang terlibat. Penyelesaian secara *sehalu* lebih banyak dilakukan dan kesannya lebih baik berbanding penyelesaian *dua hala* yang memerlukan komitmen dua pihak yang berkonflik. Kesan lebih buruk lagi ialah sikap tidak jujur dan degil sebelah pihak yang menyebabkan langkah penyelesaian gagal dan mencetuskan konflik lain. Tindakan *tumpaskan, banteras* dan *tahan* oleh pihak berkuasa sebagai pemutus/arbiter juga berkesan dan membolehkan tindakan lanjut untuk menyelesaikan konflik seperti dakwaan dapat diambil. Tidak ada ungkapan yang menandakan tindakan penyelesaian oleh perantara dalam konflik ini.

Dalam aspek penyelesaian konflik, Asmah (2013:70) menyatakan bahawa dalam budaya Melayu, pengurusan dan penyelesaian konflik secara sukarela lebih banyak berlaku berbanding melalui pihak ketiga. Fakta ini menunjukkan pengendalian konflik dalam kalangan masyarakat Melayu secara keseluruhannya lebih menitikberatkan inisiatif individu atau pihak yang berkonflik dalam menyelesaikan pertikaian yang berlaku antara mereka. Dalam budaya Melayu, mereka yang mempunyai kesanggupan untuk memulakan penyelesaian konflik dirujuk sebagai pihak yang berhati bersih dan mempunyai ketinggian budi.

Dalam konteks pengurusan konflik Lahad Datu, kecenderungan ini masih dikekalkan melalui kata leksikal yang lebih banyak mengungkapkan inisiatif pihak yang berkonflik. Selain daripada inisiatif pihak yang berkonflik, pihak pemutus atau *arbiter* juga bertindak melaksanakan langkah penyelesaian konflik berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di wilayah konflik. Tindakan pemutus bersesuaian dengan konflik yang dikaji yang merupakan pertikaian mengenai isu antarabangsa, melibatkan penggunaan senjata dan memerlukan landasan perundangan dan sokongan pihak berkuasa keselamatan yang terdiri daripada polis dan tentera. Ciri-ciri tersebut pasti memberikan sedikit sebanyak perbezaan dengan konflik dalam batas kehidupan masyarakat Melayu secara umumnya.

8.6 Tipologi pengurusan dan penyelesaian konflik Lahad Datu

Daripada huraian dan analisis komponen makna yang dilakukan, pengurusan dan penyelesaian konflik Lahad Datu dapat dikategorikan berdasarkan komponen pembeza yang ditunjukkan oleh rajah di bawah:



Rajah 8.1: Tipologi pengurusan dan penyelesaian konflik Lahad Datu

8.7 Rumusan

Dengan menggunakan pendekatan analisis komponen makna, unsur-unsur leksikal yang terkandung di dalam teks laporan konflik dapat memberi gambaran dan kefahaman tentang konsep-konsep pengurusan dan penyelesaian konflik dengan teratur. Konsep-konsep ini terbentuk daripada persamaan dan perbezaan komponen-komponen makna setiap satu kata leksikal, yang menjadi asas pengkategorian tipologinya seperti pada Rajah 8.1 di atas.

Konflik menunjukkan aliran tindakan pengurusan konflik oleh Malaysia dimulakan dengan gesaan kepada rakyat setempat supaya bertenang menghadapi konflik yang berlaku. Dalam masa yang sama, pengurusan melalui kawalan dan pemantauan sempadan juga dilaksanakan sementara usaha untuk melakukan rundingan dan gencatan senjata oleh pihak Malaysia dijalankan. Apabila usaha berunding dan gencatan gagal mencapai kata sepakat dan angka korban anggota pasukan keselamatan negara semakin meningkat, tindakan penyelesaian konflik terpaksa dilakukan menerusi amaran, operasi ketenteraan, dan tindakan undang-undang. Langkah demi langkah tindakan pengurusan dan penyelesaian ini dilakukan secara berhati-hati dan teliti berdasarkan perkembangan semasa konflik untuk menjaga hubungan dan semangat ASEAN dengan negara Filipina yang merupakan negara kepada kumpulan penceroboh. Hal ini juga berkaitan dengan latar sejarah yang melatari konflik ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab 1 tesis ini.

BAB 9: PENGGAMBARAN KONFLIK DALAM WACANA

9.1 Pendahuluan

Seperti yang telah diuraikan dalam Bab 2, subjudul 2.5.1, pengalaman, pemikiran dan perasaan manusia hanya dapat diungkapkan dan diungkapkan melalui bahasa. Unsur-unsur dalam bahasa dirangkai antara satu sama lain dalam sistem leksiko-nahu sesuatu bahasa untuk mengungkapkan pengalaman, pemikiran dan perasaan yang ingin diungkapkan. Rangkaian unsur bahasa ini terdiri daripada unsur bahasa yang dipilih oleh pengguna atau penuturnya mengikut tujuan wacana yang diinginkannya, sama ada untuk mengungkapkan pengalaman, keinginan, perasaan, fikiran atau pernyataan tentang sesuatu. Dalam Teori Linguistik Sistemik-Fungsional (TLSF), pengungkapan ketiga-tiga pengalaman, pemikiran dan perasaan ini disebut sebagai Proses.

Setiap satu Proses yang berlaku dalam konflik dapat dijelaskan melalui analisis transitiviti, dan melibatkan tiga komponen utama, iaitu *Process*, *Participant* dan *Circumstances*. Proses merupakan kejadian atau peristiwa yang berlaku pada sesuatu masa yang tertentu, sebagai komponen pertama. Komponen kedua ialah pihak-pihak terlibat dalam sesuatu kejadian yang disebut sebagai *Participant*, Akhir sekali ialah komponen ketiga yang berkaitan dengan situasi dan sebab musabab berlakunya Proses, dan komponen ini disebut *Circumstances*. (Halliday & Mathiessen, 2014:221). Setiap satu komponen ini lazimnya diwakili oleh golongan kata atau kumpulan frasa yang berbeza. *Process* diwakili oleh kata kerja, *Participant* oleh kata nama dan *Circumstances* lazimnya diungkapkan oleh kata atau frasa

adverba dan frasa preposisi (Halliday & Mathiessen, 2014:222). Pembahagian ini telah diterangkan dalam Bab 4, subtajuk 4.6.2.

Bab ini membincangkan unsur-unsur bahasa yang membentuk sistem leksiko-nahu laporan konflik pada peringkat klausa yang menjadi asas analisis dan diluaskan kepada ayat dan perenggan teks berita konflik akhbar-akhbar yang dikaji. Gabungan unsur bahasa yang digunakan dapat memberikan tafsiran dan makna yang tertentu kepada pembaca. Kedudukan unsur bahasa dalam klausa merupakan gambaran tafsiran wartawan terhadap peristiwa atau kejadian konflik yang dilaporkan. Klausa terdiri daripada tema (*theme*) dan rema (*rheme*) yang mewujudkan mesej. Bahagian tema merupakan pemula mesej (*starting-point for the message*), manakala rema merupakan pelengkap yang menyempurnakan mesej yang dibawa oleh keseluruhan klausa (Halliday, 1994: 38). Tema yang diletakkan pada permulaan klausa berperanan sebagai pengemudi kepada klausa bagi menyampaikan mesej yang dikehendaki oleh pewacana (Halliday & Mathiessen, 2004:64). Dalam bab ini, setiap Proses diwakili oleh satu kata leksikal konflik untuk dianalisis.

9.2 Jenis-jenis Proses

Terdapat tiga kategori Proses yang utama, iaitu Proses Material, Proses Mental, dan Proses *Relational* (Halliday & Mathiessen, 2014: 215). Daripada tiga kategori ini, terbit tiga subkategori Proses, iaitu Proses *Behaviourial* yang terletak antara Proses Material dengan Mental, Proses Verbal yang terletak antara Proses Mental dengan *Relational*, dan Proses *Existential* yang merupakan gabungan antara Proses *Relational* dengan Proses Material (Halliday & Mathiessen: 300). Setiap satu Proses telah diterangkan dan dibincangkan dalam Bab 4, subtajuk 4.6.2.1.

9.3 Proses-proses dalam konflik Lahad Datu

Menurut Teori Sistemik-Fungsional, Proses dalam bahasa Inggeris diwujudkan oleh kelas kata kerja (Halliday & Mathiessen, 2004:169). Bagaimanapun, daripada analisis yang telah dilakukan kepada data kajian, kata kerja digunakan oleh Proses Jasmaniah (Material), Tingkah laku (*Behaviourial*), Verbal, Wujudiah (*Existential*) dan Proses Mental. Proses *Relational* pula menggunakan kata penghubung. Kata kerja yang digunakan untuk menggambarkan Proses Mental ialah kata kerja statif. Kata kerja statif merupakan kata kerja yang tidak menunjukkan adanya pergerakan tetapi menunjukkan keadaan (Asmah, 2008:109). Daripada senarai kata leksikal utama konflik, disenaraikan 40 kata yang mewakili pelbagai Proses yang berlaku dalam korpus kajian. Senarainya mengikut jenis Proses, seperti dalam Jadual 9.1 di bawah:

Jadual 9.1: Proses yang kerap berlaku dalam laporan berita konflik

Jasmaniah/ Material (kata kerja gerak dinamik)	Mental (kata kerja statif)	Kaitan/ <i>Relational</i>	Tingkah laku/ <i>Behaviorial</i>	Bahasa/ Verbal	Wujudiah/ <i>Existensial</i>
<i>mengepung</i>	<i>sedih</i>	<i>ialah</i>	<i>bertenang</i>	<i>menuduh</i>	<i>berlaku</i>
<i>menggempur</i>	<i>risau</i>	<i>adalah</i>		<i>berunding</i>	<i>ada</i>
<i>memberkas</i>	<i>bimbang</i>	<i>menunjuk- kan</i>		<i>menafikan /nafi</i>	
<i>menahan</i>		<i>merupa- kan</i>		<i>menghina</i>	
<i>menggeledah</i>				<i>kutuk</i>	
<i>menjejaki</i>				<i>memburuk- kan</i>	
<i>melarikan (diri)</i>				<i>memper- lekeh</i>	
<i>mengekstradisi</i>				<i>memper- lekehkan</i>	
<i>menceroboh</i>				<i>memper- senda</i>	
<i>ceroboh</i>					
<i>menumpaskan</i>					

Jasmaniah/ Material (kata kerja gerak dinamik)	Mental (kata kerja statif)	Kaitan/ <i>Relational</i>	Tingkah laku/ <i>Behaviorial</i>	Bahasa/ Verbal	Wujudiah/ <i>Existensial</i>
<i>berundur</i>					
<i>serah diri</i>					
<i>siasat</i>					
<i>menyiasat</i>					
<i>disiasat</i>					
<i>mengusir</i>					
<i>membanteras</i>					
<i>memperketatkan</i>					
<i>ditumpaskan</i>					
<i>mengelak</i>					

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa Proses Material merupakan Proses yang paling kerap ditemui dalam laporan konflik, diikuti oleh Proses Verbal, Relational, Mental, *Existential* dan Proses *Behaviourial*.

9.3.1 Pengungkapan Proses Material

Proses Material merupakan pernyataan bagi sesuatu kejadian, perubahan atau tindakan yang berlaku secara fizikal. Pernyataan ini mengungkapkan dua keadaan, iaitu:

- i. sesuatu perkara atau peristiwa yang berlaku (*happening*),
- ii. sesuatu tindakan yang dilakukan (*doing*).

(Halliday & Mathiessen, 2004:225).

Proses *doing* merupakan Proses aktif dengan adanya Pelaku kepada Proses yang menyebabkan Penerima atau Penderita (*Goal*) menerima akibat daripada peristiwa yang berlaku. Proses *happening* pula ialah Proses pasif di mana ada Pelaku tetapi tiada *Goal* bagi kejadian atau peristiwa yang berlaku. Keterangan keadaan, tempat atau masa

(*Circumstances*) boleh wujud dalam kedua-dua klausa aktif dan pasif. Kedua-dua klausa aktif dan pasif inilah yang menerbitkan konsep transitiviti, yang menjadi asas dalam analisis ini.

Dengan kata lain, hasil atau *outcome* daripada Proses *happening* hanya melibatkan Pelaku (*Actor*) manakala Proses *doing* memanjangkan akibat atau hasil daripada tindakan Pelaku (*Actor*) kepada Penerima akibat atau Penderita (*Goal*). *Actor* merupakan pelaku tunggal dalam kedua-dua keadaan Proses Material ini.

9.3.1.1 Proses Material *ceroboh*

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.1, terdapat 21 Proses Material yang diungkapkan secara kerap dalam konflik. Bagi tujuan analisis, Proses *ceroboh* dipilih untuk dianalisis berserta contoh-contohnya.

Proses *ceroboh* sebagai tindakan atau *doing* digunakan dalam konteks percakapan lisan oleh Perdana Menteri seperti yang ditunjukkan dalam contoh 1.

1. "Kalau boleh selesai dengan baik, lebih-lebih lagi antara orang Islam dengan orang Islam, meskipun mereka ceroboh masuk ke negara kita dengan senjata tetapi kita memberi peluang kepada mereka demi tidak ingin melihat ada orang yang terkorban. UM 18 Mac 2013 (PM)

1a. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengutuk perbuatan kejam *pengganas Sulu* yang disifatkan sebagai tindakan di luar batas kemanusiaan dan agama Islam. UM 12 Mac 2013 (Tun M)

Akhbar UM menyatakan Pelaku, iaitu penceroboh sebagai orang Islam. Kata nama *am negara kita* merupakan *Goal* dan keadaan atau *Circumstances* pencerobohan ialah klausa *dengan senjata*. Dalam contoh 1, Proses *ceroboh* yang diungkapkan oleh akhbar UM, dilakukan oleh Pelaku yang diwakili oleh kata ganti nama *mereka*. Untuk mengetahui

siapakah *mereka* yang dimaksudkan, klausa ‘lebih-lebih lagi ...Islam’ dalam ayat yang sama memberi petunjuk bahawa *mereka* yang dimaksudkan sebagai penceroboh merupakan *orang Islam*. Kenyataan Tun M dalam UM, iaitu klausa *tindakan di luar batas kemanusiaan dan agama Islam* dalam ayat 1a yang disiarkan dalam terbitan UM yang lebih awal pada 12 Mac 2013, membantu menguatkan fakta tersebut. Frasa *agama Islam* yang muncul dalam klausa tersebut memberi petunjuk bahawa *pengganas Sulu* berkenaan ialah *orang Islam*, dan merupakan pihak yang sama yang dirujuk sebagai *mereka* dalam contoh 1.

Contoh 2 pula menunjukkan bahawa Proses *ceroboh* dilakukan oleh Pelaku *orang*. Ayat 2a dalam artikel berita yang sama menyatakan bahawa *orang* ialah *kumpulan bersenjata dari selatan Filipina*. Kata nama *pencerobohan* dalam klausa *pencerobohan kumpulan bersenjata dari selatan Filipina* dalam 2a dan kata kerja *ceroboh* dalam klausa *orang yang boleh ceroboh negara ini* (contoh 2) menunjukkan *kumpulan* dan *orang* ialah pihak yang sama.

2."Ini bermakna kita harus pertingkatkan kawalan kita supaya tidak ada orang yang boleh ceroboh negara ini sesuka hati mereka," katanya.UM 1 Mac 2013 (Tun M)

2a: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berharap kawalan keselamatan negara diperketatkan berikutan pencerobohan kumpulan bersenjata dari selatan Filipina yang berkubu di Lahad Datu, Sabah. UM 1 Mac 2013.

Daripada contoh 1 dan 2, *ceroboh* dalam klausa cakap ajuk didapati memerlukan rujukan kepada klausa dalam teks berita akhbar yang sama yang diterbitkan sebelumnya, dan juga teks yang ditulis pada perenggan lebih awal dalam artikel berita yang sama, untuk difahami siapakah Pelakunya.

Kedua-dua contoh 1 dan 2 di atas menunjukkan bahawa UM mengutamakan peranan dan tindakan kerajaan dalam menyelesaikan konflik secara damai dan pentingnya kerajaan bertindak mempertingkat kawalan keselamatan negara bagi mencegah kejadian seumpama tersebut berlaku. Keutamaan tersebut diperlihatkan dalam laporan berita dengan meletakkan kedua-dua perkara tersebut sebagai tema klausa. Struktur mesej dalam klausa tersebut menunjukkan bahawa akhbar ini lebih cenderung untuk menyelesaikan konflik dengan cara yang baik dan tindakan pencegahan mesti dilakukan untuk mengelak kejadian ceroboh.

Dalam konteks tajuk berita pula, kedua-dua akhbar UM dan UB mengungkapkan Pelaku kepada Proses tindakan *ceroboh* dalam klausa kedua contoh 3 dan 4 secara jelas. Contoh 3 menunjukkan Pelaku *kumpulan* diungkapkan dalam klausa kedua, iaitu ‘kumpulan *ceroboh* Sabah’. Pelaku kepada klausa pertama contoh 3 ialah *Aquino*, Prosesnya *bidas* dan Penderitanya ialah *kumpulan ceroboh Sabah*. Penderita bagi klausa pertama contoh 3, iaitu *kumpulan* menjadi Pelaku kepada klausa kedua ayat yang sama, *ceroboh* sebagai Prosesnya dan *Sabah* sebagai Sasaran (*Goal*) dan maklumat tempat (*Circumstances*).

[klausa pertama]
 3. [Aquino bidas [kumpulan ceroboh Sabah.]] UM 21 Feb 2013
 [klausa kedua]

Begitu juga dengan ayat contoh 4. Pelakunya *Saya*, Prosesnya *disuruh dan diupah* dan Penderitanya *tertuduh ceroboh Sabah*. *Tertuduh* pula menjadi Pelaku, *ceroboh* sebagai Proses dan *Sabah* sebagai Sasaran dalam klausa kedua contoh 4 seperti di bawah.

[klausa pertama]
 4. Saya disuruh dan diupah kata [tertuduh ceroboh Sabah.] UB Mac 22, 2013
 [klausa kedua]

Dalam kedua-dua klausa ini, *Sabah* sebagai latar tempat berlakunya Proses *ceroboh*.

Huraian contoh 3 dan 4 menunjukkan bahawa ayat bertulis merupakan klausa kompleks yang terdiri daripada klausa tunggal atau lebih daripada satu unit klausa, yang saling berhubung kait (Halliday & Mathiessen, 2004:7-8). Ayat contoh 3 dan 4 yang setiap satunya mempunyai dua klausa, iaitu klausa pertama dan klausa kedua seperti yang ditandakan, Prinsip pendekatan Teori Sistemik-Fungsional memberi keutamaan kepada klausa sebagai unit utama dalam bahasa. Melalui klausalah makna-makna yang berbeza diintegrasikan dalam satu struktur tatabahasa (Halliday & Mathiessen, 2004:10). Prinsip ini membolehkan pembinaan makna dapat diperhatikan dari konstituen klausa dan membawa kepada konstituen ayat, perenggan dan keseluruhan teks wacana dengan lebih jelas.

Daripada contoh 3-4 di atas, dapat dirumuskan bahawa UM meletakkan Proses *ceroboh* sebagai Proses *doing* atau transitif dalam konteks cakap ajuk dan ayat berita. Akhbar ini meletakkan tindakan Pelaku, iaitu kerajaan Malaysia dan kerajaan Filipina (Aquino) pada tema klausa cakap ajuk. UB pula mengungkapkan Proses *ceroboh* sebagai kejadian (*happening*) dalam ayat tajuk berita (contoh 3) dan *ceroboh* sebagai tindakan dalam klausa kedua ayat tajuk berita yang sama.

Perbezaan kaedah pelaporan Proses Material *ceroboh* ini menunjukkan tafsiran kedua-dua akhbar yang berbeza dalam menentukan apakah yang penting untuk diketahui oleh pembaca. UM selaku akhbar nasional meletakkan kerajaan sebagai pihak yang penting yang perlu mengambil tindakan yang aman bagi menyelesaikan konflik dengan baik. UB sebagai akhbar tempatan Sabah berpandangan bahawa sebab musabab mengapa penceroboh bertindak

melakukan pencerobohan lebih penting untuk diketahui oleh masyarakat selaku pihak yang berdekatan dengan tempat konflik.

UM juga mengungkapkan tindakan *menceroboh* yang diikuti oleh tindakan *membunuh* yang menjadikan *anggota polis Malaysia* sebagai Sasaran, seperti dalam contoh 5. Pelakunya ialah *Sultan Sulu dan pengikutnya*.

5. Jamalul Kiram III, yang mengaku sebagai Sultan Sulu dan pengikutnya *menceroboh* Sabah serta *membunuh anggota polis Malaysia*, tidak boleh menuntut gelaran yang sudah tidak wujud lagi itu, kata sumber yang tahu dengan mendalam sejarah dan salasilah keluarga berkenaan. UM 6 Mac 2013

UM mengungkapkan *mana-mana pihak* sebagai Pelaku (contoh 6) dan BH pula menggunakan kata ganti nama *kumpulan* (contoh 7). UM tidak mengkhusus kepada mana-mana kumpulan tetapi merangkumkan semua pihak yang melakukan perbuatan yang sama sebagai penceroboh dan musuh negara.

6. Mana-mana pihak daripada luar atau dalam yang *menceroboh Sabah*, mereka merupakan musuh negara dan tidak menghormati Yang di-Pertuan Agong. UM 23 Mac 2013

7. Pertempuran berlaku selepas kerajaan beberapa kali mengadakan rundingan dengan kumpulan itu yang *menceroboh* negara 12 Februari lalu bagi diselesaikan secara aman. BH 2 Mac

Berbeza dengan UM dan BH, akhbar tempatan Sabah, NST dan UB mengungkapkan Pelaku bagi tindakan *menceroboh* menggunakan kata denotatif negatif *pengganas* dan *sekumpulan lelaki warga asing berpakaian ala tentera dan bersenjata api* (contoh 8 dan 9).

8. Menurutny, setakat ini tiada maklumat yang diterima namun siasatan terperinci sedang dilakukan bagi memastikan tiada rakyat melakukan penyamaran dengan membantu pihak pengganas yang *menceroboh* di Lahad Datu dan Semporna. NST 7 Mac 2013

9. Semalam, Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar berkata pihak berkuasa keselamatan berjaya mengesan sekumpulan lelaki warga asing berpakaian ala tentera dan bersenjata api menceroboh masuk ke Lahad Datu. UB 15 Feb 2013

Kelainan ini menunjukkan bahawa UM dan BH melihat dengan pandangan yang lebih luas dan umum selaku akhbar nasional dengan merujuk apa sahaja insiden pencerobohan seperti yang berlaku dalam konflik ini oleh pihak-pihak lain, atau mengambil pendirian tidak memihak kepada mana-mana kumpulan yang terlibat dalam konflik yang sedang berlaku.

Dalam contoh 10 dan 11 juga, UM dan BH mengungkapkan tindakan *menceroboh* diikuti oleh tindakan *membunuh* dan *menuntut* yang dilakukan oleh *pengikut Sultan Sulu, pengikut Sultan Jamalul Kiram III*. Kedua-dua contoh ini menunjukkan *menceroboh* tidak menyebabkan kematian tetapi menjadi tindakan yang diikuti oleh *membunuh* dan *menuntut*. Ia menunjukkan bahawa tindakan pencerobohan berakhir dengan tindakan *membunuh* dan *menuntut* Sabah. Dari segi kesan tindakan konflik kepada pembaca, kedua-dua akhbar menggambarkan konflik sebagai Tindakan yang kejam apabila UM merangkaikan Proses *doing menceroboh* dengan *membunuh* dalam satu klausa (contoh 10) manakala BH pula merangkaikan Proses *menceroboh* dengan *menuntut* (contoh 11). Kesan ini tidak ada pada kedua-dua akhbar tempatan Sabah, NST dan UB.

10. Jamalul Kiram III, yang mengaku sebagai Sultan Sulu dan pengikutnya menceroboh Sabah serta membunuh anggota polis Malaysia, tidak boleh menuntut gelaran yang sudah tidak wujud lagi itu, kata sumber yang tahu dengan mendalam sejarah dan salasilah keluarga berkenaan. UM 6 Mac 2013

11. Sultan Sulu, Jamalul Kiram III mengarahkan pengikutnya menceroboh Kampung Tandu bagi menuntut Sabah dari Malaysia. BH 4 Mac 2013

Daripada contoh-contoh yang ditunjukkan, *ceroboh* sememangnya Proses *doing* dalam konflik ini.

9.3.2 Pengungkapan Proses Mental

Proses Mental merupakan pengungkapan perasaan yang dilalui secara dalaman dan dalam keadaan sedar tetapi tidak dapat dilihat dalam bentuk tindakan fizikal seperti yang berlaku pada Proses Material. Proses Mental menunjukkan Proses yang dicerap dalam minda seseorang yang mengalaminya, boleh berbentuk *perceptive* (deria), *cognitive* (fikiran, minda), *desiderative* (kemahuan) dan *emotive* (perasaan). Keempat-empat jenis Proses Mental ini berserta contohnya, ialah seperti yang berikut:

- i. pengesanan perseptif (melibatkan penggunaan deria): *lihat, dengar, menghidu, rasa, sentuh*
- ii. pengesanan kognitif (melibatkan elemen pemikiran): *tahu, ketahui, percaya, membayangkan, ingat, menjangkakan, meneka, sedar*
- iii. desideratif atau kemahuan: *mahu, ingin, mengimpikan, merancang, memutuskan, menyelesaikan, menolak*
- iv. emotif (melibatkan emosi) : *suka, tidak suka, takut, menikmati, meluat, terkejut, selesa dan jemu*

(Halliday & Mathiessen, 2014: 256-257).

Klausa sesuatu Proses Mental terdiri daripada Pelaku yang dipanggil *Sensor* (Pihak yang mengalami) dan *Phenomenon* (entiti atau objek yang dikesan). *Sensor* merupakan pihak yang mengalami Proses Mental seperti *suka, benci, tidak suka, memikirkan, membayangkan* manakala *Phenomenon* merupakan entiti yang menjadi objek yang disukai, dibenci, difikirkan atau dibayangkan. *Sensor* boleh terdiri daripada *manusia*, bahagian dari manusia seperti *pemikiran*, berunsurkan manusia seperti *seluruh dunia, organisasi* dan hasil dari

usaha manusia seperti *filem*, *gambar* dan seumpamanya (Halliday & Mathiessen, 2014:249-250).

9.3.2.1 Proses Mental *sedih*

Dalam laporan konflik Lahad Datu, Proses Mental yang kerap berlaku ialah dalam bentuk emotif, iaitu *sedih*, *bimbang*, dan *risau*. *Sedih* dijadikan contoh untuk menunjukkan bagaimana klausa Proses Mental diungkapkan dalam laporan berita konflik.

Analisis mendapati *Sensor* yang mengalami Proses Mental *sedih* terdiri daripada pihak kerajaan, NGO, ahli keluarga anggota pasukan keselamatan yang terkorban, dan rakan sepasukan. Semua *Phenomenon* dalam Proses ini ialah kematian anggota pasukan keselamatan dalam pertempuran dengan penceroboh.

(a) kerajaan

Sensor pihak kerajaan diungkapkan oleh kata nama khas dan kata nama am, iaitu *Timbalan Perdana Menteri* (contoh 1), *kerajaan dan seluruh rakyat Sabah* (contoh 2 dan 3), dan *Perdana Menteri dan isteri* (contoh 4) yang melahirkan perasaan *sedih* dengan peristiwa *anggota pasukan keselamatan yang terkorban*.

Rasa *sedih* didahului oleh kata penguat *amat* yang membentuk frasa *amat sedih* bagi menunjukkan tingkat perasaan sedih yang mendalam yang dialami oleh kerajaan, dan diungkapkan dalam akhbar UM dan BH (contoh 1 dan 2). Kedua-dua akhbar tempatan Sabah merakamkan rasa *sedih* kerajaan yang digabungkan dengan Proses Mental *bersimpati* (contoh 2 dan 4), dan *sebak* (contoh 3) bagi menggambarkan perasaan lain kepada *Sensor*.

1. Katanya (TPM), kerajaan amat *sedih* dengan peristiwa tersebut yang mengorbankan petugas keselamatan negara dan kumpulan penceroboh. UM 2 Mac 2013
2. Pihak kerajaan negeri dan seluruh rakyat Sabah berasa amat *sedih* dan *bersimpati* serta amat menghargai jasa dan pengorbanan anggota pasukan keselamatan. BH 2 Mac 2013
3. Najib berkata beliau dan isteri *sebak* dan *sedih* apabila berhadapan dengan balu dan anak-anak kedua-dua polis yang syahid dalam berjuang mempertahankan negara. NST 4 Mac 2013
4. Kita (kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia di Sabah) berasa *sedih* dengan insiden ini dan *bersimpati* dengan keluarga mereka. UB 5 Mac 2013

(b) ahli keluarga anggota pasukan keselamatan

Proses Mental *sedih* yang dialami oleh ahli keluarga dalam akhbar nasional UM digabungkan dengan *sukar* dan kata penguat *terlalu* dan *paling* yang menggambarkan kesan tingkat emosi *sedih* yang mendalam terhadap kejadian yang berlaku (contoh 5 dan 6). UB pula merakamkan ahli keluarga yang cekal dalam menghadapi peristiwa kehilangan anggota pasukan keselamatan dalam konflik (contoh 7). Kedua-dua akhbar nasional dan satu akhbar tempatan mengungkapkan kesedihan ahli keluarga dalam laporan berita.

5. "Terlalu *sukar* dan *sedih* untuk menerima kenyataan ini kerana kami sebagai pasangan kembar memang rapat sejak kecil," katanya (adik KS Daud yg terkorban). UM 2 Mac 2013
6. ... pemergian dia hari ini merupakan hari yang paling *sedih* buat kami sekeluarga. BH 1 Mac 2013
7. *Sedih-sedih*, tapi dah stabil, semangat dah ada (keluarga). UB 11 Mac 2013

(c) NGO

Pihak NGO merupakan *Sensor* yang mengalami tiga Proses Mental sekali gus, iaitu *terkilan*, *terkejut* dan *sedih* dalam satu klausa (contoh 8). Penggabungan ketiga-tiga emosi ini menggambarkan perasaan yang bercampur baur akibat kejadian pencerobohan ini. *Sensor* ini hanya diungkapkan oleh akhbar nasional UM.

8. ... mereka (Etnik Suluk Sabah) turut *terkilan*, *terkejut* dan *sedih* dengan kejadian pencerobohan militan bersenjata itu. UM 7 Mac 2013

(d) rakan sepasukan

Rakan sepasukan juga mengalami Proses emosi yang sama tetapi tidak digabungkan dengan kata penguat atau gabungan Proses Mental yang lain (contoh 9). Sebaliknya, klausa 'tidak dapat digambarkan' menjadi penerang kepada tingkat rasa sedih yang dialami oleh *Sensor* ini. Ini bermakna fungsi kata penguat dapat digantikan oleh klausa penerang bagi menggambarkan tahap kesedihan *Sensor*. Hanya akhbar nasional BH mengungkapkan perasaan sedih dalam kalangan rakan setugas yang terbunuh dalam konflik.

9. "Perasaan *sedih* tidak dapat digambarkan sebaik melihat mayat dua rakan yang terkorban diserang penceroboh." BH 3 Mac 2013

Sebagai kesimpulan, ahli keluarga dan rakan sepasukan digambarkan sebagai *Sensor* yang mengalami rasa *sedih* yang mendalam dalam laporan konflik ini. Bagaimanapun, kesedihan ahli keluarga tidak dinyatakan dalam laporan akhbar tempatan Sabah, NST. Perasaan *sedih* dalam kalangan NGO dan rakan sepasukan hanya diungkapkan oleh akhbar nasional. Daripada analisis yang ditunjukkan, hanya *Sensor* kerajaan diungkapkan oleh keempat-empat akhbar.

Berbeza dengan cara pengungkapan Proses Material yang berbeza antara akhbar, Proses Mental *sedih* ini diungkapkan secara berbeza mengikut *Sensor*. Semua akhbar meletakkan *Sensor* kerajaan dan NGO sebagai tema klausa. Kesedihan menjadi tema klausa apabila *Sensor* terdiri daripada ahli keluarga dan rakan sepasukan.

Hal ini menunjukkan bahawa setiap akhbar sepakat dalam mengungkapkan rasa *sedih* yang berlaku dalam konflik. Perasaan *sedih Sensor* yang mempunyai hubungan peribadi yang lebih rapat dengan anggota pasukan keselamatan yang terkorban, iaitu ahli keluarga dan rakan sepasukan diangkat menjadi elemen penting dalam klausa berbanding *Sensor* lain yang tidak mempunyai hubungan sedemikian bagi akhbar UM, BH dan UB.

9.3.3 Pengungkapan Proses *Relational*

Berbeza dengan Proses Material yang dinamik, Proses *Relational* menunjukkan perubahan yang berlaku kepada sesuatu entiti tanpa melibatkan penggunaan tenaga fizikal (Halliday & Mathiessen, 2004:259-261). Proses *Relational* menerangkan situasi mempunyai (*having*) atau berkeadaan (*being*) antara entiti pembawa (*Carrier*) yang terlibat di dalam konflik dengan sifat-sifat yang mencirikannya (*Attribute*). Entiti yang terlibat dalam konflik dapat dikenal pasti melalui kata nama yang diungkapkan dalam klausa.

Terdapat tiga jenis klausa *relational*, iaitu intensif (*intensive*), posesif (*possessive*) dan keadaan (*circumstantial*). Setiap satunya mempunyai bentuk *sifat* (*attributive*) dan *pengenalan* (*identifying*). Klausa intensif menggunakan kata pemerai bagi menerangkan hubungan antara entiti pembawa (*Carrier*) dengan ciri *Attribute* yang dikaitkan atau dihubungkan dengannya. Jenis posesif pula menunjukkan kepunyaan manakala jenis *circumstantial* menggunakan kata yang menerangkan keadaan seperti waktu, dan cara sesuatu kejadian berlaku kepada *Carrier* dalam klausa.

Proses *Relational* kerap diungkapkan dalam teks laporan konflik oleh kata pemerai *ialah*, *adalah* dan *mempunyai*. Proses *Relational* yang diungkapkan oleh kata pemerai *adalah* dijadikan contoh analisis bagi menerangkan Proses ini, seperti yang berikut:

9.3.3.1 Proses *Relational* adalah

Dalam laporan konflik, terdapat enam pembawa (*Carrier*) yang kerap disebut dan dikaitkan dengan gambaran dan ciri yang tertentu, iaitu:

(a) penceroboh

Melalui Proses *Relational* Intensif, penceroboh diperkenalkan oleh BH, UM dan UB sebagai pihak yang mempunyai ketua tentera yang berpengalaman (contoh 1-6). Kedua-dua akhbar nasional juga menyatakan bahawa penceroboh merupakan pengganas (contoh 3 dan 5).

1. Haji Musa *adalah* bekas komander Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) yang diketuai Nur Misuari, serta pernah menjadi jeneral dalam Tentera Filipina. BH 12 Mac 2013
2. "Kami tidak kira mereka datang dari mana sama ada dari Kesultanan Sulu... tapi kita tahu mereka *adalah* orang luar yang datang ke negara kita dan mencabuli undang-undang dan kedaulatan negara. BH 25 Feb 2013
3. Polis semalam, mengesahkan lelaki berpakaian jeneral yang terbunuh dalam pertempuran di Kampung Tanjung Batu, Khamis lalu, *adalah* panglima perang kumpulan pengganas itu, dikenali sebagai Haji Musa atau Komander Musa. BH 12 Mac 2013
4. Mingguan Malaysia difahamkan kumpulan penyerang *adalah* tentera Kesultanan Sulu yang telah mula memasuki dan menetap di beberapa kawasan di Sabah secara berperingkat sejak empat bulan lalu. UM 2 Mac 2013 (KPN).
5. Malaysia, Filipina sepakat penceroboh *adalah* kumpulan pengganas Sulu. UM 5 Mac 2013
6. "Kita masih mengenal pasti identitinya melalui pakaian tetapi beliau *adalah* ketua operasi pihak penceroboh itu," katanya. UB 8 Mac 2013

(b) Sabah

Sabah pula ditunjukkan sebagai milikan melalui Proses *Relational* Posesif. Kedua-dua akhbar nasional dan akhbar tempatan Sabah (UB) menyatakan bahawa Sabah adalah milik Malaysia yang sah sehingga bila-bila berdasarkan rekod dan bukti sejarah (contoh 7, 8 dan 10). Bagaimanapun, akhbar nasional UM juga menyatakan bahawa disebabkan *Malaysia membayar 'yuran' sebanyak RM5,300 setiap tahun kepada Kesultanan Sulu*, ia menunjukkan bahawa Sabah juga sah milik pihak berkenaan (contoh 9).

7. Prof. Emeritus, Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim berkata, ini berdasarkan rekod dan bukti sejarah yang jelas menunjukkan Sabah *adalah* milik Malaysia. UM 20 Mac 2013

8. Sementara itu Presiden Dewan Ekonomi dan Sosial Muslim Malaysia (Desmma), Mohd. Fazil Abdullah berkata, Sabah *adalah* milik Malaysia dan tiada ruang untuk mana-mana pihak menuntutnya. UM 8 Mac 2013

9. "Malaysia membayar 'yuran' sebanyak RM5,300 setiap tahun kepada Kesultanan Sulu, sekali gus menunjukkan bahawa tanah yang dituntut di perkampungan Tanduo di Lahad Datu *adalah* sah milik mereka. UM 26 Feb 2013

10. "Jangan polemikkan lagi mengenai kedaulatan negeri Sabah kerana sampai bila-bilapun Sabah *adalah* milik Malaysia. UB 8 Mac 2013

(c) penduduk

Melalui Proses *Relational* Intensif, akhbar tempatan Sabah UB memperkenalkan penduduk sebagai *pekerja ladang, petugas kilang kelapa sawit dan peniaga* (contoh 11). Akhbar yang sama juga mencirikan penduduk masyarakat Sulu sebagai rakyat yang *terus dilindungi* oleh kerajaan (contoh 12) dan tidak bersetuju dengan tindakan penganas yang *sebangsa* dengan mereka (contoh 13). Akhbar tempatan NST pula memperkenalkan penduduk sebagai keturunan Suluk yang telah mempunyai kerakyatan Malaysia dan *mengecam habis-habisan* tindakan penceroboh yang sebangsa dengan mereka (contoh 14). Akhbar UB menggunakan

kata *pengganas* (contoh 11 dan 13) bagi mengungkapkan tindakan penceroboh manakala NST menggunakan kata *penceroboh* bagi mewakili pihak yang sama (contoh 14).

11. Jelasnya rata-rata penduduk *adalah* pekerja ladang, petugas kilang kelapa sawit, peniaga dan tidak pernah terlibat dengan kegiatan berkaitan pengganas. UB 23 Mac 2013

12. "Masyarakat Sulu *adalah* rakyat negara ini yang terus dilindungi dan kita harap mereka tetap bersama dengan kerajaan demi memastikan kedaulatan negara dipertahankan. UB 5 Mac 2013 (MPertahanan)

13. Masyarakat Sulu di Sabah juga turut menolak tindakan pengganas itu, walaupun mereka *adalah* sebangsa. UB 18 Mac 2013

14. Walaupun kami berketurunan Suluk tetapi kami *adalah* warganegara Malaysia dan persatuan kami mengancam habis-habisan penceroboh di Lahad Datu. NST 6 Mac 2013

(d) pembangkang

Hanya akhbar tempatan Sabah NST menyifatkan pembangkang sebagai pemain politik yang *paling jijik* melalui Proses *Relational* Intensif dalam contoh 13.

15. Tian Chua *adalah* seorang pemain politik yang paling jijik, bebal dan tidak berfikiran waras apabila menuduh kematian dua anggota keselamatan tersebut sebagai konspirasi terancang UMNO. NST 4 Mac 2013

(e) kawasan operasi

Proses *Relational* Intensif mencirikan kawasan operasi sebagai kawasan *panas* dan penduduk diingatkan agar tidak masuk atau menghampiri kawasan berkenaan (contoh 16).

16. "Itu adalah kawasan panas, kita minta penduduk jangan masuk atau hampiri kawasan terlibat ini. UM 10 Mac 2013

(f) bayaran

Hanya satu akhbar nasional mencirikan bahawa isu bayaran yuran yang dijelaskan oleh kerajaan Malaysia kepada kesultanan Sulu merupakan satu *kesilapan* kerana pihak penerima tidak mempunyai *locus standi* atau hak dan kewajaran untuk menerima bayaran tersebut (contoh 17).

17. Karpal berpendapat bayaran itu adalah suatu kesilapan terutama selepas Sabah mencapai kemerdekaan dan berkata, keturunan kesultanan itu tidak mempunyai locus standi bagi menerima bayaran berkenaan. UM 11 Mac 2013

Secara keseluruhannya, melalui Proses *Relational Intensif*, akhbar nasional memperkenalkan penceroboh sebagai pengganas dan mempunyai pemimpin yang berpengalaman. Penduduk pula diperkenalkan sebagai pekerja biasa oleh akhbar tempatan Sabah. Kedua-dua akhbar tempatan Sabah juga mengidentifikasikan bahawa ada penduduk tempatan yang sebangsa dengan penceroboh. Bagaimanapun, penduduk yang sebangsa tersebut di Sabah akan terus dilindungi oleh kerajaan kerana mereka sudah menjadi rakyat negara ini.

Pembangkang pula disifatkan sebagai pihak yang paling jijik dalam berpolitik manakala kawasan operasi Ops Daulat dicirikan sebagai kawasan panas. Bayaran tahunan oleh Malaysia kepada kesultanan Sulu disifatkan sebagai satu kesilapan yang menyumbang kepada isu pencerobohan.

Melalui Proses *Relational* Posesif pula, terdapat dua pandangan oleh akhbar nasional UM berkaitan pemilikan Sabah. Walaupun berdasarkan rekod dan bukti sejarah, Sabah sah milik Malaysia selama-lamanya, bayaran tahunan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia juga

menunjukkan bahawa Sabah juga mempunyai kesahan sebagai milik pihak yang mencero boh.

9.3.4 Pengungkapan Proses *Behaviourial*

Proses *Behaviourial* terletak di antara Proses Material dengan Proses Mental. Lazimnya Proses ini menunjukkan perbuatan fizikal, fisiologi dan psikologi manusia. Contohnya *lihat, tengok, dengar, fikir, bimbangkan, impikan, membebel, mengata, menangis, ketawa, mengeluh, mengangguk, bernafas, pengsan, batuk, muntah, tidur, menyanyi, menari, baring dan duduk* (Halliday & Mathiessen: 301-302). Komponen klausa Proses ini terdiri daripada Pelaku yang mengalami Proses *Behaviourial*, yang dilabelkan sebagai *Behaver*. Apa yang dialami oleh *Behaver* disebut sebagai *Behaviour*.

9.3.4.1 Proses *Behaviourial bertenang*

Dalam konflik Lahad Datu, Proses *bertenang* merupakan Proses *Behaviourial* tunggal yang paling kerap disebut dalam laporan berita. Hanya satu *behave*r yang kerap diungkapkan dalam teks laporan, iaitu penduduk tempatan/rakyat Sabah. Kesemua klausa *Behaviourial* dalam laporan berita didapati tergolong dalam kata perintah atau seruan *bertenang* yang ditujukan oleh dua pihak yang berkepentingan dalam konflik, iaitu kerajaan negeri Sabah dan pasukan keselamatan. Oleh yang demikian, tindakan *behave*r untuk *bertenang* merupakan hasil daripada perintah dan seruan yang menjadi sebab yang mendorong mereka berbuat demikian. *Behave*r yang melakukan tindakan *bertenang* ialah *semua pihak dan penduduk Sabah*.

(a) semua pihak

Akhbar nasional BH mengungkapkan nasihat kerajaan negeri Sabah agar semua pihak bertenang dan tidak mempercayai khabar angin (contoh 3). Nasihat itu dibuat setelah berlaku kejadian anggota pasukan keselamatan yang terkorban dalam pertempuran, yang ditunjukkan oleh ayat 1a dan 1b yang diterbitkan dalam artikel berita yang sama.

1. Kerajaan Sabah mengucapkan takziah kepada keluarga anggota pasukan keselamatan yang terkorban dalam pertempuran dengan kumpulan penceroboh di Kampung Tanduo, Lahad Datu, semalam. BH 2 Mac 2013

1a. Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata beliau bagi pihak kerajaan negeri dan seluruh rakyat Sabah berasa amat sedih dan bersimpati serta amat menghargai jasa dan pengorbanan anggota pasukan keselamatan dalam mempertahankan kedaulatan negara. BH 2 Mac 2013

1b. "Saya juga menasihatkan *semua pihak* supaya *bertenang dan tidak sesekali percaya kepada khabar angin dan sumber berita yang tidak sahih* disebarikan menerusi media sosial berkaitan insiden ini, BH 2 Mac 2013

(b) penduduk Sabah

Akhbar tempatan Sabah, UB mengungkapkan seruan bertenang oleh Ahli Parlimen tempatan kepada penduduk tempatan Sabah ekoran kejadian kumpulan lelaki asing yang bersenjata, yang menceroboh masuk ke Sabah (contoh 2). Seruan tersebut berkait dengan Ayat 2a-2b yang ditulis dalam artikel berita yang sama.

2. Penduduk Lahad Datu diminta *bertenang*. UB 15 Februari 2013

2a: Penduduk di daerah ini tidak perlu bimbang dengan kejadian sekumpulan lelaki rakyat asing berpakaian ala tentera dan bersenjata api menceroboh masuk ke sini pada Selasa. UB 15 Februari 2013

2b: Anggota Parlimen Silam Salleh Kalbi berkata keadaan keselamatan adalah terkawal dengan pasukan keselamatan terdiri daripada polis dan tentera memantau mengenai kejadian itu. UB 15 Februari 2013

NST pula mengungkapkan permintaan Kerajaan Malaysia supaya penduduk Kampung Tando bertenang kerana konflik yang berlarutan sehingga hari ke-13 menjadi suatu isu yang membimbangkan (contoh 3). Seruan tersebut dibuat setelah kebimbangan dan kekhuatiran penduduk disuarakan dalam artikel berita yang sama (Ayat 3a).

3. Lebih 50 penduduk dari Kampung Tando yang kini tinggal di sekitar Tanjung Labian, Tungku berikutan insiden pencerobohan kumpulan bersenjata yang mendakwa sebagai Tentera Diraja Kesultanan Sulu ke kampung itu sejak Selasa lalu *diminta bertenang dan bersabar* sehingga masalah tersebut diselesaikan dengan kadar segera. NST 25 Feb 2013

3a: Ketua Pengarah Jabatan Penerangan, Dato' Ibrahim Abdul Rahman, berkata ini berikutan rungutan penduduk terhadap kebimbangan dan kekhuatiran mereka terhadap insiden pencerobohan tersebut yang mana kini telah memasuki hari ke-13 sehingga semalam. NST 25 Feb 2013

Dalam akhbar UM, permintaan supaya rakyat Sabah *bertenang* dibuat oleh satu lagi pihak berkepentingan dalam konflik, iaitu pasukan keselamatan. Sama seperti seruan oleh kerajaan, permintaan pasukan keselamatan kepada rakyat Sabah juga diikuti oleh Proses *Behaviourial* lain, iaitu (*tidak*) *panik* seperti dalam contoh 4. Jika kerajaan menyeru rakyat Sabah supaya bertenang disebabkan tindakan oleh penceroboh, pasukan keselamatan pula meminta rakyat bertenang selepas pasukan keselamatan bertindak secara ketenteraan dengan melancarkan Ops Daulat sebagai usaha untuk menyelesaikan konflik yang berlaku. Seruan dalam contoh 4 adalah disebabkan operasi khas yang dilaksanakan oleh pasukan keselamatan seperti yang dinyatakan oleh Ayat 6a, artikel berita yang sama.

4. Rakyat di Sabah diminta *bertenang* dan *tidak panik* kerana serangan pasukan keselamatan terhadap kumpulan penceroboh bersenjata hanya dilakukan di Kampung Tando dekat sini. UM 5 Mac 2013

4a: Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, penduduk di daerah lain juga tidak perlu bimbang terhadap operasi itu kerana ia hanya melibatkan lokasi di mana kumpulan penceroboh itu berada sahaja. UM 5 Mac 2013

Daripada keempat-empat contoh yang dibincangkan, *behaviour bertenang* dialami oleh semua pihak di negara ini dan juga penduduk Sabah khususnya di Kampung Tanduo dan Lahad Datu. Kedua-dua *behave* ini *bertenang* setelah diminta berbuat demikian oleh pihak yang berkepentingan dalam konflik, iaitu kerajaan negeri Sabah melalui Ketua Menteri, Ahli Parlimen Sabah, dan ketua jabatan persekutuan. Seruan ini juga dituruti oleh Proses *Behaviourial* yang lain, iaitu *bersabar*, *(tidak) percaya*, *(tidak) panik* dan *tidak sesekali percaya kepada khabar angin*.

Akhbar BH meletakkan Ketua Menteri Sabah sebagai Pelaku yang meminta semua pihak di negara ini supaya *bertenang* sebagai tema klausa yang menjadi inti mesej. Contoh 3 merupakan cara BH menyampaikan mesej melalui nasihat, arahan dan peringatan agar tidak sesekali percaya kepada khabar angin. Ketua Menteri merupakan pihak yang paling tepat untuk mengeluarkan arahan yang bersifat autoritatif sedemikian kerana kedudukannya sebagai ketua kerajaan yang mentadbir negeri Sabah. Keadaan ini berbeza dengan seruan supaya *bertenang* oleh ahli parlimen dan ketua jabatan yang menggunakan frasa *diminta bertenang*, yang memberikan tafsiran ajakan yang lebih lembut.

9.3.5 Pengungkapan Proses Verbal

Proses Verbal menunjukkan penceritaan oleh Pelaku yang dilabel sebagai *Pengucap (Sayer)* mengenai sesuatu peristiwa atau Proses yang berlaku. *Pengucap* boleh berbentuk abstrak atau simbolik yang mewakili sesuatu entiti yang memberikan maklumat seperti *jam itu mengatakan waktu telah menunjukkan pukul 10 malam*. *Jam* merupakan *Pengucap* dalam klausa ini walaupun bukan berbentuk manusia dan mengambil kedudukan *Pengucap* dengan melakukan Proses Verbal *mengatakan*.

Terdapat dua jenis Proses Verbal, (i) aktiviti, dan (ii) semiosis. Proses Verbal aktiviti merupakan ungkapan Verbal yang dilakukan kepada seseorang dengan sesuatu tujuan seperti *memuji, mengarahkan, menghina, mengucapkan tahniah, menyalahkan, mengkritik* dan sebagainya, dan menunjukkan perlakuan Verbal itu sendiri seperti *berkata dan bercakap*. Proses Verbal semiosis pula terdiri daripada tiga jenis ungkapan Verbal, iaitu memetik (*quote*) percakapan seseorang atau sesuatu pihak secara neutral (*bercakap, mengatakan*), menunjukkan (*indicate*) sesuatu seperti *memberitahu seseorang bahawa, melaporkan bahawa, mengumumkan, mengisytiharkan, menerangkan, memujuk seseorang, meyakinkan bahawa, menjanjikan*, dan menunjukkan suruhan (*imperate*) kepada sesuatu pihak (*meminta seseorang membuat sesuatu, mengarahkan seseorang untuk, meyakinkan seseorang untuk berbuat sesuatu, memberi amaran kepada seseorang untuk, mengingatkan seseorang untuk*). Selain *Pengucap*, tiga lagi komponen dalam Proses Verbal ialah *Penerima (Receiver)*, iaitu pihak yang menerima hasil dari Proses Verbal, *Rentetan Tutur (Verbiage)*, iaitu objek yang menjadi fokus kepada Proses Verbal dan *Sasaran (Target)*, iaitu pihak yang menjadi sasaran kepada tindakan Proses Verbal (Halliday & Mathiessen:302-307).

Proses Verbal yang kerap diungkapkan dalam laporan berita konflik ini ialah *menuduh, berunding, nafi/menafikan, menghina, kutuk/mengutuk, memburukkan, memperlekeh, memperlekehkan, mempersenda, dan didakwa*. Semua Proses ini dapat dikelompokkan kepada dua jenis, iaitu (i). Proses Verbal aktiviti dengan tujuan tertentu, iaitu *menuduh, nafi/menafikan, menghina, kutuk/mengutuk, memburukkan, memperlekeh, memperlekehkan, dan mempersenda*, dan (ii). Proses Verbal semiosis neutral, iaitu *berunding* dan *didakwa*. Proses Verbal aktiviti *kutuk/mengutuk* dianalisis bagi menunjukkan bagaimana Proses ini diungkapkan dalam laporan konflik berdasarkan contoh-contoh yang ditunjukkan.

9.3.5.1 Proses Verbal *kutuk*

Klausa Proses *kutuk* dalam konteks tajuk berita hanya mengandungi dua komponen, iaitu *Pengucap* dan *Rentetan Tutar*. *Pengucap* terdiri daripada *Masyarakat Suluk Sabah* (contoh 1), *penduduk Lahad Datu* (contoh 3), *TPM* (contoh 2) dan parti politik tempatan *PBS* (contoh 4). *Masyarakat Suluk*, *penduduk* dan *PBS* menjadikan isu *pencerobohan*, *tindakan* dan *serangan* pihak penceroboh sebagai *Rentetan Tutar* manakala *TPM* menggunakan isu *kenyataan pembangkang* sebagai *Rentetan Tutar* dalam klausa. Berbanding dengan ketiga-tiga akhbar lain yang memberi tumpuan kepada isu pencerobohan, BH mempunyai kelainan dengan mengungkapkan Proses *kutuk* yang memberi fokus kepada tindakan yang dilakukan oleh pembangkang sebagai *Rentetan Tutar* Proses ini.

1. *Masyarakat Suluk Sabah* kutuk ***pencerobohan*** militan. UM 7 Mac 2013
2. *TPM* kutuk keras ***kenyataan*** Tian Chua. BH 3 Mac 2013
3. *Penduduk Lahad Datu* kutuk ***tindakan*** kumpulan bersenjata. UB 5 Mac 2013
4. *PBS* kutuk ***serangan*** penceroboh di Lahad Datu dan Semporna. NST 7 Mac 2013

BH memperlihatkan darjah kesangatan (*intensity*) Proses *kutuk* melalui frasa *kutuk keras*. Unsur ini tidak ada dalam pengungkapan Proses Verbal *kutuk* dalam UM, UB dan NST.

9.3.5.2 Proses Verbal *mengutuk*

Pengucap bagi Proses Verbal *mengutuk* terdiri daripada pihak yang khusus seperti *kerajaan*, *etnik Suluk*, *pasukan keselamatan*, dan masyarakat awam yang diungkapkan sebagai *mana-mana pihak*.

(a) kerajaan

Dalam klausa Proses Verbal *mengutuk*, kerajaan diwakili oleh kata nama am dan khas. Bentuk kata nama am *wakil rakyat* digunakan oleh akhbar NST dalam klausa ‘Saya selaku *wakil rakyat* berbangsa Suluk,’ (contoh 7). Kedua-dua akhbar nasional UM dan BH mengungkapkan *kerajaan* melalui kata nama khas dan kata nama khas jawatan dalam kerajaan, iaitu *DSNTR* (Datuk Seri Najib Tun Razak) dan *TPM TSMY* (Tan Sri Muhyiddin Yassin) sebagai *Pengucap*. Kedua-duanya menjadikan pembangkang sebagai *Sasaran* dalam klausa (contoh 5 dan 6).

Contoh 5 dan 6 menunjukkan kedua-dua akhbar nasional UM dan BH mengungkapkan Proses perbuatan *mengutuk* yang diikuti oleh adverba cara *keras* bagi menggambarkan darjah intensiti kutukan yang dilakukan oleh *Kerajaan* akibat *kenyataan pembangkang*. Hal ini tidak berlaku apabila *penceroboh* menjadi *Sasaran* (contoh 7).

5. Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini *mengutuk keras* kenyataan Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Tian Chua yang menuduh insiden tembakan di Lahad Datu Sabah adalah “konspirasi terancang kerajaan UMNO”. UM 3 Mac 2013

6. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam *mengutuk keras* kenyataan Naib Presiden PKR, Tian Chua yang menuduh pencerobohan di Lahad Datu, Sabah sebagai konspirasi terancang UMNO dan Barisan Nasional (BN). BH 3 Mac 2013

7. Saya selaku wakil rakyat yang berbangsa Suluk, *mengutuk* tindakan penceroboh ini dan tindakan mereka adalah tidak wajar,’ tegasnya. NST 8 Mac 2013

Ketiga-tiga akhbar meletakkan *Pengucap* dalam tema klausa, diikuti oleh tindakan yang dilakukan oleh mereka dalam rema klausa. Struktur klausa ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan sebagai *Pengucap* dalam Proses ini dijadikan tumpuan utama dalam laporan berita berbanding tindakan yang dilakukan oleh mereka.

b) etnik Suluk Sabah

Hanya akhbar nasional UM dan akhbar tempatan NST meletakkan etnik Suluk Sabah sebagai *Pengucap* yang mengutuk tindakan penceroboh. UM meletakkan kumpulan militan sebagai *Sasaran* dan tindakan mereka sebagai *Rentetan Tutur* (contoh 8). NST tidak meletakkan mana-mana pihak sebagai *Sasaran* dalam klausanya tetapi tindakan mengutuknya dirangkaikan dengan adverba cara *sekeras-keras* dan didahului oleh satu lagi Proses Verbal, iaitu *mengecam* (contoh 9).

8. Etnik Suluk di Sabah *mengutuk* tindakan kumpulan militan yang menceroboh negara. UM 7 Mac 2013

9. Lebih 100 orang masyarakat Suluk tempatan di daerah ini berkumpul di Dataran Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) di sini, petang kelmarin bagi *mengecam* dan *mengutuk sekeras-keras* insiden pencerobohan di Kampung Tanduo, Tungku di Lahad Datu. NST 8 Mac 2013

Dalam konflik, etnik Suluk Sabah merupakan *Pengucap* yang *mengutuk* tindakan penceroboh. Dalam contoh 9, tindakan Verbal *mengecam* menggandakan kesan tindakan oleh *Pengucap* ini dalam mengutuk tindakan pencerobohan. Pemilihan butir leksikal tersebut menunjukkan darjah kesungguhan (*intensity*) *Pengucap* dalam mengungkapkan pandangan mereka kepada penceroboh dalam konflik.

(c) pihak-pihak lain

Selain kerajaan dan etnik Suluk Sabah, *Pengucap* lain yang mengutuk pencerobohan ialah parti PBS (contoh 10), dan masyarakat tempatan (contoh 11), yang dikelompokkan sebagai pihak-pihak lain dalam konflik. PBS menjadikan isu *serangan* yang mengorbankan nyawa pasukan keselamatan sebagai *verbiage* manakala masyarakat umum mengutuk *tindakan pencerobohan*.

10. Parti Bersatu Sabah (PBS) *mengutuk* serangan kumpulan penceroboh di Lahad Datu dan Semporna yang mengorbankan nyawa pasukan keselamatan dan mencetuskan gangguan ketenteraman awam di negeri ini. NST 7 Mac 2013

11. Masyarakat pelbagai kaum di daerah Lahad Datu *mengutuk* tindakan pencerobohan kumpulan bersenjata dari selatan Filipina. UB 5 Mac 2013

Seperti kerajaan, *Pengucap* bekas pegawai tentera turut menjadikan pembangkang sebagai *Sasaran* dan kenyataan mereka sebagai *Rentetan Tutar* (contoh 12).

12. Beliau (bekas pegawai tentera) dalam pada itu turut *mengutuk* kenyataan naib presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tian Chua yang menuduh insiden pencerobohan itu sebagai sandiwara UMNO. UM 3 Mac 2013

Daripada analisis, didapati kerajaan dan bekas pegawai tentera menunjukan tindakan *mengutuk* kepada pembangkang manakala pihak lain seperti masyarakat Suluk, masyarakat umum dan parti yang pernah cenderung kepada pembangkang *mengutuk* tindakan pihak penceroboh ke atas Sabah.

Aspek pola struktur klausa menunjukkan kesemua akhbar nasional dan tempatan meletakkan *Pengucap* dan tindakannya sebagai tema kepada klausa dan tindakan mengutuknya sebagai maklumat dalam rema klausa. Secara keseluruhannya, BH didapati menggunakan kata adverba cara *keras* yang melambangkan darjah kesungguhan (*intensity*) Proses Verbal *kutuk* apabila kerajaan menjadi *Pengucap* dan *Pembangkang* sebagai pihak yang disebut dalam *Rentetan Tutar*. Bagi Proses Verbal *mengutuk*, kedua-dua akhbar nasional mengulangi kata adverba cara yang sama untuk menghasilkan kesan makna yang dikehendaki. Penggunaan kata adverba tersebut memberikan makna yang mengungkapkan tindak balas rasa sangat marah dan penafian *kerajaan* terhadap tuduhan pembangkang bahawa konflik yang sedang berlaku ialah *konspirasi terancang* kerajaan.

Akhbar tempatan Sabah, NST juga menggunakan kata adverba *sekeras-keras* dan kata konflik Verbal *mengecam* bersama-sama dengan kata *mengutuk* oleh Pengucap Etnik Suluk Sabah. Bagaimanapun, pengungkapan Proses Verbal *mengutuk* pencerobohan oleh NST ini tidak ditujukan kepada mana-mana pihak. Oleh yang demikian, walaupun NST menggunakan pendekatan yang sama bagi mengungkapkan Proses Verbal yang serupa, kesannya kepada pembaca berbeza kerana perbezaan Pengucap dan Rentetan Tutur. Hal ini menunjukkan bahawa susunan dan pilihan kata dalam klausa bagi mengungkapkan sesuatu Proses boleh menentukan tafsiran makna yang terhasil daripadanya.

9.3.6 Pengungkapan Proses Eksistensial

Kata yang membawa maksud Eksistensial dalam konflik ini ialah kata yang melambangkan kewujudan seperti *ada*, dan *terdapat*. Berbeza dengan klausa lain, klausa eksistensial mengandungi maklumat tempat atau waktu berlakunya sesuatu Proses. Contohnya ‘ada seekor kucing di tepi dapur’ menunjukkan kewujudan *kucing* melalui kata *ada* yang menyatakan secara khusus kewujudannya *di tepi dapur* (Halliday & Mathiessen: 308-309).

9.3.6.1 Proses Eksistensial *ada*

Penggunaan *ada* dianalisis bagi menunjukkan bagaimana Proses eksistensial diungkapkan dalam laporan berita konflik. Berdasarkan penggunaan kata *ada*, konflik ini terdiri daripada lapan *Existent* utama, iaitu (i). penceroboh, (ii). korban, (iii). dalang dan konspirasi konflik, (iv). khabar angin dan berita palsu, (vi). ancaman kepada keselamatan penduduk, (vii). tindakan pasukan keselamatan, dan (viii). serangan penceroboh dan tuntutan Sulu.

(a) penceroboh

Konflik berlaku kerana wujudnya penceroboh. BH menggambarkan mereka sebagai sekumpulan lelaki bersenjata yang memasuki Sabah secara rahsia sehingga penduduk kampung tidak mengetahui kehadiran mereka (contoh 1). Akhbar NST menggambarkan penceroboh sebagai pihak yang mengamalkan budaya membalas dendam (contoh 3) yang menyebabkan tercetusnya perasaan bimbang dalam kalangan masyarakat. UB pula memberikan gambaran yang berbeza kepada penceroboh. Akhbar ini menyatakan bahawa penceroboh bukanlah orang yang sangat asing kerana mempunyai saudara-mara di Sabah (contoh 2). Pelaporan NST ini menurunkan darjah ketegangan konflik dengan meletakkan penceroboh sebagai pihak yang mempunyai hubungan yang dekat dengan masyarakat Sabah.

1. "Kami penduduk kampung tidak tahu *ada lelaki bersenjata api* memasuki kampung kami". BH 4 Mac
2. "Ini yang kita nak kerana mereka ada juga saudara-mara di sini, jadi kita tidak mahu *ada nyawa yang terkorban* dan sebab itu kita minta mereka balik dengan cara yang baik," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Bersama Rakyat di Padang Pekan Papar di sini semalam. PM.UB 15 Feb
3. 'Saya meletakkan keyakinan penuh kepada pasukan tentera dan polis kita dalam memastikan tragedi ini tidak berulang kembali, namun kebimbangan itu tetap *ada* kerana *budaya membalas dendam ada* dalam diri mereka (penceroboh)'. M Pertahanan. NST 15 Mac

Ketiga-tiga akhbar mengungkapkan secara terus ciri-ciri penceroboh melalui penggunaan cakap ajuk dan meletakkan Proses *ada* pada kedudukan rema klausa sesuai dengan fungsi eksistensial sebagai penerang. Wujudnya *lelaki bersenjata api*, *nyawa yang terkorban* dan *budaya membalas dendam* masing-masing mengungkapkan keadaan kewujudan penceroboh dalam konflik ini.

(b) korban

Konflik juga mengandungi peristiwa kehilangan nyawa yang berlaku dalam kalangan penceroboh dan anggota pasukan keselamatan. Hanya UM menggambarkan kematian dalam kalangan penceroboh sebagai *diantaranya dalam keadaan mengerikan* (contoh 4). Akhbar BH, UB dan NST pula cenderung menggambarkan korban konflik yang terdiri daripada anggota pasukan keselamatan melalui klausa *pegawai dan anggota pasukan keselamatan terkorban dalam kejadian tembak menembak* (contoh 5), *anggota pasukan keselamatan yang terkorban mempertahankan negara* (contoh 6) dan *kumpulan bersenjata bersembunyi di situ* (contoh 7). Keempat-empat akhbar menyatakan bahawa pertempuran merupakan sebab yang menyebabkan nyawa terkorban.

Jika UM menggunakan kata *terbunuh* bagi menggambarkan kehilangan nyawa yang berlaku dalam kalangan penceroboh, BH, UB dan NST menggunakan kata *terkorban* kepada pasukan keselamatan yang menerima nasib yang sama. Penggunaan kata *terbunuh* dan *terkorban* menunjukkan berlakunya perbezaan tafsiran kepada kematian yang berlaku dalam kalangan penceroboh dan pasukan keselamatan, Hal ini demikian kerana kata *terkorban* berasal daripada kata dasar *korban* yang bermaksud kesanggupan melakukan atau menanggung sesuatu sebagai tanda kasih atau setia (KD4, 2005). Berdasarkan makna ini, BH, UB dan NST memberikan tafsiran bahawa kematian anggota pasukan keselamatan yang sanggup berjuang kerana kasih kepada negara lebih mulia berbanding dengan kematian penceroboh.

4. Tinjauan Utusan Online hari ini mendapati beberapa mayat bergelimpangan di kawasan rumah penduduk kampung tersebut dan *ada diantaranya dalam keadaan mengerikan*. UM 4 Mac

5. Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar mengesahkan *ada pegawai dan anggota pasukan keselamatan terkorban dalam kejadian tembak menembak* di Kampung Sri Jaya Siminul, Semporna, Sabah, jam 7.30 malam tadi. BH 3 Mac

6. Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa berkata pihaknya tidak akan berkompromi terhadap mana-mana penjawat awam yang menghina pasukan keselamatan kerana kejadian pencerobohan itu benar dan *ada anggota pasukan keselamatan yang terkorban mempertahankan negara*. UB 16 Mac

7. Kesemua mereka (anggota polis) terkorban selepas diserang hendap ketika melakukan siasatan di kampung itu susulan maklumat mengatakan *ada kumpulan bersenjata bersembunyi* di situ. PP Sabah. NST 5 Mac

Proses eksistensial yang menunjukkan korban konflik dalam semua akhbar, diikuti oleh kata nama. Hanya contoh 4 menunjukkan *ada* yang diikuti oleh frasa preposisi bagi menerangkan keadaan kepada korban. Kesemua akhbar juga meletakkan Proses *ada* dalam rema klausa, yang bertujuan menceritakan perihal peristiwa yang wujud dalam konflik.

(c) dalang dan konspirasi konflik

Melalui laporan akhbar, dapat diketahui bahawa terdapat unsur perancangan di sebalik konflik, yang digambarkan melalui kata *dalang* dan *konspirasi*. Akhbar UM menyatakan bahawa *ada dalang di sebalik pencerobohan* melalui kenyataan NGO Perkasa (contoh 8) Kewujudan perkara ini disokong dengan usaha pengumpulan bukti yang menguatkan hujah tersebut, yang dinyatakan oleh Ayat 8a-8c dalam artikel yang sama, dan berkemungkinan terdiri daripada kumpulan politik yang kecewa. BH pula lebih rinci dengan menyatakan dalang yang wujud dalam konflik ialah dalang tempatan berdasarkan contoh 9 dan Ayat 9a dalam artikel yang sama. Ada persamaan antara sumber berita yang digunakan oleh UM dan BH, iaitu NGO Perkasa.

8. Perkasa percaya *ada dalang* di sebalik pencerobohan. UM 1 Mac

8a: Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) percaya terdapat *dalang* di sebalik pencerobohan kumpulan bersenjata di Lahad Datu, Sabah yang setakat ini telah mengorbankan dua anggota pasukan keselamatan Malaysia. UM 1 Mac

8b: "Kita tak boleh tuduh sesiapa tetapi saya yakin ada dalang dan pihak keselamatan sudah tentu ada maklumat mengenainya. Saya harap kerajaan dapat maklumat tepat dan sedia mendedahkan *dalang* di sebalik peristiwa ini," katanya. UM 1 Mac

8c: Ibrahim berkata, beliau bagaimanapun enggan menyebut siapa sebenarnya *dalang* itu namun tidak menolak kemungkinan pihak terbabit adalah mereka yang kecewa dalam politik dan sedang melakukan apa sahaja demi mencapai matlamat politiknya. UM 1 Mac

9. Kuala Terengganu: Pencerobohan di Lahad Datu, Sabah, dipercayai dirancang rapi dengan *ada dalang* tempatan bertindak sebagai perancang. BH 2 Mac 2013

9a: "Saya yakin kehadiran mereka (penceroboh) ke sana (Lahad Datu) adalah satu perancangan yang rapi dan *ada dalangnya*," katanya (Presiden Perkasa-Ibrahim Ali) selepas mengadakan pertemuan dengan ahli dan jawatankuasa PERKASA Terengganu di sini, semalam. BH 2 Mac 2013

Bagi akhbar tempatan Sabah, kedua-dua akhbar juga melaporkan kemungkinan wujudnya *dalang* dengan meletakkan sumber beritanya daripada kerajaan (Menteri) seperti dalam contoh 10 dan Ayat 10a-10b, artikel yang sama. Kemungkinan ini juga diungkapkan daripada sumber berita pemimpin parti politik tempatan Sabah, iaitu UPKO (contoh 11). Akhbar NST melaporkan kewujudan dalang seperti dalam kenyataan Menteri Luar dan bukti yang dapat mengukuhkan laporan ini sedang dicari (contoh 12). Hal ini berbeza dengan kedua-dua akhbar nasional yang lebih yakin dan percaya bahawa dalang memang wujud dalam konflik.

Secara keseluruhannya, semua akhbar yang mengungkapkan kewujudan *dalang* dalam konflik ini dengan memetik sumber berita yang khusus dalam klausa cakap pindah. Bagaimanapun, kedua-dua akhbar tempatan lebih berhati-hati untuk melaporkan kewujudan hal yang serius seperti dalang ini, dan tidak mengungkapkan pandangan oleh institusi masing-masing. Keempat-empat akhbar ini juga menjadikan pihak kerajaan, NGO dan parti politik prokerajaan sebagai sumber yang menunjukkan satu suara yang sama (contoh 8-12).

10. Malaysia tidak menolak kemungkinan menubuhkan Suruhanjaya Diraja (RCI) atau membuka kertas putih bagi menyiasat dakwaan kemungkinan *ada* pihak yang menjadi *dalang* di sebalik insiden pencerobohan di Lahad Datu. UB 15 Mac 2013

10a: Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, siasatan menyeluruh perlu dibuat bagi mengenal pasti motif sebenar pencerobohan itu termasuk kemungkinan *ada* pihak yang membiayai militan dari selatan Filipina itu untuk menggugat keamanan dan kedaulatan negara. UB 15 Mac 2013

10b: “Saya sendiri pun hendak tahu *dalang* di belakang pencerobohan ini dan siapa yang membiayai atau merancang kerana ini semua menyentuh kepada keselamatan nasional,” katanya. UB 15 Mac 2013

11. Ketuaanya (Ketua Pemuda UPKO), Arthur Sen berkata ia penting bagi menyiasat secara menyeluruh motif sebenar pencerobohan militan di Lahad Datu, termasuk dakwaan kemungkinan *ada* pihak yang menjadi *dalang* di sebalik insiden itu. Bernama. UB 16 Mac 2013

12. “Kita di Malaysia sedang meneliti, mengkaji dan menyelidik sama *ada*, *ada dalangnya*. Tetapi kita ketahui bahawa *ada* perjumpaan orang-orang tertentu. Oleh itu, kita mencari bukti yang kukuh,” katanya (ML). NST 18 Mac 2013

Bagi Proses Eksistensial *konspirasi* pula, NST merupakan satu-satunya akhbar yang mengungkapkan kenyataan bahawa *ada konspirasi* dalam konflik (contoh 13). Kenyataan itu dilaporkan dari sumber pembangkang melalui klausa cakap ajuk.

13. “*Ada konspirasi* oleh kerajaan Umno untuk mengalih pandangan rakyat Sabah, terutama dalam isu pemberian kad pengenalan kepada warga asing,” kata anggota Parlimen Batu itu. NST 4 Mac

Semua akhbar mengungkapkan kewujudan *dalang* dan hanya satu akhbar tempatan Sabah mengungkapkan kewujudan *konspirasi* dalam konflik. Kewujudan *dalang* dalam konflik dinyatakan dalam rema dalam klausa, bersesuaian dengan struktur klausa cakap pindah. Kewujudan *konspirasi* dalam konflik pula diletakkan sebagai unsur tema penting dalam klausa, bersesuaian pula dengan struktur cakap ajuk yang digunakan oleh akhbar NST.

(d) khabar angin dan berita palsu

Hanya dua akhbar mengungkapkan kewujudan *khabar angin* dan *berita palsu* dalam konflik. UM menyatakan bahawa ada penyebar *berita palsu* ada yang terdiri daripada kalangan pemberita (contoh 14) manakala UB mengungkapkan kenyataan penduduk tempatan bahawa mereka mengetahui kedatangan pengganas melalui banyak cerita dan *khabar angin* (contoh 15).

14. Namun *ada* segelintir pemberita yang melaporkan *berita palsu* seterusnya menakutkan penduduk, katanya. (Pengaroh Hospital Semporna). UM 11 Mac

15. Kami *ada* dengar pelbagai cerita dan *khabar angin* mengenai pengganas datang ke kawasan ini. (Penduduk). UB 23 Mac

Akhbar UM mengungkapkan pihak yang melaporkan *berita palsu*, iaitu pemberita pada kedudukan tema dalam klausa sesuai dengan struktur cakap ajuk yang digunakan. Kenyataan akhbar UM ini dipetik daripada pihak yang berautoriti, iaitu pegawai awam di Sabah. Bagi pengungkapan wujudnya *khabar angin* pula, akhbar UB menggunakan struktur klausa yang sama dengan meletakkan suara penduduk tempatan yang mendengar pelbagai cerita dan khabar angin yang tersebar dalam kalangan mereka.

(e) ancaman kepada keselamatan penduduk

Ancaman kepada keselamatan penduduk hanya diungkapkan oleh kedua-dua akhbar tempatan Sabah. UB mengungkapkan bahawa ada penduduk yang dijadikan tebusan oleh penceroboh (Ayat 16a dan contoh 16). Akhbar NST pula menyatakan bahawa ada rumah penduduk yang dibakar oleh mereka (contoh 17).

Kedua-dua Proses menjadi rema dalam klausa. NST menggunakan frasa *pengganas militan* manakala UB menggunakan *penceroboh* sebagai Pelaku.

16a: Dia juga berasa takut untuk terus masuk ke dalam rumah memandangkan tidak nampak sedikitpun kelibat penceroboh yang mungkin bersembunyi untuk melakukan serangan hendap.

16. Ketika saya melalui kawasan perumahan saya lihat ramai kaum ibu berkumpul dan apabila saya bertanya mereka mengatakan *ada* jiran kami dijadikan tebusan, lalu saya terus bergegas ke sana. (Penduduk) UB 22 Mac

17. Keamanan kami dirampas malah *ada* rakan memberitahu rumah mereka dibakar pengganas militan. (Penduduk) NST 24 Mac

(f) tindakan pasukan keselamatan

Satu lagi peristiwa yang berlaku dalam konflik ialah tindakan pasukan keselamatan kepada penceroboh yang berupa *kepungan* melalui klausa *mereka berada dalam keadaan dikepung sepenuhnya* (contoh 18), dan penetapan ultimatum, iaitu *sama ada menyerah diri ataupun menerima apa-apa tindakan pihak berkuasa* (contoh 19). Kedua-dua akhbar UM dan NST meletakkan kedua-dua tindakan pada kedudukan rema.

18. "Apa yang berlaku sekarang ini kita telah menambah kekuatan kita dan mereka berada dalam keadaan dikepung sepenuhnya dan anggota tentera laut dan darat *ada* bot-bot halang mereka daripada lari dari arah laut dan darat pun mereka dikepung. PM UM 1 Mac

19. 'Dan mereka hanya *ada* dua pilihan iaitu sama ada menyerah diri ataupun menerima apa-apa tindakan yang akan diambil oleh pihak berkuasa dan pihak keselamatan,' katanya. PM NST 3 Mac

(g) serangan penceroboh dan tuntutan Sulu

Konflik juga mengandungi kejadian serangan oleh penceroboh, iaitu *serangan berdekatan Balai Polis Kampung Simunul* (contoh 20) dan *isu tuntutan ke atas Sabah* yang pernah berlaku pada masa dahulu (contoh 21). UM menekankan tentang peristiwa serangan yang

berlaku manakala NST menumpukan laporannya kepada adanya pihak tertentu yang berhasrat menghangatkan kembali isu tuntutan Sulu ke atas Sabah. Kedua-dua Proses diletakkan pada kedudukan rema.

20. Memang *ada* serangan berdekatan Balai Polis Kampung Simunul," katanya ringkas kepada Mingguan Malaysia, di sini malam ini. Pesuruhjaya Polis Sabah. UM 2 Mac

21. Mereka berpendapat *ada* pihak tertentu yang menghangatkan semula isu tuntutan 'Kesultanan Sulu' ke atas Sabah walaupun ternyata ia telah berlaku lama dulu. Penganalisis politik. NST 8 Mac

Daripada analisis, semua Proses Eksistensial *ada* diungkapkan dalam bahagian rema klausa sesuai dengan fungsinya untuk menjadi maklumat tempat yang menerangkan kejadian yang wujud. Proses *ada* juga diikuti oleh bukan sahaja kata kerja, malah kata nama dan frasa preposisi. Kelainan unsur bahasa yang digunakan tidak sedikitpun mengubah makna kewujudan *Existent* dalam konflik Lahad Datu.

BH dan NST mengungkapkan *penceroboh* sebagai pihak yang jahat berbanding UB yang menyifatkan mereka sebagai pihak yang tidak asing kepada penduduk tempatan bahkan mempunyai keluarga di Sabah. *Kematian* dalam kalangan *penceroboh* hanya dilaporkan oleh UM manakala BH, UB dan NST hanya membuat liputan mengenai anggota pasukan keselamatan yang terkorban. Isu kewujudan *konspirasi* dan *dalang* yang dilakukan oleh pembangkang mendapat liputan UM, BH dan UB. Pengungkapan kerajaan sebagai *dalang* dalam *konspirasi* hanya dilaporkan oleh NST.

Kewujudan khabar angin dan berita palsu diketengahkan oleh UB manakala ancaman keselamatan oleh UB dan NST. Tindakan pihak keselamatan digambarkan oleh UM dan NST. Isu serangan penceroboh oleh UM dan isu tuntutan Sabah dinyatakan dalam NST.

Struktur yang seumpama ini menunjukkan bahawa kata yang melambangkan Proses eksistensial tidak terhad kepada kata nama sahaja malah dapat diikuti juga oleh pelbagai kelas kata dan frasa. Kepelbagaian struktur klausa yang mengikutinya masih berupaya mengungkapkan kewujudan sesuatu perkara dengan jelas dalam laporan berita dan dapat difahami oleh pembaca.

9.4 Perbincangan

Daripada analisis yang dilakukan, terdapat beberapa kecenderungan membuat tafsiran antara akhbar nasional dengan akhbar tempatan Sabah. Jadual 9.2 hingga 9.7 yang berikut merupakan ringkasan hasil analisis yang telah dihuraikan satu persatu dalam bab ini.

9.4.1 Proses Material *ceroboh*

Jadual 9.2: Perbandingan elemen klausa Proses Material *ceroboh* antara akhbar

Akhbar	Pelaku	Proses	Penderita/Sasaran
UM	Sultan Sulu dan pengikutnya	menceroboh + membunuh	Sabah anggota polis Malaysia
UM	mana-mana pihak	menceroboh	Sabah
UM	kumpulan itu	menceroboh	negara
BH	Sultan Sulu/ pengikutnya	menceroboh + menuntut	Kg. Tanduo Sabah
NST	pengganas	menceroboh	Lahad Datu, Semporna
UB	sekumpulan lelaki warga asing berpakaian ala tentera dan bersenjata api	menceroboh	Lahad Datu
UM	kumpulan	ceroboh	Sabah
UB	tertuduh	ceroboh	Sabah

Dalam pengungkapan Proses Material *ceroboh/menceroboh*, kedua-dua akhbar nasional menggandingkan dua Proses Material dalam klausa yang sama. Bagi UM, *menceroboh*

menyebabkan kematian melalui pembunuhan manakala BH mentafsir *menceroboh* sebagai tindakan yang mempunyai tujuan khusus, iaitu menuntut Sabah dari Malaysia. Kedua-dua akhbar tempatan Sabah hanya mengungkapkan Proses tersebut sebagai Proses tunggal semata-mata. Pengungkapan Pelaku kepada Proses ini pula menunjukkan terdapat perbezaan leksikal yang digunakan. Kedu-dua akhbar nasional menggunakan butir leksikal yang berdenotasi neutral, iaitu kumpulan, Sultan Sulu dan pengikutnya, mana-mana pihak. UB dan NST pula menggunakan leksikal berdenotasi negatif tertuduh, pengganas dan sekumpulan lelaki warga asing berpakaian ala tentera dengan bersenjata api sebagai Pelaku Proses Material yang sama.

9.4.2 Proses Mental *sedih*

Jadual 9.3: Perbandingan elemen klausa Proses Mental *sedih* antara akhbar

Akhbar	Pelaku/Sensor	Proses	Phenomenon
UM	Kerajaan Malaysia	amat sedih	Peristiwa yang mengorbankan pasukan keselamatan
BH	Kerajaan dan rakyat Sabah	amat sedih dan bersimpati	Pengorbanan anggota keselamatan
NST	Najib dan isteri	sedih dan sebak	Berhadapan balu dan anak-anak pasukan keselamatan
UB	Kerajaan dan rakyat Sabah	sedih dan bersimpati	Insiden ini
UM	Ahli keluarga	Terlalu sukar dan sedih	-
BH	Ahli keluarga	Paling sedih	-
UB	Ahli keluarga	Sedih-sedih	-

Dalam mengungkapkan rasa sedih atas kehilangan nyawa pasukan keselamatan, *Sensor* kerajaan diungkapkan secara berbeza oleh akhbar nasional dan akhbar tempatan Sabah. UM dan BH menggunakan kata penguat *amat* bagi menzahirkan rasa sedih atas peristiwa terkorbannya pasukan keselamatan dalam konflik. Kesedihan anggota keluarga mereka juga

diungkapkan menggunakan kata penguat *paling* dan *terlalu*. Sebaliknya, darjah kesedihan kerajaan, baik kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri Sabah dan anggota keluarga korban ditafsirkan sebagai kesedihan biasa dalam akhbar tempatan Sabah. Tafsiran akhbar nasional mengandungi emosi yang mendalam manakala akhbar tempatan Sabah mentafsirkan rasa sedih yang dialami oleh kedua-dua *Sensor* ini secara objektif.

9.4.3 Proses *Relational* adalah

Jadual 9.4: Perbandingan elemen klausa Proses *Relational* adalah antara akhbar

Akhbar	Pelaku/Carrier	Proses	Attribute
UM	penceroboh	adalah	tentera Kesultanan Sulu, kumpulan pegganas Sulu
BH	penceroboh	adalah	bekas komander MNLF, orang luar, panglima perang
UB	penceroboh	adalah	ketua operasi

Dalam mengungkapkan ciri-ciri penceroboh, akhbar nasional dan tempatan Sabah sepatutnya mentafsirkan penceroboh sebagai pihak yang mempunyai struktur sebuah pasukan tentera. Begitu juga dengan seruan kepada *Behaver* untuk bertenang dalam menghadapi konflik seperti dalam Jadual.. Hanya BH menyeru semua pihak manakala UM dan kedua-dua akhbar tempatan Sabah menunjukan seruan bertenang kepada penduduk Sabah.

9.4.4 Proses *Behaviourial* bertenang

Jadual 9.5: Perbandingan elemen klausa Proses *Behaviourial* bertenang antara akhbar

Akhbar	Pelaku/Behaver	Behaviour
UM	rakyat Sabah	bertenang
BH	semua pihak	bertenang
UB	penduduk Sabah	bertenang
NST	penduduk Kg, Tanduo	bertenang

9.4.5 Proses Verbal *kutuk*

Akhbar nasional dan akhbar tempatan menunjukkan kecenderungan membuat tafsiran yang berbeza melalui Proses *kutuk/mengutuk*. Akhbar nasional *mengutuk* kenyataan pembangkang apabila *Sayer*nya ialah kerajaan. Jika *Sayer* merupakan penduduk tempatan, hal yang dikutuk ialah tindakan pencerobohan. Bagi akhbar tempatan Sabah, kedua-dua kerajaan dan penduduk tempatan secara tekal mengutuk tindakan penceroboh. Perbezaan ini menunjukkan bahawa pada peringkat kerajaan Persekutuan, terdapat tafsiran bahawa wujudnya konflik antara kerajaan dan pembangkang dalam konflik Lahad Datu. Konflik seperti itu tidak wujud di peringkat kerajaan Sabah.

Jadual 9.6: Perbandingan elemen klausa Proses Verbal *kutuk* antara akhbar

Akhbar	Pelaku/Sayer	Proses	Verbiage
UM	Suluk Sabah	kutuk	pencerobohan militan
UM	Etnik Suluk Sabah		tindakan kumpulan militan
BH	TPM	kutuk	kenyataan Tian Chua
UB	Penduduk Lahad Datu	kutuk	tindakan kumpulan pengganas
NST	PBS	kutuk	serangan penceroboh
UM	PM	mengutuk keras	kenyataan Tian Chua
BH	TPM	mengutuk keras	kenyataan Tian Chua
NST	Wakil rakyat berbangsa Suluk	mengutuk	tindakan penceroboh
NST	Masyarakat Suluk tempatan	mengecam + mengutuk sekeras- keras	Insiden pencerobohan

9.4.6 Proses Eksistensial *ada*

Berdasarkan Jadual 9.7 di bawah, perbezaan tafsiran antara akhbar nasional dan akhbar tempatan Sabah dapat dilihat dalam pengungkapan peristiwa pencerobohan. BH memberi penekanan terhadap penceroboh manakala kedua-dua akhbar UB dan NST menumpukan

kepada akibat yang dialami oleh penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, kedua-dua akhbar nasional dan akhbar Sabah sepakat mentafsir bahawa dalang wujud dalam konflik Lahad Datu.

Jadual 9.7: Perbandingan elemen klausa Proses Eksistensial *ada* antara akhbar

Akhbar	Proses	<i>Existent</i>	
BH	ada	lelaki bersenjata api	pencerobohan
UB	ada	nyawa yang terkorban	
NST	ada	kebimbangan	
UM	ada	dalang	dalang
BH	ada	dalang tempatan	
UB	ada	pihak menjadi dalang	
	ada	dalangnya	

Daripada huraian yang ditunjukkan, analisis transitiviti dapat menunjukkan persamaan dan perbezaan tafsiran akhbar-akhbar dalam mengungkapkan peristiwa konflik. Daripada analisis transitiviti, juga dapat diketahui bahawa kata leksikal *kutuk* dan *mengutuk* ini mempunyai tingkat intensiti dengan adanya kata adverba yang bergandingan dengannya dalam klausa yang sama. Kata konflik verbal *kutuk* yang berganding dengan kata adverba sifat *keras*, dan kata *mengutuk* dengan adverba *sekeras-kerasnya* menggambarkan makna tingkat intensiti *mengutuk* yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan kata *kutuk* secara tanpa gandingan kata adverba. Huraian ini menunjukkan bahawa analisis makna pada peringkat wacana dapat meluaskan dan melengkapkan makna leksikal sesuatu kata konflik dengan adanya konteks penggunaan yang pelbagai.

Butir leksikal yang berbeza yang digunakan bagi mengungkapkan suatu Proses yang sama menunjukkan tafsiran yang berbeza-beza oleh akhbar terhadap sesetengah pihak yang terlibat

dalam konflik. Daripada pola penggunaan tersebut, kecenderungan sesetengah akhbar dalam melaporkan konflik dapat dikenal pasti dan dilakarkan. Kecenderungan tersebut mencerminkan pandangan dan persepsi sesuatu akhbar terhadap konflik yang dilaporkan. Hal ini bertepatan dengan pernyataan (Chen, 2007:30) bahawa transitiviti membolehkan ahli linguistik mengetahui bagaimana pewacana menonjolkan (*foreground*) makna-makna tertentu dalam wacana dan menyembunyikan (*suppress*) makna yang lain melalui pilihan Proses tertentu, dan menghalakan persepsi pembaca terhadap sesuatu makna dalam teks ke arah yang dikehendaki.

Selain perbezaan penggunaan unsur-unsur bahasa dalam mengungkapkan Proses, Pelaku dan Keadaan, kedudukan ketiga-tiga elemen transitiviti dalam struktur tema dan rema klausa juga menentukan makna. Kedudukan sesuatu elemen pada tema menunjukkannya penting pada tafsiran pewacana.

9.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, analisis transitiviti dapat digunakan untuk menganalisis makna kata leksikal konflik pada peringkat wacana dengan objektif dan sistematik. Sesuatu Proses dalam klausa terdiri daripada Pelaku, Penderita atau Sasaran tetapi bukanlah suatu kemestian untuk ketiga-tiga elemen klausa ini hadir dalam satu masa. Ada kalanya klausa hanya mempunyai Pelaku kepada Proses tetapi tidak mempunyai Sasaran (*Goal*) sama ada dalam bentuk Penderita atau Objek. Kewujudan kedua-dua bentuk klausa seumpama inilah yang menerbitkan konsep transitiviti yang mana klausa tidak terbatas kepada adanya Objek atau Penderita. Melalui transitiviti juga, perbezaan dan kecenderungan akhbar nasional dan

akhbar tempatan Sabah dalam melaporkan konflik Lahad Datu dapat dikenal pasti dan dilakarkan.

Universiti Malaya

BAB 10: KESIMPULAN

10.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan rumusan kepada kajian yang telah dilaksanakan untuk merumuskan berkaitan dapatan kajian, kesesuaian metodologi yang digunakan, bagaimana kajian ini dapat memenuhi kepentingan kajian yang ditetapkan, dapatan-dapatan lain yang berkaitan, sumbangan kajian dan cadangan kajian lanjut pada masa yang akan datang.


10.2 Dapatan kajian

Daripada analisis, dapat dirumuskan bahawa kajian ini telah mencapai objektif yang dinyatakan dalam Bab 2, seperti yang berikut:

10.2.1 Unsur-unsur bahasa yang menggambarkan konflik

Daripada analisis kata kunci yang kaedahnya telah dihuraikan dalam Bab 4, subtajuk 4.4.1, sebanyak 74 kata leksikal konflik yang kerap digunakan dalam laporan berita konflik terdiri daripada kata nama (35 kata), kata kerja (36 kata) dan kata sifat (3). Kata-kata ini dapat dibahagikan kepada dua, iaitu (i). kata -kata leksikal yang menggambarkan peristiwa konflik, dan (ii). kata -kata leksikal yang menggambarkan pengurusan dan penyelesaian konflik seperti yang dihuraikan dalam Bab 5. Kata nama yang menunjukkan Hasil Perbuatan paling banyak digunakan, diikuti oleh kata nama Pelaku, kata nama yang menerangkan Perbuatan, dan kata nama yang menunjukkan Sifat. Kata nama Hasil Perbuatan lebih kerap digunakan, sesuai dengan genre laporan berita yang memaparkan peristiwa atau kejadian hasil daripada Perbuatan oleh pelaku konflik.

Semua kata kerja yang digunakan dalam laporan konflik merupakan kata kerja perbuatan dan Subjeknya berfungsi sebagai Pelaku. Kata kerja perbuatan ini pula dibahagikan kepada kata kerja perbuatan sengaja, perbuatan menyebabkan, dan perbuatan luar sendiri (Asmah, 2015:95-97). Rajah 10.1 di bawah menunjukkan kata leksikal konflik yang merupakan unsur-unsur bahasa yang menjadi isi penting dalam laporan berita konflik yang dikaji.



Rajah 10.1: Unsur bahasa yang menjadi isi penting bagi menggambarkan konflik Lahad Datu

10.2.2 Penggambaran konflik Lahad Datu

Dengan menggunakan analisis komponen makna, 75 kata leksikal ini dikelaskan kepada konsep-konsep makna yang menggambarkan konflik Lahad Datu berdasarkan hubungan hipenim dan hiponim. Daripada konsep-konsep yang terbentuk, penggambaran konflik yang

dikaji dalam akhbar boleh dibahagikan kepada dua perkara, iaitu i). peristiwa konflik, dan ii) pengurusan dan penyelesaian konflik.

10.2.2.1 Penggambaran peristiwa konflik

Konflik Lahad Datu merupakan peristiwa konflik verbal dan peristiwa konflik fizikal bersenjata.

(a) Peristiwa konflik verbal

Konflik ini dikatakan sebagai konflik verbal apabila wujudnya konsep-konsep makna yang menggambarkan tindakan-tindakan konflik, dilakukan menggunakan perantaraan bahasa, iaitu **menghina**: *menghina, kutuk, mengutuk, memburukkan*; **melekehkan**: *memperlekeh, memperlekehkan, mempersenda, mempersenda-sendakan*; **menafikan**: *menafikan*; **berbohong**: *pembohongan*; **menuduh**: *menuduh, tuduhan*; **bantah**: *pembangkang*; memberi **amaran**: *amaran*, dan membuat **andaian**: *spekulasi*, oleh pihak-pihak yang berkonflik.

Kesemua 15 tindakan berkonflik yang dilakukan secara verbal merupakan pernyataan yang dibuat secara terbuka, baik melalui ujaran lisan yang diungkapkan semasa temu bual dengan wartawan, mahupun melalui kenyataan-kenyataan kepada wartawan yang dilaporkan dalam media.

Terdapat 14 tindakan konflik verbal yang dilakukan secara sengaja dengan pelbagai tujuan [+sebab khusus], iaitu untuk mencemarkan imej, memperkecilkan lawan, menidakkan dan menyanggah kenyataan pihak lawan, membuat dakwaan, memberi

peringatan, dan, membuat andaian dan bantahan. Hanya tindakan membuat andaian dibuat secara umum tanpa meletakkan mana-mana pihak sebagai sasaran atau menetapkan sebarang tujuan [-sasaran/sebab khusus]. Kesemua tindakan verbal merupakan tindakan oleh sebelah pihak [+sehala] yang hanya menggunakan bahasa [+unimodal].

Terdapat juga kata leksikal yang dijadikan senjata dalam konflik verbal ini. Ada pihak yang menjadikan kata *menafikan* sebagai **senjata verbal** untuk melindungi kepentingan dan mencapai tujuan mereka.

(b) Peristiwa konflik fizikal bersenjata

Dalam konflik juga, konsep-konsep makna yang terbentuk daripada analisis medan makna menunjukkan terdapatnya tindakan fizikal yang melibatkan penggunaan senjata secara langsung mahupun tidak langsung. Tindakan ini dilakukan oleh manusia selaku **Pelaku Nyata**: *pejuang, pengganas, pasukan keselamatan, penceroboh, musuh, panglima perang*; **Pelaku Tersembunyi**: *tersembunyi: dalang, suspek*; dan **Penderita**: *mangsa*. Selain daripada itu, konflik juga mengandungi **peristiwa**: *perang, insiden* dan **suasana dan kesan konflik**: *keganasan, ketakutan*. Laporan konflik juga memperlihatkan adanya **kaedah konflik**: *ceroboh, serang, gempur, geledah, tembak, gerila*, dan **akibat konflik**: *kehilangan nyawa, kecederaan, tragedi, kerosakan*.

Walaupun tindakan-tindakan konflik fizikal yang berlaku bukan tindakan yang bersentuhan secara langsung seperti menumbuk, menampar dan seumpamanya, ia masih

membabitkan tindakan secara fizikal antara pihak penceroboh dengan pasukan keselamatan, dalam bentuk pertempuran bersenjata antara pasukan keselamatan dengan penceroboh yang memerlukan kedua-dua pihak melakukan tindakan secara fizikal. Tindakan fizikal ini berlaku dalam jarak tertentu dan tidak melibatkan sentuhan fizikal secara langsung. Bagaimanapun, tindakan fizikal tanpa sentuhan ini memberikan akibat seperti kecederaan pada tubuh badan dan menyebabkan kematian. Kesemua 23 tindakan konflik fizikal ini mempunyai sasaran atau tujuan tindakan [+sasaran/sebab khusus].

10.2.2.2 Penggambaran pengurusan dan penyelesaian konflik

(a) Pengurusan konflik

Pengurusan konflik digambarkan melalui konsep-konsep makna **taktik**, **taktik verbal**, **sikap** dan **tindakan** oleh pihak-pihak yang berkonflik. Masing-masing melakukan taktik tertentu kepada pihak lawan dalam konflik dan mengambil sikap-sikap yang tertentu dalam menghadapi konflik. Kesemua 17 tindakan pengurusan konflik merupakan tindakan yang mempunyai sasaran dan tujuan [+sasaran/sebab khusus] dan dilakukan oleh sebelah pihak [+sehalu]. Tujuh daripadanya menyebabkan berlakunya konflik yang lain [+konflik lain]. Walaupun pada permulaannya, konflik ini merupakan konflik antara penceroboh dengan pihak berkuasa keselamatan Malaysia, ia kemudiannya menerbitkan konflik antara kerajaan dengan pembangkang, dan antara beberapa pihak dengan pihak yang lain.

(b) Penyelesaian konflik

Penggambaran tindakan penyelesaian konflik dalam akhbar pula ditunjukkan oleh konsep-konsep yang menunjukkan kaedah penyelesaian, iaitu i. penyelesaian sehalah oleh sesetengah pihak yang berkonflik, ii. penyelesaian dua hala oleh pihak-pihak yang berkonflik, iii. pelaksanaan langkah damai sementara dan kekal, dan iv. tindakan oleh pihak pemutus atau *arbiter* yang merupakan pihak ketiga. Penyelesaian secara sehalah oleh sebelah pihak yang berkonflik paling kerap dilaksanakan, iaitu melalui penyelesaian sehalah pihak yang berkonflik dan juga penyelesaian oleh pihak pemutus atau *arbiter*. Penyelesaian oleh kedua-dua belah pihak paling kurang dilakukan. *Gencatan senjata* yang terhasil melalui penyelesaian dua pihak boleh bersifat kekal atau sementara. Jika dicabuli oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam gencatan tersebut, *gencatan senjata* akan menjadi langkah perdamaian sementara, seperti yang terjadi dalam konflik ini apabila penceroboh melanggar gencatan senjata yang telah dipersetujui dengan pasukan keselamatan.

10.2.2 Tipologi konflik Lahad Datu

Unsur-unsur bahasa yang digunakan dalam laporan berita konflik menunjukkan konflik ini bersubjekkan manusia dan mengandungi dua perkara utama, iaitu peristiwa konflik, dan pengurusan dan penyelesaian konflik. Peristiwa konflik diungkapkan oleh konsep-konsep yang menggambarkan tindakan-tindakan konflik yang menggunakan [+bahasa], dan tindakan-tindakan konflik fizikal yang melibatkan pergerakan tubuh badan [+fizikal] dan menggunakan alat [+senjata]. Tindakan konflik yang menggunakan bahasa [+bahasa] ialah konflik verbal. Tindakan konflik yang melibatkan pergerakan tubuh dan menggunakan

senjata [+fizikal][+senjata] merupakan konflik fizikal bersenjata. Oleh itu, konflik Lahad Datu dikategorikan secara tipologinya sebagai konflik verbal dan konflik fizikal bersenjata.


Tindakan-tindakan berkonflik bagi jenis konflik verbal ialah tindakan memberi amaran, membuat bantahan, menafikan, menghina, melekehkan, berbohong, menuduh dan membuat andaian. Tindakan ini dikonsepsikan sebagai hipernim *amaran, bantah, nafi, hina, lekeh, bohong, tuduh* dan *andaian*. Bagi konflik jenis fizikal bersenjata terdiri daripada Manusia sebagai Pelaku Nyata, Pelaku Tersembunyi dan Penderita, Peristiwa konflik, Suasana dan kesan konflik, Kaedah konflik dan Akibat konflik. Pelaku Nyata ialah apa yang dapat dilihat secara fizikal, iaitu *penceroboh* dan *pengganas* manakala Pelaku Tersembunyi ialah *dalang* dan *suspek*. Penderita dalam konflik fizikal ialah *mangsa*.

Selain sebagai peristiwa konflik verbal dan peristiwa konflik fizikal bersenjata, konflik Lahad Datu juga mempunyai kaedah pengurusan dan penyelesaian konflik. Konflik Lahad Datu diuruskan melalui pelaksanaan Taktik, Taktik Verbal, Sikap dan Tindakan. Penyelesaian konflik pula bersifat sehala, dua hala, damai sementara atau kekal dan menggunakan tindakan pemutus.

Jenis konflik yang menggabungkan kedua-dua konflik verbal dan fizikal seperti yang diperoleh dalam kajian Asmah (2013:18), tidak wujud dalam konflik Lahad Datu ini. Hal ini demikian kerana tindakan-tindakan Verbal yang berlaku dalam konflik yang dikaji merupakan tindakan yang tidak bersemuka dan diungkapkan melalui perantaraan teks laporan akhbar. Tindakan Verbal dengan perantaraan akhbar seumpama ini merupakan tindakan Verbal yang tidak melibatkan unsur kekerasan secara langsung atau melibatkan

sentuhan secara fizikal [+canggih]. Tindakan untuk mengurus dan menyelesaikan konflik pula dilaksanakan hasil inisiatif kedua-dua pihak yang berkonflik sama ada secara sebelah pihak atau dua pihak, dan juga tindakan oleh pihak ketiga.

Konsep-konsep makna dalam penggambaran konflik yang dinyatakan di atas, dipetakan dalam rajah tipologi konflik Lahad Datu yang berikut:



Rajah 10.2: Tipologi konflik Lahad Datu

10.3 Kecenderungan membuat tafsiran konflik Lahad Datu yang berbeza-beza antara akhbar

Pengalaman, pemikiran dan perasaan manusia hanya dapat diungkapkan dan dizahirkan melalui bahasa. Dalam Teori Linguistik Sistemik-Fungsional (TLSF), pengungkapan ketiga-tiga pengalaman, pemikiran dan perasaan ini disebut sebagai Proses. Klausa, ayat dan perenggan teks berita konflik dianalisis menggunakan kaedah transitiviti yang meneliti Proses bersama-sama dengan pihak yang menjadi Pelaku/penderitanya, dan keadaan atau tempat berlakunya Proses. Kaedah ini dapat menunjukkan dua perkara, iaitu:

- (i) Bagaimana unsur-unsur bahasa digunakan oleh akhbar-akhbar yang dipilih untuk mengungkapkan Proses-Proses yang berlaku dalam konflik; dan
- (ii) Bagaimana unsur-unsur tersebut disusun dan dirangkaikan dalam struktur tematik klausa, iaitu tema dan rema klausa bahasa Melayu.

Laporan konflik yang ditulis oleh setiap akhbar merupakan binaan daripada susunan klausa, ayat dan perenggan yang mengandungi pemikiran, perasaan dan pengalaman tentang konflik yang ingin diungkapkan yang disebut sebagai Proses.

Keenam-enam Proses yang berlaku dalam bahasa yang disebutkan oleh Halliday (1981, 1985) dalam teori ini, didapati berlaku dalam laporan konflik Lahad Datu. Proses Material merupakan Proses yang paling kerap, diikuti oleh Proses Verbal, Proses *Relational*, Proses Mental, Proses *Behaviourial*, dan Proses Eksistensial. Kekerapan berlakunya Proses Material ini sememangnya bersesuaian dengan wacana yang dikaji, yang merupakan pengalaman penulis atau wartawan dalam dunia nyata sebuah konflik. Daripada 40 Proses

yang dikenal pasti daripada senarai kata kunci konflik, 21 daripadanya merupakan Proses Material. Kesemua 21 Proses Material ini merupakan Proses *doing* yang menunjukkan bahawa tindakan-tindakan yang berlaku mempunyai Pelaku dan Sasaran yang menerima kesan daripada perbuatan Pelaku. Dengan kata lain, semua Proses Material yang berlaku dalam konflik Lahad Datu merupakan tindakan aktif yang menyebabkan berlakunya pelbagai peristiwa dalam konflik. Dapatan ini juga selari dengan huraian dalam Bab 5, subtajuk 5.2.1 perenggan dua yang menyatakan bahawa kata nama hasil perbuatan merupakan bentuk kata nama yang paling banyak digunakan dalam teks laporan berita konflik berbanding bentuk kata nama yang lain. Kekekapan ini bertepatan dengan genre laporan konflik yang menggambarkan kejadian dan peristiwa yang menjadi hasil perbuatan pihak-pihak yang menjadi Pelaku dalam konflik.

Berbeza dari Proses Material, Proses *Behaviourial* pula merupakan Proses yang paling sedikit kekerapannya berlaku dalam korpus kajian. Proses ini ialah Proses yang memperlihatkan perbuatan manusia secara fisiologi dan psikologi yang boleh dilihat. Dalam konflik Lahad Datu, Proses ini ialah *bertenang*. Tindakan *bertenang* hanya melibatkan penduduk sebagai Pelaku tunggal.

10.3.1 Perbezaan penggunaan unsur-unsur bahasa

Pengungkapan tentang peristiwa konflik ini boleh sama atau berbeza antara akhbar, yang dipengaruhi oleh tafsiran sesuatu akhbar terhadap kejadian yang dilaporkan. Perbezaan tafsiran ini ditunjukkan melalui pemilihan kata kata dan susunan struktur tematik klausa yang boleh diketahui daripada analisis transitiviti ke atas klausa Proses-proses konflik yang

ada dalam teks wacana. Kecenderungan ini ditunjukkan melalui unsur-unsur bahasa yang digunakan oleh sesebuah akhbar, pengguguran unsur-unsur bahasa yang tertentu dan bagaimana unsur-unsur ini disusun dalam struktur tematik klausa yang menjadi asas binaan sistem leksiko-nahu laporan berita konflik.

Dalam pengungkapan Proses Material *ceroboh*, kesedihan kerajaan terhadap korban peristiwa konflik diungkapkan oleh keempat-empat akhbar. Bagaimanapun, kesedihan NGO dan rakan sepasukan hanya diungkapkan oleh kedua-dua akhbar nasional manakala NST merupakan satu-satunya akhbar yang tidak mengungkapkan kesedihan dalam kalangan ahli keluarga pasukan keselamatan yang terkorban. Melalui Proses *Relational*, hanya akhbar NST menyifatkan *pembangkang* sebagai pemain politik yang *paling jijik, bebal dan tidak berfikiran waras* sebagai reaksi kepada kenyataan *pembangkang* yang mengatakan bahawa konflik yang berlaku ialah konspirasi terancang UMNO. Isu pemilikan Malaysia ke atas *Sabah* yang masih menjadi polemik pula hanya diungkapkan oleh akhbar UM.

Seruan *bertenang* dalam Proses *Behaviourial* oleh akhbar UM dan BH ditujukan kepada *semua pihak* secara umum yang merangkumi seluruh rakyat Malaysia manakala UB selaku akhbar tempatan menunjukan seruan *bertenang* kepada *penduduk* setempat. BH mengungkapkan Proses Verbal *mengutuk* pencerobohan dengan memperlihatkan darjah kesangatan atau intensiti dengan menggunakan frasa *kutuk keras*. Kata sifat keras yang digandingkan menerbitkan makna *kutuk* yang lebih tinggi darjahnya berbanding tindakan *mengutuk* yang biasa. NST juga menggandakan tahap kesangatan dalam mengutuk dengan menggabungkan kata kerja *mengecam* dan kata adverba *sekeras-keras* dalam frasa '*mengecam dan mengutuk sekeras-keras pencerobohan*' dalam laporan berita konfliknya.

Pengungkapan Proses Eksistensial oleh akhbar NST mengenai kewujudan *penceroboh* lebih lembut nadanya berbanding dengan akhbar-akhbar yang lain. NST menurunkan darjah ketegangan konflik dengan mengaitkan *penceroboh* sebagai pihak yang mempunyai hubungan dekat dengan rakyat Sabah melalui klausa '*mereka ada juga saudara-mara di sini*'. Bagi mengungkapkan kehilangan anggota keluarga pasukan keselamatan, BH, UB dan NST menggunakan kata kerja *terkorban* tetapi tidak menggunakannya untuk mengungkapkan kematian di pihak penceroboh. Penggunaan kata leksikal yang berbeza untuk mengungkapkan peristiwa yang sama, memberikan tafsiran bahawa kematian anggota pasukan keselamatan yang sanggup berjuang kerana kasih kepada negara lebih mulia berbanding dengan kematian penceroboh yang kehilangan nyawa kerana melakukan pencerobohan yang salah dari segi undang-undang dan etika.

Kedua-dua akhbar tempatan Sabah didapati lebih berhati-hati apabila melaporkan kewujudan *dalang* dalam konflik. NST dan UB meletakkan sumber berita mengenai *dalang* daripada sumber kerajaan manakala kedua-dua akhbar nasional lebih berani dengan menyiarkannya tanpa merujuk kepada sumber-sumber berita yang tertentu.

10.3.1.1 Perbezaan tafsiran konflik antara akhbar nasional dengan akhbar tempatan Sabah

Daripada analisis transitiviti, berikut disenaraikan tiga perbezaan tafsiran antara akhbar yang diterbitkan di Semenanjung Malaysia dengan akhbar tempatan yang diterbitkan di Sabah. Perbezaan dapat dilihat dalam pengungkapan Proses Material *ceroboh*, Proses Mental *sedih* dan Proses Verbal *kutuk*, seperti dalam Jadual di bawah:

Jadual 10. 1 Perbezaan tafsiran antara akhbar Semenanjung dengan akhbar tempatan Sabah

Proses	Akhbar Semenanjung	Akhbar tempatan Sabah
Proses Material <i>ceroboh</i>	Tindakan menceroboh merupakan tindakan yang menyebabkan peristiwa konflik yang lain, iaitu pembunuhan dan tuntutan ke atas Sabah.	Tindakan menceroboh berlaku secara tunggal tanpa menyebabkan peristiwa konflik yang lain.
Proses Mental <i>sedih</i>	Kesedihan akibat kematian pasukan keselamatan diungkapkan berserta emosi yang mendalam.	Perasaan sedih terhadap kematian pasukan keselamatan ditafsirkan secara objektif tanpa sebarang petunjuk emosi.
Proses Verbal <i>kutuk</i>	Jika <i>Sayer</i> ialah kerajaan, kutukan diarahkan kepada pembangkang. Sebaliknya jika <i>Sayer</i> ialah penduduk tempatan, kutukan ditujukan kepada tindakan pencerobohan yang berlaku.	Kutukan ditujukan kepada tindakan pencerobohan tanpa mengira <i>Sayer</i> terdiri daripada kerajaan atau penduduk tempatan.

Satu-satunya persamaan tafsiran antara akhbar Semenanjung dengan akhbar tempatan Sabah ialah kedua-dua kumpulan akhbar ini mentafsirkan bahawa *dalang* wujud dalam konflik Lahad Datu 2013. Kewujudan *dalang* diungkapkan oleh Proses Eksistensial *ada*.

10.3.2 Perbezaan susunan dan rangkaian unsur-unsur bahasa dalam struktur tematik klausa

Berbanding dengan perbezaan kecenderungan tafsiran yang disebabkan oleh penggunaan unsur-unsur bahasa yang lebih kerap ditemui dalam korpus kajian, susunan dan rangkaian unsur bahasa dalam struktur tematik klausa amat jarang berlaku. Hampir semua Proses diungkapkan oleh akhbar yang berbeza dengan susunan tematik yang sama. Hanya dalam pengungkapan Proses Material *ceroboh*, UM meletakkan *kerajaan* sebagai pihak yang

penting berperanan dalam mencari penyelesaian konflik secara damai dan melakukan *tindakan kerajaan* mempertingkat kawalan keselamatan bagi mencegah kejadian pencerobohan berlaku lagi pada masa yang akan datang. Kedua-dua *kerajaan* dan *tindakan kerajaan* ini disifatkan penting kerana diletakkan dalam struktur tema klausa. UB pula meletakkan sebab musabab yang menjadi dorongan kepada penceroboh, iaitu *disuruh dan diupah* pada tema klausa. Perbezaan kedua-dua akhbar ini menunjukkan perbezaan tafsiran kedua-duanya dalam mengungkapkan Proses Material *ceroboh* dalam laporan masing-masing.

10.4 Kesesuaian metodologi yang digunakan

Untuk mengendalikan data penggunaan bahasa sebenar yang besar saiznya, analisis kekerapan kata menggunakan pendekatan linguistik korpus sesuai digunakan untuk mengecilkan skop dan menyenarai pendek data yang akan dikaji, secara objektif dan empiris tanpa pertimbangan berat sebelah, berdasarkan kriteria-kriteria penyelidikan yang betul.

Kaedah analisis medan makna dan analisis transitiviti merupakan kaedah yang sesuai digunakan untuk menghuraikan makna pada peringkat leksikal dan wacana. Analisis medan makna dapat digunakan untuk mengenal pasti komponen-komponen makna yang membezakan antara satu konsep atau hipernim dengan hipernim yang lain, dan antara hiponim dengan ko-hiponim yang lain. Daripada kaedah ini dapat dikenal pasti ciri makna yang asas (primitif) yang dikongsi bersama dan makna pembeza bagi sesuatu kata leksikal konflik. Ciri-ciri makna ini dapat dijadikan asas bagi memetakan tipologi peristiwa konflik dan tipologi pengurusan dan penyelesaian konflik secara ilmiah dan objektif.

Analisis transitiviti pula dapat mengenal pasti dan menghuraikan makna kata leksikal konflik melalui klausa Proses-Proses yang berlaku dalam konflik, Pelaku yang melaksanakan Proses, dan latar maklumat (*Circumstances*) Proses dapat diketahui dengan sistematik dan objektif samada dengan rujukan kepada ayat atau perenggan sebelum atau sesudahnya. Cara pengungkapan Pelaku, Proses dan latar maklumat berlakunya Proses konflik dalam klausa juga dapat memberikan tafsiran makna tertentu kepada tindakan-tindakan yang berlaku dalam konflik yang dikaji. Kelebihan-kelebihan analisis makna pada peringkat wacana ini sudah tentunya menjelaskan lagi makna leksikal sesuatu kata konflik. Daripada susunan struktur tema dan rema klausa juga, persamaan atau perbezaan tafsiran makna antara akhbar juga dapat diketahui dengan mudah. Dengan demikian, satu gambaran yang menyeluruh dapat dihasilkan berkenaan dengan sesuatu wacana yang dikaji.

10.5 Memenuhi kepentingan kajian

Kajian ini telah memenuhi kepentingan kajian yang ditetapkan seperti yang berikut:

- i. Bahasa sebagai sistem perlambangan boleh ditafsirkan menurut kebiasaan pengguna dalam konteks situasi yang berbeza-beza. Ciri ini membolehkan bahasa digunakan untuk mengungkapkan pelbagai tafsiran.

Sesuatu unsur bahasa yang digunakan dalam laporan konflik boleh ditafsirkan secara berbeza-beza berdasarkan konteks situasi yang berbeza. Daripada analisis yang dilakukan, memang berlaku keadaan seumpama ini dalam laporan berita peristiwa konflik Lahad Datu. Dalam pengungkapan Proses Material *ceroboh*, penceroboh digambarkan sebagai Pelaku yang beragama Islam dan melakukan pencerobohan

bersenjata seperti yang dibincangkan dalam Bab 9, subtajuk 9.3.1.1 contoh 1. Mereka juga melakukan ancaman keselamatan kepada penduduk tempatan dan membakar rumah penduduk seperti yang ditunjukkan dalam Bab 7 subtajuk 7.2.1.1 contoh 3 dan 4. Ketiga-tiga contoh ini memberikan tafsiran bahawa orang *Islam* mempunyai ciri dan sikap yang ganas dan negatif.

- ii. Berbangkit dari (i), adalah penting bagi pengguna bahasa terutama sekali dalam konteks konflik, melihat penggunaan sesuatu unsur bahasa itu dalam konteks situasinya, sebelum membuat sesuatu kesimpulan, agar tidak menimbulkan salah faham.

Penggambaran kepada orang Islam yang ditunjukkan oleh penceroboh dalam laporan berita konflik sememangnya negatif. Walau bagaimanapun, pembaca perlu melihat juga kepada Bab 9, subtajuk 9.3.1.1 contoh 1a yang menyatakan bahawa sikap dan tindakan penceroboh yang ganas dan mengancam keselamatan penduduk adalah kejam dan disifatkan sebagai tindakan di luar batas kemanusiaan dan agama Islam.

Perbezaan makna Islam dalam konteks situasi yang berbeza ini perlu diperhatikan dan difahami sebelum pembaca menyimpulkan bahawa Islam mempunyai makna yang negatif dalam semua konteks penggunaannya. Pemahaman yang betul oleh pembaca penting agar tidak berlaku salah tanggapan terhadap agama Islam yang boleh mencetuskan konflik lain seperti sikap anti-Islam, Islamofobia dan yang seumpamanya, terutamanya dalam kalangan pembaca bukan Islam.

- iii. Salah faham atau salah tafsir yang berpunca daripada penggunaan sesuatu unsur bahasa dalam laporan berita boleh membawa kepada salah laku etika dan juga konflik bersenjata.

Dalam konteks konflik yang dikaji, pembaca akhbar di negara ini sudah matang dalam menilai dan memahami tafsiran berbeza yang berlaku dalam laporan berita. Pemahaman yang baik dan kemampuan untuk menilai tafsiran sesebuah akhbar yang ditunjukkan melalui penggunaan sesuatu unsur bahasa seperti yang ditunjukkan dalam (ii), mencegah berlakunya konflik-konflik lain seperti akibat salah tafsiran mengenai kata *hudud* dalam laporan berita mengenai isu pembentangan Rang Undang-undang Mahkamah Syariah yang telah dinyatakan dalam Bab 2, subtajuk 2.2.2.1, yang menyebabkan ADUN Gurun meletakkan jawatan sebagai protes, dan mencetuskan pula konflik yang lain, iaitu konflik politik.

10.6 Dapatan lain

Selain daripada memenuhi kepentingan kajian yang ditetapkan, beberapa dapatan baharu kajian telah dikenal pasti, seperti yang berikut:

- i. Komponen makna durasi konflik

Berdasarkan kajian tipologi konflik Asmah (2013), yang melihat leksikal konflik bahasa Melayu, konflik verbal yang mempunyai komponen makna [-bimodal], iaitu tindakan konflik yang disampaikan melalui kaedah lisan, akan berlaku dalam tempoh yang lebih singkat berbanding konflik yang disampaikan melalui gabungan kaedah lisan dan tulisan yang dicirikan oleh komponen makna [+bimodal]. Dalam konflik Lahad Datu, semua 15

kata konflik verbal merupakan tindakan yang disampaikan dengan perantaraan medium tulisan (laporan berita) oleh akhbar [-bimodal]. Konflik ini berlaku dalam tempoh waktu yang lama kerana perlu dipindahkan dalam bentuk berita dan liputan yang berterusan, dan memuatkan tindak balas verbal pihak-pihak yang berkonflik yang tidak boleh berlaku secara langsung dan singkat.

ii. Perbezaan struktur sintaktik antara Proses bahasa Melayu dengan Proses bahasa Inggeris

Struktur sintaktik bagi klausa Proses Eksistensial dalam bahasa Melayu berbeza dengan struktur bahasa Inggeris. Dalam bahasa Inggeris, kata ekspletif '*there*' selalu digunakan dan diletakkan sebelum kata nama yang dimaksudkan sebagai objek klausa. Struktur ini berbeza dengan bahasa Melayu. Kata yang melambangkan Proses Eksistensial dalam bahasa Melayu terdiri daripada kata kerja dan kelas kata yang lain. Contohnya kata kerja *ada*. Proses *ada* juga diikuti oleh bukan sahaja kata kerja, malah kata nama dan frasa preposisi. Dengan kata lain, Proses Eksistensial *ada* boleh diikuti oleh kata dan frasa selain kata dan frasa kerja selagi mana kata dan frasa tersebut dapat membawa fungsi sebagai pemberi maklumat dan penerang kepada Proses Eksistensial berkenaan.

iii. Konflik menerbitkan konflik

Kajian ini juga menunjukkan bahawa sesuatu konflik yang sedang berlaku boleh menerbitkan satu konflik yang lain. Konflik fizikal bersenjata Lahad Datu yang dikaji ini menerbitkan konflik politik antara kerajaan dan pembangkang yang boleh dilihat dengan

jasas melalui tindakan-tindakan konflik verbal oleh kedua-dua belah pihak seperti yang diuraikan dalam Bab 6 subtajud 6.3.6.

iv. Analisis kata kunci

Analisis kata kunci menggunakan kaedah linguistik korpus membolehkan data korpus kajian yang besar saiznya disaring secara objektif dan empiris dan menghasilkan kata konflik utama. Kata konflik utama yang ini menjadi titik mula kajian menggunakan pendekatan yang dipilih. Analisis ini boleh diterapkan dalam pelbagai kajian linguistik yang lain.

10.7 Sumbangan kajian

Kajian ini juga memberikan beberapa sumbangan yang signifikan kepada pembinaan dan peluasan ilmu, seperti yang berikut:

i. Penambahan pustaka ilmu

Kajian ini dapat menambah pustaka ilmu dalam bidang linguistik Melayu khususnya dalam kajian analisis wacana konflik verbal dan fizikal bersenjata yang menggunakan Teori Linguistik Sistemik-Fungsional. Kajian konflik lain yang menggunakan kerangka transitiviti TS-F ialah kajian terhadap prosiding lisan Malaysia dan Singapura yang dikemukakan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada tahun 2007, dalam isu pertikaian Pulau Batu Putih (Pedra Branca). Memandangkan data yang digunakan ialah konflik di meja rundingan atau konflik tanpa senjata, kelainan data kajian ini sudah pasti akan memberikan dapatan baharu khususnya dalam aspek penggunaan bahasa dalam pengungkapan konflik dalam wacana laporan akhbar berbahasa Melayu.

ii. Pemetaan tipologi konflik berdasarkan data wacana

Kajian terdahulu oleh Asmah (2013) telah menghasilkan satu tipologi konflik berdasarkan perbendaharaan kata yang diperoleh daripada kamus. Kajian ini pula menerapkan pendekatan beliau bagi meneliti data wacana dengan menggunakan data laporan berita akhbar. Antara dua kajian ini, terdapat sedikit perbezaan pada tipologi yang dihasilkan. Kajian Asmah (2013:17-18,70), menyatakan bahawa konflik yang bersubjekkan manusia terbahagi kepada tiga subbidang, iaitu konflik verbal, fizikal dan verbal + fizikal manakala pengendalian konflik terbahagi kepada pengendalian oleh pihak ketiga dan inisiatif pelaku konflik. Pengendalian oleh pihak ketiga dilaksanakan menerusi perantaraan dan tindakan pemutusan (*arbiter*) manakala inisiatif pelaku dilaksanakan secara sehala dan dua hala. Tipologi yang dapat dipetakan daripada kajian ini pula menunjukkan bahawa konflik bersubjekkan manusia khususnya yang menggunakan data laporan akhbar, boleh terbahagi kepada konflik verbal dan fizikal bersenjata. Pengurusan dan penyelesaian konflik dilaksanakan melalui inisiatif pelaku dan tindakan pemutusan oleh pihak ketiga (*arbiter*).

iii. Senjata verbal

Kajian ini juga menunjukkan bahawa konflik verbal mempunyai senjata. Senjata dalam konteks ini ialah kata-kata tertentu yang digunakan sebagai bagi menyerang dan mempertahankan diri secara verbal pihak lawan konflik. Dalam konteks konflik Lahad Datu ini, kata leksikal *perkataan kesat* digunakan untuk menyerang pihak yang menjadi sasaran secara verbal, bukan secara fizikal, tetapi secara verbal. *Menafikan* pula

digunakan oleh pihak-pihak dalam konflik sebagai perisai atau pertahanan diri daripada dakwaan atau tuduhan yang dibuat oleh pihak yang berkonflik.

iv. Asas bagi modul kewartawanan Melayu

Kajian ini boleh dijadikan asas dalam merangka modul latihan penulisan berkesan kepada wartawan-wartawan bagi menghasilkan berita yang berkualiti dan menyampaikan mesej yang tepat kepada pembaca, khususnya dalam aspek pemilihan dan penggunaan kata, dan pembinaan klausa dan wacana berita. Kaedah yang betul dalam menulis berita akan memudahkan penyampaian maklumat dan pemahaman pembaca.

v. TS-F sebagai asas kepada kajian linguistik forensik

Pendekatan TS-F merupakan kaedah analisis wacana yang rinci dan mendalam yang sesuai dijadikan alat analisis kepada pelbagai kajian linguistik dalam pelbagai bahasa, termasuklah bidang linguistik forensik. Keperluan kepada penyiasatan teks yang rapi, sistematik, tekal dan objektif dalam bidang itu dapat diisi oleh pendekatan ini. Analisis transitiviti merupakan alat analisis data yang mantap dan dapat membantu menjawab persoalan-persoalan dan menyerlahkan kebenaran di sebalik bukti-bukti berbentuk data teks dan data lisan yang menjadi keutamaan dalam bidang tersebut.

10.8 Cadangan kajian lanjutan

- i. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini boleh diterapkan untuk mengkaji data-data konflik yang lain.

- ii. Data yang sama boleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis wacana yang lain.
- iii. Data konflik yang sama dalam akhbar Filipina boleh dianalisis menggunakan pendekatan yang sama atau berbeza untuk mendapatkan perbandingan tafsiran antara akhbar Malaysia dan akhbar Filipina terhadap konflik ini.
- iv. Pendekatan yang sama juga boleh digunakan untuk melihat makna dalam teks perjanjian yang menjadi perbualan dalam sejarah konflik ini seperti yang dinyatakan dalam Bab 1.

10.9 Kesimpulan

Teori yang dipilih dapat diterapkan dalam kajian ini dan berjaya mencapai objektif dan memenuhi kepentingan kajian yang ditetapkan. Dapatan kajian ini juga dapat meluaskan sempadan kepustakaan dalam analisis makna leksikal dan makna wacana dalam teks bahasa Melayu, dan membuka ruang ilmu yang baharu, khususnya melalui data laporan berita konflik.

Senarai rujukan:

Laporan, siaran akhbar dan bahan rujukan piawai

- ... Audit Bureau Circulation Malaysia. (2015). Circulation Reporting Standard-Newspaper.
- ... Audit Bureau Circulation Malaysia. (2013). Circulation Figures - Paid Newspapers Print Edition Geographical Distribution - Sabah -January 2013 To June 2013. (2013): Audit Bureau Circulation Malaysia.
- ... Audit Bureau Circulation Malaysia. (2013). Circulation Figures - Paid Newspapers Print Edition-Geographical Distribution - Peninsular Malaysia-January 2013 to June 2013. (2013): Audit Circulation Bureau Malaysia.
- ...Arkib Negara Malaysia. Pelantikan rombongan bangsa-bangsa bersatu ke Sabah dan Sarawak. Capaian dari Arkib Negara Malaysia http://hids.arkib.gov.my/readarticle.php?article_id=6053
- ...Arkib Negara Malaysia. Borneo Utara (Sabah) dan Labuan dijadikan tanah jajahan British. Capaian dari Arkib Negara Malaysia http://hids.arkib.gov.my/readarticle.php?article_id=7167
- ...Arkib Negara Malaysia. Penubuhan-Malaysia-16-September-1963. Capaian dari <http://www.arkib.gov.my/web/guest/penubuhan-malaysia-16-september-1963>
- ... ESCOMM (2013). ESSZONE dan ESSCOM: Apakah Beza ESSZONE dan ESSCOM? Capaian dari <http://esscom.gov.my/esszone-dan-esscom/>
- ... Kamus Dewan Edisi Ke-4. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ... Korpus DBP. (2013). Capaian dari <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/SelectUserCat.aspx>
- ... Laporan Tahunan SKMM. (2013): Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- ...Oxford English Dictionary Online (2018). Capaian dari https://www.lexico.com/definition/oxford_english_dictionary
- ... Siaran Akhbar YB Menteri Luar Negeri Malaysia Mengenai Tuntutan Filipina Ke Atas Sabah. (2015). Putrajaya, Malaysia: Kementerian Luar Negeri.
- ... Sabah State. (2013). In T. E. o. E. Britannica (Ed.).
- ...SKMM. (2013). Laporan Tahunan 2013.

... Statement of President Aquino on Sabah, February 26, 2013. (2013). . New Executive Building, Malacañang: Government of Republics of the Philipines Capaian dari <http://www.gov.ph/2013/02/26/statement-of-president-aquino-on-the-sabah-incident-february-26-2013/>

Universiti Malaya

Artikel akhbar

- 10 salah faham usul RUU Akta Mahkamah Syariah. (2016). *Sinar Harian*. Capaian dari <http://www.sinarharian.com.my/wawancara/10-salah-faham-usul-ruu-akta-mahkamah-syariah-1.527384>
- 1MDB: Bekas Pengarah Urusan BSI Dipenjara 18 Minggu, Didenda. (2016). *Mstar.com*. Capaian dari <http://www.mstar.com.my/berita/berita-dunia/2016/11/11/pengarah-urusan-bsi-dipenjara>
- Akhirnya, Hadi bentang usul di Parlimen buka laluan laksana hudud. (2016). *The Malay Mail Online*. Capaian dari <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/akhirnya-hadi-bentang-usul-di-parlimen-untuk-laluan-laksana-hudud#sthash.s7yr9lra.dpuf>
- Atirah Hasli. (2016). Isu 1MDB: Muhyiddin cabar Najib ambil tindakan susulan, *Sinar Harian*. Capaian dari <http://www.sinarharian.com.my/nasional/isu-1mdb-muhyiddin-cabar-najib-ambil-tindakan-susulan-1.544277>
- Atirah Hasli. (2016). Kerajaan tidak layan tuntutan pihak luar ke atas Sabah, *Sinar Harian*. Capaian dari <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kerajaan-tidak-layan-tuntutan-pihak-luar-ke-atas-sabah-1.491452>
- Caught Sulu commander confirmed as Datu Amir Hushin Kiram. (25 Mac 2013). *Borneo Post*. Capaian dari <https://www.theborneopost.com/2013/03/25/caught-sulu-commander-confirmed-as-datu-amir-bahar-hushin-kiram/>
- China says it seized US Navy drone to ensure safety of ships. (2016). *CNBC.com*. Capaian dari <http://www.cnbc.com/2016/12/18/china-says-it-seized-us-navy-drone-to-ensure-safety-of-ships.html>
- China's navy seizes US underwater drone in South China Sea. (2016). *The New Straits Times*. Capaian dari <http://www.nst.com.my/news/2016/12/197470/chinas-navy-seizes-us-underwater-drone-south-china-sea>
- Harits Asyraf Hasnan. (2015). Gaduh Low Yat: KPDNKK mulakan siasatan, akan bekerjasama dengan pemilik hak cipta, *Astro Awani*. Capaian dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/gaduh-low-yat-kpdnkk-mulakan-siasatan-akan-bekerjasama-dengan-pemilik-hak-cipta-65565>
- Hudud: Usul Hadi dalam aturan urusan mesyuarat Dewan Rakyat hari ini. (2016). *Berita Harian.com*. Capaian dari <http://www.bharian.com.my/node/46165>
- Jangan terpengaruh dengan laporan blog. (2013). *Utusan Online*. Capaian dari http://www1.utusan.com.my/utusan/Sabah_&_Sarawak/20130302/wb_02/Jangan-terpengaruh-dengan-laporan-blog

- Jozuka, E., & Maung, M. (2016). Malaysia: Myanmar's Rohingya crisis a threat to regional stability, *CNN*. Capaian dari <http://edition.cnn.com/2016/12/19/asia/rohingya-crisis-myanmar-asean-amnesty/>
- Keadaan di Lahad Datu terkawal, kerajaan pilih berunding – PM”. (14 Februari 2013). *Utusan Malaysia*. Capaian dari <http://www.utusan.com.my>
- Kedah MCA Exco quits party in hudud protest. (2016). *New Straits Times*. Capaian dari www.nst.com
- Kronologi pencerobohan pantai timur Sabah. (9 Mac 2013). Capaian dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kronologi-pencerobohan-pantai-timur-sabah-9460>
- Kumpulan Karang kraf. Sukan Para ASEAN dibatalkan. (2 Mei 2020). *Sinar Harian*. Capaian dari <https://www.sinarharian.com.my>
- Kes Low Yat: Blogger Papagomo ditahan polis. (2015). *Sinar Harian*. Capaian dari <http://www.sinarharian.com.my/semasa/kes-low-yat-blogger-papagomo-ditahan-polis-1.410737>
- Leong, G. (2016). Ex-BSI banker Yvonne Seah gets jail term, fine in Singapore's 1MDB probe, *The New Straits Times*. Capaian dari <http://www.straitstimes.com/business/banking/ex-bsi-banker-yvonne-seah-becomes-2nd-person-convicted-in-singapores-1mdb-probe>
- Malaysia tidak layan sebarang tuntutan ke atas Sabah - Anifah. (2015). *Berita Harian*. Capaian dari <http://www.bharian.com.my/node/56947>
- M'sia tidak iktiraf, layan tuntutan mana-mana pihak ke atas Sabah. (2016). *The New Sabah Times*. Capaian dari <http://www.newsabahtimes.com.my/nstweb/fullstory/4046>
- Najib digesa berterus-terang isu 1MDB sekarang. (2016). *Malaysiakini.com*. Capaian dari <http://www.malaysiakini.com/news/349304>
- Op Daulat: Bunyi letupan bom kedengaran. (2 Mac 2013). *Sinar Harian*. Capaian dari <http://www.sinarharian.com.my/>
- Parlimen: Malaysia Tidak Layan Sebarang Tuntutan Pihak Luar Ke Atas Sabah - Hamzah. (2015). Capaian dari <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsgeneral.php?id=1150238>
- Pemberita FMT (2016). Kedah MCA Exco quits party in hudud protest. *Free Malaysia Today.com*. Capaian dari <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/05/27/kedah-mca-exco-quits-party-in-hudud-protest/>

- Perangi dadah, Duterte ugut bunuh aktivis (2016). *Berita Harian.com*. Capaian dari <http://www.bharian.com.my/node/218454>
- Penceroboh Lahad Datu didakwa di Mahkamah Tawau. (21 Mac 2013). *The Malaysian Times*.
- Philippine president risks impeachment for 'killing' admission'. (2016). *Malaysiakini.com*. Capaian dari <http://www.malaysiakini.com/news/366197>
- Polis sahkan Datu Amir Bahar Hushin Kiram ditahan di Semporna. (14 Mac 2013). *Utusan Malaysia*.
- Ramos, M. (2016). Duterte: I personally killed drug suspects, *Philippine Daily Inquirer*. Capaian dari <http://newsinfo.inquirer.net/853420/duterte-i-personally-killed-drug-suspects>
- Remaja terlibat kes gaduh di Plaza Low Yat ditahan. (12 Julai 2015). *Sinar Harian*. Capaian dari <http://www.sinarharian.com.my/>
- Rohingya refugees from Myanmar tell of trauma. (2016). *Al-Jazeera*. Capaian dari <http://www.aljazeera.com/blogs/asia/2016/12/rohingya-refugees-myanmar-trauma-161211131854812.html>
- Rundingan dengan kumpulan penceroboh di Lahad Datu dijangka ditamatkan segera - KPN. (20 Februari 2013). *Agenda Daily*. Capaian dari <http://www.agendadaily.com>
- Rundingan dengan kumpulan penceroboh di Lahad Datu dijangka ditamatkan segera - KPN. (2013). *Agendadaily*. Capaian dari <http://www.agendadaily.com/Muka-Hadapan/pihak-berkuasa-kepung-kumpulan-militan-warga-asing-bersenjata-di-lahad-datu.html>
- Salaverria, L. B. (2016). Duterte: 'I killed only to protect people', *Philippine Daily Inquirer* Capaian dari <http://newsinfo.inquirer.net/854513/duterte-i-killed-only-to-protect-people>
- Saman sivil DOJ Amerika berasaskan kesalahan jenayah 1MDB (2016). *roketkini.com*. Capaian dari <https://www.roketkini.com/2016/07/25/saman-sivil-doj-amerika-berasaskan-kesalahan-jenayah-1mdb/>)
- Schmidt, M. S. (2015). Hillary Clinton Used Personal Email Account at State Dept., Possibly Breaking Rules. , *The New York Times*. Capaian dari http://www.nytimes.com/2015/03/03/us/politics/hillary-clintons-use-of-private-email-at-state-department-raises-flags.html?_r=0
- Selesaikan kekeliruan isu tuntutan Sabah. (2013). *Sinar Harian*. Capaian dari <http://www.sinarharian.com.my/nasional/selesaikan-kekeliruan-isu-tuntutan-sabah-1.133279>

- Subsidiaries seized as lawyers press \$15bn claim on Malaysia. (2022). *Financial Times*.
Capaian dari <https://www.ft.com/content/659437c7-dcc5-4756-821d-12d56d569732>
- Sukan-Para-ASEAN-dibatalkan (2020). *sinarharian.com*. Capaian dari
<https://www.sinarharian.com.my/article/81672/BERITA/Sukan>
- Telling, O & Lewis, L.(2022). Subsidiaries seized as lawyers press \$15bn claim on Malaysia.
Financial Times. Capaian dari <https://www.ft.com/content/659437c7-dcc5-4756-821d-12d56d569732>.
- Trump tweets on China 'more dangerous than funny. (2016). *The New Straits Times*. Capaian
dari http://www.nst.com.my/news/2016/12/198087/trump-tweets-china-more-dangerous-funny?utm_source=nst&utm_medium=nst&utm_campaign=nstrelated
- Wan Syamsul Amly. (2016). 1MDB: Tiada tuntutan tindakan salah laku jenayah dalam
laporan DOJ - PM., *astroawani.com*. Capaian dari
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/1mdb-tiada-tuntutan-tindakan-salah-laku-jenayah-dalam-laporan-doj-pm-111670>
- Zurcher, A. (2016). Hillary Clinton emails - what's it all about?, *BBC.com*. Capaian dari
<http://www.bbc.com/news/world-us-canada-31806907>

Tesis, buku, bab dalam buku dan jurnal

- A. Kadir Jasin. (1988). Perkembangan Industri Persuratkhabaran di Malaysia: Tinjauan Khusus kepada New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. In Mohd. Sarim Hj. Mustajab, Nordin Hussin, Rupawan Ahmad, Nik Anuar Nik Mahmud & Hj. Wan Rusik Wan Yusoff (Eds.), *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan* (pp. 241-254). Bangi: Jabatan Sejarah, UKM.
- A.F.Yassin. (1986). *Etika dan Wartawan: Satu Kajian Kes di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Gani Patail. (2013). *Putting to Rest: The Claim to Sabah of the Self-Proclaimed Sultanate of Sulu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia
- Abdullah Ahmad. (1987). *Tengku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia, 1963-1970*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Achour, M. (2012). *The impact of work-family conflict on Muslim women's well-being in selected Malaysian universities: the moderating role of religious coping strategy*. Tesis kedoktoran Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Ager, M. (2016). Duterte a 'self-confessed serial killer' — De Lima, *INQUIRER.net* Capaian dari <http://newsinfo.inquirer.net/854745/duterte-a-self-confessed-serial-killer-de-lima>
- Abdullah Ahmad. (1987). *Tengku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia 1963-1970*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Ahmad Ramizu Abdullah (2007). Konflik dan Kuasa dalam Mahkamah Syariah: Analisis pragmalinguistik kata dan ungkapan. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Anthony, L. (2014). Antconc version 3.4.1w. Tokyo, Japan: Waseda University. Capaian dari <http://www.laurenceanthony.net/>
- Asmah Hj. Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1995). *Bahasa Laporan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1998). *Concept of Conflict, War and Peace in The Malay Language*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

- Asmah Hj. Omar. (2013). *Concept of Conflict, War and Peace in The Malay Language*. Kuala Lumpur: Dewan dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2014). Discourse Through Letters: A Social-Functional Approach. *Middle-East Journal of Scientific Research 20 (Language for Communication and Learning)*: 128-135, DOI: 10.5829/idosi.mejsr.2014.20.1cl.220
- Asmah Hj. Omar. (2015). *Teori Asas Nahu*. Kuala Lumpur: Dewan dan Pustaka.
- Awang Mohd. Jamil al-Sufri. (1997). *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemasyhuran*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Baker, P. (2004). Querying Keywords: Questions of Difference, Frequency, and Sense in Keywords Analysis. *Journal of English Linguistics*, 32(4), 346-359. doi: 10.1177/0075424204269894
- Baker, P. (2006). *Using Corpora in Discourse Analysis*. London: Continuum.
- Baker, P. et al (2008). A useful methodological synergy? Combining critical discourse analysis and corpus linguistics to examine discourses of refugees and asylum seekers in the UK press. *Discourse Society* (19), 273. doi: 10.1177/0957926508088962
- Baker, P. et al (2013). *Discourse Analysis and Media Attitudes*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Barrows, D.P. (1905). *A History of the Philippines*. Project Gutenberg. Capaian dari <https://www.gutenberg.org/files/38269/38269-h/38269-h.htm#ch7>
- Bautista, L. B. (2008). The Philippine Treaty Limits and Territorial Waters Claim in International Law. *Social Science Diliman*, 5(1-2), 107-127.
- Benigno S. Aquino III. (2015). I will not drop Sabah claim, President Aquino told me. In R. Robles (Ed.). Malacanang Palace, Manila.
- Biber, D., and James K. J. (2009). Quantitative methods in corpus linguistics. In Anke Lüdeling and Merja Kytö (Eds.), *Corpus linguistics: An international handbook*, 1286-1304. Berlin: Walter de Gruyter.
- Biber, D. et al (1998). *Corpus Linguistics: Investigating Language Structure and Use*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bloomfield, L. (1933). *Language*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Bushman, B. J., & Anderson, C. A. (2001). Media Violence and the American Public: Scientific Facts Versus Media Misinformation. *American Psychologist*, 56(6/7), 477-489 doi: DOI: 10.1037//0003-066X.56.6-7.477

- Chamil Wariya. (1988). Industri Persuratkhabaran dengan Tinjauan Khusus terhadap Utusan Melayu. Dlm. Mohd. Sarim Hj. Mustajab, Nordin Hussin, Rupawan Ahmad, Nik Anuar Nik Mahmud & Hj. Wan Rusik Wan Yusoff (Eds.), *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan* (pp. 255-267). Bangi: Jabatan Sejarah, UKM.
- Chamil Wariya. (2011). *Kod Etika Kewartawanan Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute.
- Chen, L. (2007). Analysing attitude: Positive verbal process sub-functions and media bias. *RASK, An International Journal of Language and Communication*, 25, 25-55.
- Chiluwa, I. (2011). Media construction of socio-political crisis in Nigeria. *Journal of Language and Politics*, 10(1), 88-108.
- Chiu, P. D. (2013). Aquino to Sulu sultan: Order your followers to leave Sabah and go home *GMA News Online*. Capaian dari <http://www.gmanetwork.com/news/story/296660/news/nation/aquino-to-sulu-sultan-order-your-followers-to-leave-sabah-and-go-home#sthash.9YOh4Jw7.dpuf>
- Christensen., G. (2016). What Australia should learn from President Duterte's war on drugs, *CNN.com*. Capaian dari <http://edition.cnn.com/2016/12/16/opinions/george-christensen-duterte-australia/>
- Corpuz, O. D. (1972). *Filipina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dahrendorf, R. (1959). *Class and Class Conflict in Industrial Society* Capaian dari https://archive.org/stream/classclassconfli00dahr/classclassconfli00dahr_djvu.txt
- Dunsky, M. (2013). *Pens and Swords: How the American Mainstream Media Report the Israeli-Palestinian Conflict*. New York: Columbia University Press. Capaian dari <https://books.google.com.my/books?id=ccowCgAAQBAJ&pg=PA153&lpg=PA153&dq>.
- Eichenwald, K. (2015). How 'The New York Times' bungled The Hillary Clinton Emails Story, *Newsweek*. Capaian dari <http://europe.newsweek.com/hillary-clinton-new-york-times-emails-330795?rm=eu>
- Ermawati, S, Hidayatun Nur & Sumarlam. (2022). Analisis Wacana Kritis Terhadap Pemberitaan Luhut Binsar Pandjaitan VS Haris Azhar dan Fatia Maulidiyanti dalam Media Daring. *Jurnal Sastra Indonesia* 11 (1) (2022) 19-26.
- Fairclough, N. (1989). *Language and Power*. London: Longman.
- Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: A critical study of language*. London: Longman.

- Farsani, D et al. (2022). Gestures, systemic functional linguistics and mathematics education, *Mind, Culture, and Activity*, 29:1, 75-95, DOI: 10.1080/10749039.2022.2060260
- Fernandez, E. S. (2007). Philippine-Malaysia Dispute over Sabah: A Bibliographic Survey. *Asia-Pacific Social Science Review* 7(1). Capaian dari <http://www.dlsu.edu.ph/research/journals/apssr/pdf/200712/4Fernandez.pdf>
- Haig, E. (2001). A Study of the Application of Critical Discourse Analysis to Ecolinguistics and the Teaching of Eco-Literacy. *Studies in Language and Culture*, 22(2), 205-226.
- Halliday, M. A. K. (1979). 'Modes of meaning and modes of expression: types of grammatical structure and their determination by different semantic functions'. Dlm. D. J. Allerton et al. (Eds), *Function and Context in Linguistic Analysis*. Cambridge University Press, 57-79.
- Halliday, M. A. K. (1981). *System and Function in Language. 2nd edition* (G. Kress Ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Halliday, M. A. (1985). *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M. A. K. (1994). *An Introduction to Functional Grammar, 2nd edition*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M. A. K. (2002). *On Grammar*. London: Continuum.
- Halliday, M. A. K, & M.I.M.Matthiessen, C. (2004). *Introducing functional grammar*. New York: Edward Arnold.
- Halliday, M.A.K. & M.I.M.Matthiessen. C (2004). *An Introduction to Functional Grammar*. Edisi ke-3. Oxford: Oxford University Press (Hodder Arnold).
- Halliday, M.A.K. & M.I.M.Matthiessen, C. (2014). *An introduction to functional grammar*: Edisi ke-4. Routledge.
- Haron, H. H., & Daud, M. (2021). Pandemi COVID-19 di Malaysia: Mengurus Infodemik melalui Majlis Akhbar. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(2), 239-268.
- Idris Aman. (2001). Wacana dan kepemimpinan: Satu Analisis Terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Indirawati Zahid & Jasminerah Abdul Jalil. (2019). Kata Kerja, Hubungan Leksikal Dan Komponen Makna Dalam Bahasa Iklan Kecantikan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Capaian dari <http://ijleal.ump.edu.my/> 2289-9294 online 09 (2) 27-42

- J.R.Firth. (1957). *Papers in Linguistics 1934–51*. Capaian dari <https://archive.org/details/papersinlinguist0000firt/page/n5/mode/2up>
- Kadir Mohamad. (2009). *Malaysia's Territorial Disputes – Two cases at The ICJ: Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore) and Ligitan and Sipadan [and the Sabah Claim] Malaysia/Indonesia/Philippines*. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, Ministry of Foreign Affairs, Malaysia.
- Kamila Ghazali. (1999). *A Critical Discourse Analysis of the Speeches of Dr. Mahathir Mohamad*. Tesis kedoktoran Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Kempson, R. (1997). *Semantic Theory*, New York: Cambridge University Press. Capaian dari <https://archive.org/details/semantictheory0000kemp/page/n5/mode/2up>
- Kennedy, G. (1998). *An Introduction of Corpus Linguistics*. Essex: Addison Wesley Longman Ltd.
- Kumar, K. S. (1999). Crime and the news media. *Turkish Journal of Police Studies*, 1(3). Capaian dari http://www.pa.edu.tr/APP_DOCUMENTS/D478B2AD-3813-4555-9629-6332F8CF8D33/cms_statik/_dergi/1999/3/17-26.pdf
- Kumar, N. (2016). Reprisals, Rape, and Children Burned Alive: Burma's Rohingya Speak of Genocidal Terror, *Times*. Capaian dari <http://time.com/4596937/burma-myanmar-rohingya-bangladesh-refugees-crimes-against-humanity/>
- Leech, G.N. (1974). *Semantics.*: Penguin Books Ltd.
- Leech, G.N. (1983). *Principles of Pragmatics*, London and New York: Longman, Pp. 250.
- Lehrer, A. (1974). *Semantic Fields and Lexical Structure*. Holland: North Holland Publishing Company.
- Lehrer, A. (1985). The Influence of Semantic Fields on Semantic Change. In Jacek Fisiak, (Ed.), *Historical semantics historical word formation*, pp. 283-296. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Leifer, M. (1968). The Philippines and Sabah Irredenta. *The World Today*, 24(10), 421-428.
- Ling, H. H. (2008). Konfrontasi Malaysia-Indonesia: Faktor dan Penyelesaian. In Abdullah Zakaria Ghazali & Zulkanain Abdul Rahman (Eds.), *Konflik Dunia Abad ke-20*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyons. J. (1979). *Semantics 2*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyons. J. (1981). *Language, Meaning and Context*. London: Fontana.

- Lyons. J. (1986). *Language and Linguistics: An Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mackie, J. A. C. (1974). *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Malinowski, B. (1935). *Coral Garden and Their Magic*. Vol. II. London: George Allen & Unwin Ltd, Museum Street. Capaian dari https://archive.org/stream/coralgardensandt031834mbp/coralgardensandt031834mbp_djvu.txt
- Mamatisakovich, A. S., & Oybekovna, S. S. (2022). Interpretation of The Digital Economy in Developing Countries: Opportunities and Risks of Phased Implementation. *International Journal of Social Science & Interdisciplinary Research* 7.429, 11(06), 129-133.
- McEnery, T. & Wilson, A. (1996). *Corpus Linguistics: An Introduction*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- McEnery, T., & Wilson, A. (2001). *Corpus Linguistics: An Introduction 2nd Ed*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- McEnery, T., & Hardie, A. (2012). *Corpus Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mel'chuk, I. (1996). *Functional Linguistic Models: A Step Forward in the Study of Man*. Presentations to the Royal Society of Canada, 1996, vol. 49, 125-154.
- Miller, C. E. (2005). *A glossary of terms and concepts in peace and conflict studies* M. E. King (Ed.) Capaian dari www.upeace.org/pdf/glossaryv2.pdf
- Milne, R. S. (1967). *Government and Politics in Malaysia*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Mohamad Faisol Keling. (2012). *Hubungan Antarabangsa dan Isu Terpilih*. Sintok: Penerbit UUM.
- Mohd Ariff bin Dato' Hj. Othman. (1988). *Tuntutan Filipina terhadap Sabah: Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-undang dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Faizal Musa. (2013). Konflik Malaysia-Kesultanan Sulu: The Tertius Gaudens dan Hak-Hak Pihak dalam Pertikaian. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 1(2), 19 - 29. Capaian dari <https://www.academia.edu/3988078/>
- Mohd. Foad Sakdan. (2005). *Pengurusan Konflik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Hazmi bin Mohd Rusli, & Maizatun binti Mustafa. (2014). Sultan of Sulu's Sabah Claim: Reminiscence of a 'Long-Lost' Sovereignty. *Journal of Social Science for Policy Implications*, 2(1), 185-189. Capaian dari http://jsspi.com/journals/jsspi/Vol_2_No_1_March_2014/11.pdf
- Mohd Hazmi bin Mohd Rusli, & Muhamad Azim bin Mazlan. (2013). Sultan of Sulu's Sabah Claim: A Case of 'Long-Lost' Sovereignty? *RSIS COMMENTARIES*. Capaian dari <http://www.rsis.edu.sg/wp-content/uploads/2014/07/CO13043.pdf>
- Nida, E.A. (1975). *Componential Analysis of Meaning: An Introduction to Semantic Structures*. The Hague: Mouton
- Nik Anuar bin Nik Mahmud. (2009). *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nisperos, N. M. (2003). *The Sabah Question: Why the Policy*. (PhD), University of Pittsburgh, ISIP Inc. and NDCP Foundation, Manila.
- Nooh, M. N. (2021). Pelaporan Berita Ekonomi di Akhbar Bahasa Melayu Ketika Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1: Satu Analisis Kandungan.
- Noble, L. G. (1977). *Philipine Policy Toward Sabah*. Arizona: The University of Arizona Press.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1994). Bahasa jual beli dalam perniagaan runcit: Satu analisis semantik dan pragmatik. Tesis kedoktoran Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam Perniagaan. Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Azyan Zunaidi & Mardina Hj Mahadi. (2021). Analisis kata pikat dalam media sosial: Satu kajian semantik. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 129–162. [http://doi.org.10.37052/jb21\(1\)no7](http://doi.org.10.37052/jb21(1)no7)
- Ogden, C.K. & Richards, I. A. (1923). *The Meaning of Meaning*. Ed. Ke-8. New York, Harcourt, Brace & World, Inc.
- Owens, J. E. & Hawes, T. P. (2015). Language choice and the representation of women and men in two British newspapers. *Journalism and Discourse Studies*, 1(1), 2056-3191. Capaian dari http://www.jdsjournal.net/uploads/2/3/6/4/23642404/owens_and_hawes_-_jdsjournal_-_vol_1_issue_1.pdf
- Paltridge, B. (2006). *Discourse Analysis: An Introduction*. New York: Continuum International Publishing Group.

- Paridah Abd. Samad & Darusalam Abu Bakar. (1992). Malaysia-Philippines Relations: The Issue of Sabah. *Asian Survey*, Vol. 32, No. 6, pp. 554-567
- Pruitt, D. G. (1998). Social Conflict. In G. Lindzey, D. Gilbert & S. T. Fiske (Eds.), *The Handbook of Social Psychology* (4 ed., Vol. 2, pp. 470). New York: McGraw-Hill.
- Ranjit, S. (2003). *The Making of Sabah, 1865-1941: Dynamic of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rasinger, S. M. (2010). Lithuanian Migrants Send Crime Rocketing: Representation of 'New' Migrants in Regional Printed Media. *Media, Culture & Society*, 32(6), 1021-1030.
- Philips, M. (1985). *Aspect of Text Structure*. Amsterdam: Elsevier Science Publishers B.V.
- Reuben, R. C. (2009). The Impact of News Coverage on Conflict: Toward Greater Understanding. *Marquette Law Review*, 93(1).
- Ruiz, J. S., & S.M., Bataller. (2010). Naming Practices and Negotiation of Meaning: A Corpus-Based Analysis Of Spanish And English Newspaper Discourse. Dlm. Bueno Alonso, Jorge L., Dolores Gonzalez Alvarez, Úrsula Kirsten Torrado, Ana E. Martinez (Eds.), *Analysing data: Describing variation*. (p172-180). Vigo: Universidade. Capaian dari http://gentext.blogs.uv.es/files/2010/09/JSSM_10.pdf
- Runciman, S. (1960). *The White Rajah: A History of Sarawak from 1841 to 1946*. Cambridge University Press.
- Sabihah Osman et al. (1995). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salinah Ja'afar (2007). Kata Adjektif Bahasa Melayu: Analisis Makna dari Aspek Frasalogi dan Leksikologi. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Sarmiti, N. Z., & Adnan, H. M. (2021). Kod Etika Kewartawanan Malaysia dan Kepentingannya kepada Profesionalisme Wartawan Akhbar Berbahasa Melayu di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 23(2), 53-71.
- Schmidt, S. M., & Kochan, T. A. (1972). Conflict: Toward Conceptual Clarity. *Administrative Science Quarterly*, 17(3), 359-370. Capaian dari https://www.academia.edu/530631/Conflict_Toward_conceptual_clarity
- Schriffin, D., Tannen, D. & Hamilton, H. E. (2001). *The Handbook of Discourse Analysis*. Massachusetts: Blackwell Publishers Inc.
- Schultz, N. (2003). "Historical Facts." *Beyond Intractability*. Eds. Guy Burgess dan Heidi Burgess. Conflict Information Consortium, University of Colorado, Boulder. Capaian

pada 5 Januari 2015 dari <http://www.beyondintractability.org/essay/historical-facts> website

- Seib, P. (2007). News coverage, the expansion of discourse, and conflict. *Journal of Dispute Resolution*, 2007, 239-245.
- Semetko, H. A. & Valkenburg, P. M. (2000). Framing European politics: A content analysis of press and television news. *Journal of communication*, 50(2), 93-109.
- Shamsul Harbi et al (2019). 'Hey, Jude! I Wanna Hold Your Hand': Transitivity Process Analysis on Popular Songs by The Beatles. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Capaian dari <http://ijleal.ump.edu.my/>
- Shaoul, J. (2004). An exposé of dishonest media coverage of the Israel-Palestine conflict. Capaian dari <http://www.wsws.org/en/articles/2004/08/book-a21.html>
- Sinclair, J. M. (Ed.). (1987). "Looking up: An account of the COBUILD project in lexical computing." London: Collins COBUILD.
- Sofian, M. R. M., & Azmawati, A. A. (2021). Wacana Kontroversi Agama di Malaysia: Satu Kajian Terhadap Pelaporan Akhbar Utusan Malaysia dan The Star Mengenai Tuntutan COMANGO. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 80-95.
- Speakman, J. & Ryals, L. (2010). A re-evaluation of conflict theory for the management of multiple, simultaneous conflict episodes. *International Journal of Conflict Management*, 21(2), 186-201. doi: <http://dx.doi.org/10.1108/10444061011037404>
- Sperber, D & Wilson, D., (1986) *Relevance: Communication and Cognition*, Oxford: Basil Blackwell.
- Stubbs, M. (1983). *Discourse Analysis: The Sociolinguistic Analysis of Natural Language*. Oxford: Basil Blackwell.
- Tan, J. S. (1994). *Wacana Berita Sukan dalam Akhbar Bahasa Melayu: Satu Analisis Makrostruktur Semantik*. Tesis kedoktoran Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Tarling, N. (1978). *Sulu and Sabah: A study of British policy towards the Philipines and North Borneo from the late eighteenth century*. Oxford: Oxford University Press.
- Thomas, K. W. (1992). Conflict and conflict management: Reflections and update. *Journal of Organizational Behaviour*, 13, 265-274.
- Ton Ibrahim. (1987). *Sekumpulan kata kerja dalam Bahasa Melayu: Analisis Komponen Makna*. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.

- Tregonning, K.G. (1958). *Under chartered company rule (North Borneo 1881–1946)*. Malaya U.P, Singapore: Universiti Malaya Press.
- Tregonning, K. G. (1960). *North Borneo*. Her Majesty's Stationery Office.
- Tregonning, K. G. (1970). The Philippine Claim To Sabah. *JMBRAS* 43(1), 161-170. Capaian dari <http://www.mbras.org.my/monograph36.html>
- Trier, J. (1931). *Der deutsche Wortschatz im Sinnbezirk des Verstandes*, Tesis Kedoktoran Universiti Bonn. Tidak diterbitkan.
- van Dijk, T. A. (1993). Principles of Critical Discourse Analysis. *Discourse and Society*, 4, 249-283.
- van Leeuwen, T. J. (1996). *The Representation of Social Actors*. In *Texts and Practices: Readings in Critical Discourse Analysis*, ed. oleh Carmen Rosa Caldas-Coulthard & Malcolm Coulthard. London: Routledge
- von Glasersfeld, E. (1983). On the concept of Interpretation. Dlm. *Poetics*, 12 (2/3), 207–218.
- Warren, J. (1981). *The Sulu Zone, 1768–1898: The dynamics of external trade, slavery, and ethnicity in the transformation of a Southeast Asian maritime state*, Singapore: Singapore University Press.
- Wegener, P. (1885). *Untersuchungen über die Grundfragen des Sprachlebens*: Cetakan semula dari Edisi 1885 dengan pengenalan oleh Clemens Knobloch. Ed., Konrad Koerner. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company. Capaian dari https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=kexBAAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PR1&ots=Fy1uTR4zat&sig=MNuJh4vIDGpEw7KVYmcH8iS0vTU&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false
- Wibowo, A. H. (2016). Bahasa Media untuk Mengurangi Konflik. Prosiding Seminar Antarabangsa Prasasti III. *Jurnal Universitas Sebelas Maret*. Capaian dari <https://jurnal.uns.ac.id/prosidingprasasti/article/view/1454doi.org/10.20961/pras.v0i0.1454>
- Willis, H.P. (1905), *Our Philippine problem: A study of American colonial policy*, pp. 191-225). New York: H. Holt and company. Capaian dari <https://babel.hathitrust.org/cgi/pt?id=miun.afj2379.0001.001&view=1up&seq=5>
- Willi, J. (1922). *The Early Relation of England with Borneo to 1805*. Ijazah Kedoktoran Universiti of Berne. Tidak diterbitkan.
- Wittgenstein, L. (1922), *Logische-Philosophische Abhandlung (Tractatus Logico-Philosophicus)*. London: Kegan Paul.

- Yusof, M. et al (2021). Pelaporan Isu Kelapa Sawit dalam Tajuk Akhbar dalam Talian: Analisis Pragmatik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 37(1) 2021: 126-145
- Yusuf, N., Hassan, M. S., Lokman, T. M. W. & Mustaffa, F. (2021). Peningkatan Akhbar Online Mengenai Isu Bantahan Pembelajaran Tulisan Jawi di Sekolah Vernakular di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 95-109.
- Zhang, Y. (2017). Transitivity analysis of Hillary Clinton's and Donald Trump's first television debate. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 6(7), 65-72.

Universiti Malaya